MENONGKAH ARUS

KE

EL DORADO

MUQADDIMAH

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين وعلى آله واصحابه اجمعين، وبعد

Anak-anak dan cucu-cucuku….

Kini usiaku sudah 75 tahun (2016). Kalau pokok sudah besar dan tinggi menjulang awan. Lilitannya dua, tiga pemeluk. Dahan-dahannya tebal dan panjang. Mungkin elok sebagai tempat berteduh. Kalau manusia, sudah mencapai apa yang dikatakan usia tua atau warga emas. Rambut dan janggut sudah putih. Anggota-anggota badan pun sudah lemah. Mungkin sudah tak boleh berjalan, kalau lutut dah sakit, macam Aku ini. Usia ini sudah melebihi usia Rasullullah saw kira-kira 13 tahun; sebenarnya lebih 13 tahun sebab Rasullullah wafat usia 63 ialah kiraan Hijri.

Anak-anak dan cucu-cucuku….

Ingatanku kini sedikit lemah. Dengan doa dan bantuan Aricept (*Donepezil Hydrochloride*) yang dibekalkan oleh Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia, aku berharap dapat

bertahan sedikit masa lagi. Ya, Allah, jauhilah daripadaku penyakit lupa dan nyanyuk. Antara du'aku selepas sembahyang ialah:

اللهم إني أعوذُبك أن أُردّ إلى أرذلِ العمُر

yakni **aku berlindung dengan-Mu daripada dikembalikan dalam keadaan amat tua (nyanyuk).**

Maka terfikir olehku, sementara akalku masih waras, hendak merakamkan kisah pahit maung hidupku, agar dapat diabadikan dan menjadi rujukan anak-cucuku, setelah Aku pergi menyahut Seruan Ilahi. Kukira kategorinya ialah OTOBIOGRAFI namun Aku tidak betul-betul pasti kriterianya, otobiografi atau memoir, sebab tidak pernah menghadiri bengkel penulisan bagaimana menulis OTOBIOGRAFI atau MEMOIR. Tak apalah, apa kategorinya, anggap ia adalah catatan hidupku. Maka, kufikir-fikirkan apa judul hendak kuberikan kepada karyaku ini. Rasanya, sesuai juga jika kunamakan karyaku ini, "Menongkah Arus ke Hulu". Imageri yang terdapat dalam tajuk tersebut ialah seorang yang cuba mendayung perahunya menyongsong arus sungai. Kufikir tajuk itu kena pada tempatnya kerana hakikat hidupku selama 75 tahun ini sebahagian besarnya, terutama semasa zaman kanak-kanak dan mudaku, adalah penuh dengan perit dan jerih. Dalam pada itu, terfikir juga olehku hendak memberi satu judul yang bunyinya agak *mysterious,* maka kufikirkan dipinda sedikit judulnya menjadi "Menongkah Arus ke El Dorado". Rasanya, ada juga unsur glamor dalamnya. (Sebelum ini pernah juga judul "Melukut di tepi gantang: memoir seorang Cikgu" kufikirkan, tetapi terasa pula terlampau merendahkan diri).

Akhir-akhir ini (awal 2017) setelah kira-kira setahun menulis, terfikir olehku hendak menambahkan *sub-title, "*Liku-liku hidup seorang guru". Maka, jadilah judul lengkapnya: "**Menongkah Arus ke El Dorado: Liku-liku Hidup Seorang Guru**". Daripada situ, berdasarkan pengalamanku sebagai guru di sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti, maka rasanya sesuai perkataan "Guru" digantikan dengan "Pendidik". Maka, tajuknya akhirnya menjadi: "**Menongkah Arus ke El Dorado: Liku-liku Hidup Seorang Pendidik**".

El Dorado

Lagenda tentang El Dorado bermula dalam kurun ke-16, iatu diberi oleh orang-orang Sepanyol kepada suatu kerajaan purba, yang dipercayai oleh mereka wujud di suatu lokasi di pergunungan Andes, di Negara Colombia di Amerika Selatan hari ini, iaitu di puncak pergunungan Andes, berhampiran Tasik Guatavita. Kononnya, bangunan-bangunan di situ diselimuti

kepingan-kepingan emas. Lama-kelamaan El Dorado menjadi satu ungkapan yang membawa maksud sesuatu yang menjadi objek pencarian yang amat-amat diingini oleh manusia.

Dari segi *genre*nya, *Menongkah Arus Ke El Dorado* mungkin boleh dikategorikan sebagai biografi, tentu sekali bukan fiksyen, kerana semua yang dikisahkan telah benar-benar berlaku kepadaku.

Anak-anak dan cucu-cucuku….

Ada sebuah peribahasa Inggeris berbunyi, *To be born with a silver spoon in one's mouth*. Maksudnya, kehidupan seseorang yang senang-lenang dan mewah kerana datang dari keluarga yang berkemampuan. Biarlah aku tegaskan di sini awal-awal lagi, Aku bukannya individu yang begitu. Lahirku dan hidupku, khususnya zaman kanak-kanakku, adalah dalam keluarga yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ayahku bertungkus lumus membanting tulang empat keratnya serta mengikat perut untuk menyaraku belajar di sekolah Inggeris di samping lima orang lagi adik-adikku. Pengorbanan dan penderitaan Ayahku (dan juga Ibuku) itu nanti akan kukisahkan pada tempat yang sesuai dalam karyaku ini.

Setelah tamat persekolahanku pada tahap *School Certificate*, Aku melamar program latihan guru untuk guru-guru sekolah rendah. Aku dihantar berkursus selama tiga tahun dan kemudiannya mendapat *posting* ke sebuah perkampungan terpencil. Butiran-butiran terperinci akan kukisahkan nanti pada tempatnya.

مَنْ جَدَّ وَجَدَ

Pepatah Arab di atas bermaksud "Siapa berusaha, dia yang mendapat hasilnya" dan aku sememangnya mengakui kebenaran kata-kata hikmat tersebut. Rezekiku murah diberi Allah. Aku kemudiannya dapat masuk universiti, setelah belajar sendiri secara sambilan dan lulus peperiksaan *Higher School Certificate*. Selepas berijazah aku bertugas di Maktab Mahmud, Alor Setar selama empat tahun. Ini pun akan kukisahkan pada tempatnya.

Ijazah asasku kemudiannya menjadi batu loncatan bagiku yang membolehkan aku kemudiannya menjadi Pensyarah Universiti, mula-mula di Universiti Sains Malaysia dan kemudiannya di Universiti Utara Malaysia. Ini pun akan kubutirkan nanti, insya' Allah.

Mengajar memang daging darahku. Selepas mengajar di Universiti dan telah mencapai usia 62, aku masih mahu terus mengajar. Do'aku dimakbulkan; aku diterima mengajar di Daeratul Ma'arifil Wataniah (DMW), sebuah Sekolah Agama Rakyat di Kepala Batas. Hairan benar Pengetua Sekolah yang seorang "Profesor" mahu jadi guru sekolah agama rakyat!

Aku bertugas di DMW sehingga aku menawarkan perletakan jawatan pada akhir Disember, 2010. Puas juga rasanya hatiku dapat memberi khidmat baktiku di DMW selama lebih tujuh tahun.

Aku memang mahu terus bekerja selepas 2010, tetapi sudah ditakdirkan aku patut menamatkan khidmatku sebagai pendidik (butir-butirnya akan diperincikan nanti). Maka berakhirlah kerjaya guru pada tanggal 31 Disember 2010. Jumlah tahun Aku menjadi PENDIDIK ialah 47 tahun (dari 14 Januari 1963 hingga 31 Disember 2010), Kalau di campur 2 tahun lagi (1959-60: Guru Sementara dan 1962: Guru Pelatih) jadilah kurang esa 50 tahun atau setengah kurun. Alhamdulillah, Aku puas. Tambahan pula, dari semasa ke semasa mantan muruid-muridku datang menjengok Aku. Ada yang pernah jadi Penghulu, Guru/Pensyarah, Profesor, Pengarah Jakim , bisnesman yang berjaya, dan lain-lain. Seorang menjadi Menteri Pendidikan 2016-17); tetapi dia terlalu sibuk hendak menziarahku.

Demikianlah sepintas lalu perjalanan hidupku. Jika dijadikan video mungkin tayangannya sekitar 5 atau 10 minit. Sekarang biarlah aku beri gambaran yang lebih terperinci.

Kata Orang Putih, "*First things first...*"

1. LELUHUR SEBELAH AYAHKU

Mengikut cerita arwah Ayahku, di sebelahnya leluhur kami adalah dari Bugis dan Acheh. Sebelah Bapanya Bugis dan sebelah Emaknya Acheh. Setakat yang dapat diingat oleh Ayahku Leluhurnya dari Sulawesi itu bernama Unuk.

GENERASI 0 KE 2



Orang Bugis berasal dari selatan Sulawesi. Mereka mula memeluk Islam dalam kurun ke-17 apabila datang penyibar Islam dari Minangkabau, yang datang atas perintah Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Acheh. Orang Bugis terkenal sebagai pelaut. Dari Sulawesi mereka keluar mengembara dan membuat penempatan, terutama berikutan huruhara Perang Belanda (1660-1669). Antara tumpuan mereka ialah Indonesia, Tanah Melayu dan Borneo, terutama di Sabah hari ini. Sesetengahnya menjadi askar upahan, seperti yang diceritakan oleh Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis.* Mengikut John Cameron (*Our Tropical Possessions In Malayan India*, London: Smith, Elder and Co., 1865) orang Bugis berdarah panas; bila marah mudah mengamuk, seperti yang diceritakan berlaku di Singapura dalam buku itu. Di Tanah Melayu mereka terlibat dengan percaturan politik di Johor, Selangor dan juga Kedah.

Senjata kegemaran mereka ialah keris dan badik.

BADIK

Kedatangan orang Bugis ke Kedah berlaku pada beberapa tahap. Pada tahap awalnya, pada 1682, Dato' Padang Seri Jana telah meminta bantuan Bugis di Selangor merampas takhta negeri Kedah daripada kekanda Baginda Tunku Dhia'uddin. Percubaan ini gagal kerana dihalang oleh Belanda yang berada di Dinding[1], Perak. Kedatangan orang Bugis seterusnya ialah pada 1687, tetapi tetap juga gagal. Penglibatan Bugis di Kedah seterusnya ialah semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa (1710-1718) yang meminta bantuan Daeng Parani menentang pemberontakan menentangnya. Baginda berjaya tetapi Daeng Parani terkorban. Bugis sekali lagi campur tangan pada 1769 dengan serangan Raja Haji, pahlawan Bugis yang handalan. Kononya Raja Haji mahu menuntut hutang upahan Kedah kepada Daeng Parani 30 tahun sebelumnya, semasa Bugis membantu Sultan Muhammad Jiwa. Upah yang dijanjikan kepada Daeng Parani, mengikut *Tuhfat an-Nafis,* ialah lima belas bahara (emas agaknya). Tetapi hanya tiga bahara yang telah dibayar oleh Sultan Kedah.Walau bagaimanapun kerana ketiadaan sokongan pembesar-pembesar tempatan Raja Haji gagal dan terpaksa berundur.

Menjelang 1870an kehadiran Belanda di perairan Melayu telah menamatkan gangguan Bugis di Kedah.

Tidak dapat dipastikan dengan tepat bila Tok Unuk, leluhur moyangku, bertapak di Kedah, di antara 1682 dengan 1870an. Tidak juga dapat dipastikan bagaimana kemudiannya berlaku penjodohan leluhurku dari kalangan Bugis dengan leluhurku dari kalangan Acheh, seperti yang dikatakan oleh Ayahandaku.

AYAH & IBUKU

Daripada Unuk, setelah beberapa generasi, muncullah Moyang Abdullah, yang bermastautin di Kampung Kubang Rotan, Kedah. Setakat itu sahaja yang diketahui tentangnya. Moyang Abdullah juga disebut sebagai Lebai Abdullah, iaitu

[1] Daerah Dinding atau 'jajahan Dinding' terletak di negeri Perak, Malaysia. Kini 'Dinding' dikenali dengan nama daerah Manjung. Dinding sejak 1826 adalah sebahagian daripada Negeri-Negeri Selat dan hanya diserahkan kepada kerajaan negeri Perak pada awal 1935.

pada nama Ahmad Bin Lebai Abdullah. Ini adalah satu petunjuk bahawa Moyang Abdullah berkemungkinan seorang Tok Guru atau sekurang-kurangnya seorang yang soleh. kerana dalam masyarakat Melayu pada suatu masa dulu panggilan "lebai" itu diberi kepada seorang yang warak dan mengamalkan Islam secara bersungguh-sungguh[2].

Dari empat orang anaknya, semuanya lelaki, seorang kekal di Kedah, iaitu Shafie (menetap di Kuala Perlis); Tawi dan Ahmad berhijrah ke Seberang Perai. (Tawi menetap di Bukit Tengah dan Ahmad di Jalan Baru, Perai). Kemungkinan juga penghijrahan Moyang Tawi dan Moyang Ahmad ke Seberang Perai berlaku semasa Seberang Perai masih lagi sebahagian daripada Negeri Kedah, iaitu sebelum *Burney Treaty, 1798*. Setelah diserahkan kepada Syarikat East India Company, yang pada masa itu sudah bertapak di Pulau Pinang, wilayah itu dinamakan Province Wellesley, iaitu sempena nama *First Marquis of Wellesley, Governor General* Benggala, (1797-1805). Mungkin juga mereka melarikan diri daripada kacau-bilau di Kedah disebabkan sentiasa diganggu oleh tentera Siam. Mengikut catatan sejarah, Siam telah menceroboh Kedah pada tahun 1821. Bandar Alor Setar telah dijadikan padang jarak padang tekukur.

Paling terawal jurai keturunanku yang dapat aku kesan ialah lima generasi, seperti pada silsilah yang dipeturunkan di bawah in.



GENERASI 3 KE 5

[2] "Semua ini menunjukkan bahawa maksud 'Lebai', sangat murni dan baik.

Hanafi[3] pula berhijrah ke Satun (Setol), Thailand (Thai: สตูล). Mengikut sejarah, Satun asalnya dikenali sebagai Setol Mambang Segara atau *Mukim Setol* (Jawi: مقيم ستول), iaitu sebahagian daripada Negeri Kedah sehingga 1813. Jadi, dipercayai Hanafi berpindah dari Kubang Rotan ke Setol sebelum 1813 semasa wilayah itu masih lagi sebahagian daripada Negeri Kedah , dan terus tinggal di sana setelah wilayah itu menjadi sebahagian daripada Kerajaan Siam, berikutan Anglo-Siamese Treaty 1909. Anak-cucu Hanafi masih berada di sana ke hari ini[4].

TAMMALANG

SATU HALAMAN DARIPADA MS PESAKAIBNABDULLAH

Antara personaliti yang terkemuka dalam jurai keturunan Shafie ialah Tun Mohamed Salleh Ismael, mantan Ketua Polis Negara yang kedua (1966-1973; pada masa itu jawatan itu dikenali sebagai Inspector General of Police).

Moyang Ahmad inilah yang pernah kuberi jolokan IBN ABDILLAH, seperti pada Laman Sesawang PESAKA IBN ABDILLAH di **https://sites.google.com/site/pesakaibnabdillah.** Moyang Ahmad merupakan seorang *scribe* yang gemar menyalin/merekod kepelbagaian ilmu. Antara peninggalannya ialah Quran tulisan tangan (pernah kutengok dalam simpanan keluarga kami semasa aku kanak-kanak, tetapi kemudiannya telah lenyap entah ke mana)., *Nazam Kanzil 'Ula* (masih ada dalam simpananku) dan sebuah manuskrip yang memuatkan serba-serbi tentang ilmu perubatan Melayu dan kisah-kisah yang menarik (Aku namakannya *PESAKA IBN ABDILLAH*). Sebahagian isi kandungan *Pesakaibnabdillah* ini telah kuterbitkan di *world wide web.* Sayang seribu sayang, turut hilang hasil tangan Moyang Ahmad ialah sebuah manuskrip *Sabilul Muhtadin* (karya ulama Fatani, Sheikh Arshad Banjari). Manuskrip malang ini masih berada dalam milikku sehingga 1970an dan telah lenyap semasa Aku mengajar di Maktab Mahmud, Alor Setar. Aku masih ingat Aku menunjukkan MS itu kepada ustaz-ustaz di Maktab Mahmud. Selepas itu Manuskrip itu hilang begitu sahaja. Dalam ingatanku ia telah dipinjam oleh seseorang tetapi telah tidak dipulangkan kembali kepadaku.

---

[3] Mengikut maklumat terakhir kuterima ada sedikit kekeliruan di sini. Yang berpindah ke Setol ialah anak Shafi'i, iaitu Hj. Basok. Manakala adiknya Timah (Tok Cik Timah) tinggal di Kuala Perlis. Hinggi hari ini (2018) ada keturunan Hj. Basok di Kg. Temelang (Thai: Tammalang), Saton. (informan: Abu Seman, Suami Kamariah, Kg. Wai, Kuala Perlis; sesi wawancara pada 7 Julai, 2018).

[4] Pada tahun 2018 Aku berkesempatan pergi ke Satun dan berjaya bertemu seorang anggota keluarga Hanafi bernama Ibrahim Osman, yang tinggal di Temelang, Dia terkenal dengan jolokan Ibrahim "Kalut".

Keadaan MS sangat baik, disalin pada kertas yang kuat. Bersaiz separuh *fullscap* tebalnya kira-kira tiga inci. Tulisannya cantik dan jelas.

TUN MOHAMED SALLEH ISMAEL

Dari beberapa manuskrip (MS) tinggalan Moyang Ahmad, dapat kubuat kesimpulan yang kepakarannya – selain menyalin kitab-kitab – ialah dalam bidang perubatan tradisional. Banyak sungguh bahan perubatan/perbomohan yang ditinggalkan. Selain daripada *Pesakaibnabdillah* ada beberapa buah risalat-risalat kecil dalam perkara ilmu perbomohan ini. Bahan-bahannya terdiri daripada ramuan herba, jampi-serapah (yang setengahnya mengandungi unsur-unsur syirik) dan *ruqyah* (jampi secara Islam). Dalam *Pesakaibnabdillah* ada ilmu perubatan kaedah Yunani (*Ionani*) yang nampaknya diambil dari karya Ibn Sina iaitu **القانون في الطب (***Al-Qanun f fittib***)**[5]**.**

PETIKAN DARI 100 YEARS OF SINGAPORE



Saga (on Pulo Brani). The Maharaja of Johore gave his residence at Telok Blanga as a school, and in October a high school was opened there with an English and an industrial class. " His Highness has always taken much interest in education, and has assisted its progress in Telok Blanga and the neighbourhood both by the indirect use of his influence and by the direct and liberal loan of a large building for the Malay College "—thus the report for 1880. To meet the ever-increasing demand for teachers, on the 1st March 1878 the High School was turned into a Malay training college, and speedily justified its existence. In consequence of an outbreak of beri-beri in 1891, and on the advice of the

468 EDUCATION IN SINGAPORE

Medical Officer, the college was moved to a site on Gemmill's Hill. Four years later, on the recommendation of a retrenchment committee, it was closed down. The need of teachers, however, caused it to be reopened in 1901, this time at Malacca, where it now is.

Tidak dapat dikatakan dengan pasti sama ada Datukku Jusoh @ Yusof (panggilanku baginya ialah Tokwan) mempunyai adik beradik, tetapi memandangkan panggilan baginya ialah "Pak Ngah Choh", maka ini memungkinkan dia mempunyai abang atau kakak. Datukku Jusoh adalah antara guru Melayu yang terawal di Tanah Melayu. Dia mendapat faedah daripada sistem pendidikan Sekolah Vernakular Melayu ciptaan Kerajaan British yang mula diperkenalkan pada 1870an di Seberang Perai. Datuk Jusoh dan seorang sepupunya telah dihantar ke Singapura untuk menyambung pendidikan di The Malay High School. Institusi ini merupakan Sekolah

[5] Dalam tahun 2018, Aku telah mendapat satu naskhah *BUSTANUS SALATIN,* karya Sheikh Nuruddin al-Raniri, seorang ulama Acheh dalam kurun ke-17. Setelah membandingnya dengan Manuskrip yang kupusakai daripada Moyangku itu, nyatalah bahawa ilmu perubatan Yunani ini sumbernya ialah kitab Sheikh Nuruddin al-Raniri ini. Juga, bahagian yang memuatkan beberapa kisah (iaitu mengikut hipotesisku

Menengah merangkap Kolej Guru (Malay High School dijadikan Malay Training College pada 1878) , khusus untuk pemuda- pemuda Melayu lulusan sekolah di Negeri-negeri Selat. Diasaskan 1878, Institusi ini ditempatkan di Telok Belanga iaitu di Istana Lama milik Sultan Johor. Kemudiannya ia berpindah ke Raeburn ke sebuah bangunan milik Tanjong Pagar Dock Company. Kolej ini beroperasi selama 17 tahun dan ditutup pada 1891, berikutan tersibar wabak beri-beri. Daripada catatan Walter Makepeace, et al, beri-beri amat berleluasa di Singapura. Kolej ini dibuka semula di Gemmil's Hill tetapi ditutup empat tahun kemudian.

Kejadian ini berlaku semasa Datukku Jusoh berada di sana. Penutupan itu asalnya adalah untuk sementara, sehingga wabak penyakit itu reda, tetapi kemudiannya menjadi selama-lamanya atas faktor kewangan. Kemudian Kerajaan British telah mengambil keputusan membuka gantinya di Melaka pada tahun 1901. [Maklumat ini diambil dari *One Hundred Years of Singapore* oleh Walter Makepeace, et al,1921]. Mengikut kata Ayahku, Datukku hanya sempat berada di Telok Belanga selama satu tahun.

Sekembalinya dari Singapura Datuk Jusoh bertugas di beberapa buah Sekolah Vernakular Melayu di Pulau Pinang, antaranya Sekolah Melayu Kelawai di Pulau Pinang, Sekolah Melayu Permatang Buloh dan Sekolah Melayu Sungai Bakap, di Seberang Perai.

Sekitar tahun 1920an, Datukku Jusoh telah membuat pilihan menerima tawaran bertukar ke negeri Kedah, di mana guru-guru latihan kolej (diistilahkan sebagai "Guru *Student*") diperlukan untuk mengisi tempat-tempat yang kosong di sekolah-sekolah Melayu yang sedang berkembang di negeri itu. Sekolah terakhirnya di Pulau Pinang ialah Sungai Bakap, di selatan Seberang Perai. Di Kedah, Datukku Jusoh ditempatkan di Sekolah Melayu Mukim Kedawang di Pulau Langkawi. Tidak pasti sama ada dia kemudiannya bertukar ke sekolah-sekolah lain sebelum bersara, sekitar 1940an. Mengikut cerita Ayahku Datukku Jusoh malangnya tidak menerima pencen selepas bersara, disebabkan masalah rekod perkhidmatannya tidak dapat dikemaskini. Selepas bersara dia terpaksa bekerja sebagai *watchman* di *Prai Dock* untuk menampung sara hidup

2. LELUHUR SEBELAH IBUKU



SILSILAH SEBELAH IBUKU

CATATAN: Bahan tentang Haji Yunus, Datukku sebelah Ibuku, dipetik dari Laman Sesawangku sendiri: https://sites.google.com/site/yunusikelantani

Bahan untuk Laman Sesawang tersebut kebanyakannya diambil dari penulisan Ismail Che' Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu,* diterbitan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Sayang sekali tidak ada gambar Datukku.

Jika Ayahku merupakan anak tunggal Datukku, Ibuku pula sebaliknya. Dia mempunyai 15 orang adik-beradik. Cucu Tok Ayah (panggilan kami untuk Datukku sebelah Ibu ini) seramai 96 orang yang kebanyakan masih hidup hari ini. Jadi, tolak adik-adikku seibu-sebapa seramai 5 orang, maka sepupuku berjumlah 90 orang. Antaranya ada yang aku tidak pernah berjumpa.

Tok Ayah berasal dari Kelantan. Kalau Datukku sebelah Ayahku adalah seorang guru, Datukku sebelah Ibuku, Haji Yunus juga seorang guru tetapi dalam kapasiti yang agak berbeza iaitu sebagai Tok Guru, yakni guru agama sekolah pondok.

Haji Yunus memulakan pengajian agamanya dengan belajar nahu Arab di Madrasah Haji Umar di kampung Mentuan, kampungnya sendiri, dekat Kota Jembal. Dianggarkan tarikhnya ialah akhir kurun ke-19. Kemudian beliau berhijrah ke Terengganu belajar kepada Tok Ku Paloh atau nama sebenarnya Saiyid Abdul Rahman Bin Saiyid Muhammad al-Idrus, ulama Nusantara terkenal dan pengarang Nazam *Kanzul 'Ula*, dan guru kepada Sultan Zainal Abidin III Terengganu. Kemudian Haji Yunus meninggalkan Pantai Timur. Beliau ke Anak Bukit, Kedah untuk belajar dengan Tok Guru terkenal, Tuan Husain Kedah atau nama sebenarnya Haji Husain Bin Muhammad Nasir al-Masudi al-Banjari, iaitu keturunan dari Syeikh Arsyad Banjari, pengarang kitab terkenal *Sabilul Muhtadin* itu.

Dalam tahun 1912, apabila Tuan Husain berpindah ke Bagan Hulu, Kota Kuala Muda, Haji Yunus berhijrah ke Perlis dan belajar dengan Haji Ahmad Kecik di Changkat Lada, Arau.

Setelah beberapa tahun di Perlis, Haji Yunus berlepas ke Makkah al-Mukarramah dan tinggal di sana selama empat tahun, belajar dengan beberapa orang ilmuan terkenal dari Tanah Jawi, termasuk Tuan Mukhtar Bogor, atau nama sebenarnya Syeikh Muhammad Mukhtar Bin 'Atarid. Sekembalinya dari Kota Suci Makkah, Haji Yunus mengambil keputusan menetap di Perlis. Beliau mula mengajar di Titi Besi, Arau. Namanya segera menjadi sebutan sebagai pelapis baru yang berkaliber di Perlis.

Dari Arau Haji Yunus pindah ke kampung Oran, Mata Ayer dekat Kangar. Mula-mula mengajar di Masjid di kampung itu dan kemudiannya mendirikan pondok di sana apabila bilangan muridnya telah meningkat. Pondok Haji Yunus menarik pelajar dari dekat dan jauh. Malah ada muridnya yang datang dari Sumatra (maklumat dari Ibuku, Aishah). Nasib pondok Haji Yunus agak malang kerana di saat ia sedang berkembang telah berlaku perubahan arus politik dan sosial di Perlis yang mempunyai implikasi terhadap perkembangan sistem pendidikan pondok di negeri itu.

Perubahan arus politik di Negeri Perlis ini dapat dibaca dengan lebih terperinci dalam karangan Dr. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islah Di Negeri Perlis.* Ringkasnya, apabila Negeri Perlis diterajui oleh Kumpulan "Tiga Mat" (gelaran yang diberikan oleh Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah), sekitar 1920an, pegangan rasmi agama Islam di Perlis ialah *La-mazhabiah,* yakni tidak terikat dengan mana-mana satu mazhab khusus misalnya, mazhab Shafie, seperti yang dipraktikkan oleh lain-lain negeri di Tanah Melayu). "Tiga Mat" ialah Sheikh Ahmad Bin Muhammad Hashim, Hj. Ahmad Hakim dan Wan Ahmad bin Wan Daud. "Champion" gerakan *La-mazhabiah* ini ialah Sheikh Abu Bakar Asha'ari, yang sengaja dibawa oleh Tiga Mat dari Pulau Pinang, di mana ajaran salafinya ditolak oleh pihak yang berwibawa dalam hal-ehwal agama Islam di Pulau Pinang.

Keputusan Negeri Perlis menerima pegangan *La Mazhabiah* mempunyai implikasi besar ternasib ulama-ulama tradisional di Negeri itu, yang rata-rata adalah pengikut setia Imam Shafie. Mereka menjadi "tidak laku" dalam pandangan kerajaan dan sebahagian rakyat. Lantaran itu melesetlah nasib Pondok Haji Yunus di Oran dan berkesudahan dengan penutupannya. Tambahan pula kesihatan Hj. Yunus juga telah merosot iaitu beliau mengidap buasir yang serius. Natijahnya, maka tamatlah perjuangan Hj. Yunus di Negeri Perlis. Beliau yang pasrah dengan kehendak Allah telah berundur ke kampung Sanglang di sempadan degan Kedah dan berpergian ke Rahmatullah di sana, sekitar 1940an, pada usia 65 tahun.

Pemergian Tok Ayah Hj. Yunus tidak bermakna padam obor ilmu yang mula dihidupkannya di Arau itu dan kemudiannya perkemaskan di Kampong Oran. Sebaliknya, kesinambungan perjuangannya diambil-alih oleh anak sulungnya, Othman, yang dikenali umumnya sebagai Tok Guru Lebai Man Bukit Besar, atau mengikut panggilan sebahagian masyarakat yang lainnya Lebai Man Perlis, Tok Guru Haji Man dan Haji Man Bukit Besar.

Beliau mendapat pendidikan agamanya yang mendalam di Negeri Cik Siti Wan Kembang. Mengikut kajian yang dibuat oleh Ismail Che' Daud, Othman lahir 1904. Setelah belajar daripada Ayahandanya Hj. Yunus sendiri selama 6 tahun , Wa Man (panggilaku kepadanya) bertolak ke Kelantan. Di sana beliau belajar dengan beberapa orang tokoh agama terkenal. Di antara guru-gurunya di Kelantan ialah Tok Kenali atau nama sebenarnya Haji Yusof, Hj. Ya'akob Legor, Hj. Ali Salahuddin Awang, Mufti Haji Musa dan Hj. Ahmad Mannan alias Hj. Ahmad Hakim. Pengajian Wa Man berlangsung selama 14 tahun.



HJ. OTHMAN AL-YUNUSI



Barisan Guru-guru kepada Hj. Othman al-Yunusi di Kelantan:
Dari kiri: TOK KENALI, HJ. ABDULLAH TAHIR, MUFTI HJ. MUSA, HJ. AHMAD MAHER dan HJ. MUHAMMAD NUR HJ. IBRAHIM

Kini Pondok Haji Man yang telah melalui proses *metamorphosis* beberapa kali, berdiri teguh sebagai Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan Nahdzah. Walaupun bertukar imeg, objektif penubuhan asalnya, iaitu sebagai wadah usaha mempertahan dan mengembangkan pendidikan Islam, tetap kekal.

Selain berkecimpung dalam bidang pendidikan agama, Haji Man juga beregerak cergas dalam politik keislaman, iaitu dalam Parti PAS dan pernah menjadi Pesuruhjaya PAS di Kedah Kini obor pendidikan Islam yang mula dinyalakan di Kampong Oran Perlis oleh Haji Yunus dan kemudiannya dipelihara kesinambungannya oleh Haji Man. dipikul sepenuhnya oleh anak-anak Haji Man. Antaranya ialah Mustafa (Allah Yarham), Nasir (Che' Pi), Abu Bakar (Azizan), Adnan, Yusof dan Muaz. Hampir-hampir semua mereka adalah lulusan Jamiah al-Azhar (kecuali Yusof yang mempunyai ijazah ekonomi dari Amerika Syarikat dan Ijazah Kedoktoran dari INSANIAH)[6].

Tentang Tok Kiah (Nenekku, sebelah Ibuku), tidak banyak yang Aku tahu. Dia berasal dari Pahang. Ayahnya Che' Lah – mengikut *oral history* dari Tok Kiah – sebenarnya adalah seorang bangsawan Negeri Pahang. Dia terlibat dalam pergolakan politik Negeri Pahang semasa pemberontakan Dato' Bahaman dan terpaksa melarikan diri dari Pahang lantaran diburu oleh Inggeris. Pahlawan Pahang yang lain yang juga jadi buruan British ialah Mat Kilau (1874-1970). Abdullah (Che' Lah) telah masuk ke Perlis, (yang pada masa itu adalah sebahagian Negeri Kedah) secara *incognito.* Mungkin datangnya ke Perlis setelah terlebih dahulu berlindung di Kelantan. Identiti asalnya amat dirahsiakan kerana bimbang tentang keselamatan diri dan keluarganya. Cebisan sejarah keluarga ini Aku dengar dari Sepupuku, yang mendengarnya sendiri dari mulut Tok Kiah. Sepupuku ini Rohani Abdullah, yang pernah menjadi DJ sambilan di Radio IKIM.

MAT KILAU & DATO' BAHAMAN

Penderhakaan Dato' Bahaman (meninggal 1930an di Terengganu) terhadap Inggeris di Pahang (1891-1894) melibatkan penyertaan

[6] Selain daripada anak-anak Haji Man Bukit Besar, cucu-cucu Haji Yunus yang lain yang berkecimpung dalam pendidikan Islam ialah anak-anak Pak Teh Man (Abdul Rahman al-Yunusi) iaitu Fuad , Asri dan Zubair. Juga cucu Pak Teh Man Luqman Ul-Hakim bin Faisal bin Abdul Rahman al-Yunusi.

beberapa pembesar Melayu, antaranya Mat Kilau. Setelah diburu oleh pasukan "Gerakan Sultan" yang dikepalai oleh J.P. Rodger yang lengkap dengan senjata api, termasuk 20 buah meriam, penderhaka-penderhaka ini pun terpaksa mengaku kalah dan lari menyelamatkan diri. Ada yang ke Kelantan dan Terengganu. Mungkin juga ke Kedah, seperti Che' Lah, Ayahanda kepada Tok Kiah. Ada juga ke Indonesia dan Patani. Wallahuaklam.

Antara perwira Melayu itu yang kemudiannya keluar dari persembunyian ialah Mat Kilau, yang pada masa itu memakai nama Mat Siam. Mengikat kisahnya, Mat Kilau telah dikejar hingga ke Kelantan dan telah mati setelah berdarah teruk kerana luka di kepala. Tetapi, sebenarnya dia tidak mati. Dia keluar dari persembunyian pada tahun 1969 lalu balik ke Pahang dan tinggal di Batu 5, Jalan Kuantan-Gambang. Dia meninggal 1970.

MAT KILAU SEMASA MENENTANG BRITISH

PERJUMPAAN PERDANA KELUARGA AL-YUNUSI
[DI NAHDHAH BUKIT BESAR PADA NOVEMBER 2010]

NAHDHAH HARI INI

AYAHKU

Ayahku anak tunggal kepada Tokwanku, Jusoh. Kata Ayahku, dia dilahirkan sekitar tahun 1900 di Jalan Baru, Perai, Seberang Perai. Emaknya, Kalthom, meninggal dunia semasa melahirkannya. Tokwan Jusoh telah berkahwin semula iaitu dengan adik isterinya sendiri. "Salin tikar" , kata orang. Malang bagi Ayahku, isteri baru Bapanya – yang juga Emak Saudaranya - tidak sukakan dia. Maka dia telah diambil pelihara oleh Neneknya (kurang pasti sama ada sebelah Ibunya atau Bapanya).



AYAHKU

Mengikut cerita Ayahku dia sangat berminat untuk masuk belajar di sekolah Inggeris tetapi permintaannya tidak dipedulikan oleh Bapanya yang dipengaruhi oleh Ibu Tirinya. Maka, bersekolahlah Ayahku di Sekolah Melayu Jalan Baru, yang berdekatan. Berkat usaha dan kemampuan mindanya Ayahku pun tamatlah darjah tertinggi pada Sekolah Melayu ketika itu iaitu Darjah 4.

Pada usianya 19 tahun Ayahku telah pergi merantau ke Negeri Perlis, sambil menziarahi Emak Saudara Sepupunya di Kuala Perlis. Di Perlis, dengan pertolongan seorang Guru Pelawat yang ada hubungan keluarga dengannya, Ayahku telah diambil menjadi guru dan ditugaskan mengajar di Negeri itu. Pada zaman itu proses melatih seseorang sebagai guru tidak begitu dipentingkan. Jika ada ilmunya diandaikan tahulah guru itu menyampaikan kepada murid-muridnya. Lagipun di Perlis masih kekurangan guru sebab Negeri itu baru saja memulakan usaha membuka sekolah. Sehingga 1920 ada 14 buah di Negeri itu. [Maklumat dari: *Jurnal Warisan Indera Kayangan Bil.4 1992*].

Ayahku telah mengajar di beberapa buah sekolah di Perlis. Antaranya di Utan Aji, di Kampong Salang, di Chuping, di Bintong dan di beberapa buah sekolah lagi. Mengikut kata Ibuku, Ayahku seorang guru yang berdedikasi. Salah seorang bekas muridnya adalah mantan Menteri Besar Perlis, Dato' Jaafar Hasan. Sebagai guru dari gologan tradisi Ayahku jenis "*no nonsense*" . "S*ense of humornya*" pun kurang. Terkenal dia sebagai seorang yang tegas dan guru yang "*strict* ". Pernah seorang bapa kepada murid Ayahku yang dipukulnya menunggu Ayahku di jalan pulang Ayahku dari Sekolah dengan tujuan membuat perhitungan. Di tangannya sebilah golok. Berpeluh

Ayahku. Hendak lari, takut dikatakan pengecut. Dengan membaca isim[7] yang dibekalkan oleh Datuknya, Ahmad – yang diketahui banyak "ilmu dalam" – Ayahku meneruskan perjalanannya. Alhamdulillah, orang tersebut telah berundur!

Dalam zaman dulu, guru memang kejam terhadap murid-muridnya, kerana dipercayai hanya paksaan yang dapat membuat kanak-kanak malas menjadi baik. Misalnya, dalam *Hikayat Abdullah* dia menceritakan berbagai macam hukuman dan deraan yang dilakukan oleh guru terhadap murid-muridnya. Ayahku sendiri menggemari memukul murid-muridnya di belakang kaki – bukan main sakit lagi, rupanya.



ANTARA DERAAN YANG DIPRAKTIKKAN OLEH GURU YANG DICERITAKAN OLEH ABDULLAH MUNSHI

Kerana tidak suka kepada sifat Ayahku itu, pernah seorang waris murid melaporkan kepada British Advisor bahawa Ayahku sering lewat memasuki kerja. British Advisor in cuba memastikan dulu kebenaran laporan itu. Suatu pagi, dia menunggang kudanya melalui jalan pintas ke sekolah tempat Ayahku mengajar iaitu di Utan Aji. Kebetulan pada hari itu Ayahku hadir di sekolah awal. Maka British Advisor pun menganggap laporan yang telah diterima tentang Ayahku sering lewat ke sekolah itu sebagai sesuatu yang palsu.

Dalam strata sosial, seorang guru dalam masyarakat, terutama masyarakat tradisional, amat disanjung tinggi. Negeri Perlis negeri yang kecil. Ayahku menjadi sahabat karib kepada Sheikh Ahmad Mohd. Hashim, Pegawai Kewangan Negeri dan kemudiannya Menteri Besar Perlis. Bila ada majlis-majlis peringkat Negeri, Ayahku sering dijemput menyertainya. Untuk menghadiri majlis-majlis ini kenalah Ayahku mengenakan pakaian yang bersesuaian, termasuk memasang tali leher dan "baju kot". Baju kotnya pula berbutang tembaga yang dipolisy berkilat. Semasa aku masih kecil, masih ada dalam simpanan keluarga baju kot Ayah yang dibuat daripada kain "*flannel*". Bukan main tebal lagi. Antara Pegawai Tinggi yang Ayahku dapat berkenalan ialah Penasihat British pada masa itu, Tuan Eckhard. Kalau tak salah ingatanku, Tuan Eckhard ini, Tuan Eckhard ini, kata ibuku, kemudiannya memeluk Islam dan mengahwini seorang wanita Melayu.

Sesuatu yang menarik pada masa itu ialah kaedah yang digunakan oleh pihak pentadbir untuk membayar ganjaran kepada guru, iaitu setiap bulan dipadankan dengan kiraan purata kehadiran harian murid-murid. Selain itu, ibu-bapa yang cuai terhadap kehadiran anak-anak mereka ke sekolah boleh di saman dan dikenakan

---

[7] أَمَّن يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ السُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاء الْأَرْضِ أَإِلَهٌ مَّعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ
Mungkin du'a ini (Surah An-Naml:62) yang dibacakan oleh Ayahku.

denda. Amalan-amalan ini tidak lain kerana kehadiran ke sekolah sering menjadi masalah. Kalau ibu-bapa menghadiri majlis kenduri, anak-anak juga biasanya dibawa bersama. Kerana mencari jalan penyelesaian tentang kehadiran kanak-kanak ke sekolah, sekolah bercuti pada musim padi dituai.

Mengikut kata Ibuku, Ayahku pada zaman mudanya bukan main "melaram" lagi. Pakaiannya dibeli dari gedung British di Pulau Pinang, iaitu gedung Whiteway & Laidlaw, seperti kasut dan lain-lain. Kasut kegemarannya ialah Crockett & Jones. Jam tangan kegemarannya ialah dari jenama Roskopf; kini jenama itu sudah tiada lagi. Pada masa itu jam tangan sudah mula menggantikan jam saku yang telah wujud sejak kurun 17. Jam tangan hanya wujud pada kurun ke 19 dan mula digunakan di medan perang menggantikan jam saku, yang susah hendak melihat waktunya kerana terpaksa dikeluarkan dari saku. Selepas Perang Dunia Pertama (1914-1918) barulah jam tangan mula menggantikan jam saku secara meluas.

GEDUNG WHITEWAY & LAIDLAW

Selama 14 tahun Ayahku menjadi guru dia menikmati hidup yang senang. Tidak hairanlah bila dia melamar Ibuku, lamarannya dengan mudah diterima.

AYAHKU TAHUN 1980AN
[Beberapa bulan sebelun ia meninggal]

Sebelum berkahwin dengan Ibuku, Ayahku terlebih dahulu telah berkahwin dengan Siti Aminah Bt. Husain dari Permatang Bendahari, Seberang Perai. Dengan Siti Aminah dia mendapat tiga orang anak: Maimunah, Salleh[8] dan Said.

ABANGKU SALEH

Ibuku merupakan seorang yang istimewa. Keistimewaannya ialah ia dibenarkan oleh Ayahnya (Tok Ayah Haji Yunus) masuk belajar di sekolah. Ini adalah dalam tahun-tahun 1920an, kanak-kanak perempuan lazimnya tidak dibenarkan oleh ibu-bapa belajar di

[8] Kekanda Salleh pencen Pegawai Polis (DSP) dan meninggal 28-1-2019.

sekolah kerana umumnya masyarakat Melayu pada masa itu menganggap tempat perempuan ialah di “ceruk dapur” dan kerana itu tiada keperluan menulis dan membaca. Lagi pun, kononnya jika orang perempuan pandai menulis. nanti mereka menghantar surat cinta. Catatan seorang pegawai Inggeris tentang hal ini berbunyi “... *it appears to be nearly hopeless to get Malays to show any interest in female education*...” . Tetapi, Tok Ayah – walaupun seorang Tok Guru – seorang yang terbuka mindanya. Lantaran itu, Ibuku telah ditumpangkan di rumah Ibu Saudaranya di Arau. Sekolah di Arau ialah Sekolah Melayu pertama di Perlis, didirikan akhir kurun 19. Tidak diketahui pula mengapa Ibuku tidak bersekolah di Oran, kerana mengikut *Jurnal Warisan Indera Kayangan Bil.4 1992* sudah ada sekolah di Oran pada tahun 1920.

Maka, bersekolahlah Ibuku di Sekolah Melayu Arau hingga tamat Darjah 4, iaitu darjah tertinggi.

Ibuku menceritakan, bila dia balik ke rumah Ayahnya sekali-sekala, Ayahnya akan bertanya khabar tentang hal-hal persekolahannya dan kerap juga minta melihat apa yang telah dipelajarinya. Begitu prihatinnya Haji Yunus.

Setelah tamat Darjah 4, atas kepintarannya dalam pengajiannya, Ibuku telah ditawarkan kerja sebagai guru di sekolah yang dia belajar itu juga. Maka, jadi Cikgulah Ibuku. Pada masa itu Ibuku telah berkenalan dengan Ayahku dan perkenalan itu telah berkesudahan dengan mereka mendirikan rumah tangga. Maka, jadilah Ibuku isteri kedua bagi Ayahku. Perkahwinan Ibu dan Ayahku direstui oleh Tok Ayah Haji Yunus.

Mengikut ceritanya Haji Yunus sangat gembira menerima lamaran Ayahku kerana dia tertarik dengan peribadi Ayahku yang kuat beramal ibadat. Ayahku dikenali di kalangan mereka yang mengenalinya sebagai “Lebai Ismail”. Ini disebabkan Ayahku seorang yang sangat-sangat berjinak dengan masjid. Selepas pernikahan Ayah dengan Ibuku, Ibuku telah mengambil keputusan meletakkan jawatannya sebagai guru dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Gaji Ayahku sudah cukup lumayan untuk menyara dua orang isteri. Kebetulan, tidak lama setelah mereka berkahwin, Ayahku telah bercerai dengan Siti Aminah, isteri pertamanya.

SUDAH JATUH DITIMPA TANGGA

مَا أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَن يُؤْمِن بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (at-Taghabun:11)

Tidak ada sesuatu musibah yang menimpa seseorang, kecuali dengan izin Allah dan barang siapa beriman kepada Allah, nescaya Allah akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah maha mengetahui segala sesuatu

Dalam tahun 1933, telah berlaku suatu peristiwa yang tidak diduga ,yang mempunyai implikasi yang amat serius kepada perjalanan hidup Ibu dan Ayahku. Ayahku tiba-tiba telah tentang persaraanya itu diterima oleh Ayahku umpama sebiji bungkah batu yang besar jatuh menghempapnya! Manakan tidak. Dia baru bekerja selama 14 tahun dan usianya baru 33 tahun. Mengikut kata Ayahku keputusan menamatkan perkhidmatannya telah dibuat kerana Negeri Perlis sudah berlebihan guru, sekembalinya guru-guru latihan *Sultan Idris Training College*, Tanjong Malim (kini UPSI), yang telah mula beroperasi pada tahun 1922. Pada pandanganku apa yang dilakukan oleh Kerajaan Perlis itu sangatlah tidak patut. Semasa kekurangan guru, khidmat Ayahku diminta. Apabila bekalan guru sudah mencukupi khidmatnya dipersesiakan saja. Maka, mahu tak mahu bersaralah Ayahku dengan pencen 14 ringgit sebulan.

Dengan wang gratuiti yang diterimanya bersabit persaraannya itu, Ayahku telah membeli sekeping tanah yang telah ada terbina di atasnya sebuah rumah di Seberang Perai, iaitu di Kampong Cherok Tok Kun, di Bukit Mertajam Rumah itu dibeli dalam tahun 1934 selepas dua bulan dia dibersarakan. Rumah itu kemudiannya diperuntukkan kepada Isterinya yang pertama, Siti Aminah, dan tiga orang anaknya. Tanah dan rumah tersebut kini menjadi milik Abangku Saleh (meninggal 2019) dan Said (meninggal 2017) (kedua-dua abang tiriku), berikutan satu taktik licin Ibu Tiriku, semasa dia menjadi isteri Ayahku. Kisahnya begini.

RUMAH DI CHEROK TOKKUN

Ayahku memiliki sekeping tanah kosong di Jalan Baru. Tanah tersebut rendah nilainya kerana ia terletak pada kawasan berpaya dan hanya ditumbuhi pokok-pokok rembia. Suatu ketika Ayahku telah mengambil pinjaman dari seorang Cheti dan tanah tersebut dijadikan sandaran. Ayahku pintar orangnya. Untuk meyakinkan

Cheti itu memberikan pinjaman yang tinggi, dia menunjukkan sekeping tanah lain yang baik. Tetapi, tanpa menyedari hakikat sebenar, tanah yang disandarkan itu ialah tanah yang rendah nilai itu, yang disebutkan tadi.

RUMAH DI CHEROK TOKKUN
[Selepas diubahsuai]

Apabila hutang Cheti tersebut tidak dilangsaikan oleh Ayahku, maka timbul kebimbangan Ayahku kalau-kalau Cheti itu mengambil pula tanah yang di Cherok Tok Kun itu, atau setidak-tidaknya melaksanakan *caviat* ke atas tanah itu. Maka Ibu Tiriku telah mendesak Ayahku menukar hak milik tanah di Cherok Tok Kun itu kepadanya dan anak-anaknya. Tukar milik itu dilaksanakan dengan mencatat di dokumennya sebagai jualan (ertinya tanah itu dijual, bukan diberi oleh Ayahku kepada Siti Aminah dan tiga orang anaknya). Maka apabila akhirnya berlaku penceraian Ayahku dengan Ibu Tiriku, Ayahku terpaksa keluar dari tanah tersebut. Namun dengan menggunakan karismenya, kami dapat terus tinggal di tanah tersebut sehingga dia meninggal dunia pada tahun 1984, barulah tanah tersebut dan rumah di atasnya diserahkan kepada Ibu Tiriku dan anak-anaknya.

Maka, telah ditakdirkan di rumah inilah Aku membesar dari usiaku enam tahun ke usia dua puluhan. Selepas tamat *Peperiksaan School Certificate* pada tahun 1958 aku memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris, di Tanjong Malim dan setelah tamat kursus perguruanku pada tahun 1962, Aku pun mendapat *posting* ke Baling. Secara rasminya berakhirlah era tinggalku di rumah, walaupun ahli keluarga yang lain (Ayahku, Ibuku dan Adik-adikku) terus tinggal di situ hingga saat kematian Ayahku dalam tahun 1984.



BAHAGIAN HADAPAN RUMAH

Selepas diberhentikan kerja Ayahku memilih untuk terus tinggal di Perlis.

Mengikut kata Ibuku, lama juga Ayahku mengambil masa menenangkan fikirannya yang kusut itu. Lama-kelamaan Ayahku dapat bertenang dan pasrah menerima ujian Allah itu. Hidup mesti diteruskan. Di Perlis ada Ibuku dan tiga orang anak. Di Bukit

Mertajam pula ada Ibu Tiriku dan tiga orang anak juga. Akhirnya Ibu Tiriku telah membuat permohonan pasakh dari Jabatan Agama Pulau Pinang, atas alasan Ayahku tidak memberinya nafkah. Sebenarnya, Ayahku dapat mempertahankan dirinya dari tuntutan isterinya yang pertama, memandangkan pada masa itu keadaan negara masih huru hara kerana Jepun baru sahaja dikalahkan dan meninggalkan negara ini. Kemudahan perhubungan masih susah untuk berulang alik dari Perlis ke Bukit Mertajam.

Selepas berpisah dengan Isteri Pertamanya, Rumah di Cherok Tok Kun itu telah dipisahkan antara bahagian induknya dengan bahagian dapurnya. Emak tiriku telah diperuntukkan rumah bahagian dapur itu. Dia telah dapat menumpang di tanah kepunyaan seorang yang bersimpati dengannya. Maka rumah bahagian dapur itu pun diusung (secara bergotong royong) dan dibawa ke lokasi barunya itu. Bahagian induknya ditinggalkan di tempat asal, iaitu sebagai bahagian untuk Ayahku.

Buat sementara, Ayahku terus tinggal di Perlis bersama Ibuku, Kakakku Zainab , Aku dan Adikku Jemilah. Jemilah 3 tahun termuda daripadaku.

Untuk meneruskan kehidupannya, Ayahku mencuba penanaman sayur. Dia telah memugar sekeping tanah hutan di Bukit Keteri untuk tujuan itu. Malangnya, projek penanaman sayur Ayahku itu hanya hidup sekejap sahaja. Ini adalah kerana Ibuku enggan tinggal di Bukit Keteri, kerana tempat letaknya tanah yang dipugar oleh Ayahku itu amat terpencil dan Ayahku sering meninggal Ibuku dan kami bersendirian kerana kerap berada di Kangar atas urusan-urusannya. Akhirnya, projek penanaman sayur itu telah terbengkalai begitu sahaja. Penat lelah Ayahku memugar hutan itu tidak menjadi kenyataan.



PETA MENUNJUKKAN LOKASI BEBERAPA TEMPAT DI PERLIS

Ayahku membawa keluarga kami berpindah ke Kampong Darat, dekat Beseri (iatu tempat aku dilahirkan dulu). Kami menyewa sebuah rumah kedai kepunyaan Toh Hjh. Hawa. Aku masih ingat rumah kedai yang kami sewa itu berkembar dengan kedai Cina yang membuat “kuih bangkit”. Sentiasa saja bau harum kuih yang dibakar itu memenuhi ruang udara. Kuih yang sudah masak itu diberinya oleh Cina itu “chop” tulisan Cina berwarna merah. Kerap juga Aku menerima kuih Cina ini. Aku makan kerana tidak ditegah oleh Ibu dan Ayahku. Generasi zaman itu kurang prihatin tentang halal-haram makanan yang dibuat oleh bangsa lain. Misalnya, kicap; tiada kicap yang diusahakan oleh orang Melayu pada masa itu.

Semasa tinggal di rumah kedai itu berlaku satu peristiwa sedih, iaitu Kakakku Zainab telah diserang demam Malaria. Disebabkan kemudahan perubatan masih belum pulih selepas kependudukan Jepun itu, Kakakku telah dirawat dengan kaedah kampung saja. Masih terngiang-ngiang ditelingaku rengekan Kakakku setiap kali diserang kesejukan, “Adik Di, mai la selimut Kak ni….Kakak sejukkk!”

Malangnya, Kakakku telah meninggal dunia. Dalam keadaan serba susah kami hanya kain batik terpakai menjadi kafannya.

Tidak lama selepas kematian Kakakku itu, kami telah berpindah ke Kampong Sena dekat Kangar. Sebabnya Ayahku telah mendapat sebuah gerai untuk menjual ikan di Pasar Kangar dan Kampong Sena lebih dekat ke Kangar. Rumah di Kampong Sena itu disewa oleh Ayahku untuk kami sekeluarga.

Pada masa itu usiaku kira-kira 4 atau 5 tahun, tetapi aku telah dapat ingat bahawa rumah kami itu sangat hampir dengan perkuburan Cina. Bagi Aku sebagai kanak-kanak, tidak ada apa yang hendak ditakutkan. Setiap hari Aku dan kawan-kawan bermain-main di dalam kawasan perkuburan itu.

عبدالهادي اسماعيل

3. KELAHIRANKU DAN JEPUN DI PERLIS

Walaupun telah dikisahkan serba sedikit tentang diriku di atas, namun untuk melengkapkan gambarannya, kenalah kita balik semula ke belakang, ke masa kelahiranku.

Aku dilahirkan pada 10 Sha'ban 1360 bersamaan tarikh Masihi 2 September 1941. Tentang tarikh kelahiranku telah berlaku sedikit kekeliruan, iaitu semasa menukar 10 Sha'ban 1360 ke tarikh Masihi. Sepatutnya tarikhnya ialah 2 September 1941, tetapi telah dirakamkan di dokumen kelahiranku, yakni Surat Beranak sebagai 13 Mei 1941. Tarikh ini menjadi rasmi sebagai tanggal kelahiranku dan kemudiannya direkodkan di semua urusan rasmiku, termasuk untuk urusan pesaraan. Maka menjadilah aku orang yang mempunyai dua tarikh kelahiran, satu hakiki (2-9-1941) dan satu rasmi (13-5-1941).

Semasa Jepun menyerang Tanah Melayu dalam bulan Disember 1941, aku berusia tiga bulan. Mengikut cerita Ibuku keluarganya turut melarikan diri ke tempat perlindungan yang selamat sambil aku dikendong oleh ibuku dan kakakku Zainab yang berusia kira-kira tiga tahun dipimpin tangannya. Kebetulan Ayahku pada masa itu telah pergi ke Seberang Perai kerana menjengok isteri pertamanya di Cherok Tok Kun.

GOBEK API

Dalam masa pemerintahan Jepun, orang-orang di Perlis tidaklah kebuluran atau memakan ubi kayu seharian, seperti di sesetengah negeri lain, kerana bekalan beras mencukupi. Namun, dalam banyak kemudahan Negeri Perlis pun turut juga menderita, misalnya ketiadaan kemudahan berubat di hospital. Semasa kakakku menderita demam malaria, dia hanya mampu diberi rawatan kampung, yang nyatalah tidak berkesan sehingga dia meninggal, seperti yang disebut di atas. Adikku Jemilah juga telah menderita akibat ketiadaan kemudahan rawatan hospital, iaitu luka tanam cacar di lengannya telah melarat menjadi kudis besar,

“sebesar cawan apum”, kata Ibuku. Parutnya kekal hinggi hari ini. Hanya selepas beberapa bulan baru kudis itu sembuh dengan perubatan alternatif herba.

Kata Orang Putih, *“Necessity is the mother of invention”.* Benar sekali. Dalam zaman Jepun, ketiadaan macis telah membuat munculnya Gobek Api, yang dalam Bahasa Inggeris ialah *fire piston.* Ada dua bahagian pada Gobek Api: silinder dan omboh. Di hujung ombohnya dililitkan benang yang kemudiannya disapu lilin. Tujuannya untuk menjadikan omboh itu kedap udara.

Di hujung ombohnya ada tempat memasukkan bahan bakar (*tinder*), yang biasanya ialah habuk dari batang dudur (C*aryota*) *;* Inggerisnya, *fishtail palm.* Setelah dimasukkan bahan bakarnya, maka ombohnya “ditepuk” masuk. Udara yang terperangakap di dalam silinder akan menjadi panas (mencapai suhu 260 darjah celcius) sehingga mampu membakar *tinder* yang telah dipasangkan di hujung omboh itu. Api yang kecil ini perlu diletakkan pada bahan bakar yang sesuai, seperti gumpalan tali rami atau sabut dan ditiup supaya ia menyala.


Reg.No:1417. Page:98.

Abdul Hadi bin Ismail

Male

Ismail bin Jusoh

Gardener

Malay

Aishah binti Haji Yunus

Malay

10.8.1360. 13. 5. 1941.

Kampong Darat mukim Beseri, Perlis.

Ismail bin Jusoh

18.8.1360.

Extract from Register of Births in the State of PERLIS.

Certificate to be a true Extract from the Register of Births in the State of Perlis.

Fee $1.

KANGAR,

24th December, 19 80.


B 692241

BORANG M

NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

PERAKUAN BERANAK

PERLIS

ABDULLAHADI BIN ISMAIL

10-8-1360 C 13 SEPT 1941

ISMAIL BIN JUSOH

AISYAH BT HJ YUNUS

KEBUN

MELAYU

ISMAIL BIN JUSOH

18-8-1360 C 10 SEPT 1941

DIPERAKUI SEBAGAI SALINAN BENAR BAGI CATITAN DALAM DAFTAR BERANAK

BAYARAN $2

11 MAY 1965

DUA SURAT BERANAKKAU

Usaha mencari nafkah hidup juga adalah perit bagi Ayahku. Oleh kerana sepanjang kependudukan Jepun pencen Ayahku tidak dibayar, maka Ayahku terpaksa melakukan kerja *black market* iaitu berniaga gula dan telur ayam. Semasa pemerintahan Jepun, telur ayam adalah barang larangan dan tidak boleh dijual beli.

Ini kerana pihak tentera Jepun memegang monopoli perniagaannya; telur ayam diperlukan sebagai item makanan tenteranya. Ayahku memberanikan diri mencuri-curi berniaga telur kerana keuntungan di pasar gelap agak lumayan. *Modus operandi* yang dipakai oleh Ayahku ialah dengan mengisi telur-telur di dalam dua bakul bimbit yang *dicamouflage* dengan meletak berbagai jenis kuih basah di sebelah bahagian atas. Sebagai penjaja runcit kuih-kuih basah, Ayahku saban hari berulang alik dari Kangar ke Padang Besar, di mana dia memperolehi bakalan telurnya dari pengumpulnya. Ayahku menggunakan keretapi untuk berulang-alik itu. Mengikut cerita Ayahku, setiap kali melintas anggota tentera Jepun yang memang berada di merata-rata, jantungnya akan berhenti degupan. Mulutnya akan berkumat-kamit membaca sesuatu. Alhamdulillah, dipelihara Allah, tidak pernah sekali pun Ayahku tertangkap.

ANTARA PEMANDANGAN YANG KULIHAT DI PERLIS SEMASA KANAK-KANAK

Antara ingatan semasa zaman kanak-kanakku di Perlis ialah terdapat gajah dipelihara orang dan digunakan sebagai binatang tunggangan dan mengangkut barang. Pada masa-masa tertentu terdapat perakan yang menggunakan gajah, misalnya seperti ditunjukkan dalam sebuah gambar lama ini. Belum ada kenderaan bermotor gajahlah *Rolls-Royce*nya, yang digunakan oleh Raja atau Pembesar-pembesar lainnya.

LESUNG KISAR

Lagi kenanganku semasa zaman kanak-kanak di Perlis ialah mesin kisar padi atau dipanggil Lesung Kisar. Aku kerap juga menemani Ibuku pergi mengisar padi dengan Lesung Kisar di rumah seorang jiran.

Semasa usiaku 4 atau 5 tahun, ibu jari kakiku telah ditikam selumbar dari sebuah meja buruk menyebabkan jari itu mengalami kecatatan kekal. Tidak kisah bagaimana sekali pun aku rawat kukuku itu, tetap juga kuku yang tumbuh itu berkeadaan cacat hingga ke hari ini.

IBU JARIKU YANG CACAT

Semasa tinggal di Kampong Sena, aku kerap juga dibawa oleh Ayahku pergi menonton wayang gambar di Panggung Wayang di Kangar. Caranya aku dibawa oleh Ayahku ialah dengan "mengkokko"[9] Aku di atas bahunya. Aku masih ingat ada sebatang jambatan menyeberangi Sungai Besar, yang sudah separuh roboh yang terpaksa kami lalui dari Kampong Sena ke Kangar.

Kalau tak silapku, panggung wayang itu dimiliki oleh Jagat Singh, seorang ahli perniagaan yang kemudiannya diharamkan oleh Raja Perlis dari tinggal di negeri itu. Sebabnya, kerana dia begitu kaya dan mempunyai amat banyak hartanah di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang (natijah memberi pinjaman wang kepada orang-orang tempatan yang kemudiannya gagal melunaskan hutang itu). Kononnya dia pernah berkata dia mampu membeli Negeri Perlis, jika dia mahu! Kerana kebiadapannya Tuanku Raja Perlis telah murka, lalu membuat pengharaman tersebut.

Satu versi kisah Jagat Singh di Perlis, kononnya Tuanku Raja Perlis, Raja Syed Alwi, banyak berhutang wang kepadanya. Jagat Singh bersetuju untuk melupuskan hutang tersebut andainya Tuanku Raja bersetuju membenarkan anak Jagat Singh – seorang peguam – bernama Jagjit Singh duduk di atas takhta Negeri Perlis untuk satu hari. Untuk menamatkan skandalnya, Penasihat British telah bertindak menjelaskan hutang Tuanku Raja dan pada masa yang sama mengharamkan Jagat Singh dari tinggal di bumi Perlis.

Satu lagi kenanganku semasa kecil ialah menemani Ayahku menunaikan sembahyang maghrib dan 'isya di Masjid Alwi di Kangar, Aku masih ingat, pada suatu malam aku dibawa oleh seorang pegawai masjid itu naik ke atas "satah" masjid (bumbung yang rata). Di atasnya ada bilik kecil untuk kegunaan pegawai masjid.

PUNGKAH DIHIDUPKAN DENGAN MENARIK PADA TALI OPERASINYA

Satu perkara yang aku tidak gemar semasa zaman kanak-kanakku ialah digunting rambut. Masih Aku ingat suatu hari dibawa oleh Ayahku ke kedai gunting rambut India di Kangar. Menjerit-jerit Aku semasa rambutku dipotong. Berbagai pujukan dari

[9] Bahasa Inggeris: "Piggy back ride".

Ayahku yang berdiri hampir kerusi gunting, namun aku tetap gelisah dan terus menangis. Sementara itu pembantu kedai pun sibuk menarik *punkah* kerana dikira aku kepanasan[10].

Pada masa ini, Jepun sudah meninggalkan Tanah Melayu. Ayahku kini mencari sara hidup dengan menyewa sebuah gerai di Pasar Basah Kangar dan menjual ikan. Aku masih ingat, semasa tinggal di Kampong Sena, rumah yang kami sewa itu bersebelahan jirat atau perkuburan Cina. Tidak ada apa-apa perasaan takut bagi kami. Setiap hari kami bermain-main di atas nesan-nesan di perkuburan itu. Kampong Sena ini ialah tempat tinggal seorang sasterawan Tanah Air, Nahmar Jamil yang produktif. Karyanya kebanyakan berunsur keislaman. Antara karya beliau ialah *Negeri Tercantik ,* sebuah antologi puisi. Beliau pernah menjadi Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Perlis pada tahun 1998. Antara jasa beliau ialah mengasaskan Persatuan Penulis Perlis pada tahun 2002. Beliau, yang nama sebenarnya ialah Na'aman bin Hj. Mohd. Rawi, meninggal dunia dalam tahun 2014, pada usia 75 tahun.

Antara ingatanku semasa di Kampong Sena ialah ada sebatang pokok pauh di tepi jalan dan kami kanak-kanak kerap juga mencari buahnya yang gugur. Buah pauh ini menyerupai buah mangga, tetapi ia kecil-kecil sahaja sebesar separuh genggaman penumbuk. Aku sering pergi ke rumah jiran bermain alat muzik yang dipanggil gambang atau Inggerisnya *xylophone*. Kecil sahaja alat ini, malah ia sebenarnya alat mainan sahaja. Teringat aku, suatu hari ada anak itik mati. Anak jiranku yang menjadi rakan sepermainan itu, usianya sedikit tua daripadaku. Dia telah mencadang kami "kebumikan" bangkai itik itu. Jadi kami pun berpura-pura mengkafan dan menyembahyangkan bangkai itik itu sebelum mengkebumikannya. Kini, di zaman tua ini teringat pula tentang rakan-rakan sepermainan itu.

[10] Di Kangar pada masa itu bekalan elektrik hanya pada sebelah malam.

3. BERPINDAH KE SEBERANG PERAI

Man proposes, God disposes. Peribahasa Inggeris ini menjelaskan bahawa kita sebagai makhluk Allah boleh membuat berbagai perancangn, tetapi natijahnya pada tangan Allah. Ada perancangan kita yang berjaya. Ada yang gagal.

Demikianlah halnya dengan perancangan Ayahku.

Kira-kira akhir tahun 1947 atau awal 1948, setelah berlaku perceraian Ayahku dengan isteri pertamanya, Siti Aminah, Ayahku telah bertolak dari Perlis dengan menaiki keretapi ke Seberang Perai. Destinasinya ialah Kampong Cherok Tok Kun, di mana terletaknya rumah no. 345, iaitu rumah yang Ayahku telah beli beserta sekeping tanah, semasa dia diberhentikan kerja pada tahun 1933 dulu. Seperti yang telah kusebutkan terdahulu, rumah itu didiami oleh isteri pertama Ayahku itu beserta anak-anaknya tiga orang. Setelah berlaku perceraian, Siti



PETA CHEROK TOK KUN

Aminah telah keluar dari kampung itu. Bahagian dapur rumah itu telah dibawa keluar dari tanah itu, seperti yang telah disebut dulu. Maka tinggallah bahagian induk itu di tempat asalnya. Ayahku balik ke Cherok Tok Kun ini hajatnya untuk meninjau keadaan, belum lagi bercadang menetap di kampung dan lokasi ini. Ayahku membawaku bersama untuk menemaninya.

MALAPETAKA MENIMPA AYAHKU

SEPERTI yang disebut di atas, manusia boleh merancang, tetapi natijahnya adalah di tangan Allah. Emakku dtinggalkan di Perlis bersama Adikku Jemilah. Ayahku memang bercadang balik semula ke Perlis kerana di Perlislah dia cadang bermastautin. Tinggallah Aku dan Ayahku di rumah no. 345 di Cherok Tok Kun.untuk sementara. Pada masa itu musim buah-buahan dan pokok manggis yang di tepi rumah itu banyak buahnya yang masak kehitaman. Ayahku pun memanjat pokok manggis itu, lalu mula mengkait buahnya. Aku berlari-lari di bawah pokok mengumpul buah yang gugur itu. Tiba-tiba, terdengar jeritan Ayahku, “Allah...!” dan bunyi berdesir tubuh Ayahku meluncur ke bumi. Kakinya tergelincir semasa bergerak dari satu dahan hendak ke dahan lain. Ayahku terhempap ke bumi dari ketinggian kira-kira tiga puluh kaki.

Aku menjerit dan menangis. Ayahku tidak pengsan tetapi tidak dapat bergerak.

“Pi panggil Cu Noh. Kata kat dia Ayah jatuh pokok manggis,” Ayahku mengarahku, seketika selepas dia dapat bercakap. Sambil menangis Aku berlari-lari ke rumah jiranku. Lepas seketika, Cu Noh pun sampai bersama seorang lagi jiran kami. Ayahku diusung naik ke rumah dan Haji Ahmad, jiranku yang seorang lagi itu lantas pergi menurut seorang Bomoh Patah. Bomoh pun memeriksa kecederaan Ayahku dan mengesahkan tidak ada tulang patah. Hanya paha kanan Ayahku terseliuh.

Tiga hari berurut-turut Bomoh berulang-alik menghurut Ayahku.

Ayahku mengambil keputusan menyuruh Ibuku datang dari Perlis. Selepas beberapa hari Ibuku tiba. Aku masih ingat Ibuku sampai sejurus selepas waktu maghrib bersama Adikku Jemilah. Turut datang sama sebagai menemani Ibuku ialah Adik Ibuku, Pak Teh Di. Nama sebenar Pak Tehku itu Abdul Hadi, seperi namaku juga. Usianya belasan tahun.

PAK TEH DI (Gambar semasa usia tuanya)

Telah ditakdirkan kemalangan yang menimpa Ayahku itu akan jadi titik tolak kami kekal di rumah no. 345, Cherok Tok Kun. Ibuku pun tidak membantah.

Lama juga Ayahku menderita sakitnya, hanya boleh mengesut-ngesut di atas lantai. Alhamdulillah, akhirnya sembuh juga Ayahku dan lama-kelamaan dapatlah dia berjalan semula, seperti biasa.

Tidak lama kemudian, Ayahku telah dibayar semula pencenya, serta dijelaskan tunggakannya- Aku kurang pasti amaun yang diterima oleh Ayahku itu-.iaitu pencen bulanannya sebanyak 14 ringgit sebulan yang telah tertunggak semasa huru-hara peperangan dan kependudukan Jepun. Dengan wang yang diperolehinya itu. Ayahku telah membeli sebuah basikal. Aku masih ingat jenama basikal itu ialah Phillips, buatan England. Model yang dibeli oleh Ayahku ialah model "*Heavy Duty Working Horse*"; berat, kukuh dan sesuai untuk mencari makan. Satu ciri istimewa basikal Ayahku ini, ia memiliki brek *hub*. Sayang, bila brek itu rosak ia tidak dapat dibaiki lagi, lalu digantikan dengan brek tradisional. Satu model lagi ialah model "Sports"; sesuai untuk rekreasi, tetapi bukan untuk "mencari makan". Pada masa itu belum ada basikal buatan tempatan[11]. Semuanya "*Made in England*". Antara jenamanya ialah Raleigh (terbaik), Robin Hood, Herculis dan satu dua jenama lagi. Jenama Phillips duduknya kedua selepas Raleigh, dari segi kukuh buatannya. Harga sebuah basikal sekitar seratus ringgit.

BASIKAL PHILIPS dengan LOGONYA

Basikal yang Ayahku beli itu bakal menjadi bahan pelaburan yang paling penting. Ia akan menjadi *work horse* bagi Ayahku. Ayahku telah memasang sebuah *carrier* yang agak besar sesuai dengan perancangan Ayahku mencari rezeki dengan bantuan basikal ini. Nanti akan kujelaskan.

Semasa Kependudkan Jepun, pokok-pokok getah milik Ayahku telah dirosakkan oleh askar Jepun. Selepas Perang kerajaan British telah menubuhkan satu badan bernama *War Damage Commission*. Sesiapa yang ada hartanya dirosakkan oleh Jepun semasa mereka memerintah Tanah Melayu boleh mengadu kepada agensi tersebut dan jika sabit akan dibayar ganti rugi yang bersesuaian. Ayahku telah menerima kira-kira 500 ringgit gantirugi untuk kerosakan pokok-pokok getahnya. Dengan duit tersebut Ayah telah membeli sebuah mesin jahit untuk Ibuku. Dia juga membeli satu set lengkap pinggan-mangkuk berkualiti buatan England, dari gedung Whiteway & Laidlaw.

[11] Sekecil-kecil barang, seperti getah pemadam pun datang dari England. Yang ironinya ialah getah untuk membuat pemadam itu datang dari pokoh getah Tanah Melayu, tetapi dikilangkan di England.

Malangnya pada hari ini sebiji pun pinggan-mangkuk tersebut tiada yang tinggal untuk buat kenangan.

Mesin jahit yang dibeli Ayahku itu jenama Singer dan versi berpedal kaki berharga 240 ringgit. Ada juga mesin jahit versi tangan tetapi Ayahku telah memilih jenis yang operasi kaki. Sebelum ada mesin jahit itu, Ibuku menjahit tangan bila hendak membuat pakaian kami. Sesehelai pakaian itu memakan masa berhari-hari, malah berminggu, untuk disiapkan. Kenalah Ibuku menyengkang mata pada sebelah malam semasa orang lain tidur. Kasihan dia! Dalam tahun 1950an, jenama mesin jahit yang terkenal ialah Singer, buatan United Kingdom. Rasanya, jenama lain yang ada pada masa itu iaiah PFAFF buatan Jerman. Kebetulan Ibuku pandai menjahit dan dia menerima tempahan dari jiran-jiran dan orang sekampung, dari semasa ke semasa. Selepas 10 tahun, mengikut Ibuku, harga mesin itu telah diperolehi kembali.

MESIN JAHIT SINGER

Sedikit tentang rumah kami. Seperti yang telah dijelaskan di atas, rumah kami di Kampong Cherok Tok Kun itu, asalnya terdiri dari dua bahagian, iaitu bahagian induk (seperti yang kelihatan pada gambar) dan bahagian dapur. Tetapi semasa perceraian Ayahku dengan Isteri Pertamanya, telah berlaku pembahagian rumah tersebut antara Ayahku dan mantan isterinya itu. Maka, bahagian dapur pun dibawa keluar dari tanah itu oleh Ibu tiriku itu. Maka, tinggallah bahagian induk itu untuk Ayahku. Setelah kesihatan Ayahku pulih, dengan baki wang tunggakan gajinya yang telah diterima itu, dia telah membeli kayu dan lain-lain bahan binaan yang diperlukan untuk membangunkan bahagian dapur yang sudah tiada itu. Kerana kekurangan dana, Ayahku telah melakukan kerja membangun bahagian dapur itu sendiri. Struktur yang dibina itu dibuat mudah sekali. Empat tiang didirikan dan diberi bumbung atap nipah[12]. Dindingnya dibuat dari kepingan zing dan dibuatkan tingkap. Lantainya tidak diberi kemasan simen, setakat berlantaikan tanah sahaja. Di suatu penjuru dibina dapur untuk memasak dari papan dan diisikan dengan tanah. Dapurnya memakai bahan bakar kayu api. Kadang-kadang api dapur perlu ditiup supaya ia menyala dengan baik, menggunakan "teropong" dibuat daripada buluh.

"TEROPONG"

[12] Kerana kemiskinan pada suatu masa bumbung dari atap nipah ini sudah mulai bocor kerana lama, tetapi Ayahku tidak mampu mencari dana untuk menyalinnya. Maka Ibuku terpaksalah berpayung semasa memasak, jika turun hujan. Beberapa tahun kemudian Ayahku telah dapat mengumpul sedikit wang, maka atapnya pun digantikan dengan atap logam (zing).

Untuk tempat keluarga duduk makan dibina sebuah “pelenggar” (pelantar) daripada kayu kira-kira tiga kaki tingginya dari tanah dan diberi lantai papan. Sebuah tangga dari pelenggar itu menjadi laluan naik ke bahagian ibu rumah.

Demikianlah secebis sejarah yang menggambarkan rentetan perisitiwa yang berakhir dengan kami sekeluarga berpindah dari Perlis ke Cherok Tok Kun, di Bukit Mertajam, Seberang Perai. Di kampung itu Ayahku dikenali umum sebagai “Ismail Perlis”. Sebenarnya tak seorang pun penduduk kampung itu yang tahu bahawa Ayahku itu mantan seorang guru. Telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu seseorang yang pernah menjadi guru sekolah digelar “Cikgu” dan panggilan itu bukan saja semasa dia bertugas sebagai guru, tetapi akan kekal seumur hidup, sebagai satu perhormatan kepadanya. Tetapi, malang bagi Ayahku, gelaran itu tidak kekal pada namanya. Dia semata-mata “Pak E Perlis” (singkatan untuk “Ismail Perlis”) bagi semua orang di Cherok Tok Kun. Pernah pada suatu ketika seorang sepupuku datang dari Perlis. Dia tercari-cari rumah kami lalu ditanya di kedai, “Yang mana satu rumah Cikgu Ismail?” Tercengang pembantu kedai itu seketika. Bila sepupuku memberitahu yang Cikgu Ismail itu orang Perlis, barulah pembantu kedai itu dapat mengandaikan yang dicari itu ialah Ayahku.

Maka menetaplah kami di rumah no. 345, Cherok Tok Kun, kerana itulah yang telah ditakdirkan oleh Allah. Aku hanya meninggalkan rumah itu pada 1963, setelah dapat posting sebagai guru ke Sekolah Kebangsaan Weng, Baling[13] .

SK SERI BAYU

Ayahku memiliki sebuah dusun kelapa yang diwarisi dari Bapanya. Luasnya kira-kira setengah ekar. Letaknya di Bukit Kechil, Bukit Mertajam, kira-kira empat batu jauhnya dari rumah. Hasil kebun inilah bakal menjadi sumber utama menampung hidup keluarga kami, di samping pencen Ayahku yang pada masa ini telah bertambah sedikit menjadi 44 ringgit, disebabkan pertambahan elaun sara hidup. Buah kelapa dari kebun Ayahku itu tidak dijual secara borong. Sebaliknya Ayahku menjual secara runcit, iaitu sebagai “nyior gubal”; maksudnya dibuang sebahagian kulitnya tetapi ditinggalkan sabutnya. Ayahku membawanya sendiri dari rumah ke rumah. Basikal Phillipslah yang menjadi alat pengangkutannya. Kelapa pada masa itu, harga borong ialah 10 sen sebiji, tetapi dijual runcit sebagai “nyior gubai” harganya 40 sen.

[13] Kini Sekolah Kebangsaan Seri Bayu.

Masih kuingat bagaimana peritnya Ayahku mencari rezeki. Cuba menungkan, dulu semasa dia menjadi guru, kerjanya ringan, tak perlu banting tulang empat kerat. Maklumlah, kerja guru bersifat intellektual dan bukannya fizikal. Kini, Ayahku terpaksa melakukan kerja dalam kategori fizikal. Tulang empat kerat menjadi asasnya. Apa yang dapat Ayahku lakukan? Diri sendiri, isteri dan dua orang anak perlu diberi makan setiap hari. Lagipun Ayahku sememangnya ada perancangan sendiri: duit pencen bulanannya dia tidak mahu belanjakan tetapi ditabungkan, kerana dia mempunyai rancangan besar untuk masa depanku. Nanti akan ku kisahkan.

NYIUR GUBAL

Dari pohon-pohon kelapa di tanah tinggalan Tok Wan inilah Ayahku mendapat sumber kelapa untuk dijualnya. Sayang sekali tanah ini telah dijual (pada tahun 1980an) kerana kami tidak mampu membayar *quit rent* untuknya yang beratus ringgit setahun. Luas Lot ini ialah "*half undivided share*" daripada 1ekar 1 rood 2 pole (Setengah lagi dimiliki oleh beberapa orang Cina).

Basikal Phillips Ayahku diberi "pelantar" (*carrier*) besar. Sebuah keranjang besar diletakkan di atas pelantar itu dan diikat kemas. Buah kelapa diisikan ke dalam bakul tersebut sampai sarat penuh - kira-kira 30 biji. Inilah mod pengangkutan Ayahku. Pada mulanya susah juga Ayahku mengendalikan basikal dengan muatannya itu, tetapi alah bisa tegal biasa, lama-kelamaan dapat dikendalikan dengan baiknya. Pelanggan yang menjadi sasaran jualan Ayahku ialah suri rumah di berek-berek polis dan di kuarters kerajaan. Malah ramai suri rumah tersebut menjadi pelanggan tetap Ayahku. Lokasi rumah-rumah ini antaranya di Kulim, Kedah, sebuah pekan kira-kira 8 batu dari Cherok Tok Kun. Bila sampai di bahagian jalan yang mendaki bukit ("gon" dalam bahasa tempatan), Ayahku akan turun dari basikalnya dan menolak basikalnya. Bila tiba di bahagian jalan yang mendatar barulah dia menaiki semula. Sekali-sekali terfikir juga olehku, alangkah peritnya tugas mencari nafkah yang terpaksa dilakukan oleh Ayahku itu, demi menyuap nasi empat buah mulut.

<u>MENGENANG KEMBALI AYAHKU</u>

SETIAP kali Aku mengenang Ayahku, semestinya mengalir air mata. Hidupnya penuh dengan peristiwa-peristiwa pahit. Selepas dilahirkan Ibunya meninggal. Kemudian

bila Bapanya berkahwin lain, dia benar-benar dianaktirikan, sehingga dia mencari perlindungan dengan Neneknya. Barangkali tinggal dengan Nenek ada jugalah masa-masa gembiranya, maklumlah Nenek dengan Cucu. Kadang-kadang Nenek lebih mencurahkan kasih sayang daripada ibu bapa sendiri. Semasa sampai umur bersekolah, dilihatnya oleh Ayahku sepupu-puyangnya diberi bersekolah Inggeris, maka Dia pun ingin belajar di sekolah Inggeris tetapi permintaannya ditolak oleh Bapanya, padahal Bapanya seorang guru. Pasti Dia tahu nilai persekolahan Inggeris. Bapanya dipengaruhi oleh Isterinya (Emak Tiri kepada Ayahku) yang kedekut. "Membazir," katanya.



Borang B1

PELAN TANAH

Jenis dan No. Hakmilik : GM 517
Negeri : Pulau Pinang
Daerah : Seberang Perai Tengah
Bandar/Pekan/Mukim : Makim 12
Jenis Hakmilik : Geran Mukim
No. Lembaran : 16-B-III&IV,16-D-I&II
No. Pelan Diperakui : 7232
No. Lot : Lot 265
Luas Lot : 5568.4739 Meter Persegi (1.376 Ekar)

Bertarikh pada ..... haribulan 24 SEP 2001

PELAN TANAH DUSUN KELAPA MILIK AYAHKU

Setelah berjaya menjadi guru di Perlis, semasa usianya kira-kira 20 tahun - seperti yang Aku kisahkan di atas- maka Ayahku mula merasa nikmat hidup. Walaupun gajinya hanya berbelas ringgit, tetapi pada zaman itu kuasa membelinya kuat. Zaman itu duit seperempat sen (sekepiang) sudah dapat membeli sebiji kuih. Dapatlah Ayahku bergaya dengan kasut *Crocket & Jones* dan jam tangan *Roskopf*. Juga dapat dia bergaul dengan personaliti-personaliti peringkat atasan. Malangnya, zaman kenikmatan hidup bagi Ayahku itu tidak panjang kerana pada usia 34 dia diberhentikan dari jawatan gurunya. Ini penganiayaan, tetapi pada zaman itu tiada saluran untuk mencari keadilan. Maka, dalam sekelip mata, dari jawatan guru Ayahku menjadi pekerja kampung.

KUDA KAYU MAINAN

Ayahku memiliki satu sifat kelemahan, iaitu dia panas baran. Jika dia marah, dia tidak dapat mengawal kemarahannya. Misalnya, semasa Aku belasan tahun, Aku pernah menjawab tegurannya. Serta merta dia bertindak membelasah Aku dengan kuda kayu mainan Adikku. Pukulannya mengenai bahu kiriku sehingga badanku menjadi senget sebelah. Nasib baik kemudiannya dapat dipulihkan semula. Satu ketika dia marahkan Adiku Hussin, yang pada masa itu berusia kira-kira 8 tahun. Ditangannya ada sebuah "pot tin susu" yang digunakan untuk menceduk air. Pot tin itu dibalingnys ke arah Adikku, terkena dahinya, bersemburan keluar darah. Dia terpaksa membawa Adikku ke hospital, dikatanya kepada doktor Adikku itu terjatuh. Mengikut Ibuku sifat

panas baran Ayahku itu hanya muncul selepas kekecewaannya diberhentikan kerja gurunya. Ini diklasifikasikan oleh ahli psikologi sebagai *personality change.*

Ada lagi peristiwa naik angin Ayahku yang lebih besar padahnya. Suatu ketika dia marah kepada Ibuku kerana sesuatu hal, diungkit-ungkitnya pemberian sekeping tanah kepada Ibuku. Tidak puas marah, dia mencari geran tanah tersebut dan terus membakarnya dalam api di dapur. Terpaksalah kami kemudiannya meminta salinan geran tersebut dari Pejabat Tanah.

Aku mendengar cerita perceraian Ayahku dengan Ibu Tiriku ialah kerana Dia melarang Ibu Tiriku, yang hendak melahirkan anak ketiganya, balik melahirkan anak itu di kampung. Ibu Tiriku berdegil, terus dilafazkan talak oleh Ayahku.

Ayahku bercerai dengan Ibuku semasa umurnya sudah lanjut, iaitu 80 tahun dan Aku sedang berada di Amerika. Khabarnya, puncanya kerana Ibuku telah menggadai sebuah barang perhiasan emas pemberiannya, kerana kesesakan belanja. Kerana kemarahannya, entah apakah kata-kata yang terbit dari mulutnya, yang ditafsirkan oleh Kadi sebagai lafaz talak.

Sedih Aku memikirkan nasib Ayahku akibat sifat senang naik anginnya. Dalam hal-hal kebajikan rumah tangga, Dia sangat patut diberi kepujian.

AYAHKU PADA USIA 70AN

Antara kenanganku tentang Ayahku ialah dia pandai bercerita. Disebabkan pembacaannya yang luas semasa dia menjadi guru dulu, banyaklah kisah-kisah yang di dalam ingatannya. Segala bentuk hikayat telah dibacanya. Sesetengahnya baru kini, setelah Aku dewasa dan setelah ada internet baru kutemui. Misalnya: *Hikayat Nakhoda Muda* (yang kutemui di internet terjemahannya dalam bahasa Inggeris). Sesetengahnya sampai hari ini tidak pernah kutemui, seperti *Cerita Rokambul*. Banyak kisahnya itu yang diceritakan kembali padaku.

Sesungguhnya mobiliti sosial yang dapat dinikmati oleh Anak-cucunya (tetapi telah dinafikan bagi dirinya) telah diletakkan batu asasnya oleh Ayahku. Visi dan misi hidupnya sungguh mulia, lantas dibarkati Allah. “Ya Allah Engkau cucurilah RahmatMu ke atas rohnya. Letakkan Dia bersama-sama roh mereka yang mendapat rahmatMu. Berikanlah Dia ganjaran di akhirat nanti apa yang Dia telah terlepas di dunia ini. Amin ya Rabb al-‘Alamin”

5. PERMULAAN SEKOLAHKU

SEKOLAH MELAYU

Telah kuceritakan terdahulu tentang pendedahan awal Aku kepada mekanisme membaca dan menulis. Kusebut kembali secara ringkas. Pada usiaku kira-kira 6 tahun, Ayahku memperkenalkan kepadaku “a,b.c...”. Bila Aku masuk ke Sekolah Melayu Cherok Tok Kun dalam bulan Januari 1948, semasa aku berusia 6 tahun 8 bulan, aku sudah kenal abjad Roman, dapat membaca ayat-ayat Melayu yang mudah-mudah dan menulis sedikit sebanyak. Aku masih ingat pada peringkat awal aku kadang-kadang keliru antara huruf “b” dan “d”. Alhamdulillah, keadaan itu tidak lama. Akhirnya, aku tidak lagi keliru.

Sekolah Melayu Cherok Tok Kun terdiri dari dua buah bangunan, terpisah satu sama lain kira-kira seperempat batu. Bangunan Sekolah Perempuan terletak di Jalan Kolam, manakala bangunan Sekolah Laki-laki terletak di Jalan Kulim. Sekolah Laki-laki sangat dekat dengan rumahku, kira-kira 500 ela; Sekolah Perempuan agak jauh, kira-kira tiga perempat batu. Darjah 1 dan 2 ditempatkan di Sekolah Perempuan; Darjah 3,4,5 dan 6 di Sekolah Laki-laki. Kini, kedua-dua sekolah itu sudah tiada[14], digantikan dengan Sekolah Kebangsaan Juara. Sekolah Perempuan yang menempatkan Darjah 1 dan 2 itu rangkanya daripada kayu, dinding pelupuh (kulit bertam yang dianyam), atap nipah dan lantai simen. Tidak ada sekatan atau bilik antara darjah-darjahnya. Apa yang diajar dalam satu darjah boleh kelihatan dan didengar oleh kanak-kanak dalam darjah lain.

Tidak ada meja dan kerusi bagi murid-murid Darjah 1; kami melepok di atas lantai simen saja, berlapikkan tikar mengkuang. Sesuatu yang aneh, umur murid-murid tidak sebaya. Di dalam Darjah 1 umur murid-muridnya dari 7 tahun ke 10 tahun. Ini adalah disebabkan Negara baru saja lepas Perang Dunia II. Semasa Perang sekolah banyak yang tutup, kecuali sekolah yang mengajar menggunakan Bahasa Jepun. Tahun Aku masuk sekolah, iaitu 1948, keadaan belum begitu stabil. Maka kerana itulah terdapat kepincangan ini.

[14] Sebenarnya, bangunan kedua-dua sekolah itu masih ada hingga ke hari ini tetapi tidak lagi berfungsi sebagai sekolah.

Dari segi peralatan sekolah semuanya berkurangan. Tadi telah kusebutkan keadaan meja dan kerusi. Buku teks juga tidak mencukupi, terpaksa berkongsi dan tidak dibenarkan dibawa balik ke rumah. Alatulis juga dhaif. Pensil amat berharga; sebatang pensil dikerat tiga, diberikan kepada tiga orang murid. Untuk menjadikan pensil yang tinggal 2 inci itu selesa dipegang, murid-murid membuat *pencil holder* sendiri dengan buluh kecil, iaitu buluh Cina. Pemadam juga dikongsi. Dari segi pakaian murid-murid, tidak ada pakaian seragam. Asalkan seluar pendek dan baju kemeja, tidak kisah warnanya. Di kaki pula, 90% kanak-kanak tidak berkasut, yakni berkaki ayam. Aku dibeli oleh Ayahku kasut *canvas* warna hitam. Item pakaian yang semua murid ada ialah songkok, bukan kerana diwajibkan memakainya, tetapi kerana itulah pakaian kelaziman zaman itu.

Agak menarik juga ada peralatan untuk menapis air. Sangat asasi, tetapi mencukupi. Sebenarnya kaedahnya sama seperti apa yang digunakan hari.ini (*reverse osmosis*), hanya *basic* saja. Air perigi dimasukkan ke dalam sebuah pasu *ceramic* (dibuat dari pasir kasar dan kapur) yang poros, yakni mempunyai lubang-lubang seni. Air akan menitis turun dari pasu *ceramic* ini dan ditahan dibawahnya dalam sebuah pasu tanah. Lubang-lubang di penapis ini sangat seni dan tidak dapat kekotoran dan kuman-kuman lulus masuk ke dalam pasu takungan. Keseluruhan *contraption* ini diletakkan dalam sebuah almari tertutup. Air minum diambil dari pasu tanah yang terletak pada bahagian bawah *contraption* ini.



PENAPIS AIR



CIKGU IBRAHIM AHMAD, GURUKU SEMASA DARJAH 2

Aku mendapat Cikgu yang sudah lanjut umur, Cikgu Taib, yang sudah mencapai usia hampir bersara. Dia sangat baik hati dan penyabar. Mata pelajaran tidak banyak: Tulisan Rumi, Tulisan Jawi, Bacaan Rumi, Bacaan Jawi, Kira-kira (belum dipanggil matematik lagi), Nyanyian dan Lukisan, dan Latihan Jasmani (dipanggil Senaman). Sebahagian daripada kurikulum Sekolah Melayu ialah berkebun. Ini adalah kerana objektif Sekolah Melayu, seperti yang ditetapkan oleh Winstedt (Pengarah Pendidikan Melayu) ialah memastikan orang Melayu akan meneruskan cara hidup nenek moyang mereka, terutama sebagi petani. Di belakang bangunan sekolahku ada kawasan lapang. Murid-murid laki-laki Darjah 4,5 dan 6 diajar bercucuk-tanam sayur-sayuran di sini. Aku tidak merasa aspek ini kerana akan meninggal Sekolah di akhir Darjah 3.

Zaman itu, di akhir tahun tiap-tiap darjah diadakan peperiksaan naik darjah. Murid yang gagal terpaksa mengulang di darjah sama. Ada kes murid yang betul-betul bodoh terpaksa mengulang beberapa kali, hingga akhirnya dia berhenti saja dari belajar. Sistem naik darjah berdasarkan lulus peperiksaan adalah amalan biasa pada masa itu dan hanya dihentikan dan digantikan dengan naik darjah secara otomatiik[15] pada 1957, iaitu berikutan terlaksanya sistem pendidikan baru seperti yang dicadangkan oleh Penyata Razak 1956.

INILAH SEKOLAH SEMASA AKU DARJAH 1 & 2[16].

Aku pindah ke Sekolah Laki-laki hanya apabila naik Darjah 3 pada tahun 1950. Barulah rasa duduk di kerusi. Cikguku bernama Cikgu Saleh, seorang yang amat kelakar orangnya.

Masih ku ingat semasa Peperiksaan Akhir Tahunnya aku tidak dapat hadir ke sekolah kerana demam. Cikgu Saleh telah bersusah payah mengadakan peperiksaan khas untukku setelah aku hadir semula ke sekolah. Pada zaman itu, belum ada kemudahan saiklostail. Jadi, soalan peperiksaan dituliskan di atas papan hitam saja. Cikgu Saleh mengadakan kelas *open-air* bagi pelajar-pelajar lain semasa aku menjalani peperiksaan itu seorang diri. Mata pelajarnnya tidak banyak; jadi peperiksaannya selesai dalam satu hari. Apabila keluar keputusan peperiksaan, alangkah gembiranya Aku kerana mendapat tempat kedua. Dengan kelulusan ini nanti aku diterima masuk ke Sekolah Inggeris (akan kukisahkan nanti).

Kini, sekolah sangat dekat dengan rumahku, kira-kira suku batu sahaja. Namun kadang-kadang lewat juga aku ke sekolah. Murid-murid sudah berbaris dalam perbarisan pagi, baru aku tergesa-gesa sampai. Cikgu Chik, Guru Disipiin, pada suatu masa menyuruh aku berdiri di depan perbarisan dan memarahiku. Sebab aku lambat ke sekolah ini kerana tergendala semasa mandi. Aku sebenarnya amat dimanjakan oleh Ayahku. Pagi-pagi dia akan memasak air dalam sebuah tin minyak tanah sebagai air mandiku, kerana tak hendak aku kesesejukan. Bila air lambat panas, maka tergendalalah mandiku dan lambatlah Aku ke sekolah. Keperihatinan Ayahku dalam hal menyediakan air mandiku ini adalah satu contoh bagaimana Ayahku amat mengambil berat tentang hal anak-anak. Dalam hal lain, bila aku mendapat sedikit

[15] Dalam sejarah persekolahanku aku hanya dapat menikmati naik darjah secara otomatik ini sekali saja, iaitu pada tahun 1957 – dari Tingkatan 4 ke Tingkatan 5.

[16] Hanya kerangka asal digunakan. Dinding dan bumbung sudah digantikan dengan simen dan zing.

luka semasa bermain, sibuklah Ayahku menyelenggara luka itu; dicucinya dengan air suam dan ditampalkan ubat. Itulah dilakukan setiap pagi sampai luka itu sembuh.

Alhamdulillah! Sebagai murid sekolah aku terhetong cerdik. Sebenarnya, asuhanku di rumah banyak menyumbang kepada sifat ini pada diriku. Di rumahku terdapat banyak bahan bacaan, saki baki daripada koleksi buku Ayahku semasa dia menjadi guru dahulu.

Kebanyakan buku-buku ini dalam tulisan Jawi, kerana sehingga tahun-tahun 1950an tulisan Jawi digunakan dengan meluas. Akhbar kesukaan ramai orang Melayu, iaitu *Utusan Melayu* dan *Warta Negara* (sekarang sudah tiada) juga diterbitkan dalam tulisan Jawi. Ini membawa satu fenomena yang menarik. Di Kelantan dan Terengganu tidak ramai orang Cina. Maka, tiada sekolah Cina di sana. Jadi orang Cina kalau hendak bersekolah kenalah masuk sekolah Melayu. Maka, terjadilah fenomena menarik yang kukatakan itu, iaitu kelihatan orang Cina membaca akhbar Utusan Melayu yang bertulisanJjawi. Di Pantai Barat, di Pulau Pinang dan Perak, misalnya, orang Cina bersekolah di sekolah Cina; mereka tidak mahu belajar di sekolah Melayu. Sekolah Cina banyak didirikan oleh usaha masyarakat Cina sendiri. Maka, ini menyebabkan orang Cina menjadi etnosentrik. Guru-guru yang asalnya dari negeri Cina mengajar apa yang mereka sendiri telah belajar di negeri Cina dahulu. Memang ini yang dikehendaki oleh masyarakat Cina sendiri sebab mereka menganggap suatu hari kanak-kanak Cina ini akan pulang ke negeri Cina juga. Tanah Melayu hanya tempat mencari nafkah hidup. Maka, situasi ini menjadi masalah apabila Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957. Orang-orang Cina (dan India) diberi kerakyatan Tanah Melayu, sedangkan negeri Cina menjadi tumpuan kasih-sayang mereka (dan orang India memberi kasih-sayang mereka kepada India).

HADIAH UNTUKKU SEBAGAI PELAJAR TERBAIK MATA PELAJARAN SAINS DI PEPERIKSAAN LOWER CERTIFICATE OF EDUCATION[17]



Kerana pendedahanku yang awal kepada bahan-bahan bacaan ini, maka telah terbentuk dalam diriku sifat rajin membaca. Semasa Aku bersekolah di High School, amat banyak buku yang kubaca, bukan saja buku-buku cerita tetapi sehingga buku teks, terutama buku sains kerana aku amat meminati mata pelajaran itu. Minat Aku dalam mata pelajaran Sains membuahkan hasilnya apabila aku muncul

[17] Aku diberi hadiah kamus kerana Aku tidak memilih aliran sains semasa Tingkatan 4.

pelajar terbaik dalam Sains dalam peperiksaan *Lower Certificate of Education* 1956. Alhamdulillah, sifat rajin membaca ini kekal dalam diriku hingga ke hari ini.

Ada suatu episod berhubung Hadiah Buku di atas. Semasa Aku dalam Tingkatan 3, mata pelajaran Sains diajar oleh seorang guru China, namanya Mr. Teoh Beng Eang. Entah apa sebabnya guru ini sangat tidak sukakan Aku. Pada suatu hari, dalam kelas Sains, tanpa sesuatu sebab pun, semasa dia mengelilingi kelas mengawas kami melakukan ujikaji, dia berkata kepadaku, "*You look very stupid to me".* Aku diam saja menelan kata-katanya itu.

Nyatalah Mr. Teoh Beng Eang telah bertindak *judging a book by its cover* kerana di akhir tahun itu (1956) dalam Peperiksaan *Lower Certificate of Education*, Akulah yang menjadi murid terbaik dalam mata pelajaran Sains.

Semasa di Sekolah Melayu, antara aktiviti sampingan di sekolah ialah bergilir-gilir menyediakan susu untuk diminum semasa rehat. Susu ini adalah sumbangan Kementerian Kesihatan. Susunya jenis serbuk (susu tepung) dan memerlukan air panas untuk membancuhnya. Maka, kami digilir-gilirkan tugas memasak dan membancuh susu ini. Zaman itu belum ada susu tepung segera. Susu tepung segera senang dibancuh sebab ia tidak melekit, tetapi susu tepung biasa cenderung untuk berketul dan menjadikannya susah dibancuh. Murid-murid sebenarnya tidak suka meminum susu itu tetapi dipaksa oleh guru. "Susu ini untuk buat kamu sihat", kata Cikgu. Sebenarnya program susu di sekolah itu dikira sesuatu yang penting untuk kesihatan kanak-kanak kerana pada zaman itu susu tidak menjadi bahan pemakanan yang lazim di rumah orang Melayu; pendapat tradisional hanya bayi yang menyusu. Kalau pun ada susu di rumah, dikhaskan untuk dicampurkan kepada kopi atau teh, iaitu susu pekat manis. Selainnya, minum kopi "O" saja. Zaman itu hanya terdapat Susu Cap Junjung sahaja dalam pasaran. Pada zaman itu susu pekat manis juga turut diberi kepada kanak-kanak kecil. Aku di rumah tidak minum susu pekat manis, sebab Ayahku membeli untuk kami susu tepung. Kurang pasti pula aku jenama susu tepung yang kami minum itu, tetapi besar kemungkinan ialah "KLIM" (Iklan KLIM mempopularkan kata-kata, "*Spell it backwards*"). Jenama KLIM ialah susu tepung pertama dalam pasaran dunia iaitu keluaran Syarikat Borden, New York pada tahun 1920.

Atas: SUSU KLIM
Bawah: SUSU JUNJUNG & ROKOK TEMBAK

Tentang jenama "Susu Junjung" ada sesuatu yang pelik. Orang Melayu memberi nama bagi "*Milkmaid Milk*" itu "Susu Junjung", sebab gambarnya menunjukkan gambar seorang gadis "menjunjung" baldi susu. Sama seperti jenama pada rokok yang paling popular pada masa itu. iaitu "Rokok Tembak". Jenamanya

dalam bahasa Inggeris ialah "*Rough Rider Cigarettes*", tetapi disebabkan gambarnya menunjukkan perbuatan "menembak" maka jadilah ia "Rokok Tembak".

Satu peristiwa yang lekat dalam ingatanku berhubung zaman persekolahanku di kampung adalah seperti berikut:

Di halaman Sekolah Laki-laki ada sepohon besar pokok bacang[18] (nama saintifiknya *Mangifera foetida Lour*). Menjadi kebiasaan kami kanak-kanak memungut buah bacang yang gugur dan tidak pernah sesiapa pun melarang kami, termasuk Guru Besar yang rumahnya tidak jauh. Suatu malam Aku dan kawanku, Md. Saleh berjaga untuk beberapa jam memungut buah bacang yang gugur itu. Guru Besar yang lama sudah ditukarkan dan Guru Besar yang baru menduduki rumah sekolah itu. Rupa-rupanya dia mengintip perbuatan kami itu, tetapi tidak dilakukan apa-apa pada masa kami mengutip buah itu. Keesokan harinya semasa perbarisan pagi, Aku dan Md. Saleh dipanggil oleh Cikgu Besar keluar dan disuruhnya berdiri di hadapan perbarisan. Rupa-rupaya dia dapat mengecam kami semasa dia mengintai semalam.

"Tengok semua," kata Cikgu Besar. "Dua orang pencuri ni semalam mencuri buah macang saya. Entah berapa banyak saya tak tau."

Malunya Aku tidak terkira. Rasa macam nak lari saja, tetapi terpaksalah bertahan.

"Saya nak depa dua ni mai hantar balik buah-buah tu petang ni. Kalau tidak, saya nak repot polis, kata di sekolah ni ada pencuri." Kami tunduk saja, rasa nak terkencing pun ada.

Petangnya, kami pun membawa balik buah-buah bacang yang kami kutip semalam. Nasib baik belum dimakan.

"Sebenarnya," kata Cikgu Besar, "saya bukan nak sangat buah macang ni, tapi saya nak bagi kamu sedar mencuri tu tak baik. Faham?"

Kami pun mengaku.

"Takpalah. Ambillah buah-buah ni. Tapi, jangan buat lagi macam ni."

Kami terkulat-kulat mengata, "Baik. Cikgu. Kami minta maaf".

Maka, berakhirlah episod kami menjadi pencuri bacang itu, tetapi sampai hari ini Aku tidak dapat melupakannya. Guru Besar baru ini sebenarnya sangat baik. Anaknya yang kira-kira sebaya denganku turut menjadi kawan karibku.

[18] Kita di Utara memanggilnya "Macang".

6. KE SEKOLAH INGGERIS

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah Hadis daripada Abu Hurairah RA:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ كَمَثَلِ الْبَهِيمَةِ تُنْتَجُ الْبَهِيمَةَ هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءَ.

Bermaksud: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci bersih. kedua ibu bapanyalah yang membuatnya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi. Sebagaimana seekor ternakan yang melahirkan anaknya (dengan sempurna kejadian dan anggotanya), adakah kamu menganggap hidung, telinga dan lain-lain anggotanya terpotong."

MEMBUAT PILIHAN SEKOLAH

Ya, tepat sekali hadis tentang peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam mewarnai kehidupan seorang anak. Antara peranan ibu bapa itu ialah menentukan pendidikan anak-anaknya. Ayahku amat kuat pegangan agamanya. Maka dia telah merancang

untuk Aku bersekolah Agama/Arab. Pilihannya ialah MADRASAH ALAWIAH yang letaknya di Perlis.

Perancangan ini dibuat oleh Ayahku semasa usiaku 10 tahun iaitu Aku dalam Darjah 3 di Sekolah Melayu. Sebab sekolah ini menjadi pilihan kerana Ayahku sudah biasa dengan sekolah ini. Malah Abangku, Saleh juga pernah belajar di situ dalam tahun-tahun 1930an. Cadangnya Aku hendak ditumpangkan di rumah Sheikh Mahmud Md. Saman, Kadzi Besar Perlis pada ketika itu; isteri Sheikh Mahmud adalah sepupu Ibuku. Apabila Ayahku menghubungi Tuan Sheikh Mahmud, beliau memberi

pendapatnya yang pilihan yang lebih baik ialah ke sekolah Inggeris. Alasannya, kelulusan Sekolah Inggeris lebih mudah mendapat pekerjaan. Dari segi bimbingan amal ibadat, itu boleh dilakukan sendiri oleh ibu-bapa di rumah. Dia sendiri pun menghantar anak-anaknya lelaki dan perempuan ke sekolah Inggeris, walaupun dia sendiri berkelulusan dalam bidang agama dari Universiti al-Azhar, Mesir. Agaknya apabila mendengar nasihat daripada seorang yang dikira ulama itu, Ayahku terlupa tentang kata-kata dari al-Quran al-Karim (asy-Syura':20):

مَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ

Siapa yang menghendaki keuntungan di akhirat, akan Kami tambahkan keuntungan itu baginya, dan siapa yang menghendaki keuntungan di dunia , kami bagikan kepadanya sebahagin darinya tetapi dia tidak akan mendapat bahagian di akhirat.

Sekolah Al-Alawiyah Arau pada tahun 1959

Demikianlah rentetan peristiwa yang telah membuat Ayahku mengambil "pusingan U" dari hendak menghantar Aku dari sekolah Arab ke sekolah Inggeris pula. Andainya Aku jadi belajar di Sekolah Agama/Arab itu, apa agaknya perjalanan hidupku? Rasa-rasanya, jadi Ustazlah Aku. Atau setidak-tidaknya bekerja di Jabatan Agama Islam. Ini semua kemungkinan saja. Yang akan jadi kenyataan ialah apa yang ditakdirkan oleh Yang Maha Esa. Itu semua adalah bab kada dan qadar.

Sheikh Mahmud Md. Saman, walaupun berpendidikan agama, dikenali seorang yang berpegangan sekular. Empat orang anak-anaknya (Firdaus, Ghazlan Azmi dan Fauziah) semua berpendidikan Inggeris.

Pada masa itu Sekolah Inggeris yang terdekat ialah High School Bukit Mertajam yang jauhnya hanya kira-kira dua batu dari Cherok Tok Kun. Selainnya ialah di Pulau Pinang.

Patut juga Aku huraikan sedikit struktur pendidikan pada zaman Tanah Melayu belum Merdeka:

Sekolah Vernakular Melayu diwujudkan oleh pemerintah British untuk memberi kanak-kanak Melayu *a rudiment of education* (pendidikan pada tahap rendah saja), kerana orang Melayu dikehendaki meneruskan pola kehidupan nenek-moyang mereka di kampung, *as tillers of the soil.* (petani yang bercucuk-tanam). Pendidikan yang berlebihan ditakuti akan membuat pemuda-pemuda Melayu meninggalkan kampung dan mencari pekerjaan makan gaji. Jika ini berlaku, akan rosaklah segala perancangan sosial Pemerintah Inggeris untuk Tanah Melayu.

Darjah tertinggi di Sekolah Vernakular Melayu pada mulanya Darjah 4, kemudian ditambah 2 tahun lagi jadi Darjah 6. Tamat Darjah 6, tamatlah kerjaya pendidikan kanak-kanak Melayu. Sebahagian kecil berjaya makan gaji, menjadi guru sekolah Melayu , polis, penghulu, budak pejabat, tukang kebun dan beberapa pekerjaan *blue collar* lain seumpamanya. Yang ramainya meneruskan cara hidup ibu-bapa mereka sebagai pesawah dan penoreh getah.

Sekolah Inggeris ialah tempat menyediakan mereka yang boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris untuk menjadi kerani, guru sekolah Inggeris, pegawai kerajaan dan pelbagai pekerjaan *white collar.* Halangan utama bagi kanak-kanak Melayu masuk ke sekolah Inggeris ialah yurannya yang berbagai: *school fee, library fee, games fee* dan sebagainya. Di *High School*, ada pula *cinema fee.* Lagi pun sekolah Inggeris terletak di bandar, sedangkan orang Melayu tinggal di kampung dan ceruk rantau. Maka natijahnya, amat sedikit kanak-kanak Melayu yang berpeluang belajar di sekolah Inggeris. Kesedaran ibu-bapa juga penting; pada zaman itu masih ramai yang tidak memikirkan pendidikan itu penting. Malah, ada ibu-bapa Melayu yang bimbang jika anak-anak mereka belajar di sekolah Inggeris, mereka akan jadi Kristian. Nasib baik Ayahku tidak berpendapat begini.

Pada zaman itu, kaedah masuk belajar di Sekolah Inggeris ada dua. Pertama, masuk terus ke Sekolah Inggeris semasa usia 7 tahun. Kanak-kanak yang masuk sebegini akan di tempatkan di Primary 1. Laluan seterusnya ialah Primary 2, Standard 1, Standard 2, Standard 3, Standard 4, Standard 5, Standard 6, Standard 7, Standard 8 dan Standard 9. Standard 9 ini ialah *School Certificate Class,* bersamaan dengan Form 5 hari ini.

Satu lagi kaedah belajar di Sekolah Inggeris bagi kanak-kanak Melayu ialah belajar dulu di Sekolah Melayu hingga Darjah 4; kemudan *transfer* ke Sekolah Inggeris. Kanak-kanak yang masuk secara ini akan ditempatkan di *Special Malay Class 1*. Laluan seterusnya ialah *Special Malay Class 2,* Standard 4, Standard 5, Standard 6, Standard 7, Standard 8 dan Standard 9. Dalam 2 tahun permulaan, di *Special Malay Class 1* dan *Special Malay Class 2,* kanak-kanak diberi kursus intensif Bahasa Inggeris. Apabila sampai ke Standard 4, mereka dikira sudah setanding pencapaian bahasa Inggeris dengan murid-murid yang masuk melalui Primary 1. Dalam Peperiksaan Akhir Tahun di *Special Malay Class,* pelajar yang cemerlang diberi *double promotion*[19]*,* yakni terus ke Standard 5 (tak singgah di Standard 4). Antara kawan-kawanku ada 4 orang: Abdullah Hj. Ahmad, Radzi Hj. Mansor, Saad Hashim dan Md. Noor Ibrahim. Seorang dalam senarai ini telah gagal Peperiksaan Akhir Tahun semasa di Standard 5. Jadi, dia sama balik dengan kami yang tidak dapat *double promotion.*

Tentang diriku, ada sedikit keistimewaan, iaitu Aku bertukar ke Sekolah Inggeris setelah tamat Darjah 3, tidak tunggu sampai ke Darjah 4. Aku kurang pasti bagaimana perkara ini boleh berlaku. Kemugkinannya adalah kerana markah peperiksaan Darjah 3 ku itu tinggi. Aku bernasib baik mendapat status *free scholar.* Ini bermakna aku dikecualikan daripada membayar yuran bulanan sekolah (*school fee*). Pengecualiaan ini kekal sehingga aku tamat Tingkatan 5. Yurannya ialah $2.50 dalam *Special Malay Class 1* dan *2* dan Standard 4. Selepas itu ialah $5.00 hingga ke Tingkatan 5. Namun begitu, ada satu syarat, iaitu tiap-tiap tahun murid itu mesti lulus Peperiksan Akhir Tahun. Alhamdulillah, aku lulus setiap tahun. Jika gagal, walaupun sekali, hilanglah status *free scholar.*

Sebelum tahun 1956 (iaitu sebelum diluluskan Penyata Pelajaran Razak), sistem pendidikan di Tanah Melayu mempraktikkan naik darjah melalui peperiksaan. Ini bererti, mana kanak-kanak yang gagal dalam peperiksaan akhir tahun, tidak akan dinaikkan ke darjah selanjutnya. Dia akan diminta mengulangi darjah yang dia gagal peperiksaan itu. Dia hanya dibenarkan naik darjah kiranya lulus peperiksaan kali kedua ini. Kalau di sekolah Melayu, tidak kisah berapa kali tidak lulus peperiksaan; kerana itu ada kanak-kanak yang bodoh berkali-kali tidak lulus, sehingga akhirnya dia sendiri memilih keluar sekolah. Di sekolah Inggeris, peraturannya berbeza. Jika dua kali gagal - tidak kira berturut-turut atau tidak - dia akan “dibuang sekolah”, maksudnya disuruh berhenti. Daripada kira-kira 80 orang (dua kelas) yang masuk ke *Special Malay Class 1* pada tahun 1951, hanya tinggal kira-kira 10 orang saja, apabila sampai ke akhir kerjaya sekolah, iaitu Tingkatan 5 pada tahun 1958. Selain daripada yang tercicir, ada juga mereka yang keluar selepas Tingkatan 3 dan sebilangannya

[19] *Double promotion* tidak terbatas kepada aliran Special Malay sahaja. Pelajar yang masuk melalui aliran Primary 1, juga diberi lompat kelas, jika dia baik, tidak kira bangsa.

semasa di Tingkatan 4 kerana masuk ke Maktab Perguruan. Pada masa itu, syarat menjadi guru (sekolah rendah) ialah 3 tahun Kelas Menengah.

Teringat Aku sebuah kisah tentang seorang kawanku yang dibuang sekolah kerana gagal dalam peperiksaan kali keduanya. Emak kawanku ini memberitahu orang kampung, yang bertanya mengapa anaknya kena berhenti sekolah, bahawa di sekolah "tak cukup bangku". Tersenyum Aku mendengar alasan yang *simplistic* ini, tetapi diterima oleh orang kampung.

Maka, diringkaskan ceritanya bertukarlah Aku dari Sekolah Melayu Cherok Tok Kun ke *High School Bukit Mertajam* pada bulan Januari 1951. Salah seorang rakan sedarjahku ialah murid dari Kepala Batas, Abdullah Bin Hj. Ahmad (namanya tersebut di atas tadi), yang kemudian hari akan dikenali sebagai Abdullah Badawi, Perdana Menteri Malaysia (dari 2003 sampai 2008).

BAHAGIAN HADAPAN HIGH SCHOOL

Sesuatu yang agak lucu yang berlaku kepadaku semasa Aku baru-baru masuk ke *High School* adalah seperti berikut. Semasa latihan jasmani, murid-murid yang bersongkok meletakkan songkok di pagar padang. (Pada zaman itu songkok adalah pakaian "rasmi" bagi kanak-kanak Melayu. Tradisi ini diteruskan oleh sebahagian murid-murid yang berada dalam *Special Malay Class.* Malah, dua orang pelajar, Abdullah Hj. Ahmad dan sepupunya, Radzi Hj. Mansur, terus memakai songkok hingga ke Tingkatan 5. Yang selainnya, beransur-ansur membuang tradisi itu). Pada hari itu, selepas selesai latihan jasmani kudapati songkokku tiada, telah disorok oleh seorang *practical joker.* Maka dari saat itu tamatlah zaman aku bersongkok ke sekolah.

BERSAMA PAK LAH

Bila kukenang semula zaman sekolahku di *High School*, terasa benar kehinaan yang terpaksa kutanggung. Dalam satu kelas, kanak-kanaknya adalah anak guru, kerani, peniaga, pekebun getah dan seumpamanya yang ibu-bapa dapat diklasifikasikan sebagai "berada". Bagi diriku, modal Ayahku hanyalah $40 ringgit sebulan wang pencennya. Belanja berulang untukku ialah 10 sen tambang bas dan 20 sen wang belanja makan. Pakaianku sehelai baju putih dan sehelai seluar pendek biru, yang kedua-duanya perlu dapat bertahan untuk setahun. Jika koyak, ditampal, pakai juga. Kasut kanvas

warna putih, sepasang untuk setahun[20]. Sepasang *uniform* itu dipakai untuk lima hari persekolahan dan dibasuh pada hari Sabtu. Jika hari hujan dan pakaian tidak kering, kenalah Aku menggosoknya dengan seterika hingga kering. Seterika pula terpaksa dipinjam dari jiran, kerana kami tidak mampu membelinya sendiri. Bara api untuk memanaskan seterika itu ialah tempurung kelapa yang dibakar.

Di kalangan murid-murid yang miskin yang bersekolah bersamaku, yang Aku masih ingat ialah seorang budak India, Thiruvanam namanya. Bapanya bekerja menggulung curut dan pendapatan hariannya didasarkan kepada berapa batang curut yang berjaya digulungnya. Begitu rendah kedudukan sosialnya, begitu terpuji cita-cita orang India ini. Malangnya, Thiruvanam telah gagal kali kedua semasa Tingkatan 2 dan telah dibuang sekolah.

SETERIKA ARANG

Buku teks perlu dibeli (setahun boleh jadi amaunnya 3 angka, sebab semua buku-bukunya diterbitkan di England; aku dapat jimatkan sedikit dengan membeli buku terpakai dari kawan *senior*). Bila tiba akhir tahun sibuklah Ayahku mencari wang buku. Cara yang dia kerap dapat duit itu ialah dengan memajak tanah sawahnya yang terdapat di Permatang Bendahari. Kadang-kadang belum tamat tempoh pajakan yang lalu ditambahkannya lagi untuk beberapa tahun lagi ke hadapan. Orang yang memajak tanah itu mengambil kesempatan daripada pajakan "ke depan" ini dengan meletakkan bayaran yang rendah daripada sepatutnya.

KELAS SMC I

Dalam gambar ini Abdullah Hj. Ahmad tidak hadir. Daripada 36 orang dalam gambar ini, yang sampai ke Tingkatan 5 pada 1958 hanya 10 orang; yang selainnya beransur-ansur tercicir kerana gagal 2 kali dalam

[20] Pernah suatu hari semasa perbarisan pagi, pelajar Cina yang di belakangku berkata, "*Why are you so dirty?*"

Peperiksaan Akhir Tahun. Daripada 10 orang ini, 4 orang mendapat *double promotion* dan sampai Tingkatan 5 pada tahun 1957. Guru Kelas ialah Mr. K.V. Nathan. Aku berdiri no. 4 dari kanan, barisan tengah.

Dalam Peperiksaan *Cambridge School Certificate* 1958 aku memperolehi SIJIL PANGKAT 2 (Yang cacat dalam pencapaianku ialah aku mendapat Pangkat 6 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu)[21]. Aku cuba membaiki keputusan dalam 2 mata pelajaran yang kurang memuaskan dalam sijil asal itu, dalam Peperiksaan *Supplementary* setahun kemudian lalu memperolehi GRED 3 dalam mata pelajaran BAHASA INGGERIS (iaitu CREDIT yang amat baik) dan GRED 4 dalam mata pelajaran BAHASA MELAYU (iaitu CREDIT yang baik). Andainya, kelulusan yang sebegini Aku dapat dalam peperiksaan asal, rasanya aku layak dipilih ke *KIRKBY TEACHERS' COLLEGE, ENGLAND*[22].

Dalam tahun-tahun 1950an dan 1960an, guru untuk Sekolah Menengah, yang terbaik dihantar ke England, untuk dilatih di KIRKBY COLLEGE (dan kemudiannya di BRINSFORD LODGE), setelah lulus *School Certificate*. Malangnya, kelulusan *School Certificate*ku kekurangan pada BAHASA INGGERIS dan BAHASA MELAYU (walaupun kelulusan keseluruhannya adalah BAIK).

Dua buah *Malayan Teachers' College* di England ini sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan keadaan di Tanah Melayu pada masa itu, iaitu keadaan Darurat (1948-1960) yang diisytiharkan oleh kerajaan berikutan pemberontakan Parti Komunis Malaya terhadap pemerintahan British. Walaupun mangsa terdiri dari semua kaum, tetapi yang paling disasar oleh Parti Komunis Malaya itu ialah pegawai-pegawai *expatriate* British Maka, pemerintah British telah mengambil keputusan membuka Maktab untuk melatih guru-guru Tanah Melayu di Britain, tempat yang selamat bagi pegawai-pegawai *expatriate* ini.

The High School Bukit Mertajam (HSBM) diasaskan 1927 sebagai *Government English School*. Mr. Edgar La Moth. Stowell ialah Guru Besarnya yang pertama. Sebagai sekolah Inggeris Kerajaan pertama di Seberang Perai, bilangan pelajar asalnya ialah kira-kira 300 orang. Sebelum itu murid-murid di Seberang Perai terpaksa menyeberang dengan feri ke Pulau Pinang untuk bersekolah di *Penang Free School* atau *St. Xavier's School* .

[21] Rupa-rupanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, hanya Gred Lulus (6) atau Gagal (8) sahaja yang akan direkod.

[22] Satu peristiwa bersejarah berhubung Kirkby College ialah Tunku Abdul Rahman mengumumkan buat pertama kali tentang tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu di sana.

HSBM dibentuk oleh Mr. Stowell di dalam acuan *Sedbergh English Public School*[23] yang beliau hadiri sebagai pelajar, dan amat terkenal dengan disiplinnya yang keras. Disiplin yang keras ini kekal sebagai *icon* HSBM, sehingga lama kemudian (termasuk semasa Aku bersekolah). *Prefect* menjadi "mata-mata" kepada guru dalam hal disiplin dan sangat ditakuti oleh kami. Moto Sekolah ialah *Aut Coepisse Noli Aut Confice* atau dalam bahasa Inggeris *Accomplish Or Do Not Begin* ("Selesaikan, jika tidak jangan mulakan"). Antara guru peneroka HSBM ialah Mr. Chan Ewe Pin, yang masih ada semasa Aku bersekolah. Kami gelar dia "*Tok Gajah".*

PINTU GERBANG HSBM

Tentang kerasnya disiplin sekolah, Aku teringat suatu peristiwa. Aku tidak hadir ke latihan sukan suatu petang, kerana cuaca petang itu redup dan akan hujan. Keesokan paginya namaku telah dipanggil semasa perbarisan pagi. Aku diperintah naik ke atas dataran di hadapan tempat perbarisan. Guru Besarnya, Mr. Bumford telah memberi *lecture* yang tegas, "*I don't care if it rains or not. …If it floods, you still come. Swim!".*

"WHY ARE YOU SO DIRTY"

Lapan tahun aku bersekolah di High School, penghinaan dari sesetengah pihak terpaksa kutelan. Sebagai contoh, pernah semasa perbarisan pagi seorang budak Cina yang di belakangku berkata, "*Why are you so dirty?* Ini bukan soalan tetapi cemuhan. Aku telan saja cemuhan ini. Sekolah Inggeris adalah tempat belajar golongan elitis, golongan yang berkemampuan dan mereka itu mempunyai misi dan visi tertentu, iaitu menjawat kerja-kerja *white collar*. Masyarakat Melayu pun ada juga yang mempunyai visi dan misi serupa, iaitu mereka yang mempunyai ekonomi yang stabil seperti guru, polis, kerani, penghulu, empunya kebun getah dan sawah dan lain-lain yang sedemikian. Disebabkan andaian masyarakat bahawa mereka yang masuk ke sekolah Inggeris adalah dari keluarga yang berkemampuan, maka guru juga tidak bersimpati dengan murid-murid yang lambat membayar yuran (selain *school fee ada library fee, games fee, cinema club fee* dan sebagainya) atau membeli buku. Ada juga guru yang celopor mulut berkata, "Tak ada duit, balik kampung le. Buat apa belajar di sekolah Inggeris".

[23] Ditubuhkan 1525, Motto Sekolah ini ialah *Dura Virum Nutrix*; (Latin: "*A Stern Nurse of Men*")

Aku pernah cuba mohon biasiswa, tetapi entah di mana silapnya Aku tidak dapat pastikan, usahaku tak berjaya.

Beberapa bulan setelah masuk *Special Malay Class 1* namaku dan seorang lagi pelajar telah dicalonkan untuk masuk pilihan ke *Malay College Kuala Kangsar* (MCKK). Aku gagal dalam temuduga kerana tidak dapat menjawab soalan, "Kamu, bila sudah tamat belajar nak kerja apa?" Rakanku yang seorang lagi itu menjawab, "Nak jadi DO". Maka dialah yang terpilih itu. Jawapan kepada soalan yang ditanya itu akan memberi gambaran peribadi pelajar itu, kerana MCKK ialah tempat melatih birokrat-birokrat Tanah Melayu. Tengok saja pada senarai Alumninya. Berapa banyak anak-anak raja dan mereka yang kemudian hari memegang jawatan terkemuka. Pada tahap mula sekolah itu hendak dibuka kepada orang biasa (*non-royalty*), pernah seorang yang berketurunan raja membantah. Katanya, "*I do not like the idea of sharing the bench with people who were once our slaves*".

3 GENERASI ALUMNI HIGH SCHOOL: Aku, Zul Wizaratain & Sufia Alliyah (cucu).

Bila direnung kembali kegagalanku masuk Ke MCKK itu, Aku sedikit pun tidak kesal kerana kalau aku dapat masuk pun ada kemungkinan Aku akan lari keluar, kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran sosialnya.

MALAY COLLEGE

ANTARA ALUMNI MALAY COLLEGE
[Tuanku Hishamuddin,(Yang DiPertuan Agong 2), Sultan Omar Ali Saifuddin (Brunei), Tun Razak, Hishamuddin Husain & Tun Mohd. Hanif Omar]

"SIR, PASS WATER...SIR"

Ada satu peristiwa yang berlaku kepadaku semasa Aku dalam *Special Malay Class 1* yang sebenarnya satu keaiban, tetapi biarlah kuceritakan juga kepada Anak Cucuku. Suatu hari semasa sedang belajar dalam kelas Aku berasa hendak buang air kecil. Guru tengah mengajar dan aku takut nak minta keluar sebab guru itu sangat garang (dan aku sangat penakut). Aku tahan kencing itu, tetapi setelah beberapa jam Aku sudah tak tahan lagi. Maka keluarlah air kencingku tanpa dapat ditahan lagi, meleleh ke atas lantai simen! Tiba-tiba seorang budak menjerit, "*Sir, pass water Sir …!"* dan menunjuk ke arahku. Semua mata berpaling ke arahku, termasuklah mata Mr. Mohan Singh. Rasa kudung kepalaku. Aku hanya dapat berdiam diri. Peristiwa itu kekal dalam ingatanku hingga ke hari ini. Memang pernah guruku memberi komen dalam Buku Rekod tentang Aku, "*A very timid boy"*. Itu sifat semula jadiku dan tak dapat aku atasi hingga beberapa lama.

Sebagai seorang pelajar, alhamdulillah, aku terhetong pelajar pintar. Malah pada masa Aku dalam Standard 4, aku pernah mendapat hadiah *Special Merit Prize* yang berupa sebuah buku cerita. Tetapi malangnya buku itu sudah tiada lagi dan tajuknya pun sudah aku lupa. Pengarangnya kuingat, iaitu Enid Blyton. Selama 8 tahun aku bersekolah di *High School* aku tidak pernah gagal Peperiksaan Akhirku walau sekali pun. Bahkan ,aku tetap kekal dalam Kelas A sepanjang kerjaya sekolahku.

Semasa zaman persekolahanku, budaya sekolah ialah mengagungkan pencapaian fizikal di padang bola. Sekolah menjadi terkenal kerana pencapaian murid-muridnya di padang; pencapaian akademik menjadi sekonder. Ini adalah warisan daripada budaya *Public Schools*[24] di England. Murid yang handal bermain bola atau ragbi atau kriket atau berjaya dalam sukan "dibela" oleh sekolah. Kalau murid itu lemah dalam hal akademik pun sekolah "menipu" dengan tidak membuangnya dari sekolah. Mereka ini diperlukan untuk menjaga nama sekolah dalam saingan permainan antara sekolah-sekolah. Aku seorang yang "kaki bangku", maka tidaklah Aku terkenal di padang.

Kejayaanku bersekolah di Sekolah Inggeris adalah kejayaan perjuangan Ayahku. Ini hendak kutegaskan. Sebagai mantan guru dia faham benar peranan pendidikan sebagai prasyarat untuk berjaya dalam hidup, atau mengikut istilah pendidikan mencapai mobiliti sosial. Maka kerana itu dia berazam menyekolahkanku di Sekolah

[24] Antara kata-kata hikmat yang dikaitkan dengan Public Schools ialah, "The Battle of Waterloo was won on the playing fields of Eton."

Inggeris walaupun terpaksa menanggung bebannya. Selama 8 tahun itu dia mengikat perut.

Pencen bulanan yang sebanyak $40 itu dikhaskan semata-mata untuk perbelanjaan sekolahku. Seperti yang kusebut di atas, selain pelbagai yuran sekolah dan pembelian buku teks dan alatulis, tambang bas dan duit makan seharian juga terpaksa diambil kira. Setiap hujung bulan, Ayahku mengambil kalendar untuk membilang hari bersekolah dan membuat perancangan dana persekolahanku untuk bulan akan datang. Untuk belanja rumah, Ayahku menjual kelapa, seperti yang telah kuceritakan di atas; duit pencen dikhaskan untuk urusan sekolahku semata-mata. Dalam hal ini Ayahku amat tegas.

Untuk menjimat perbelanjaan makan, kami makan nasi sekali saja, iaitu waktu tengah hari. Untuk makanan pagi dan malam, bahannya ialah tepung gandum. Ini kerana tepung gandum amat murah berbanding dengan beras. Harga tepung gandum dalam tahun-tahun 1950an ialah 15 sen sekati atau 25 sen untuk 2 kati. Untuk makan malam hidangan kami yang tetap ialah roti canai. Ibuku cekap membuatnya. Sekati tepung mencukupi untuk sekali makan sekeluarga. Lagi pun, untuk makan nasi perlu pula belanja menyediakan lauk manakala untuk makan roti canai kuah gulai yang selebih daripada hidangan tengah hari sudah mencukupi. Kadang-kadang bila ada tetamu di rumah pada sebelah malam, Ibuku akan berdalih, “Budak-budak ni tak suka makan nasi malam. Depa suka roti canai”. Ini adalah percubaan menutup ketidakkemampuan kami.

Ayahku menafikankan pelbagai kesenangan bagi dirinya. Semasa keluar menjual kelapanya, yang dibekalkan olehnya hanyalah sebotol air masak sebagai air minum. Hanya sekali-sekala dibawanya bekalan makanan, biasanya roti canai lebihan makan malamnya.

Tentang masuk kedai kopi, adalah satu “pantang” bagi Ayahku. Secawan kopi pada masa itu berharga 10 sen, tetapi jika dibeli 10 sen serbuk kopi dan 10 sen gula pasir, seluruh keluarga boleh minum, kerana dengan 20 sen itu boleh dibancuh 10 cawan kopi atau mungkin juga lebih. Demikian perkiraan Ayahku. Bagi orang-orang kampung, terutama “kaki kedai kopi” Ayahku dikatakan mereka “tak mau bercampur”. Kaki kedai kopi ini menjadikan kedai kopi Harun di kampung itu sebagai kelab mereka. Mereka akan datang, biasanya sebelah petang selepas asar, masing-masing meminta secawan kopi O, lalu duduk di bangku kedai itu sepanjang petang hingga hampir waktu maghrib. Yang dibuat mereka untuk memenuhi waktu ialah berborak, terutamanya mengumpat. Ayahku amat membenci golongan ini (dan mereka juga membenci Ayahku!).

Dari segi pakaian hariannya Ayahku ada sepasang baju dan seluar berwarna *khaki* iaitu pakaian seragam polis terpakai yang diberikan oleh Abangku, Saleh, yang bekerja sebagai polis di Kelantan. Itulah dipakainya hari-hari. Aku masih ingat, suatu

hari dia datang ke sekolahku untuk berjumpa guru kelasku, itulah juga yang dipakainya. Tak terkata malunya aku kepada kawan-kawanku, maklumlah budak-budak lagi Aku pada masa itu. Aku telan sajalah perasaan itu.

Masih kuingat, semasa aku hendak berlepas ke Tanjong Malam untuk berkursus perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris, pada tahun 1960, Ayahku datang mengucap selamat tinggal padaku di perhentian keretapi Bukit Mertajam dengan pakaian kerjanya saja. Dia tidak mempunyai pakaian lain yang hendak dipakainya.

Mengalir airmataku bila mengenang pengorbanan Ayahku, untukku khususnya dan adik-adikku amnya.

Pada tahun 1957, Adikku Jemilah terpilih untuk melanjutkan pelajarannya ke Tingkatan 1. Mula-mula dia ditempatkan di *Convent Bukit Mertajam* dan kemudiannya dipindahkan ke *Convent Light Street,* Pulau Pinang. Malangnya Adikku tercicir pengajiannya sebelum tamat Tingkatan 1. Dua faktor yang menyumbang kepada kegagalannya. Pertama, Ayahku tidak sanggup menanggung bebanan tambahan untuk menyekolahkan Adikku itu kerana pada masa itu Aku dalam Tingkatan 4. Kata Ayahku, kalau Aku seorang dia mampu, tetapi bila tambah seorang lagi itu, terasa sangat keperitannya. Tambahan pula bila Adikku dipindahkan ke *Convent Light Street*, dia terpaksa ditumpangkan di rumah seorang sepupu Ayahku di Bagan Luar. Sejumlah wang terpaksa disumbang setiap bulan sebagai belanja lojingnya dan makan-minum kepada sepupu Ayahku itu. Selain itu, belanja harian untuk Adikku ke sekolah juga terpaksa ditanggung. Faktor kedua yang menyumbang kepada kegagalan Adikku itu ialah dia sendiri tidak dapat *cope* dengan pelajarannya. Ini disebabkan dia langsung tidak ada asas bahasa Inggeris, kerana di Sekolah Melayu langsung tidak ada pelajaran bahasa Inggeris. Kurikulum Tingkatan 1 tidak memberi pertimbangan kepada perkara ini. Sepatutnya, ada darjah peralihan (*Remove Class*) sebelum dinaikkan ke Tingkatan 1. (Hanya beberapa tahun kemudian baru diwujudkan *Remove Class* bagi kanak-kanak yang pindah ke Sekolah Inggeris dari Sekolah Melayu). Maka, kerana faktor-faktor ini Adikku Jemilah telah tercicir sebelum habis setahun belajar. Sungguh malang nasibnya!

Adikku Hussin mengalami nasib yang lebih baik. Semasa dia dapat masuk ke *Remove Class* (Darjah Peralihan) pada tahun 1958, aku sudah pun hampir tamat kerjaya persekolahanku. Aku berada dalam Tingkatan 5 pada masa itu. Adikku Hussin diterima masuk ke *High School*, sekolah yang sama denganku. Maka Ayahku tidaklah kena menanggung bebanan yang berat menyekolahkannya kerana belanja tambang menambang hanya 10 sen sehari dan wang saku 20 sen. Di samping itu, yuran sekolah juga percuma.

LULUS *SCHOOL CERTIFICATE*

Alhamdulillah, barkat ketekunanku (kerana Aku sedar nilai pendidikan di sekolah Inggeris; Aku tidak pernah ponteng sekolah selama Aku belajar di HSBM) maka Aku lulus Peperiksaan *School Certificate*ku. Aku memperolehi Sijil Pangkat 2 atau *Second Division Certificate* (disebut juga *Grade Two*). Mereka yang dapat Sijil Pertama (*Grade One*) tidak ramai, kira-kira 10 orang sahaja. Pada zaman itu, adalah susah mendapat kelulusan Pangkat Pertama; tidak seperti halnya pada hari-hari kemudian (Tahun-tahun 1970an – 2000). Kelulusan pada tahap Sijil Pangkat 2 pada masa itu dianggap kelulusan yang baik.

Sebelum itu, selepas Peperiksaan *Lower Certificate of Education* (kemudiannya, Sijil Rendah Pelajaran) pada akhir Tingkatan 3, ada beberapa orang kawanku yang memilih untuk masuk ke Maktab Guru untuk Sekolah Rendah. Kebanyakan mereka ini merasai berat untuk menyambung belajar selama dua tahun lagi dan merasai bimbang kalau-kalau tidak lulus Peperiksaan *School Certificate* nanti. Aku meminta nasihat Ayahandaku. Dia mahu aku terus belajar. Dalam tahun-tahun 1950an dan 1960an, kelulusan *Lower Certificate of Education* sudah melayakkan seseorang masuk ke Maktab Perguruan untuk Guru Sekolah Rendah. Maktab-maktab ini ialah Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim (kemudiannya Universiti Pendidikan Sultan Idris), *Malay Women Training College* di Melaka, Maktab Perguruan Kota Bharu di Kelantan dan beberapa banyak Maktab/Pusat Latihan Harian di beberapa bandar di Tanah Melayu. Guru-guru ini mendapat gaji permulaan $210 (kalau calon lulus *School Certificate* dapat gaji permulaan $250).



UNIVERSITY OF CAMBRIDGE

LOCAL EXAMINATIONS SYNDICATE

This is to certify that the candidate named below sat for a Joint Examination for the School Certificate and the General Certificate of Education in 1959 and qualified for the award of a

STATEMENT OF SUCCESS

The candidate reached at least grade 5 in the subject or subjects named and attained the standard of the G.C.E. Ordinary Level pass where this is indicated.

	Grade	G.C.E. O. Level
ENGLISH LANGUAGE & ORAL	3	PASS
MALAY	4	PASS

SUBJECTS RECORDED 2
7391 NO. OCE PASSES 2

J. L. Brereton
Secretary

An explanation of the Grades is given on the back of this statement.

Aku masih ingat, Yuran Peperiksaan *Lower Certificate of Education* ialah $15; sibuk Ayahku mencari duit sebanyak itu. Akhirnya anak kambing kami yang hanya baru beberapa bulan kami pelihara itu menjadi modalnya.

STATEMENT OF SUCCESS: Bahasa Inggeris 3; Bahasa Melayu 4

Aku mengikut kehendak Ayahku dan terus belajar lagi dalam Tingkatan 4. Aku memilih belajar di Aliran Sastera, walaupun aku layak masuk aliran

Sains. Sebabnya, walaupun aku baik dalam mata pelajaran Sains, tetapi aku agak lemah dalam Matematik.

Setelah lulus *Cambridge School Certificate*, sebagian kecil rakan-rakanku menyambung belajar di Tingkatan 6, tetapi yang ramainya menamatkan pengajian pada tahap itu. Dalam tahun-tahun 1950an dan 1960an, lulus *Cambride School Certificate* sudah dikira mencukupi dan sudah sampai masa memasuki dunia pekerjaan. Segelintir saja yang melanjutkan pelajaran ke Universiti dan mereka ini dikira betul-betul istimewa. Universiti hanya ada sebuah, iaitu Universiti Malaya di Singapura yang dibuka 1949. Cawangannya dibuka di Kuala Lumpur 1959 dan dipisahkan dari induk di Singapura pada tahun 1961. Antara mereka yang melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 ialah Abdullah bin Hj. Ahmad dan Radzi Hj. Mansor.

Ramai kawan-kawanku yang mendapat Sjiil Pertama dipilih ke *Malayan Teachers' College* di Kirkby, England. Aku tidak mohon kerana tidak yakin boleh berjaya memandangkan aku tidak dapat *Credit* dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Sememangnya nasibku kurang baik kerana walaupun kelulusan Pangkat Dua, namun disebabkan mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak mencapai tahap *Credit*, kelulusanku menjadi kurang berprestasi. Andainya Aku mendapat kelulusan *Credit 3* (seperti yang kudapat bila Aku mengulangi semula peperiksaan *Supplementary* pada tahun 1959) maka rasanya besar kemungkinan Aku terpilih ke *Kirkby College, England.* Apa yang berlaku padaku tu pasti ada hikmatnya, hanya kita manusia tidak berupaya menyelami urusan Allah.

TAN SRI ANI AROPE

Sementara mencari-cari kerja, Aku menjawat kerja sebagai Guru Sementara (istilah kini, Guru Sandaran Tidak Terlatih) di Sekolah Umum[25] Lunas, Kedah. Aku bekerja selama setahun dan meletakkan jawatan pada April 1960, untuk masuk ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim. Sebelum itu tawaran yang Aku dapat ialah masuk ke Maktab Pertanian Serdang (yang kemudiannya menjadi Universiti Pertanian). Aku menolak tawaran tersebut kerana mendengar kaunseling yang salah. Kata orang yang memberi nasihat itu, "Buat apa masuk belajar bertani kalau dah lulus Cambridge? Nak bertani tak perlu pun sijil. Kalau masuk Maktab

[25] Sebelum dipanggil Sekolah Kebangsaan, dipanggil dulu Sekolah Umum.

Pertanian bersedialah menggaul tahi lembu dengan tangan!" Kerana nasihat yang salah itu Aku menolak tawaran masuk ke Maktab Pertanian Serdang itu. Pernah seorang mengata padaku, secara berseloroh, kalau Aku masuk ke Maktab Pertanian Serdang dalam tahun-tahun 1950an, aku mungkin dapat duduk di kerusi Tan Sri Ani Arope. Setelah Ani Arope lulus Diploma of Agriculture dari Serdang, beliau menyambung pengajiannya ke University of Canterbury, New Zeland. Dari tahun 1969 ke 1972, beliau menjawat jawatan Timbalan Pengarah MARDI, dan kemudiannya Pengerusi Eksekutif TNB. Beliau juga telah dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Sains Malaysia.

CARA KANAK-KANAK SEKOLAH INGGERIS DIINGGERISKAN

Tujuan ibu-bapa mengantar anak-anak mereka ke Sekolah Inggeris ialah supaya kanak-kanak itu, apabila telah tamat belajar dan memperolehi sijil, dapat diterima bekerja di pelbagai jabatan kerajaan dan swasta. Kebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris adalah syarat untuk bekerja di hampir-hampir semua jabatan kerajaan.

Di samping bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris, kanak-kanak yang masuk ke Sekolah Inggeris juga ditanam nilai-nilai dan norma-norma Inggeris (*English norms and values*). Buku teks memainkan peranan penting dalam hal ini. Pada zaman Aku bersekolah di Sekolah Inggeris, semua buku teks diterbitkan di England. Orang-orang di negara yang dijajah oleh Inggeris dianggap rakyat Inggeris. Taat setia bukan kepada Raja-raja Melayu, tetapi kepada King atau Queen di Buckingham Palace. Jadi, tidak ada apa-apa yang janggal sejarah yang dipelajari ialah sejarah Inggeris. Aku pelajari tentang orang Briton dan *Anglo-Saxon*, tentang *Alfred the Great*, tentang *Magna Carta*, tentang *Queen Boedicia* menentang penjajahan Romawi, tentang Tembok Hadrian dan berbagai-bagai lagi. Sejarah Tanah Melayu sendiri tidak diajar.

Dalam Sejarah kami diajar bagaiman King John telah dipaksa oleh Pembesar-pembesarnya menerima syarat-syarat *Magna Carta* pada tahun 1215, yang mengadakan batasan terhadap kuasa Raja.

KING JOHN MENANDA-TANGANI MAGNA CARTA

Buku teks Jometri, misalnya, memberi masalah seperi berikut: *Maidenhead is 29.7 miles west of London and 27.6 miles northwest of Woking. Calculate the distance and bearing of London from Woking.*

Dalam matematik unit wang yang digunakan ialah *pound, shilling* dan *pence*, bukannya rinngit dan sen.

Dalam pelajaran bahasa Inggeris ada petikan dari buku Kristian. Misalnya: "*A man was travelling from Beersheba to Jerusalem. At a place called Hebron, he met a Disciple of Christ*…" yang sedikit pun tak relevan bagi murid-murid di Tanah Melayu.

Aku amat jinak dengan kesusasteraan Inggeris. Dalam *Special Malay Class* teks sastera kami ialah *The King of the Golden River* oleh John Ruskin. Setahun kemudian kami membaca *Peter Wilkins* oleh Robert Paltock, iaitu kisah pelaut yang hanyut sampai ke dunia orang bersayap. Kemudiannya, *Jane Eyre* (versi yang dipermudahkan) oleh Charlotte Bronte.

Setiap tahun bukunya ditambah:

The Count of Monte Cristo oleh Alexander Dumas (Tingkatan 2)
The Three Musketeers oleh Alexander Dumas (Tingkatan 3)
Man Against Man-Eaters oleh Jim Corbett (Tingkatan 3)
Living Dangerously oleh F. Spencer Chapman (Tingkatan 4)

Teks untuk *English Literature* dalam *School Certificate*:

Macbeth oleh William Shakespeare
Arms And The Man oleh George Bernard Shaw
The Canterbury Tales oleh Geoffrey Chaucer
Great Expectations oleh Charles Dickens.

Kami juga tidak ketinggalan disogok dengan puisi Inggeris. Antaranya:



Rime of the Ancient Mariner oleh Samuel Taylor Colleridge (sebuah *narrative poetry* yang panjang)
Daffodils oleh William Wordsworth
The Golden Road to Samarkhand oleh James Elroy Flecker
What is this Life? Oleh W.H.Davies
Charge of the Light Brigade oleh Alfred, Lord Tennyson
If oleh Rudyard Kipling
Lullaby oleh William Butler Yeats

Teks JANE EYRE

7. AKU MENJADI GURU

AKU MASUK KE MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS

Seperti yang telah kusebut di atas tadi, aku menerima tawaran masuk ke Maktab

Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjong Malim pada tahun 1960. Sebenarnya, pengalamanku mengajar selama setahun sebagai guru sementara itu banyak mempengaruhi keputusanku. Kudapati jiwaku sesuai dengan kerjaya guru. Alhamdulillah, bila kurenung kembali tahun-tahun aku menjadi guru, dari 1963 hingga 2010 (sejumlah 48 tahun) adalah pengalaman hidupku yang amat bermakna bagiku. Tidak ada kerja lain yang dapat menandingi kerjaya guru, pada pendapatku. Tambahan pula bila sebahagian mantan murid-muridku itu berjaya dalam hidup mereka.

Aku teringat kata-kata Pengetuaku di Maktab Perguruan Sultan Idris, En. Zain Rashid, dalam satu kuliahnya, "*Teachers belong to a noble profession".* Dan dia turut mendeklamasikan dua baris sajak Oliver Goldsmith, *The Village School Master:*

"And still they gaz'd and still the wonder grew,
That one small head could carry all he knew"

ENCIK ZAIN RASHID

Semasa tiba di MPSI, Aku dapati sebenarnya Aku adalah *over-qualified* masuk dengan kelayakan Sijil Kedua *Oversea School Certificate*. Selain Aku ada dua orang lagi calon yang sama kedudukan denganku. Apa boleh buat

hendak keluar tidak boleh kerana semasa menerima tawaran masuk dahulu kami telah dimestikan menandatangani perjanjian kontrak lima tahun; dokumen tersebut perlu diserahkan kepada pihak Maktab semasa mendaftar masuk. Selain kami tiga orang yang memegang Sijil Kedua *School Certificate* itu. Calon-calon lain adalah pemegang Sijil

Ketiga dan sebahagiannya mereka yang telah gagal Peperiksaan *School Certificate*; separuh lagi hanya mempunyai kelayakan *Lower Certificate of Education* sahaja. Sangatlah muram kami bertiga mengenangkan kesilapan kami itu. Yusof Husain meminta Aku dan calon yang seorang lagi itu Azhar Annuar berjanji seberapa segera berusaha keluar dari kesilapan kami itu dengan mengambil Peperiksaan *Higher School Certificate* dan masuk ke universiti. Alhamdulillah, Yusof telah mengkotakan kata-katanya bila dia dapat masuk Universiti Malaya pada tahun 1963 dan Aku lambat sedikit pada tahun 1971. Sayang sekali Azhar tidak mengikut jejak kami.

Yusof Husain amat cepat mencapai kejayaan. Pada tahun 1962, semasa dia (dan juga kami semua) sedang menjalani Latihan Mengajar, dia sudah memberi tumpuan kepada Peperiksaan *Higher School Certificate* dan lulus pada tahun itu juga. Dia langsung tidak mengajar di sekolah dan terus saja masuk ke Universiti Malaya pada tahun 1963. Sebenarnya dia telah melanggar perjanjian untuk berkhidmat sebagai guru selama lima tahun. Tidak pula diketahui apa natijah yang menimpanya[26]. Setelah lulus dari Universiti Malaya, Yusof terus belajar pada tahap Sarjana dan kemudiannya Doktor Falsafah (PhD). Dia meraih ijazah Kedoktorannya sekitar awal 1980an dari University of Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat. Aku bertemu dengan dia di sana pada tahun 1979 semasa Aku membuat pengajianku pada tahap Sarjana. Sememang kejayaan Yusof amat mengagumkan. Dia kemudiannya mendapat gelaran Profesor dari Universiti Islam Antarabangsa.

YUSOF HUSAIN & AHMAD MOKHTAR ABDULLAH [Mereka berdua masuk Universiti terdahulu daripadaku]

[26] Aku dapat tahu dari Yusof sendiri kemudiannya, yang Kementerian Pelajaran telah bermurah hati memberi dia "release" untuk masuk ke Universiti itu.

Adalah menjadi satu keseronokan bagiku menjaga silaturrahim dengan mantan murid-muridku. Tidak menjadi kepelikan bagiku mencuba mencari[27] mereka semula setelah bertahun-tahun berpisah. Kalau mereka yang datang mencariku, itu lebih-lebih lagi bermakna bagiku.

Semasa di MPSI, Aku tidaklah menonjol. dalam permainan dan sukan Malah selama dua tahun Aku di MPSI, akau hanya mampu menyumbang tiga mata iaitu kerana berjaya menghabiskan lumba jalan kaki sejauh 6 batu. Di institusi-institusi pendidikan yang berasrama kebolehan bermain permainan seperti bola sepak, hoki dan ragbi dan bersukan adalah kriteria yang amat dihargai. Memang terasa kekurangannya jika tidak dapat menyumbang mata dalam permainan dan sukan kepada Rumah masing-masing.

Di Asramaku, Bendara Seri Maharaja, Aiyub Samad, pelajar dari Sekolah Menengah *Clifford School*, Kuala Kangsar merupakan pelajar yang serba boleh dalam bidang permainan. Dia handal dalam bola sepak, hoki, ragbi dan seorang *sprinter* pula. Dalam persatuan, Aku memegang jawatan *President, English Language Society* untuk setahun. Aku tidaklah begitu menyinar sebab semulajadiku kurang memiliki bakat memimpin. Sumbanganku yang dapat kubanggakan adalah sebagai Penerbit lakonan Pentas *Sohrab and Rustum* pada tahun 1961.

ANTARA MANTAN PELAJAR-PELAJARKU YANG MENYAMBUNG SILATURRAHIM

Dari kiri: SALMAH AHMAD (Lunas 1960); FATIMAH HUSAIN (Ptg. Pauh 1962); RAHNI MAT (Weng 1963)

[27] Pernah seorang muridku enggan berjumpa denganku. “Malu”, katanya. Ini disebabkan dia gagal dalam hidupnya, hanya bekerja kilang dan berkahwin dengan tukang kebun, manakala kawan karibnya di sekolah dulu, lulus universiti dan menjadi guru. Sampai akhir dia enggan berjumpa denganku.

Dari kiri: CHE' SU AHMAD (Weng 1963); ARIFFIN BAKAR (Weng 1963)

Dari kiri: ABDULLAH YASIN & HAMID KADIR (Mahang); ELIAS ZAKARIA (Maktab Mahmud); FAKHRUDDIN ABDUL MUKTI (Maktab Mahmud)

Dari kiri: ABDULLAH MD. DIN & SHUIB ZAINUDDIN; NAJIB ABDULLAH & BASHIROH JAMIL: OTHMAN HUSAIN & GHANI (Kesemuanya dari Maktab Mahmud)

Dari kiri: WAN MUHAMMAD SHEIKH AZIZ; ABDULLAH ABDUL GHANI & RAZWAN AHMAD (Kesemuanya dari Maktab Mahmud)

TAN SRI AWANG HAD SALEH

Dalam pelajaranku, Pengetua hanya mencatat "*Satisfactory all round*" dalam Kad Laporanku. Sayang, semasa Aku di MPSI, sudah tiada kriteria memberi pangkat kepada pelajar-pelajar mengikut pencapaian. Dalam era SITC dulu (sebelum 1960) pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Akhir dikategorikan kepada Sijil 1,2 dan 3.yang membawa kepada perbezaan gaji. Nama-nama pelajar yang mencapai Sijil 1 di abadikan di *Hall of Fame* pada plaq yang dipamerkan di dinding Dewan Besar. Antara nama itu ialah Awang Had bin Salleh.

SINOPSIS "SOHRAB AND RUSTUM".

…Sohrab berada sebelah tentera Turan (Tartar) dan Rustum, bapanya, di sebelah pihak Parsi. Pertarungan antara Bapa dan Anak berakhir dengan kematian Si Anak. Setelah Sohrab luka parah, barulah kedua-dua pahlawan ini mendedahkan identiti masing-masing. Semasa awal pertarungan Sohrab enggan menyatakan namanya kerana dia berhajat bertarung dengan Bapanya. Jika dia menyatakan identitinya sebenar, sudah tentu Rustum enggan bertarung dengannya. Rustum juga telah menyembunyikan identitinya. Maka, berlakulah episod tragis ini, Bapa membunuh Anak.

Pementasan ini berlaku sempena kedatangan pelajar-pelajar baru, pada 5 Mei, 1961.

Penglibatanku ialah menjadi Penerbit dan Penulis Skrip. Skrip untuk *Sohrab and Rustum* itu Aku tulis bersama Azhar Annuar, berdasarkan kepada puisi karya Matthew Arnold (1853). Yang kami lakukan ialah kami ambil karya Matthew Arnold

dan kami isikan kekosongan di sana sini dengan mengambil dari karya penyair lain pula.

PARA PELAKON "SOHRAB DAN RUSTUM"
[Dua dari kiri: SHAMSUDDIN HUSAIN (Sohrab), OTHMAN RASUL (Tahmineh); OSMAN ISA (Rustum)]

Semasa Aku masuk MPSI, masih ada saki baki pelajar yang berasal dari guru pelatih Melayu. Kursus mereka di MPSI memakan masa lima tahun, iaitu 2 tahun program akademik dan 3 tahun program pendidikan guru. Mereka ini, bagi dua tahun pertama belajar pelajaran tahap Tingkatan 1,2 dan 3. Kemudian mereka mengambil peperiksaan dalaman yang dipanggil "*LCE-TYPE*". Tahun ketiga ini barulah mereka memasuki program latihan guru, tahap Tahun 1. Jadi, mereka sama tara dengan kami yang datang dari sekolah Inggeris ini. Bagi kami yang telah ada sijil *Lower Certificate of Education* dan *School Certificate*, kursus kami adalah selama tiga tahun.

Pada tahun berikutnya (1961) calon-calon yang masuk dengan kelulusan *School Certificate* hanya berkursus selama 2 tahun. Alangkah untungnya mereka.

Dari kalangan pelatih yang berasal dari sekolah Melayu ini terdapat beberapa orang penulis. Antaranya, penyajak dan Sasterawaan Negara ke 11, Kemala (Ahmad Khamal Abdullah), penyajak Wahab Ali (kemudiannya Profesor di Universiti Malaya) dan cerpenis Ali Majod.

KEMALA & ALI MAJOD

Di kalangan Pensyarah (panggilan kami untuk mereka ialah "Cikgu") ada dua orang yang istimewa. Seorang, Sha'ari Isa, yang kemudiannya menghasilkan beberapa buah novel. Antaranya, *Lepaskan Aku Kembali Ke Laut, Kampung Kirkby, Berbasikal Ke Artik, Maktab Ibu Kandung* dan *Aku Tak Rela Diperhambakan.*

Di kalangan Pensyarah (panggilan kami untuk mereka ialah “Cikgu”) ada dua orang yang istimewa. Seorang, Sha’ari Isa, yang kemudiannya menghasilkan beberapa buah novel. Antaranya, *Lepaskan Aku Kembali Ke Laut, Kampung Kirkby, Berbasikal Ke Artik, Maktab Ibu Kandung* dan *Aku Tak Rela Diperhambakan.*



KEMALA MENULIS DALAM OTOGRAFKU

Sdra Ab. Hadi Ismail yth (Watusi)

Kau mempunyai bakat pemimpin dan pengarang, ku harap sdr dapat menyuburkan bakat yang baik itu untuk diri, masyarakat (bangsa), manusia sejagat dan tanahairmu.

Meskipun pencampuran kita amat singkat sekali, tetapi biarlah kenangan yang singkat itu akan sama-sama berkampung dalam hati nurani masing-masing agar ia dapat menjadi panduan masa depan.

Akhir kata, doa kesejahteraan
untukmu dan
orang-orang yang
kau kasih

GAMBAR SEMASA PERAYAAN ULANGTAHUN KE 80 MAKTAB PADA TAHUN 2002
[Kemala, 2 dari kiri & Wahab Ali 4 dari kiri]

Shaari Isa memang orang istimewa. Dari guru lulusan Kirkby College, beliau kemudiannya memperolehi ijazah Bacelor Akauntansi dan kemudiannya PhD (pada lewat umur) dari New Zealand. Selain guru belau pernah menjadi Bursar (Bendahari) Universiti Utara Malaysia sekitar tahun-tahun 1980an. Cikgu Shaari semasa mengajar menggunakan bahasa Kedah. Pelajar yang bernama Kadir, dipangginya "Kadiaq". Pernah satu ketika seorang pelajar mencuri buku nota pengajarannya, tetapi memulangkannya kembali kerana tidak dapat membaca apa yang ditulisnya. Rupa-rupanya dia menggunakan trengkas (short-hand).

Seorang lagi ialah Cikgu Abu Hasan Ali, juga guru lulusan Kirkby College, guru serba boleh (boleh mengajar sains dan boleh juga mengajar muzik), bapa kepada komposer Dato' Adnan Abu Hassan dan Azman Abu Hassan. Aku kurang tahu kerjaya Cikgu Abu Hasan selepas dia bertukar keluar dari MPSI, tetapi pernah kudengar dia menulis satu siri buku teks sains untuk kegunaan pelajar sekolah.

ADNAN ABU HASAN

MPSI: BANGUNAN UTAMA & ASRAMA PELAJAR

CARA BERNIAGA YANG ISTIMEWA

Di MPSI terdapat seorang peniaga kuih yang berniaga berdasarkan kepercayaan kepada pelanggannya. Pak Cik[28] ini, dengan kebenaran pihak Maktab, membawa beberapa bakul penuh berisi kuih – seperti nasi lemak, bihun, mi, kuih koya, dan lain-lain. Dia meletakkan daganganya itu berdekatan pintu masuk ke Dewan Makan, pada masa rihat 10 pagi. Pelajar-pelajar yang biasanya sudah pun lapar setelah tiga jam makan pagi, akan mengambil sendiri kuih-kuih pilihan masing-masing dari bakul Pak Cik itu. Rasanya tiada sesiapa pun yang membayar tunai[29]. Tiap-tiap seseorangnya hanya mengambil sendiri kuih pilihannya sambil berkata, “Pak Cik, saya ambil dua”. Yang lain berkata, “Pak Cik saya ambil tiga”. Yang lain pula, “Pak Cik saya ambil kuih koya saja satu”. Reaksi Pak Cik sama sahaja, “Kiralah Cikgu… kiralah Cikgu”. Bila datang hari menerima wang saku, setiap orang yang berhutang kuih Pak Cik akan tampil dengan bayarannya. Kata seorang, “Semuanya saya ambil 24, ini duitnya”. Yang lain pula, “Semuanya saya ambil 18, ini duitnya”. Demikianlah seterusnya, masing-masing melangsaikan hutangnya mengikut keadaan. Wang saku pelajar pada masa itu ialah $45 sebulan. Bagiku, $10 kukirimkan balik ke kampung.

BERGAMBAR DI JALAN ABDUL HADI[30]

[28] Gelarannya Pak Mat Turki.
[29] Hakikatnya, mungkin ada segelintir kecil yang membayar tunai.
[30] Jalan dalam Kampus UPSI ini sempena Abdul Hadi Hasan, seorang guru di SITC pada tahun-tahun awal Maktab.

Khabarnya, Pak Cik penjual kuih itu kekal di stesennya untuk beberapa lama. Kuih-kuihnya itu dibeli di seberang Sungai Bernam dengan harga 10 sen sebiji dan djualnya kepada kami 20 sen sebiji. Untungnya 100%. Tidak diketahui sama ada pelajar yang memungkiri membayar hutang kuihnya; kalau ada pun sangat sedikit bilangannya, agaknya.

Alangkah mudahnya berniaga sama-sama percaya-mempercayai ini. Tidak perlu buku catatan hutang pun.

PEKAN TANJONG MALIM

Pekan Tanjung Malim wujud kerana MPSI. Ada beberapa blok kedai di pekan itu, menyediakan keperluan pelajar-pelajar, seperti alatulis, akhbar dan majallah, buku, kedai jahit, kedai gambar, kedai gunting rambut, dan sebagainya. Antara kedai yang banyak menerima pelajar sebagai pelanggannya ialah kedai gambar, kedai jahit dan kedai buku. Kedai jahit biasanya memberi pelajar kredit, yakni bayar secara ansuran. Antara tukang jahit yang popular dengan pelajar ialah CHEAH FOON TAILOR. Khabarnya, ada pelajar yang ponteng bayaran terutama di akhir tahun. Sesetengahnya yang *hard core* sanggup pindah tempat tinggal dan pergi *squat* di asrama lain untuk melarikan diri dari si pemiutangnya.

Selain kedai-kedai di atas yang dilanggani pelajar yang terkenal ialah kedai makan Hailam, Yik Mun, yang terkenal kerana pau dan mi hailamnya. Kedai itu dibuka pada tahun 1926 dan masih beroperasi lagi hingga ke hari ini, walaupun sudah berpindah lokasinya.

KEDAI MAKAN HAILAM YIK MUN

Perpindahan lokasi ini ialah kerana, setelah terbina Lebuhraya Utara-Selatan, Pekan Tanjung Malim tidak lagi dilalui oleh trafik. Maka Restoran Yik Mun kini keluar dari Pekan Tanjong Malim ke lokasi yang lebih dekat

dengan Lebuhraya. Hari ini restoran ini ada Sijil Halalnya dari Jakim. Dalam zaman kami dahulu, hanya pakai dengar cakap orang sahaja, iaitu makanannya halal.

عبدالهادي اسماعيل

8. KERJAYA GURUKU

AKU MULA MENGAJAR

Kursus perguruanku adalah selama tiga tahun. Untuk dua tahun pertama (1960-1961) kami menerima teori-teori mengajar, termasuk kegunaan alat bantuan mengajar, dan sedikit sebanyak ilmu psikologi kanak-kanak. Untuk tahun ketiganya (1962) , kami dihantar balik ke negeri asal masing-masing untuk menjalani setahun latihan mengajar (yakni aspek praktikalnya). Aku ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh, Butterworth. Setiap hari persekolahan Aku berulang-alik dari rumah ke sekolah, sejauh kira-kira 10 batu, dengan menaiki pengangkutan awam (bas). Seorang lagi kawanku dari MPSI yang ditempatkan di sekolah ini ialah Harun Md. Isa. Harun adalah dari kumpulan guru pelatih Melayu dan telah berada di MPSI selama empat tahun. Lima hari seminggu Aku mengajar di sekolah dan pada hari Sabtu menghadirkan diri di Maktab Latihan Harian di Pulau Pinang untuk berjumpa Pensyarah yang menyeliaku semasa mengajar di sekolah. Selain pelatih dari MPSI, terdapat juga pelatih-pelatih dari Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan (KBTC), Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MWTC) dan dari Maktab Latihan Harian Pulau Pinang (DTC) sendiri.

Dalam bulan Januari 1963, tibalah masa kami mendapat *posting* ke sekolah-sekolah, sebagi guru yang terlatih. Kebanyakan kami yang dulunya dari MPSI telah dihantar berkhidmat di Kedah, termasuklah diriku. Teruja juga Aku kerana sampai tarikh sekolah dibuka dalam bulan Januari 1963, belum diberitahu ke sekolah mana untuk melapor diri. Segeralah kami yang telah ditempatkan di Kedah bergegas ke Jabatan

Pelajaran di Alor Setar. Alangkah terkejutnya Aku mendapati Aku telah ditempat di Sekolah Kebangsaan Weng. Dengar nama Weng sahaja sudah terpinga-pinga, tidak pernah dan tidak tahu di mana. Dengan merujuk kepada pegawai di Jabatan Pendidikan barulah kutahu letaknya di Baling, daerah yang terpencil di Negeri Kedah. Apa boleh buat terima sajalah *posting* itu.

Aku melaporkan diri pada tanggal 14-01-1963. Maka tarikh inilah direkodkan di dalam Rekod Perkhidmatanku di Kementerian Pelajaran dan di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai tarikh mula berkhidmat dengan kerajaan.


Khmain 14-1-63
Menurut surat Pejabat Pelajaran Kedah bil. (1)
dlm PPK 1093 Pt. 1. datang Che Ab. Hadi bin Ismail.
kelulusan KMS S.C Latehan DTC mulai bekerja di-sekola
ini pada 14-1-63.
Diakui salinan dari surat / sijil asal
Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Seri Bayu, Weng
09100 Baling, Kedah.

CATATAN DALAM DIARI SEKOLAH TENTANG AKU MELAPOR DIRI

Selain Aku tiga orang lagi rakan dari MPSI yang turut ditempatkan di SK Weng, iaitu Mokhtar Abdul Shukor (dari Kuala Kangsar), Abdul Hamid Hasan dari Pulau Pinang dan Jamil Abdullah Bin Abdul Wahab, juga dari Pulau Pinang[31]. Kebetulan Guru Besar, Cikgu Abdul Rahman Arif, mempunyai sebuah rumah kampung yang kosong. Maka di rumah itulah kami menetap, sebagai "Bujang Lapuk". Rumah ini hanya beberapa ela saja dari Sungai Ketil yang mengalir ke Kuala Muda. Sungai inilah tempat permandian merangkap tandas kami, kerana rumah sewaan kami itu tidak dilengkapkan dengan tandas. Rupa-rupanya sememangnya menjadi tradisi penduduk kampung menggunakan sungai untuk mandi-manda, mencuci pakaian dan qada hajat. Air sungai jerneh[32], kecuali jika hujan di hulu, dan cangkat pula, kira-kira tiga kaki saja dalamnya. Untuk air minum kami dapatkan dari perigi jiran. Pada malam harinya kami diterangi lampu "gasolin".

LAMPU GASOLIN

[31] Antara 4 orang kami, akhirnya 3 masuk Universiti. Hamid Hasan saja tidak.
[32] Khabarnya sekarang (2018) sudah tidak lagi jernih, natijah aktiviti pembalakan di sebelah hulu.

Aku pasrah degan nasibku, namun setiap hari – sejak hari permulaan lagi – sentiasa berdoa dan berharap akan keluar dari “tempat jin bertandang itu”.

Aku tahu antara jalan keluar dari situ ialah dengan masuk ke Universiti. Pada masa itu Malaysia mempunyai hanya sebuah Universiti, iaitu Univeriti Malaya di Kula Lumpur. Dan, cara dapat masuk ke Universiti ialah dengan memiliki *HigherSchool Certificate.* Maka Aku pun tidak lengah lagi mengambil kursus pos dari *Stamford College*. Untuk 6 bulan permulaan, Aku tekun mentelaah bahan pelajaran yang didatangkan dengan pos. Segala *assignment* yang ditetapkan Aku lakukan mengikut jadualnya. Apa lagi hendak kulakukan. Pada sebelah petangnya Hamid dan Jamil kerap berada di padang bermain bola. Tetapi bagi dua orang kaki bangku, Aku dan Mokhtar, masa kami gunakan untuk mentelaah bahan pelajaran. Mokhtar juga bercita-cita untuk memasuki Universiti. Hendak ke bandar terdekat, Baling, jauhnya 12 batu. Ke bandar pun tidak ada apa nak dibuat sangat. Hiburan hanyalah di Panggung Wayang Ma’anikam (Panggung ini kemudiannya menjadi kedai tayar, apabila tiba zaman kemerosotan panggung Wayang).

GURU-GURU SEKOLAH KEBANGSAAN WENG

SEKOLAH KEBANGSAAN WENG SEMASA AKU MELAPOR DIRI

BANGUNAN ASAL SEKOLAH KEBANGSAAN WENG

عبد الهادي اسماعيل

9. MEMBELI MOTOSIKAL

Kira-kira 6 bulan aku berkhidmat, aku mengambil pinjaman dari Koperasi Guru-guru Melayu Kedah[33]. Amaun yang diluluskan ialah $2, 000; bayar balik ansuran selama dua tahun.

Dengan $2, 000 dalam tangan Aku pun membeli sebuah motosikal. Pada masa itu (tahun-tahun 1960an-1970an) *craze* di kalangan guru ialah skuter jenama Vespa, tetapi aku dipengaruhi oleh seorang kawan bangsa Cina (yang kubantu dalam pelajarannya dengan memberi tuisyen) untuk membeli motorsikal Norton, iaitu motosikal seperti yang dia sendiri miliki. Mula-mula Aku rasa tidak sanggup menunggang motosikal yang begitu besar, tetapi sahabatku itu telah meminjamkan kepadaku sebuah motosikal jenama *Triumph* yang kapasiti enjinnya ialah 650 c.c. untuk Aku berlatih menunggang dan kudapati Aku mampu mengendalikannya dengan agak baik. Maka Aku pun setuju membeli Norton. Kerana aku rasa 500 c.c. itu terlalu besar bagiku, maka Aku memilih versi 350[34] c.c.

NORTON 350 C.C.

Malangnya, keputusanku memiliki motosikal membawa padah yang buruk bagiku. Aku terlampau asyik menunggangnya, hingga mula mengabaikan pelajaran gaya posku dari *Stamford College*. Walau bagaimanapun Aku terus membayar yuran pengajianku dan terus menerima bahan pelajarannya, tetapi mula melengah-lengahkan membuat *assignment* yang sepatutnya aku lakukan. Bukan Aku tidak sedar

[33] Aku jadi ahli koperasi ini berterusan hingga ke selepas persaraanku pada Mei 1996 (selama 33 tahun). Yuran bulananku bermula dengan $5.00 dan perlahan-lahan dinaikkan hingga akhirnya jadi $50. Semasa Aku berhenti, yuranku yang terkumpul kira-kira $16,000.00. Sebagai kenangan, Aku membeli sebuah jamtangan berjenama LONGINES bernilai RM4,800.00.

[34] Norton 350 c.c. & 500 c.c. hanya berbeza pada kapasiti enjinnya. Kerangkanya sama saja.

kelemahanku, tetapi *will power*ku lemah. Dengan cara begitu, sahabatku Mokhtar Shukur telah mendahului Aku masuk ke Universiti Malaya.

*Assignment*ku yang mulanya lambat dihantar, kemudianya mula menjadi beban bagiku. Akhirnya, Aku terus berhenti mengirimkan *assigment*ku itu, tetapi tetap juga terus menyelesaikan ansuran yuran belajarku dan terus menerima bahan pembelajaranku.

Kegilaanku menunggang motosikal telah menguasai diriku. Selepas 6 bulan Aku memiliki Norton 350 c.c. itu, Aku pun mula berasa tidak puas, terutama bila "dipotong" oleh penunggang yang menaiki Norton 500 c.c. di jalan raya. Tahun 1960an-1970an selain Vespa, motorskal Norton yang menjadi kegilaan ramai orang. Tanpa berfikir banyak Aku pun *trade-in* Norton 350 c.c. milikku itu dan membeli sebuah model 500 c.c. yang terpakai. Budak Cina kawanku itu pula telah menguruskan semua urusan jual-beli itu, dan paling menggembirakan Aku dia yang menanggung beberapa ratus ringgit wang tambahan itu. Memang budak Cina kawanku ini seorang yang berkemampuan (anak towkey kilang sagu) dan lagi dia mengenang yang Aku banyak berkorban masa memberi dia tuisyen dulu.

NORTON 500 C.C.SPORTS SPECIAL

Norton 500 c.c. milikku ini bukan model biasa seperti yang banyak dipakai orang pada masa itu, tetapi *sports model* iaitu Norton SS. (maksud SS ialah "*Sports Special"*) dan keistimewaannya ialah memiliki dua kaburetor. Memang model ini dibuat khas untuk peminat motosikal yang sukakan kelajuan. Namun, walaupun motosikalku ini mampu memecut sehingga 90 bsj (145 ksj), tetapi Aku hanya membataskan kelajuanku kepada 55 bsj sahaja (bersamaan 88 ksj). Itu pun bukan kebiasaan, tetapi sekali sekala bila "ada angin" saja. Untuk keselamatan, Aku sentiasa berpakaian menunggang yang lengkap: topi keledar, sarung tangan dan jaket tebal.

DEMI KESELAMATAN DIRI AKU BERPAKAIAN "DRIVING GEAR" LENGKAP

Bila mengenang zaman Aku bermotosikal, tidak dapat aku lupakan yang aku beberapa kali mendapat kemalangan. Antaranya terlanggar lembu[35], terlanggar orang berbasikal, terjatuh ke dalam taliair (di Sala) dan jatuh di atas jalan raya. Dalam satu kejadian, seorang keluargaku yang "bau-bau bacang" dan menetap di Weng telah bermurah hati menjaga aku seperti anaknya sendiri, di rumahnya. Mudah-mudahan Allah Yarhamah diberi ganjaran oleh Allah swt. Amin! Antara sebab aku mendapat kemalangan ialah kerana *reckless driving* dan juga kerana bagi 6 bulan pertama Aku menaiki motosikal Aku memang kurang cekap. Lagi pun motosikalku itu amat berat. Aku amat bersyukur kerana jenis kecederaanku setakat luka-luka di kulit sahaja. Tidak mengalami patah tulang[36]. Alhamdulillah, selepas Aku menukar motosikal ke versi 500 c.c. itu, Aku tidak lagi mengalami kemalangan, kerana sudah memiliki kecekapan yang diperlukan untuk mengendalikan motosikal besar.

HUTANG EMAS DAPAT DIBAYAR…

Teringat Aku budi sebuah keluarga yang tidak terbalas olehku, iaitu yang telah bersusah-payah mengambil Aku jadi anak angkat dan memeliharaku serta merawatku semasa Aku mendapat luka-luka akibat jatuh Nortonku, seperti yang disebutkan di atas. Keluarga ini, Suaminya bekerja dengan Jabatan Hutan bernama Bang Nor dan Isterinya, Kak Siah. Kebetulan Aku bau-bau bacang dengan Kak Siah, sebelah Ayahandaku. Aku yang berbalut kedua-dua lengan dan bertampal plaster di lutut menderita seorang diri di rumah sewaku di Weng. Bang Nor, mendengar Aku mendapat luka-luka itu telah bermesyuarat dengan Kak Siah. Lantas mereka membawaku ke rumah mereka. Aku dipasangkan kelambu supaya tidak diganggu lalat dan bebari. Kak Siah juga membantu Aku menukar ubat pada luka-lukaku.

[35] Di Daerah Baling, kebiasaan penduduk yang memelihara lembu hanya membiarkan binatang peliharaan mereka itu berkeliaran. Jalan raya menjadi kesukaan mereka tidur.

[36] Setelah lanjut umur – mulai 40an – aku mula mengalami sakit pinggang (seperti yang Aku kisahkan di tempat lain dalam Otobiografiku ini). Pada usia 60an, penyakit tulang dan sarafku menjadi serius. Tak di ketahui pula, sama ada maslah ini ada kaitan dengan peristiwa Aku jatuh motosikalku pada zaman muda ini.

Banyak hari juga Aku tinggal di rumah keluarga yang baik hati ini, sehingga luka-lukaku hampir-hampir sembuh barulah Aku dibenarkan mereka pulang.

Aku berpisah dengan Bang Nor dan Kak Siah apabila Aku bertukar ke Mahang. Namun Aku terus juga memelihara silaturrahim dengan mereka selepas itu. Sesekali-sekala pergi juga Aku menziarah mereka, yang telah berpindah dari Weng ke Kupang. Sayang semasa Kak Siah meninggal Aku tidak dapat mengunjungi jenazahnya kerana berada di Kuala Lumpur. Setelah beberapa tahun tidak menziarahi Bang Nor, akhirnya terputus hubungan sama sekali, “Hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati”.

عبدالهادي اسماعيل

10. BERTUKAR KE MAHANG

AKU & ENAM ORANG LAGI GURU BUJANG DI MAHANG

Semasa Aku berada di Weng, perkara yang sentiasa terpendam dalam fikiranku ialah apakah caranya aku boleh keluar dari tempat itu. Walaupun Aku telah melupakan sejenak kursus posku dengan Stamford College, namun masih lagi tertanam dalam benakku hasrat untuk lulus *Higher School Certificate.* Beberapa kali Aku cuba memohon ditukar sekolah, tetapi tidak dilayan oleh pihak atasan. Kalaulah Aku ditukar ke sekolah yang berdekatan dengan bandar besar, Alor Setar, misalnya bolehlah Aku mendapat bimbingan untuk sijil *Higher School Certificate*ku, terutama dalam mata pelajaran *Economics* yang merupakan suatu bidang yang baru bagiku.

Dua tahun lamanya Aku di Sekolah Kebangsaan Weng, tiba-tiba pada penghujung tahun 1964 seorang guru di Sekolah Kebangsaan Mahang telah mengajak Aku membuat pertukaran suka sama suka (*mutual transfer*). Guru ini hendak balik ke Baling, iaitu kampung asalnya (di Bongor) yang letaknya 2 batu dari Pekan Baling dan 10 batu dari Weng. Begitu sekali Aku mahukan pertukaran sehingga Aku tak kisah pun apa keadaannya di Mahang. Sebenarnya, satu gambaran pun tiada dalam benakku tentang Mahang.

Awal 1965 Aku mula mengajar di Mahang. Setibanya Aku di sana, Aku diberitahu yang Aku dikehendaki mengajar Darjah 6. Darjah ini tidak popular dengan guru-guru kerana Peperiksaan Masuk Ke Sekolah-sekolah Menengah diadakan pada tahap ini. Aku tidak kisah, malah berasa gembira tentang cabarannya. Aku berharap akan dapat

menghasilkan calon-calon yang lulus dengan baiknya dalam peperiksaan ini, insya' Allah. Malang sedikit, kelasku diletakkan sebelah petang. Cikgu Sulaiman, Guru Besar, "lemah" orangnya dan mudah dimanipulasi oleh guru-guru di bawahnya. Guru-guru inilah yang membuat Aku disuruh pegang Darjah 6 dan diadakan pada sessi petang pula. Sebagai orang yang baru datang, Aku terima saja dan bertekad untuk menghasilkan natijah Peperiksaan Masuk Ke Sekolah-sekolah Menengah yang terbaik. Insya' Allah.

Aku menumpang tinggal bersama empat orang lagi guru bujang di sebuah rumah berhampiran sekolah. Kami menggaji seorang pembantu rumah, Mak Cik Selasiah,yang tugas utamanya ialah memasak.

MAK CIK SELASIAH DAN ZUL

Setelah bersusah payah menyediakan murid-muridku untuk Peperiksaan Masuk Ke Sekolah Menengah, termasuk mengadakan kelas tambahan semasa cuti penggal, tiba-tiba Aku diberitahu tentang perkembangan baru di Kementerian Pelajaran iaitu mulai tahun itu (1965) Peperiksaan Masuk Ke Sekolah-sekolah Menengah telah dimansukhkan. Murid-murid dari Darjah 6, kesemuanya dibenarkan menyambung belajar di Tingkatan 1 secara otomatik. Semua pihak menarik nafas lega.

Murid terpandai dalam kelasku ialah Kalsom Abdullah (dalam gambar ini Kalsom berdiri di belakangku, antara Aku dan Cikgu Sulaiman), tetapi sayang dia tidak menyambung belajar ke Tingkatan 1. Kalsom patuh kepada kehendak Emaknya yang memilih Sekolah Agama Jangkang untuk dia belajar.

GAMBAR BERSAMA MURID-MURID DARJAH 6 1965[37]

Pada tahun 1965, berikutan pemansukhan Peperiksaan Masuk Ke Sekolah-Sekolah Menengah, telah dimulakan Sistem Persekolahan Aneka Jurusan. Oleh kerana di Mahang belum ada Sekolah Menengah, kelas telah ditumpangkan di bangunan SK Mahang, pada sebelah petang. Bangunan tetap SMK Mahang hanya dibangunkan beberapa tahun kemudian.

[37] Gambar ini tidak lengkap. Gambar asalnya telah diubahsuai oleh kedai gambar semasa membaikpulihnya; beberapa orang murid telah "hilang" dari gambar ini.

NOSTALGIA: MENANGKAP PENCURI

Teringat suatu insiden yang berlaku semasa Aku mengajar Darjah 6 di Mahang iaitu pada tahun 1966, kalau tak silap ingatanku.

Seorang budak perempuan mengadu sejumlah duitnya yang dibawa dan disimpan di dalam begnya telah dicuri orang. Aku fikir-fikirkan cara hendak menolong budak perempuan itu. Hipotesis Aku, pencuri adalah dari kalangan murid kelas itu juga. Aku dapat satu idea.

Aku mengatakan kepada kelas bahawa selepas sekolah Aku akan meminta tolong Tok Lang Remah, iaitu Dukun di situ, untuk membuat sesuatu yang akan menyebabkan orang yang curi duit itu sakit perut. "Sakit perut itu mula-mula ringan, "kataku, "kemudian beransur-ansur berat dan akhir sekali perut pencuri itu akan pecah. Tamatlah riwayatnya. " "Tetapi," kataku lagi, "kalau sebelum pukul 1.30 ni duit tu dapat semula, selamatlah pencuri tu."

TOK LANG REMAH

Alhamdulillah, strategiku berjaya!

Selepas waktu rehat, semasa Aku berada dalam Bilik Guru, budak yang kehilangan duit itu telah memberitahu yang duitnya itu telah dipulangkan, sambil menunjukkannya kepadaku. Sesen pun tidak kurang.

Jelaslah, pencuri itu adalah orang dalam kelas itu juga dan telah ketakutan lalu memulangkan duit itu semasa waktu rehat. Aku tidak mahu memanjangkan masalah ini. Walaupun Aku yakin siapa pencuri itu, biarlah dia terlepas kali ini, dengan harapan tidak diulanginya.

Salah seorang rakan baikku di Sekolah Kebangsaan Mahang ialah Ibrahim Abdullah[38], yang dikenali semua sebagai Cikgu Em. Dia sebenarnya memainkan peranan yang amat penting dalam hidupku kerana telah menghidupkan semula semangatku untuk menduduki peperiksaan *Higher School Certificate* yang sudah sekian lama kuabaikan tetapi masih tetap terpendam dalam hatiku. Dengan semangat yang diberinya. kami

[38] Ibrahim hingga kesudahannya tidak berjaya ke universiti. Kasihan dia!

bertiga (seorang lagi Abdul Rahim Abu Bakar[39]) telah mendaftar nama untuk mengambil peperiksaan pada tahun 1968. Malangnya, percubaan kami untuk sama-sama belajar telah menjadi hangat-hangat tahi ayam. Walau bagaimanapun pada akhir tahun kami tetap juga mengambil peperiksaan tersebut. Tidak kusangka Aku berjaya mendapat Sijil Separuh. Natijahnya ialah lulus 2 mata pelajaran: *General Paper* (Lulus dengan markah "A") dan Bahasa Melayu (Principal C).

Kelulusan yang tak diduga itu telah membuat cita-citaku melonjak. Hanya satu saja lagi kelulusan pada Peringkat *Principal* sudah melayakku untuk memohon masuk universiti. Pada masa itu kelulusan 2 *Principal* dan *General Paper* adalah syarat minimum masuk ke universiti. Aku mendaftar untuk mengulangi peperiksaan ini pada tahun 1969. Sekali lagi Aku teruja kerana mendapat kelulusan tambahan iaitu seperti berikut: *General Paper*, Lulus (*Subsidiary*); Bahasa Melayu, *Principal* D; *Economics & Public Affairs, Subsidiary* dan *Art, Subsidiary*. Ini bermakna penambahan 2 subject (Economics & Public Affairs dan Art), pada peringkat Subsidiary. Apa yang paling mengembirakan Aku ialah kelulusan-kelulusan itu diperolehi dengan belajar yang paling minimum. Paling Aku tertawa ialah *Art* kerana Aku bukannya seorang pelukis pun; yang Aku miliki hanya sedikit bakat.

Maka, dengan semangat baru yang berkobar-berkobar Aku mendaftar untuk mengambil peperiksaan lagi tahun 1970.

PAK CIK PI'I

Semasa Aku tinggal di Mahang, suatu masa datang seorang yang ada bau-bau bacang denganku. Namanya Shafie Bin Muhammad, dipanggil ringkas Pak Cik Pi'i. Abangnya memang Aku tahu iaitu Pak 'Njang Man Acheh, pupu-poyang Ayahku yang tinggal di Pondok Tanjong, Pendang. Dia seorang guru pondok. Sekali-sekali dia datang ke rumah kami di Cherok Tok Kun. Aku kurang pasti pertalian persaudaraannya dengan Ayahku, hanya Aku pernah dengar Ayahku kata mereka pernah berkawan di zaman kanak-kanak. Balik cerita Pak Cik Pi'i. Dia tidak ada keluarga dan tak ada tempat tinggal tetap, tetapi setiap masa bergerak dari setempat ke tempat lain. Dengan

[39] Rahim berjaya juga ke universiti akhirnya, sedikit terkemudian daripadaku.

mengayuh basikalnya dia mencari adik-beradik di sana-sini. Bila berjumpa, dia akan tinggal untuk sesekian lama di rumah adik-beradik itu, makan tidur. Lepas dua tiga minggu dia akan minta diri dan meneruskan perjalanannya. Pernah juga Aku dengar dia ada seorang anak perempuan, tetapi tidak pula diketahui lebih lanjut tentangnya.

Entah dari siapa dia dapat maklumat tentang kami di Mahang, tidak diketahui. Suatu hari dia muncul. Makan tidurlah dia di rumah kami untuk sesekian lama. Itu kami tak kisah. Hanya yang jadi gangguan ialah rumah kami di Mahang itu tersangat kecil. Oleh sebab di masjid Mahang – yang hanya beberapa ela saja jauhnya dari rumah kami – ada balai lintang yang kosong, di sinilah Pak Cik Pi'i membuat tempat perhentiannya, selama dia di Mahang. Dia hanya muncul di rumah pada waktu makan, 3 kali sehari.

Selepas kami pindah ke Alor Setar pernah dia datang menumpang lagi untuk beberapa hari di rumah kami di Jalan Dato' Kumbar.

Apa jadi kepadanya akhirnya tidaklah kami ketahui. Di mana pengembaraannya berakhir tidak pernah kami tahu. Juga di mana kuburnya.

عبد الهادي اسماعيل

11. HIJRAH YANG MEMBAWA KEMENANGAN

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani." (S. Al-Baqarah: 218).

Penghijrahan Rasulullah saw dari Makkah ke Madinah adalah permulaan kemenangan Baginda dalam perjuangannya menentang kafir musyrik Makkah. Begitu sekali pentingnya peristiwa itu sehingga orang Islam membuat kiraan kalendarnya mulai dari tarikh penghijrahan tersebut.

Maka, jika penghijrahan membawa tuah kepada Rasullullah saw, penghijrahan juga membawa perubahan positif bagiku.

Akhir 1969 terbaca olehku sebuah iklan di akhbar, iaitu Maktab Mahmud, sebuah Sekolah Menengah Agama milik Kerajaan Negeri Kedah, memerlukan seorang guru Bahasa Inggeris. Bagiku pucuk dicita ulam mendatang. Inilah peluangku berpindah ke Alor Setar, iaitu satu cita-cita yang sejak lama Aku pendamkan dan kuharap-harapkan akan menjadi kenyataan. Tanpa banyak memikirkan padah dan natijahnya Aku terus melamar jawatan tersebut. Banyak orang memberi ingatan padaku yang Maktab Mahmud ialah sebuah institusi milik Kerajaan Negeri dan ada risiko keluar dari khidmat dengan Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Negeri. Namun, Aku tak kisah tentang segala implikasinya. Aku solat istikharah lalu menghantar permohonanku. Aku berjaya. Dari segi gaji, tidak ada apa-apa penambahan yang ku terima, malah Aku tetap kekal dengan tangga gaji guru DTC yang maksimumnya ialah $445. Pada masa Aku berpindah ke perkhidmatan Maktab Mahmud, gajiku adalah sekitar $360.

Mengikut peraturan yang berkuatkuasa bagi guru-guru kategori UTS, seseorang guru Kerajaan yang dihantar berkhidmat di mana-mana sekolah, hanya boleh diarahkan bertukar ke sekolah lain selama masa dia dalam kontrak dengan kerajaan. Setelah selesai tempoh kontrak (lima tahun), guru tersebut menjadi hak sekolah itu dan boleh bertukar ke sekolah lain hanya selepas meletakkan jawatan di sekolah tempat dia berkhidmat. Mengikut perkiraan Kerajaan pada masa itu, ini akan menentukan guru yang diambil oleh sesebuah sekolah (yang kini ditadbirkan oleh Lembaga

Sekolah tersebut) adalah yang betul-betul memenuhi keperluan sekolah yang mengambilnya berkhidmat itu. Berikutan dengan peraturan yang berkuatkuasa itu, maka Aku perlu meletakkan jawatanku di Sekolah Kebangsaan Mahang sebelum pergi berkhidmat dengan Maktab Mahmud.

SELAMAT TINGGAL MAHANG!

Aku menyewa sebuah rumah kampung di Simpang Kuala, berdekatan Maktab Mahmud. Sebuah lori kecil sudah memadai mengangkut barang-barangku yang amat terbatas: dua buah katil (satu katil kelamin dan satu bujang), sebuah meja, alat-alat kelengkapan dapur dan sedikit sebanyak barang-barang lain. Katil-katil dan meja itu kesemuanya hasil buah tanganku, iaitu Aku tukangi sendiri semasa di Mahang.

Seperti yang kukatakan di atas, penghijrahanku ke Alor Setar ini adalah titik permulaan perubahan hidupku.

Buat permulaannya, peperiksaan *Higher School Certificate* yang aku ambil pada akhir 1970 telah memberi keputusan di luar jangkaanku. Awal tahun 1971 keputusannya tiba. Natijahnya, Aku lulus dengan mendapat Sijil Penuh: *General Paper* (Lulus), Bahasa Melayu (*Principal* C), *Economics & Public Affairs* (*Principal* E) dan *History, World Before 1497* (*Subsidiary*). Rupa-rupanya kelulusan dalam satu peperiksaan yang terdiri daripada *General Paper*, dua kelulusan peringkat *Principal* dan satu kelulusan peringkat *Subsidiary* sudah memenuhi keperluan Sijil Penuh. Keputusannya kudapat tahu melalui siaran akhbar. Pada tahun-tahun 1950an ke 1970an, adalah menjadi amalan lazim akhbar-akhbar menyiarkan keputusan *School Certificate* dan *Higher School Certificate.*

Bila kurenungkan kembali, faktor-faktor kejayaanku dalam mencapai kelulusan penuh *Higher School Certificate*ku adalah seperti berikut:

Pertama, Aku dapat mengikuti kelas *Economics* yang diadakan di *Further Education Class* di Sultan Abdul Hamid College pada sebelah malam. Aku kira, Aku memang memerlukan bimbingan dalam mata pelajaran ini kerana ia merupakan satu bidang ilmu yang amat baru bagitu. Pada masa itu Ekonomi hanya diperkenalkan pada tahap Tingkatan 6. Lain-lain mata pelajarannya (*General Paper, Bahasa Melayu* dan *History*) aku "makan cekak" dengan belajar sendiri di rumah. Bagiku Bahasa Melayu (yang mencakupi komponan Kesusasteraan) sememangnya sentiasa dalam tangan kerana

sejak di MPSI Aku sudah berjinak-jinak dengan Kesusasteraan, sehingga ia menjadi *passion*ku. Tiga kali Aku mencuba Peperiksaan *Higher School Certificate ,* tiga kali Aku dapat *score* dengan baik pada Peringkat *Principal* tanpa bertongkos-lomos pun.

Kedua, dan ini kukira faktor yang mengatasi kesemua faktor-faktor lain ialah BARAKAH yang datang bersama dengan keputusanku berkhidmat untuk bangsa dan ugama di Maktab Mahmud! Nyatalah sesi solat istikharah yang kulakukan semasa membuat pilihan untuk ke Maktab Mahmud itu telah menunjukkan pilihan yang tepat bagiku.

Aku hentikan dulu pengkisahan tentang kejayaan akademikku setakat ini, untuk mengkisah satu fasa dalam hidupku yang amat besar ertinya. Yang kumaksudkan ialah tentang pernikahanku.

عبدالهادي اسماعيل

12. AKU BERTEMU JODOH

لاَ يَرُدُّ الْقَضَاءَ إِلاَّ دُعَاءٌ (Hadis Nabi saw)

"Tidak ada yang dapat menolak ketentuan Tuhan kecuali doa.

Jodoh pertemuan di tangan Tuhan. Kata-kata ini lumrah diketahui. Di SK Mahang ada 2 orang guru Agama. Haji Abdul Rahman Bin Muhammad (semua memanggilnya Pak 'Njang Man) dan Ustaz Hasan Ishak. Pak 'Njang Man boleh dikatakan sama tua dengan SK Mahang. Berasal dari Kampung Keladi, Kulim, dia berhijrah ke Mahang pada zaman mudanya. Di samping mengajar di SK Mahang, Pak 'Njang Man juga mengajar Quran di rumahnya. Rumahnya dijadikan asrama, kerana budak-budak perempuan yang mengaji Quran itu ada yang datang dari pelosok kampung yang berjauhan. Budak-budak ini menjadi anak angkat kepada Pak 'Njang Man dan Mak 'Njang Jah. Mereka membantu melakukan kerja-kerja rumah seperti memasak dan mengemas. Sebagai balasannya mereka diajar Quran oleh Pak 'Njang, Mak 'Njang dan Ustaz Hasan Ishak (yang sama-sama mengajar di SK Mahang dan menjadi anak angkat Mak 'Njang dan Pak 'Njang, dan tinggal bersama-sama mereka).

Pak 'Njang ada dua orang cucu perempuan berusia belasan tahun. Yang sulungnya Aishah dan Adiknya Habibah. Mereka sebenarnya tinggal di Pokok Sena, Seberang Perai. Asalnya, Ayah Aishah dan Habibah ini, "melarikan diri" dari menjadi *Home Guard* , iaitu satu bentuk *militia* yang dirtubuhkan oleh Pemerintah untuk menentang pengganas Komunis yang sedang bermaharajalela pada masa itu. Kebangkitan Komunis oleh Parti Komunis Malaya ini bergerak aktif dari 1948 hingga 1960. Atas alasan mengaji pondok anak Pak 'Njang Man itu, Haji Abdullah, berpindah dengan membawa keluarganya (isteri dan 2 orang anak gadis) ke Pokok Sena. Haji Abdullah membina pondok sendiri dalam kawasan Pondok

HABIBAH & AISHAH

(Pondok Haji Ahmad Tuan Husain). Dia mengaji secara kaedah “menadah kitab” manakala anak-anak gadisnya, Aishah dan Habibah, turut belajar di situ.

Cucu-cucu Pak Njang Man ini, Aishah dan Habibah, sering datang tinggal dengan Tok dan Tok Wan mereka semasa sekolah pondok mereka cuti.

Sudah nak jadi jodoh, Aku pun jatuh hati kepada Aishah. Dia sering kulihat di pekarangan rumah Pak ‘Njang Man yang terletak tak sampai pun 200 ela dari rumah yang Aku sewa.

Kami di’akadkan pada 16-6-1966. Pak ‘Njang mengadakan walimatul urusnya di rumahnya di Mahang semasa cuti Penggal 2 (bulan Ogos) 1966.

Hidup kami di Mahang sederhana. Amat sederhana. Sederhana serba-serbinya: rumah, kelengkapan rumah, makan-minum dan sebagainya. Pada masa itu motosikal Nortonku juga sudah tiada, kerana telah kujual sejurus sebelum bernikah. Hanya yang kami ada, yang kebanyakan orang di Mahang belum ada, ialah sebuah peti televison, hitam-putih (belum ada TV warna di Malaysia lagi), saiz 19 inci, jenama Philips yang Aku beli *second-hand* dengan harga $250. Walaupun murah harganya, set ini telah memberi kami kepuasan. Malah, sampai kami berpindah ke Alor Setar pada tahun 1970, ia masih dapat digunakan. Setiap malam Sabtu rumah kami menjadi panggung mini, kerana beberapa keluarga kampung (yang ada pertalian keluarga dengan Isteriku) datang menonton filem Melayu.

PERSANDINGAN KAMI

Ada beberapa rancangan TV pada masa itu yang menjadi kegemaranku. Antaranya *The Avengers,* lakonan Patrick McKnee, *Mission Impossible, The New Samurai, Man In A Suitcase* dan beberapa lagi. Siarannya tidaklah 24 jam, hanya beberapa jam sehari. Ada satu saja saluran, iaitu Saluran 1. Beberapa tahun kemudian ditambah satu lagi Saluran, iaitu Saluran 2. Saluran Swasta, TV3 datang lagi lewat.

Di Mahang pada masa itu bekalan elektrikya hanya ada pada sebelah malam, iaitu dibekalkan oleh sebuah *generator* milik usahawan tempatan Haji Isa Dahaman. Kerana tiada bekalan seharian, maka tak dapatlah kami memiliki peti sejuk.

Aku amat suka belajar sendiri beberapa perkara. Misalnya, Aku pernah belajar menjahit. Dapat juga Aku memotong dan mejahit sehelai baju, yang kemudiannya Aku pakai ke sekolah. Selain itu, Aku belajar bertukang kayu. Aku amat *systematic* dalam mempelajari sesuatu. Mula-mula kubeli sebuah buku tentang *carpentary.* Dari buku tersebut kupelajari segala teori berkaitan pertukangan kayu, termasuk pemilihan dan penggunaan alat-alat bertukang kayu serta selok-belok lain yang berkenaan. Natijahnya, Aku berjaya menghasilkan sebuah katil kelamin, sebuah katil bujang, sebuah meja dan beberapa buah kerusi. Bekas tanganku "boleh tahan" juga. Misalnya, katil kelamin dan bujang dan meja itu layak ku "ketengahkan"; semasa pindah ke Alor Setar, barang-barang itu kubawa bersama. Dua buah katil itu sebenarnya kekal hingga ke tahun 1980an. Hanya bila pindah ke rumah kami di Kepala Batas pada tahun 1984 baru barang-barang itu ditinggalkan di rumah mertuaku di Pokok Sena. Malangnya Adik-adik Iparku itu tidak ada yang tahu menghargai hasil tanganku; barang-barang itu ke lungguk sampah juga akhirnya. Sayang, tak suatu pun yang tinggal untuk jadi bahan *nostalgia.*[40]

CERITA LAMA TENTANG AISHAH

Semasa Aku mula berkenalan dengan bakal isteriku, Aku ada mendengar sedikit kisah latar belakang tentang "*man in her life*" daripada seorang kenalan keluarga bakal isteriku itu. Khabarnya ada seorang pemuda yang tinggal dalam pekarangan Pondok Pokok Sena dan menjadi jiran kepada keluarganya yang menaruh hati kepadanya. Namanya Ahmad. Ayahnya Pak Long Haji Muhammad adalah Imam dalam Pondok itu. Pak Long Haji Muhammad dikenali sebagai Haji Mat Perlis dan khabarnya ada berbau

[40] Kemuncak kemampuanku dalam pertukangan kayu ialah apabila Aku diminta oleh Ayah Mertuaku memulakan kerja mendirikan rumah baru keluarga di Pokok Sena, tidak lama selepas perkahwinan kamu.

bacang dengan Haji Yunus, Datukku. Ahmad ini, setelah tamat pengajian di Pondok Pokok Sena telah menyambung belajar di Madrasah Almashhur di Pulau Pinang. Pada masa itu Madrasah itu masih berstatus Sekolah Rakyat. Madrasah Almashhur ini telah diasaskan oleh tokoh islah Islam, Syed Sheikh Al-Hadi pada awal kurun 20, dan telah menjadi satu-satunya pusat pengajian Agama Islam yang terkenal di Tanah Melayu, setanding dengan Ma'ahad Muhammadi di Kelantan.

GAMBAR AISHAH SEBELUM BERKAHWIN

Ahmad bercita-cita melanjutkan pengajiannya ke Timur Tengah dan pada masa Aku berkenalan dengan Aishah, sedang membuat persediaan ke arah itu. Seperti yang kusebutkan di atas, Ahmad telah menaruh hati kepada Aishah, bakal isteriku itu. Seperti yang diceritakan kepadaku kemudiannya oleh Aishah, Ahmad banyak memberi semangat kepadanya untuk belajar. Dia membangkitkan minat menuntut ilmu dalam diri Aishah dengan memberi nasihat serta meminjamkan bahan-bahan pelajaran. Menurut Aishah, Ahmad banyak membimbingnya memahami matematik dan bahasa Arab. Juga sedikit sebanyak, bahasa Inggeris. Ahmad bercadang menjadi Aishah teman hidupnya. Dia minta Aishah menunggunya pulang dari belajar di Timur Tengah.

Aishah sebenarnya berada dalam dilemma. Dia memang sukakan Ahmad, tiada pemuda lain yang di dalam hidupnya. Tetapi, satu masalah besar merintangi perancangan masa hadapan mereka, iaitu Emak Ahmad, Mak Long Selasiah, tidak sukankan Aishah. Entah siapa yang dia berharap untuk dijadikan isteri Ahmad tidaklah diketahui, tetapi kata Aishah Mak Long Selasiah ini sangat cerewet dalam soal mencari menantu. Aishah sama sekali bukan gadis pilihannya. Jadi, manakala Aishah sukakan Ahmad, namun dia menaruh kebimbangan jika mereka berkahwin rumah tangga mereka besar kemungkinan mejadi purak puranda akibat sikap Mak Long Selasiah terhadapnya.

AISHAH PADA USIA 27

Akhirnya, semasa Ahmad hendak bertolak ke Timur Tengah, dia telah meminta agar Aishah menunggu kepulangannya untuk dilamar. Aishah pula, yang sedar masa hadapan mereka tidak mungkin stabil kalau dia berkahwin dengan Ahmad telah meminta kepada Ahmad agar mereka menamatkan sahaja hubungan mereka. Dalam keadaan yang serba tak menentu ini, Ahmad telah meninggalkan Tanah Air. Dalam

sanubarinya dia masih menyimpan harapan Aishah akan dapat diperisterikan olehnya, sekembali dari menuntut di Timur Tengah itu.

Kebetulan Ahmad dan Aishah baru saja berpisah, maka Aku telah berkomunikasi dengannya. Aku sama sekali tidak tahu menahu kisahnya dengan Ahmad. Maka kekosongan dalam hati Aishah telah terisi dengan kedatanganku ke dalam kehidupannya. Maka, menjadi mudahlah dia menerimaku sebagai pengganti. Bila Aku telah mendapat tahu kisah Aishah dengan Ahmad daripada kenalan keluarga itu, Aku cuba bertanya kebenarannya daripada Aishah. Jawapan yang diberi oleh Aishah ialah dia telah pun memutus hubungan dengan Ahmad. Sudah berkerat rotan, berpatah arang.

Apa yang berlaku seterusnya dalam episod Aishah dan Ahmad ini ialah setelah tamat belajar di sebuah universiti di Iraq, Ahmad telah mengambil keputusan tidak mahu pulang ke Malaysia. Orang yang diharap menyinari hidupnya kini sudah menjadi isteri orang lain. Ahmad juga telah kecewa dengan sikap Emaknya dan meletakkan penyebab Aishah memutuskan hubungan dengannya pada diri Emaknya. Apa yang dilakukan oleh Ahmad adalah sesuatu yang dipersoalkan oleh banyak pihak. Ahmad telah sanggup membuang keluarga sendiri kerana hajatnya mengahwini wanita yang dicintainya tidak mendapat restu Emaknya. Dari Iraq, Ahmad telah mengembara ke Syria dan kemudiannya mengahwini seorang wanita Arab di sana dan terus menetap di Syria. Setelah beberapa tahun Ahmad telah balik seketika ke Malaysia membawa sama isteri dan anak-anaknya, iaitu dua orang lelaki yang telah berumur belasan tahun. Bila Aku mendengar berita tentang pulangnya itu, Aku telah menjemput Ahmad sekeluarga makan di rumahku. Mengikut Aishah, dia telah mendapat kesempatan bertanya kepada Aishah mengapa tidak menunggu kepulangnnya. Tidak kuketahui apa jawapan Aishah.

Beberapa tahun selepas ini, dia pulang lagi ke Malaysia dan khabarnya pernah cuba mencari kerja di sini, tetapi kurang berjaya. Dia balik semula ke Syria dan beberapa tahun kemudian telah meninggal dunia di sana. Khabarnya, kematiannya ada kaitan dengan kejadian dalam mana dia telah dibelasah oleh polis Syria kerana disyaki terlibat dalam gerakan anti-pemerintah. Ini berikutan dengan kedai karpetnya di Syria menjadi tempat yang sering didatangi oleh anasir-anasir anti-kerajaan.

Sedih Aku mendengar kisah Ahmad. Khabarnya, Anaknya yang dua orang, yang kini sudah dewasa, kini bermastautin di Malaysia bersama Ibu mereka.

Wallahuaklam.

13. PENDIDIKAN AGAMAKU

Rasanya elok juga Aku selitkan di sini sedikit-sebanyak catatan tentang pelengkap kepada pendidikanku, iaitu pendidikan agama yang kulalui.

Buat permulaannya, Aku diserah oleh Ibuku mengaji Quran kepada seorang Guru Quran kampung yang dikenali sebagai Pak Lang Man, pada usiaku 7 tahun, iaitu pada tahun yang sama Aku masuk ke Sekolah Melayu. Jauhnya rumah Pak Lang Man dari rumahku kira-kira setengah batu. Pada peringkat awalnya, Aku belajar Quran itu hanya pada sebelah petang, enam hari seminggu. Hari Jumaat tidak belajar. Selepas dua-tiga tahun, Aku tambah lagi belajar pada sebelah malam. Sememangnya, kehadiran budak-budak, baik lelaki maupun perempuan, lebih ramai pada sebelah malam. Ada kira-kira 30 orang kesemuanya, lelaki dan perempuan, yang belajar itu.

Al hamdulillah, Aku diberi Allah terang hati. Selepas setahun-dua, Aku dapat khatam pembacaan dan mengulang baca semula.

Tentang selok-belok fardhu ain, Aku menghadiri kelas agama yang diadakan oleh jawatankuasa kampung, yang ditumpangkan di Sekolah Melayu, pada sebelah petang. Setelah Aku masuk belajar agama pada sebelah petang ini, pegajian Quranku di rumah Pak Lang Man terpaksa kubataskan ke sebelah malam saja. Kelas agama yang ditumpangkan di Sekolah Melayu itu tidak lama bertahan. Kalau tidak silapku, 3 atau 4 tahun sahaja. Tidak pula dapat kupastikan sebabnya ia ditutup itu.

Selepas penutupan kelas agama di Sekolah Melayu itu, Aku terpaksa mencari alternatifnya. Aku mula menghadirkan diri di kelas fardhu ain yang diadakan di balai lintang masjid kampung, dua kali seminggu sebelah malam. Gurunya ialah Ustaz Wan Ahmad Bin Wan Muhammad, seorang keturunan Fatani dan mendapat pendidikannya di Makkah. Sebelah siangnya untuk 2 hari seminggu Aku belajar pula di rumah Pak Cik Leh, Imam Masjid Cherok Tok'Kun, iaitu dalam bidang bahasa Arab. Aku diajar mengikut kaedah tradisional iaitu diajar menguasai nahu dari awal lagi. Kitab yang dipakai nama *Dhommun.*

Kaedah belajar tradisonal ini mementingkan penghafalan. Mula-mula dihafal *dhammir* (Gantinama), kemudian *fi'il* (perbuatan). Bukan main susahnya. Selepas

setahun, belum nampak apa-apa hasilnya. Maka akhirnya Aku mengundur diri. Jadi tinggal belajar agama di Balai Lintang masjid sahaja.

Sebenarnya pemberhentianku bermula dengan satu kejadian, iaitu Aku ditimpa kemalangan. Pada masa itu usiaku kira-kira 15 tahun. Aku dalam Tingkatan 3 di High School Bukit Mertajam. Suatu petang Aku bermain “kejar-mengejar dan sembunyi”. Seorang kawan yang sama bermain telah menyembunyikan dirinya di atas pokok manggis. Bila Aku dapat mengesannya, Aku pun memanjat pokok itu. Malangnya, pada ketinggian kira-kira 15 kaki Aku telah tersilap peganganku lalu menerudum jatuh ke bumi. Aku terus pengsan. Ambulan dipanggil oleh seseorang dan aku dimasukkan ke Wad Hospital Bukit Mertajam. Nasib baik tidak patah di mana-mana. Kepalaku yang terhentak ke perdu pokok mengalami luka yang memerlukan dijahit. Bentrokan inilah yang menyebabkan Aku pengsan. Nasib baik otakku tidak terjejas. Walau bagaimanapun Doktor mahukan Aku tinggal di Hospital untuk sedikit hari, supaya dapat dilakukan pemerhatian. Selepas beberapa hari dan Doktor mengesahkan tiada komplikasi, maka Aku pun dibenarkan balik rumah.

Entahlah begitu sudah takdirnya, selepas peristiwa Aku jatuh pokok itu Aku pun tidak menyambung kembali pengajian nahu Arabku di rumah Pak Cik Leh. Mungkin sebab sebenarnya ialah kerana aku telah hilang minat disebabkan kaedah pengajiannya yang tidak membuahkan hasil itu. Tetapi, ini tidak bermakna Aku hilang minat terhadap *lisanul Arab,* malah hingga ke hari ini (pada usiaku 75 tahun) minat terhadap bahasa al-Quran ini tetap ada padaku dan cuba Aku asah melalui bacaan al-Quran yang disertai terjemahan per kata. Ternyata *TAFSIR QUR’AN PER KATA,* terbitan Maghfirah Pustaka, Indonesia yang kubeli pada harga RM110 itu tidak menghampakan.



AKU TANGGUHKAN DULU PENULISANKU DI SINI

UNTUK

MEMBERI LALUAN KEPADA

TAZKIRAH BUAT ORANG TERSAYANG

عبدالهادي اسماعيل

TAZKIRAH BUAT ORANG YANG TERSAYANG

Semasa **sedang menulis biografi ini, pada tanggal 25 Ogos 2016, bersamaan 22 Zulkaedah 1437, orang terpenting dan tersayang dalam keluarga, iaitu isteriku AISHAH BINTI HAJI ABDULLAH, telah berpulang ke RAHMATULLAH. Perginya begitu mengejut membuatkan Aku ,anak-anak dan cucu-cucu tersentak seketika. Pilu dan sayu menyelubungi suasana dalam rumah tangga kami.**

Memanglah akhir-akhir ini Isteriku kurang sihat. Dia mengadu yang selera makannya berkurangan serta tubuh badannya terasa kurang bertenaga. Dalam bulan Februari dia telah dimasukkan ke Hospital Kepala Batas selama 4 hari apabila mengadu sesak nafas dan kemudian semasa keluar hospital telah dinasihatkan oleh doktor supaya mengurangkan kerja-kerja rutin harian serta banyak berehat dan bertenang.

Aishah mengikut nasihat doktor. Antara lainnya dia tidak lagi mengasuh cucunda kami yang ke-13, iaitu Muhammad Hanif 2 tahun, anak kepada Anak Bongsu kami, Munajat. Masak-memasak makan juga telah dikurangkan dan kadang-kadang dibeli saja makanan yang sudah sedia dimasak.

Pada 24 Ogos, 2016 Aishah mengandu kurang sihat. Pada malamnya dia dibawa ke Kecemasan di Hospital Kepala Batas, setelah dia mengadu sesak nafas.

Sampai di Hospital terus ke RED ZONE dan dipasang alat pernafasan. Semasa alat pernafasan dipasang, Aishah mengadu katanya, "Tak selesalah benda ni…" dan terus pengsan. Pada masa itu jantungnya berhenti berfungsi lalu doktor melakukan *Cardiopulmonary resuscitation (CPR),* khabarnya sebanyak tiga kali. [Rupa-rupanya ungkapan, "Tak selesalah bendi ni…" itu ditakdirkan adalah kata-kata terakhir dari mulut Aishah.]

Dalam keadaan koma, Aishah kemudiannya ditempatkan di Wad Kecemasan kerana ICU tiada kekosongan. Dia dipasang alat-alat *Life Support System*.

ALAT LIFE-SUPPORT SYSTEM

Keesokan hari (25 Ogos), Aishah telah dipindahkan ke wad biasa, dan alat-alat *Life Support System* yang terpasang padanya turut dibawa sama.

Lebih kurang jam 3 ptg. Anakanda Zul telah menalipon Aku (yang telah balik ke rumah untuk solat asar) mengatakan Doktor berpendapat anak-cucu patut berkumpul. Aku pun bergegas ke hospital diambil oleh Anakku, sebelum sempat menunaikan solat asar.

Kebetulan waktu itu masa melawat, ramailah kaum kerabat dan beberapa orang kenalan di dalam wad. Aku dengan kerusi rodaku menempatkan diriku bersebelahan katilnya hampir kepalanya. Aku membaca surat YASIN sambil dari semasa ke semasa melafazkan KALIMAH SYAHADAT, "La ilaha illallah!" ditelinganya. Dalam kesedihan Aku pasrah. Orang kesayangan (selepas kedua Ibubapaku) akan segera meninggalkan ALAM FANA ini ke ALAM BAKA. Aishah tampak aman sekali.

Jam 6 ptg. Jururawat memeriksa alat-alat yang memantau nadinya menyatakan yang ORANG TERSAYANG sudah tiada. INNA LILLAH WA INNA ILAIHI RAJIUN. Doktar yang bertugas mengesahkan fakta tersebut.

Berderailah air mata dan terbitlah esakan yang cuba diperlahankan dari sedozen anak cucu dan sanak saudara. Aku pun sebak tetapi berupaya menahan sebakanku itu.

Khamis 25 Ogos 2016 jam 6 ptg. mengikut kiraan Islam sudah masuk hari JUMAAT. Maka, untuk mengambil syafaat hari Jumaat, waris-waris Orang Tersayang telah sebulat suara setuju dilakukan pengkebumian malam itu juga. Dan tempat persemadian pula dipersetujui di Tanah Perkuburan Masjid Kampung Banggul, Pokok Sena. Di situ jugalah bersemadinya arwah Ayahanda dan Bonda Orang Tersayang.

Mayat telah dimandi dan dikafankan di Hospital dan terus dibawa ke Masjid Kampung Banggul. Setelah disembahyangkan oleh jemaah solat 'isya , maka disemadikan kira-kira jam 11 mlm.

SEKITAR PENGKEBUMIAN ORANG TERSAYANG

GAMBAR INI SEMASA DIMASUKKAN KE WAD SEBULAN-DUA SEBELUM KRITIKAL.

GAMBAR-GAMBAR SETELAH ROH MENINGGALKAN JASAD.

DI BILIK MANDI MAYAT & KUCUPAN TERAKHIR.

TIADA TANDA-TANDA AWAL

Orang **Yang Tersayang tidak menampakkan tanda-tanda awal yang membimbangkan tentang pemergiannya. Memang akhir-akhir ini Dia kurang nafsu makan, tetapi ini disangkakan disebabkan oleh hal-hal biasa saja, termasuk letih menjaga cucu. Selain itu, semasa ke Pasar Tani di Tasek Gelugor, iaitu satu aktiviti yang kerap dilakukannya, kerap Dia memesan supaya memparkir kereta berdekatan, kerana katanya Dia tak larat berjalan.**

Demikian juga semasa kami keluar *shopping* untuk mencari gagang telefon di Thye Huat (Perai) Sdn. Bhd. Pada 16-07-16. Dia minta Aku parkir berdekatan pintu kedai. Dia menyatakan yang dia berasa sangat "tak larat". Tidak pula terlintas di hatiku bahawa rungutannya itu mempunyai implikasi yang lebih mendalam, kerana sememangnya lewat-lewat ini Dia kurang makan,

SEBULAN-DUA SEBELUM "PEMERGIANNYA" AISHAH TELAH MENGHASILKAN BEG TANGAN KAITAN INI.

Bawah: BUKU CATATAN RESEPI PENINGGALAN AISHAH.

Atas: "BAKUL TERAKHIR" YANG DIBELI OLEH AISHAH (Pada 20-08-2016);

Bawah:OVEN KESAYANGAN AISHAH

Lima hari sebelum pemergiannya (iaitu pada 20-08-16), Dia telah mengeluarkan RM 1000 dari mesin ATM.
Kami singgah di Pasar Raya dan di sebuah kedai lain untuk membeli beberapa barang keperluan dapur. Antara barang yang dibelinya ialah cecair pencuci bilik mandi. Selainnya ialah kopi kegemarannya.

SEBAHAGIAN BARANG-BARANG KESAYANGAN AISHAH:

Dari Kiri: BUKU RESEPI (Kulit); BUKU RESEPI (Dalam): JAM TANGAN TISSOT; POKOK TIN

ULANG TAHUN PERKAHWINAN KE-50 (Julai 2016)
[Kali Terakhir Bergambar Sekeluarga]

DARIPADA ALLAH DATANGNYA, KEPADA ALLAH JUA KEMBALINYA

14. AKU KE MENARA GADING

Setelah lulus Peperiksaan *Higher School Certificate* pada tahun 1970*,* Aku terus berkhidmat dengan Maktab Mahmud. Sebenarnya, Aku tidak mempunyai apa-apa cita-cita mengejar kerjaya lain walaupun kelulusan akademikku telah bertambah.

Kemasukanku ke Universiti kukatakan adalah sesuatu yang tidak dirancang olehku dan berlaku semata-mata kerana perancangan Allah yang Maha Esa. Agak menarik juga rentetan peristiwa yang berkaitan dengannya. Untuk memahami jaringan peristiwa yang Aku lalui setelah Aku berpindah dari Sekolah Kebangsaan Mahang ke Maktab Mahmud, adalah penting diketahui sedikit sebanyak "pergolakan" yang berlaku dalam dunia perkhidmatan guru di Tanah Melayu/Malaysia pada masa itu.

Peraturan semasa pada masa itu bagi guru-guru yang hendak melanjutkan pengajian ke universiti adalah seperti berikut dan ia ada hubungkaitan dengan "jenis guru" pada masa itu. Guru yang berkhidmat pada masa itu dikategorikan sama ada sebagai GURU KERAJAAN atau GURU BUKAN-KERAJAAN. Guru Kerajaan adalah guru-guru yang mula berkhidmat sebelum berkuatkuasa sebuah perakuan yang dikenali sebagai *UNIFIED TEACHING SERVICE* (UTS), yang muncul pertengahan 1961. Semua guru yang mula berkhidmat selepas tarikh ini dipanggil guru UTS dan berstatus bukan-kerajaan. Mereka kehilangan beberapa kebaikan yang sedia ada bagi guru-guru kerajaan. Antara yang penting ialah skim pencen. Ganti pencen, guru-guru UTS akan dibayar "hadiah wang" sekali gus yang dipanggil EPF (*Employees Provident Fund*). EPF ini sebenarnya adalah skim yang sama seperti yang terpakai pada semua pekerja bukan-kerajaan dalam semua bidang pekerjaan. Juga, guru-guru UTS, jika hendak melanjutkan pelajaran ke universiti perlu mengambil cuti tidak bergaji. Ini adalah satu halangan besar bagi guru-guru yang hendak membaiki kedudukan mereka dengan memperolehi ijazah universiti. Guru-guru yang dikategorikan sebagai GURU KERAJAAN, sebaliknya, jika hendak melanjutkan pelajaran ke universiti, diberi cuti dengan mendapat separuh gaji. Maka, perbezaan ini menjadikan guru-guru UTS mengalami masalah kewangan bila hendak melanjutkan pelajaran ke universiti.

Untuk memahami selok-belok perkembangan pendidikan di negara ini dan apa peranan yang dimainkan oleh Penyata Razak, perlulah dibuat sedikit tinjaun tentang sejarah negara ini. Cengkaman British ke atas politik negara ini bermula apabila Kapten Light mengambil Pulau Pinang pada tahun 1771.dan lebih tepat selepas Perjanjian Pangkor 1874.

Salah satu isu dalam sejarah negara ini yang amat penting ialah pembebasan negara dari pemerintahan British. Pada tahun 1955 sebagai langkah awal ke arah itu telah

diadakan Pilihan Raya Umum yang pertama, dalam mana Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) telah berjaya menubuhkan Kerajaan (dipanggil Pemerintahan Sendiri). Rundingan telah dibuat dengan kerajaan British dan persetujuan dicapai untuk memberi Kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayui pada 31 Ogos 1957. Sebagai persediaan awal ke arah itu, Dato' Abdul Razak, Menteri Pelajaran Pertama telah ditugaskan membentuk sistem pelajaran bagi Tanah Melayu Merdeka. Hasilnya ialah Penyata Razak 1956. Antara perakuan Penyata tersebut berhubung dengan Perkhidmatan Perguruan ialah penubuhan apa yang dipanggil *UNIFIED TEACHING SERVICE* (UTS) – seperti yang disebutkan di atas - atau Melayunya PERKHIDMATAN GURU DIPERSATUKAN[41]. Dengan wujudnya UTS, semua guru yang dilantik selepas tarikh penubuhan badan tersebut tidak lagi menjadi Pegawai Kerajaan. Guru-guru lain yang dilantik sebelumnya tetap sebagai guru kerajaan.

Seperti yang telah disebut tiga perenggan terdahulu, sebagai guru bukan-kerajaan, guru-guru UTS terpaksa meletak jawatan dan bercuti tanpa gaji untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Mereka yang masih bujang atau mereka yang isterinya bekerja masih sanggup bercuti tanpa gaji. Tetapi guru UTS yang sudah berkeluarga, tambahan pula jika isterinya tidak bekerja menghadapi prospek yang sangat gelap jika ingin melanjutkan pelajaran. Demikianlah halnya dengan diriku.

Setelah berjaya mencapai kelulusan penuh dalam peperiksaan *The Higher School Certificate* pada tahun 1970 – seperti yang telah dikisahkan terdahulu – Aku terus sahaja berkhidmat di Maktab Mahmud. Kepada semua yang bertanya Aku tak hendak ke universitikah, jawapan yang kuberikan ialah negatif. " Siapa yang akan menanggung isteri dan anak-anakku sepemergianku ke universiti?" , kataku.

Dalam tahun 1971 selepas tersiarnya keputusan *Higher School Certificate* dan Sijil Tinggi Persekolahan , Universiti Malaya dan Universiti Pulau Pinang (yang kemudiannya akan menjadi Universiti Sains Malaysia) telah menyiarkan iklan Permohonan Kemasukan Ke Universiti. Mengapa Universiti Malaya dan Universiti Pulau Pinang sahaja? Jawabnya, pada masa itu sememangnya hanya terdapat dua buah universiti itu sahaja di negara ini. Universiti ke-3, Universiti Kebangsaan Malaysia wujud setahun kemudian selepas Universiti Sains Malaysia (USM) dan universiti-universiti lain (Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti

BLOK UTAMA MAKTAB PERTANIAN SERDANG

[41] Perkhidmatan Guru Dipersatukan @ UTS ini akhirnya dimansukhkan pada tahun2 1970an. Maka, semua guru menjadi guru kerajaan dan berstatus berpencen.

Teknologi Malaysia) lagi terkemudian. Universiti Pertanian Malaysia wujud 1973 (sebagai kesinambungan kepada Maktab Pertanian Serdang) dan Universiti Teknologi Malaysia wujud 1975 (sebagai kesinambungan kepada Sekolah Teknik Treacher).

PELAJAR-PELAJAR MAKTAB PERTANIAN SERDANG

SEKOLAH TEKNIK TREACHER (1905)

Universiti di Pulau Pinang pada mulanya dicadangkan sebagai kolej universiti kepada Universiti Malaya di Kuala Lumpur. Kemudiannya persetujuan telah dibuat untuk menjadikannya sebuah universiti berotonomi. Nama kedaerahan asalnya Universiti Pulau Pinang kemudian ditukarkan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bulan April 1972. USM memulakan pengajiannya pada tahun 1969 dalam jurusan sains, dengan menumpang di Maktab Perguruan Persekutuan (kini Institut Perguruan Persekutuan Pulau Pinang) di Bukit Gelugor.

Seperti yang telah kukatakan Aku pada mulanya tidak bercadang melanjutkan pengajian ke universiti. Namun sikapku sentiasa terbuka. Jika ada peluang akan Aku cuba. Kebetulan, Aku terlihat iklan bahawa Universiti Pulau Pinang akan memulakan satu bentuk pengajian universiti yang belum pernah dicubakan di negara ini, dipanggil Pengajian Luar Kampus, Inggerisnya *Out-Campus Programme* (istilah kini ialah Pendidikan Jarak Jauh). Program tersebut akan dimulakan pertengahan tahun 1971. Syarat kemasukannya sama dengan kemasukan ke program Sarjana Muda, iaitu HSC/STP. Bezanya dengan program biasa ialah maha siswa tidak perlu hadir ke kampus untuk mengikuti kuliah. Mereka akan dibekalkan bahan pembelajaran secara pos dan akan mengirim kembali ke universiti tugasan masing-masing yang telah disempurnakan. Dari semasa ke semasa mahasiswa akan menghadiri seminar dan bengkel akademik di kampus. Hanya bagi tahun akhir, iaitu tahun kelima baru mahasiswa diperlukan hadir di kampus sepenuh masa. Mereka lantas akan mengikuti kuliah dan tutorial seperti yang diikuti oleh pelajar-pelajar lain sepenuh masa yang mengikuti kaedah pengajian konvensional. Mereka adalah pelajar Tahun 3 (Tahun Akhir) manakala mahasiswa kaedah sambilan (luar kampus) pula adalah pada tahap pengajian tahun kelima (juga tahun akhir). Mereka akan menduduki peperiksaan yang sama seperti pelajar tahun akhir program konvensional.

Aku telah mendaftarkan diri untuk program Luar Kampus dan telah diterima. Namun, senyap-senyap Aku ragu-ragu sama ada Aku akan mempunyai motivasi secukupnya belajar sambil bekerja.

Dalam pada itu Aku turut serta membuat permohonan untuk kemasukan konvensional sepenuh masa, walaupun dalam kepala belum ada idea sepenuhnya bagaimana menanganinya kelak. Permohonan Aku untuk mengikuti Program Sepenuh Masa Ini pun turut berjaya. Walau bagaimanapun Aku tidak terus memberi jawapan mengatakan Aku terima tawaran itu. Aku akan mengambil strategi menunggu dulu sehingga ke "*last minute*" Sementara itu dapatlah Aku membuat perancangan bagaimana menyelesaikan masalah-masalah yang menjadi batu halangan kepada Aku mengikuti pengajian sepenuh masa itu. Insya' Allah, aku yakin Tuhan akan menunjukkan jalannya kepadaku. Firman Allah s.w.t dalam Al-Quran, Surah Thalaq Ayat 2-3:

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Maksudnya: Barang siapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan Dia memberi rezeki kepadanya dari arah yang tidak disangka-sangka.

Apakah batu halangan kepada Aku mengikuti pengajian di universiti secara sepenuh masa?

Halangan paling besar ialah soalan kewangan. Setelah membuat permohonan kepada MARA, Aku telah diberi pinjaman sejumlah $5400, iaitu $1800 setahun untuk 3 tahun pengajian. Pada andaianku, selepas membayar yuran pengajian, tinggallah kira-kira $100 sebulan. Tak mungkin Aku dapat menyara diriku dan juga menyara keluarga dengan wang sesedikit itu. Isteriku tidak bekerja. Selain itu Aku juga menanggung pengajian seorang Adikku (Fauziah) dalam Tingkatan 4 di sebuah sekolah swasta di Alor Setar.

Siang-malam Aku memikirkan permasalahan ini. Untuk beberapa malam Aku tak dapat memejamkan mata. Aku sudah bertekad hendak mengikuti pengajian sepenuh masa sebab kurang yakin Aku akan berjaya jika belajar sambilan (Program Luar Kampus).

من جد وجد

Akhirnya ternampak suatu lorong terbuka bagiku. Aku membuat permohonan kepada majikanku, Lembaga Maktab Mahmud, untuk membiayai pengajianku dan sebagai balasannya Aku bersetuju mengikat kontrak untuk balik berkhidmat sebagai guru di Maktab Mahmud selama 5 tahun. Kaedah yang ku cadangkan ialah mengikut apa yang dinikmati oleh guru-guru kerajaan yang masuk ke universiti, iaitu diberi cuti setengah gaji. Dalam kes Aku setengah gajiku pada masa itu ialah kira-kira $180.

Alhamdulillah! Ideaku sukses. Maktab Mahmud akan memberiku cuti setengah gaji dan Aku bersetuju balik berkhidmat selama 5 tahun sebagai guru. Maktab Mahmud sememangnya amat memerlukan guru siswazah untuk mengajar Tingkatan 6. Selama ini sumber mereka ialah guru yang dipinjamkan oleh Jabatan Pelajaran dan kaedah ini tidak begitu memuaskan kerana kerapkali guru yang dipinjamkan itu ialah guru yang bermasalah. Maktab Mahmud menjadi “tempat buangan” bagi guru-guru yang bermasalah di sekolah. Kini, setelah tamat pengajian Universiti, Aku akan jadi kakitangan milik mereka sendiri.

Aku yakin dengan baki pinjaman MARA sebanyak $100 sebulan dan ditambah separuh gajiku sebanyak kira-kira $180, Aku akan dapat menyelesaikan masalah kewanganku. Setelah berunding dengan Isteriku dan Ayah Mertuaku, dipersetujui Isteri dan Anakku akan dihantar balik ke kampung. Mertuaku akan menanggung sara mereka selama 3 tahun Aku menuntut di Universiti. Aku akan memberi kepada Isteriku $50 sebulan "duit susu". (Sebulan selepas Aku mula pengajianku lahirlah Anak kedua kami, tetapi duit susu itu kekallah sebanyak itu juga).



MINDEN BARRACKS

Setelah mustaid perancanganku, maka Aku pun mengambil cuti sehari dari sekolah lalu ke Universiti Pulau Pinang (yang pada masa itu baru sahaja berpindah dari Maktab Perguruan Persekutuan ke kampus barunya di Minden Barracks.). Minden Barracks, asalnya penempatan Askar British, terutamanya the Australian Battalions. Minden Barracks baru sahaja diserahkan oleh Tentera British kepada Universiti Pulau Pinang.

Semasa Aku mendaftarkan diri, proses perpindahan askar British masih berjalan. Malah sekuriti di pintu masuk masih lagi terdiri dari kakitangan tentera.

AKU MENJADI "MAHASITUA"

Alhamdulillah! Allah amat menyayangi Aku. Tak pernah pun aku bermimpi untuk menjejak kakiku ke kampus universiti. Masa bersekolah dulu, selepas *School Certificate* (Tingkatan 5) niatku satu sahaja, iaitu mencari kerja agar dapat membantu Ayah dan Emak. Lagipun Aku anak sulung, adalah kewajipanku melibatkan diri

dengan kebajikan keluarga, termasuk hal-hal persekolahan adik-adikku seramai lima orang.

Selesai urusan pindah balik isteri dan anak-anak ke kampung Aku pun memberi perhatian kepada tugasku sebagai Pelajar Universiti. Pendaftaran ialah pada 1hb Jun, 1971. Kami yang sebaya denganku menggelar diri kami MAHASITUA. Tak berapa orang. Antaranya Malik Muhammad (dulu guru di Sekolah Menengah Mahang, Elias Hanafiah (ex-guru dan kemudiannya telah menjadi Pengetua Institut Pendidikan Guru Tun Husain Oon -IPTHO- di Batu Pahat, Johor), Haris Md. Jadi (ex-guru, kemudian menjadi Pensyarah Pendidikan di USM), dan beberapa orang lagi. Aku menumpang dengan beberapa orang mahasiswa lagi di Taman Brown, Gelugor, 3 orang senior dan 2 orang sama denganku. Untuk berulang-alik ke kelas dan balik rumah hujung minggu Aku menggunakan sebuah skuter Vespa GS yang kubeli.dari seorang kawan.

VESPA GS

Aku merupakan *pioneer* di Kampus Minden. Jumlah penunutut pada masa itu mungkin sekitar 500 orang sahaja. No matrikku ialah 368. Antara pelajar yang kemudian menempa nama di USM ialah Zulkifli Abdul Razak, pelajar Farmasi, yang kemudiannya menjadi Pensyarah dan selepas itu Naib-Canselor. Dia pelajar *fresh* dari sekolah, kira-kira beza umurnya denganku 8-10 tahun.



KAD MATRIKKU

Aku diterima masuk ke Pusat Pengajian Sains Sosial. Hajatku nak major Sejarah tetapi Sejarah rupa-rupanya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Lepas seminggu Aku minta tukar Pusat Pengajian dan dibenarkan. Dekannya ialah Prof. Robert Van Niel, yang dipinjamkan dari University of Hawaii.

PROF. HAMZAH SENDUT, NAIB CANSELOR U.S.M.

Pada minggu-minggu awal pengajian, tempat kuliah sering berubah mengikut keperluan, kerana proses pengubahsuain rancak berlaku. Maklumlah, dari Pusat Tentera nak dijadikan Pusat Akademik. Antara tempat-tempat yang digunakan

ialah bahagian bawah Pusat Bahasa, yang tiada berdinding. Tempat lain yang popular ialah di Panggung Globe[42].

Naib Canselor pertama ialah Prof. Hamzah Sendut, pakar geografi dari Universiti Malaya. Namanya kini diabadikan di Perpustakaan. Pendaftar ialah En. Zamri. Pada masa ini "*everyone knew everyone else*" dalam kampus, dari Pendaftar ke kakitangan pejabat-pejabat, ke Sekuriti. Seseorang pelawat ke Universiti pada masa ini akan rasa seolah-olah berada di luar negara, jika melihat kepada kompososi Kakitangan Akademiknya yang terdiri dari pelbagai nationaliti: British, Amerikan, Jepun , Belanda, Filipino, dll. Ini adalah kerana universiti ini masih belum ada kakitangannya sendiri Kepelbagaian nasionaliti Pensyarah-pensyarah ini tidak menjadi masalah kerana Bahasa Pengantar yang digunakan 100% bahasa Inggeris.

Aku dapati langkahku masuk ke universiti adalah tepat. Alhamdulillah! Masalah kewangan yang Aku bimbang tidak timbul kerana rupa-rupanya rezekiku adalah murah. Aku mendapat posisi sebagai *Student Assistant* yang tugasnya ialah membantu pelajar-pelajar dari *Malay Medium* dalam pembelajaran mereka. Ini kerana semua kuliah dalam bahasa Inggeris dan pelajar-pelajar sebahagiannya mempunyai masalah memahaminya. Aku dibayar $400 setiap semester. Di samping itu ada pula projek universiti membantu pensyarah-pensyarah menguasai Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu). Aku dibayar $10 sejam memberi tuisyen kepada mereka. Dua orang Pensyarah diperuntukkan kepadaku untuk dua jam seminggu. Pendapatanku kira-kira $80 ke $100 sebulan. Kadang-kadang dapat duit sahaja kelas tiada kerana Pensyarah sibuk.

PROF. ROBERT VAN NIEL, DEKAN ILMU KEMANUSIAAN

Sebenarnya Aku dapati tidak ada masalah belajar pada peringkat universiti. Malah menyeronokkan. Kerana kekurangan tenaga pengajar, ada *flying lecturer* yang datang dari Universiti Malaya, antaranya Prof. Taib Osman, yang dikenali sebagai "Bomoh Moden" di kalangan pelajar-pelajar Universiti Malaya. Di USM dia mengajar kami *Folklore of the Malays.*

PROF. TAIB OSMAN

Tiga tahun di universiti rasa sekejap sahaja. Rezekiku amat murah. Semasa Aku di tahun dua Aku telah dibayar tunggakan gaji sebanyak beberapa belas ribu, berikutan dengan terlaksanya Penyata Aziz, dalam

[42] Panggung wayang tempat Askar Australia menonton wayang gambar; letaknya di lokasi Dewan Besar USM sekarang.

mana guru-guru latihan Day Training College/Centre (guru sekolah rendah) telah diakui sebagai guru memiliki kelulusan setara dengan guru latihan Malayan Teachers College (guru sekolah menengah).

Semasa Aku di tahun dua, Pegawai dari Kementerian Pelajaran telah datang ke kampus. Pelajar-pelajar yang dari golongan guru yang belajar tanpa separuh gaji telah ditawarkan Biasiswa Kementerian Pelajaran. Yang menemu-duga calon-calon ialah En. Baharuddin Marji, mantan Pensyarah Kananku di MPSI. Aku menolak tawaran itu kerana pembayaran biasiswa hanya untuk 2 tahun (tahun 2 dan 3), lagipun, Aku terikat dengan perjanjian dengan Maktab Mahmud.



EN. BAHARUDDIN MARJI

Semasa Aku dalam tahun kedua, Aku telah membawa keluargaku tiggal dalam kampus. Bilangan ahli keluargaku telah bertambah iaitu dengan lahirnya anak kedua kami, Mufidah, yang lahir beberapa minggu selepas Aku mendaftar masuk ke USM. Aku mendapat rumah 2 bilik dengan sewa $400 sebulan. Pada masa itu terbit cadangan daripada empat orang pelajar untuk menumpang makan di rumahku dengan bayaran bulanan. Aku telah mengambil Mak Cik Selasiah, tukang masakku semasa di Mahang dulu, sebagai pembantu Isteriku. Tugas utamanya ialah mengasuh dua orang anakku itu.

MUFIDAH

Semasa belajar di universiti, minat lamaku telah timbul semula, iaitu menonggang motosikal besar. Aku telah membeli sebuah Norton Deluxe antik keluaran 1956. Lama, tetapi masih baik prestasinya. Harganya $400. Sebab maka minat lama timbul semula kerana ada seorang sahabat yang sama-sama belajar yang dulunya peminat motor besar mencadangkan kepadaku untuk masing-masing menghidupkan semula minat kami itu. Sayogia disebut di sini bahawa



ANAKANDA ZUL MENGGAYAKAN "NORTON DE LUXE" KEPUNYAANKU

pada masa ini motosikal kuasa rendah seperti Honda Cub sudah banyak digunakan di kampus. Dalam kumpulan motosikal kuasa besar dalam kampus ada sebuah Norton De Luxe lagi (milik seorang pelajar

Cina) dan sebuah Triumph 500 cc (milik seorang pelajar Melayu). Sahabatku yang mencadang kami dapatkan motorsikal kuasa besar itu ialah Ramli Bakar[43], pelajar setahun *junior* daripadaku. Dia telah membeli sebuah Norton 500 cc Dominator 88 dan, seperti yang disebut terdahulu, Norton De Luxe 500 cc. motosikalku itu, walaupun sudah berusia 16 tahun masih dapat berfungsi dengan baik. Kelebihan model ini berbanding model selepasnya ialah ia tidak memerlukan bateri untuk menghidupkan enjinnya kerana ia menggunakan magneto. Bateri hanya diperlukan untuk membekalkan tenaga untuk lampu dan hon. Sebaliknya kekurangan model ini berbanding model kemudiannya ialah ia menggunakan gear yang dibuat daripada fiber untuk memusingkan rotor dinamonya. Masalahnya, gear fiber ini perlu digantikan dari semasa ke semasa kerana mudah haus. Tidak diketahui pula kenapa gear ini tidak dibuat daripada logam.

Kiri: DINAMO; Kanan:GENERATOR

Model De Luxe ini menggunakan dinamo dan bukannya generator untuk menghasilkan tenaga untuk mengcajkan bateri. Karannya ialah DC manakala karan yang dihasilkan oleh generator ialah AC. Dulu-dulu sistem elektrik kereta motor adalah DC sebelum diubahkan ke AC , seperti yang digunakan kini. Dinamo (yang menghasilkan DC) memerlukan *carbon brush* untuk menghantar karannya ke bateri, manakala generator tidak memerlukan *carbon brush.* Kelemahan sistem ini ialah *carbon brush* cepat haus dan perlu ditukar dari semasa ke semasa. Manakala generator tidak memerlukan *carbon brush* menjadikannya lebih mudah diselenggara. Dengan sebab itu penggunaan generator dalam motokar akhirnya menggantikan dinamo. Satu sebab lagi kenapa generator lebih disukai daripada dinamo ialah kerana dinamo memerlukan satu alat tambahan di antara dinamo dengan bateri iaitu *voltage controller* yang mengawal kekuatan karan masuk ke bateri. Sebahagian komponen *voltage controller* ini ialah *cutout,* yang peranannya ialah memotong alir elektrik dari bateri masuk ke dalam dinamo dan membakarnya. Alat *voltage controller ini* agak mahal harganya. Dalam motokar yang bekalan elektriknya jenis AC, *voltage controller* digantikan dengan *rectifier*[44] yang lebih murah harganya.

[43] Ramli menjadi Pegawai Tadbir di USM selepas tamat pengajiannya

[44] Fungsi *rectifier* ialah menukar arus letrik AC ke DC.

AKU JATUH SAKIT

Sepanjang hidupku ada dua jenis kesakitan yang aku kira dalam kategori amat sakit yang pernah kulalui. Pertama, sakit *sciatica* dan keduanya, batu dalam saluran kencing. *Sciatica* sakitnya jenis yang kronik (*chronic*), yakni berlarutan . Manakala batu dalam saluran kencing, sakitnya akut (*acute*); datang tiba-tiba dan hilangnya pun tiba-tiba juga.

SCIATIC NERVE [Berwarna merah]

Semasa Aku menjadi mahasiswa Allah yang maha mengasihani hambanya telah menguji Aku dengan kesakitan. Aku telah diujNnya dengan *sciatica.* Penyakit ini disebabkan oleh *sciatic nerve* yang meradang. Puncanya mungkin disebabkan *slipped* atau *herniated disc* di mana-mana tempat sepanjang spina (tulang belakang).Dalam kes Aku saraf yang berkenaan ialah yang di kaki kanan (Dalam gambar hiasan yang diberikan ini *sciatic nerve* ini diberi berwarna merah pada kaki kiri).



LUMBAR PUNCTURE

Kesakitannya amat sangat. Dalam bahasa Inggeris dikatakan *stabbing pain,* seperti ditikam dengan benda tajam. Bila datang sakitnya (iaitu pada bila-bila masa sahaja), Aku dapati cara mengurang sakitnya kerapkali dengan berbaring. Setelah baring posisi badan diubah-ubah sehingga terjumpa posisinya yang dapat mengurangkan sakitnya. Posisi itu tidak diubah – mungkin untuk berjam-jam lamanya – sehingga sakitnya reda.

Rawatan yang kuterima termasuk ubat dan fisioterapi di Hospital Pulau Pinang. Apabila sakitnya tidak berkurangan dengan rawatan ubat dan fisioterapi, Doktor telah mencadangkan pembedahan. Mendengar perkataan “pembedahan” itu sahaja sudah membawa ketakutan padaku. Untuk tujuan diagnosis yang tepat Doktor mengatakan Aku perlu menjalani *lumbar puncture* , iaitu prosedure dalam mana

jarum panjang dimasukkan ke celah tulang spina untuk mendapatkan air tulang belakang untuk dianalisis dan mendapat petunjuk kepada punca *sciatica* itu . Pada masa itu *Magnetic Resonance Imaging (MRI)* belum lagi terdapat ; *MRI* hanya mula digunakan tahun 1990an. Aku telah dinasihatkan oleh seseorang yang isterinya pernah menjalani *lumbar punctur* dan kemudiannya menjadi lumpuh. Alangkah takutnya Aku mendengar kemungkinan menjadi lumpuh kerana *lumbar puncture.* Akhirnya, Aku telah mencari jalan mudah iaitu dengan tidak lagi menghadirkan diri ke klinik berkenaan lagi.

Alhamdulillah, walaupun tindakan Aku melarikan diri dari rawatan adalah satu tindakan yang kurang bijak, namun Allah menyayangi Aku. Kesakitanku itu walaupun tidak hilang sepenuhnya, namun ia berkurangan dengan amat banyaknya. Dengan mempraktikkan beberapa "pantang" dapatlah Aku bertahan. Pantang-pantangnya ialah, pertama *jangan mengangkat barang-barang yang berat,* kedua *tidak melakukan pergerakan-pergerakan badan yang tiba-tiba* dan ketiga *tidur hendaklah menggunakan tilam yang padat.* Sepanjang masa Aku di USM dan seterusnya setelah lulus pengajian, Aku terus menderita *sciatica* ini. Semasa menjalani Peperiksaan Akhir di USM (tahun 1974) aku terpaksa menulis secara meniarap di atas lantai dengan beralaskan tilam. Alhamdulillah! Berjaya juga Aku mendapat Ijazah Kelas Dua Tinggi (*Second Class Upper*).

Penyakit *sciatica* Aku terus bermaharajalela. Kemudiannya ia menjadi lebih kritikal pada tahun-tahun 2002, apabila bercantum dengan masalah *Cervical Spondylosis* iaitu berlakunya *slipped disc* di bahagian tulang belakang aras C4 dan C5. (Perihal *Cervical Spondylosis* Aku ini adalah satu peringkat asing pada sejarah hidupku dan akan Aku huraikan bila tiba masanya nanti).

Masalah *slipped disc* bukan sekadar menanggung kesakitan tetapi implikasinya yang lebih besar ialah kerosakan pada saraf yang berpanjangan dan berleluasa. Antara natijahnya ialah lumpuh tangan dan kaki, kesakitan yang amat sangat, *Erectile Dysfunction (ED)* dan berak-kencing yang mendapat gangguan. *Erectile Dysfunction* ialah kelemahan atau ketiadaan kemampuan anggota lelaki berfungsi. Ini mungkun membawa implikasi kepada hubungan intim dengan pasangan, bagi sesetengah pasangan.


UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Adalah disahkan bahawa

telah dianugerahkan Ijazah

Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian

IJAZAHKU

ALHAMDULILLAH! Barkat doa dari Ayanda, Bonda dan Isteri beserta kecekalan menempuh pelbagai dugaan wang ringgit, sakit-demam, dll. – maka pertengahan tahun 1974 Aku pun dianugerahkan IJAZAH KELAS KEDUA TINGGI dalam pengkhususan SEJARAH. Ijazah diterima daripada Tuanku Syed Putra,

Canselor USM di Dewan Seri Pinang. Jejak kakiku ke Menara Gading yang bagaikan mimpi; tidak pernah Aku berangan-angan ke sini. Langkahku ke sini telah diatur oleh Allah s.w.t. sendiri, Tuhan yang Maha Pengasih, Maha Penyayang dan Maha Pemberi. Syukur, syukur, syukur. “Menjunjung kasih, Tuanku,” ucapku semasa menerima ijazahku.

Ada suatu insiden yang hendak Aku kongsikan berkaitan Upacara Penerimaan Ijazahku ini. Ada unsur humor sedikit. Sehari sebelum hari konvokesyen, Universiti telah mengadakan raptai bagi semua penerima ijazah. Malangnya, kerana sesuatu sebab Aku tidak dapat hadzir ke raptai tersebut. Kebetulan namaku nombor pertama di senarai, maka tidak dapatlah Aku melihat contoh orang lain. Tiba saat namaku diumumkan untuk naik ke pentas, Aku pun langkah sajalah. Tak tahu macam mana hendak berasksi di depan Tuanku Canselor. Aku hanya membongkok dan mengucapkan, “Menjunjung kasih, Tuanku”, semasa scroll diletakkan ke dalam tanganku. Rupa-rupanya aksiku itu sudah tepat.

“MENJUNJUNG KASIH TUANKU”

15. AKU KEMBALI MENGAJAR

Selesai sudah tiga tahun bertongkos-lomos di kampus, terasa benar Aku memerlukan sedikit waktu beristirehat. Tidak sampai seminggu Aku berada di kampung, Aku telah menerima warkah dari Ustaz Syeikh Abu Bakar Kasim, Pengetua Maktab Mahmud, meminta Aku melaporkan diri. Konon katanya, pelajar-pelajar sudah enam bulan tidak berguru. Mahu tidak mahu, Aku pun bungkus tikar bantal lalu bertolak ke Alor Setar. Buat sementara Aku tidak membawa keluarga dulu, tetapi menumpang di rumah Mak Ndakku, Kalthom Hj. Yunus, di quarters Hospital Alor Setar. Norton De Luxe, AB3501 menjadi temanku.

DUA BUAH TEKS SASTERA





Aku ditugaskan mengajar dua kelas Tingkatan 6 Atas. Aku betul-betul telah diperalatkan oleh Pengetua. Aku ditugaskan mengendalikan pengajaran Sejarah, Bahasa Malaysia dan Kertas Am di 2 kelas Tingkatan 6. Setiap kelas mempunyai pelajar kira-kira 60 orang. Tahun pertama mengajar, setiap malam tidur tidak pernah terawal dari pukul 2 malam, kerana membuat persediaan. Sejarahnya ialah Sejarah Asia Tenggara. Bahasa Melayu, teks sasteranya adalah *Atheis,* karya Achdiat Karta Mihardja yang setebal melebihi 200 halaman. Bahasa Indonesianya terpaksa Aku selami untuk memahami ungkapan-ungkapan seperti *handuk, bioskop, speda, jam setengah sembilan, buah jeruk, figura* dan beberapa banyak lagi kata-kata Indonesia. Kesusasteraan Lama pula adalah *Hikayat Hang Tuah,* edisi Kasim Ahmad ,setebal melebihi 400 halaman, begitu kaya dengan bahasa Melayu klasiknya. Untuk kesusasteraan moden telah diperuntukkan novel tersohor Shahnon Ahmad, *Ranjau Sepanjang Jalan* bahasa Melayu klasiknya. Untuk kesusasteraan moden telah diperuntukkan novel tersohor Shahnon Ahmad, *Ranjau Sepanjang Jalan.*



TEKS SEJARAH TINGKATAN 6

Sejarah pula ialah *Sejarah Asia Tenggara, Selatan dan Timur* dan buku teks rujukanku ialah *A History of South-East Asia* karangan D. G. E. Hall. Oleh sebab majorku di universiti ialah sejarah maka tidaklah Aku merasa terlampau perit mengajar subjek ini. Tambahan pula, di

universiti dulu Aku pelajari sejarah China, Thailand dan sejarah beberapa negara Asia lain yang relevan bagi Tingkatan 6

Sebenarnya di Maktab Mahmud ada 2 aliran Tingkatan 6: satu aliran Sejarah, yang Aku menjadi guru utamanya. Satu lagi Aliran ekonomi yang di bawah Cikgu Yusof Othman.[45]

Aku gembira ramai pelajar Maktab Mahmud akhirnya diterima masuk ke universiti.

KEJAYAAN PELAJAR MAKTAB MAHMUD

Antara murid-muridku di Maktab Mahmud, ramai yang berjaya ke menara gading. Kebanyakan daripada mereka kemudiannya berjaya dalam lapangan hidup. Ramai yang menjadi Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (PTD). Selainnya, menjadi Guru Siswazah dan berbagai jawatan lagi. Dalam bidang akademik, antara yang terkemuka ialah Fakhruddin Abdul Mukti, yang mula-mula menjadi Profesor di Universiti Malaya dan kemudiannya Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN)[46] di Kedah. Seorang lagi ialah Profesor Doktor Abdullah Abdul Ghani, Pensyarah Kolej Bisnes, Universiti Utara Malaysia.

Banyak juga yang mendapat gelaran Dato'. Antaranya Osman Desa, Mansur Zakaria, Ali Haji Ahmad, Omar Ismail (Doktor Perubatan), Elias Zakaria (Pensyarah USM) , Abdullah Md. Din (Pengarah Bahagian Pendidikan Islam), Othman Husain (Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang) dan beberapa ramai lagi yang tidak dapat kuingat kembali nama mereka. Alhamdulillah, mereka ini ramai yang pernah mengunjung Aku di rumahku di Kepala Batas.

[45] Yusof Othman kemudiannya pernah menjadi Pengetua Sekolah Menengah Alam Shah.
[46] Kemudiannya, UNISHAMS (UNIVERSITI SULTAN HALIM SHAH).

16. AKU MENJADI PELAKON

Banyak peristiwa dalam hidupku berlaku bukan kerana Aku merancangnya, tetapi dirancang olehNya. Antaranya ialah berlakon di atas pentas.

Sebenarnya Aku memiliki darah gemuruh yang amat kuat; bercakap dan beraksi di hadapan khalayak ramai paling Aku elak. Namun, kecualinya ialah aktiviti pengajaran. Kalau mengajar, besar mana kumpulan pelajar dan setinggi mana kedudukan sosial mereka, Aku tidak gentar. Misalnya, memberi kuliah di hadapan penuntut universiti. Aku berasa selesa sahaja, sekalipun pelajar-pelajarku itu orang dewasa, seperti dalam program Jarak Jauh.



Semasa Aku berada dalam tahun pertama di Universiti, salah satu mata pelajaran wajib ialah Pengantar Teater di Asia. Pensyarahku, Prof. Ghulam Sarwar Yusof telah menghasilkan sebuah drama berjudul *Halfway Road* dan dia bercadang mencubanya di atas pentas. Pilihan pertamanya untuk watak Rengasamy, seorang bapa dalam sebuah keluarga Hindu, jatuh padaku. Aku cuba menolak kerana, seperti yang kukatakan di atas, darah gemuruhku sangat kuat dan Aku amat *panicky* jika muncul di hadapan khalayak ramai. Namun, akhirnya Aku menerima kerana diminta sangat-sangat oleh Prof. Ghulam. Hasilnya, *Halfway Road Penang* telah berjaya dipentaskan selama dua malam. Malam pertama untuk pelajar-pelajar dan kakitangan Universiti di dewan Maktab Perguruan Persekutuan dan malam kedua untuk orang awam di dewan sebuah Sekolah Menengah di Pulau Pinang. Ghulam Sarwar kemudiannya mementaskan drama tersebut di University Of Hawaii, setelah dibuat sedikit perubahan pada jalan ceritanya.

Tentang pementasan *Halfway Road Penang* sebuah review mencatatkan:

Halfway Road, Penang was produced in 1971 at Universiti Sains Malaysia, Penang, and at the University of Hawaii in 1974. Dealing with racial tensions in Malaysian society, and some of the events surrounding the May 1969 riots, it remains one of Malaysia's most significant and controversial plays.

Selepas penglibatan pertamaku dalam lakonan ini, yang kurasa tidaklah begitu bagus, Aku pun tak mahu lagi meneruskan penglibatan dalam lakonan, tetapi perancanganNya tidak begitu.

Universiti Sains Malaysia mempraktikkan pendekatan *interdisciplinary* dalam sistem akademiknya. Maksudnya, seseorang pelajar setelah menentukan bidang majornya, dibenarkan – malah digalakkan – memilih pula subjek-subjek dari bidang lain untuk melengkapkan program akademiknya. Misalnya, pelajar yang bermajor Sejarah (di Pusat Pengajian Kemanusiaan) boleh memilih beberapa mata pelajaran pula dari Pusat Pengajian Sains Sosial (misalnya Ekonomi, Anthropology, Sosiology, dsb.) ataupun dia boleh bataskan pilihannya kepada Pusat Pengajian Kemanusiaan, dalam disiplin lain.



DR. GHULAM SARWAR YOUSOF

Misalnya, major Sejarah boleh memilih beberapa mata pelajaran dari bidang Kesusasteraan atau Geografi, dsb. Pendekatan *interdisciplinary* ini dipercayai dapt menjadikan seorang mahasiswa itu lebih *well-rounded*.

Aku bermajor (membuat pengkhususan) Sejarah. Mula-mula Aku bercadang memilih beberapa subjek Kesusasteraan untuk memenuhi syarat *interdisciplinary,* kerana Sastera adalah passionku. Walaupun sesiapa tidak pernah meminta Aku melibatkan diriku dengan Kesusasteraan, namun Aku sendiri sangat suka melibatkan diriku dengan membaca hikayat-hikayat, novel-novel dan penulisan tentang Sastera. Sejak kecil Aku banyak membaca buku-buku cerita, baik kisah-kisah moden maupun sastera lama, kerana dirumahkau ada perpustakaan kecil yang diusahakan oleh Ayahku. Walaupun pernah bercadang memilih Kesusasteraan sebagai bidang *interdisciplinary,* namun akhirnya Aku menukar seleraku. Puncanya kerana Aku kecewa dengan sikap seorang Lecturer yang mengajar Kesusasteraan. Dia ini memberi Aku kelulusan yang sangat rendah (D) dalam *Introduction to Malay Literature* dalam Peperiksaan Akhir Tahun Pertama. Aku amat kecewa kerana ada

pelajar Cina yang hanya memberi balik apa yang telah dikuliahkan berjaya mendapat markah tinggi. Sebaliknya, Aku banyak memberi contoh dari bacaan tambahanku, tetapi tidak diberi *benefit of doubt* oleh Pensyarahnya kepadaku.

Dalam mencari bidang selain Sejarah untuk memenuhi keperluan *interdisciplinary,* Aku terasa berminat pula untuk memiilih dari bidang *Performing Arts.* Tambahan pula, sebelum dia bertolak ke University of Hawaii untuk melanjutkan pengajiannya dalam bidang *Performing Arts*, Ghulam Sarwar pernah berpesan kepada kami supaya menyokong program Teater di USM. Ini kerana, hanya di USM sahaja terdapat rancangan pengkhususan dalam bidang Performing Arts.

Di Universiti Malaya, Teater hanya sebahagian daripada *English Department*.

Bila naik tahun kedua, seperti yang telah Aku sebut, Aku telah memilih Sejarah sebagai pengkhususanku. Sebagai pilihan (*option*), Aku tertarik untuk mengikuti beberapa mata pelajaran dalam bidang teater, antaranya *The Puppet Theatre*, yang sebenarnya adalah kajian serta praktikal tentang wayang kulit – termasuk menjadi dalang. Kursus ini dikendalikan oleh Roger Long, seorang Pensyarah Teater dari University of Hawaii.

ROGER LONG

Selain kursus ini, Roger Long juga mengajar *Acting and Directing*. Kursus ini untuk mereka yang telah memilih Seni Lakon (*Performing Arts*) sebagai pengkhususan. Mula-mula cadanganku untuk mengambil hanya satu kursus dari Seni Lakon iaitu *The Puppet Theatre*, namun lama kelamaan Aku telah ikut mendaftar dalam beberapa kursus lagi dari Jabatan *Performing Arts*. Kursus-kursus itu ialah *Acting 1 & 2* di bawah Roger Long (1938-2007) dan *Play Production* di bawah Tone Brulin. Di samping mengambil kursus-kursus teater yang diajar oleh Roger Long, Aku turut diambilnya olehnya berlakon dalam beberapa pementasan di dalam dan luar kampus. Dalam tahun 1973 Aku diambil oleh Roger Long berlakon dalam satu pementasan oleh kumpulan *Penang Players*, dalam cerita *THE RAIN MAKER*. Aku memegang peranan *Sheriff.*

AKU SEBAGAI DALANG

Tone Brulin[47] seorang Penulis Drama (*Playwright),* Pelakon, Penerbit (*Producer)* dari Belgium.kemudiannya diambil oleh USM untuk memperkemaskan program seni lakon Beliau sangat masyhur di Eropah. Walaupun Brulin bukan seorang ahli akademik, namun kepakarannya dan *first-hand knowledge* dalam bidang teater membuatkan dia sangat diperlukan oleh USM. Memang tepat sekali pilihan USM, Brulin bersama-sama penuntut seni lakon telah menghasilkan drama, *Naga Naga*. Drama ini diakui oleh kritik sesuatu yang tidak pernah terdapat di dunia teater Tanah Air dan mendapat perakuan antara bangsa apabila kami telah dijemput oleh peminat seni di Indonesia untuk dipentaskan di Taman Ismail Marzuki (Kompleks Seni) di Jakarta pada tahun 1974. Aku yang turut terlibat dalam penulisan skrip (semua pelajar yang berlakon di dalam drama ini turut terlibat dalam penulisan skripnya) dan sebagai seorang pelakonnya telah dapat naik kapal terbang buat pertama kali dan menjejak kaki di Jakarta. Persembahan kami mendapat sambutan baik dari peminat teater Indonesia. Sebuah keluaran *Wings* iaitu penerbitan Syarikat Penerbangan MAS turut memberi ruang kapada review pementasan ini. Di Tanah Air *Naga Naga* telah dipertunjukkan di Teater Eksperimental Universiti Malaya.



TONE BRULIN

Tentang Tone Brulin sebuah artikel mengatakan: " *He is one of the most famous Flemish playwriters, starting as an actor in the fifties*".



Ada khabar mengatakan Tone Brulin telah memeluk Islam, iaitu setelah berkahwin dengan seorang gadis Melayu, Siti Fauziah, yang juga penuntutnya semasa dia mengajar di USM.

Tone Brulin telah muncul semula di Malaysia untuk seketika dalam tahun 1980 apabila beliau mengarahkan teater *Roh Anai-anai* lakonan pelajar-pelajar UiTM Kuala Lumpur. Pada masa itu usianya 82 tahun.[48]

SITI FAUZIAH & TONE BRULIN

Tentang *Roh Anai-anai* seorang pemerhati menulis: *Roh anai-anai hasil karya Prof. Tone Brulin menerusi penterjemahan hasil*

[47] Tone Brulin meninggal di Malaysia pada tahun 2019 pada usia 92 tahun.
[48] Tone Brulin diberitakan meninggal di Malaysia pada tahun 2019, pada usia 92 tahun.

daripada karya beliau "This is Not Eugene ". Roh anai-anai ini berkisarkan tentang keunikan sebuah koloni anai-ani di mana proses kehidupan serangga ini mempunyai persamaan dengan manusia sejagat. Setiap dalam peringkat manusia samada suka dan duka serta proses perkembangan fizikal manusia dan anai-anai yang hampir sama dari segi perubahan anai-anai menjadi kalkatu. Proses perubahan manusia juga menyerupai anai-anai. Melalui naskhah ini juga kita dapat memahami natijah kewujudan anai-anai itu sendiri.

Walaupun Aku melibatkan diri dalam seni lakon secara bersungguh-sungguh semasa di universiti, namun setelah Aku grad Aku telah sama sekali membuang lakonan dari kehidupanku, kerana Aku berasa berlakon bercanggah dengan sistem nilai dan kepercayaanku. Beberapa tahun selepas Aku grad dari USM, Aku telah berjumpa Roger Long semasa dia singgah di Pulau Pinang. Dia menyatakan terperanjatnya mendengar Aku tidak lagi mengambil bahagian dalam teater.

AKU DALAM "HELLO OUT THERE"

Akhirnya Aku yang mula-mula dipaksa berlakon oleh Ghulam Sarwar telah mendapati diriku betul-betul terlibat dalam teater. Selama Aku di USM, aku telah berlakon dalam beberapa buah drama, iaitu *Hello Out There, The Rainmaker, Kapai-kapai* dan *Naga Naga.* Tiga yang mula diarahkan oleh Roger Long dan yang terakhir oleh Tone Brulin. Aku juga pernah mencuba nasibku untuk berlakon dalam pementasan *Si Kebayan,* arahan Harry Aveling, tetapi tidak berjaya.

Tone Brulin selepas meninggalkan USM telah balik ke Eropah dan meneruskan kerjayanya di bidang teater, sehingga usianya mencapai 90 tahun. Roger Long pula telah balik semula ke University of Hawaii dan menjadi *Associate Dean of Arts and Humanities* dan *Emeritus Professor of Asian Theatre* di the University of Hawaii.

Satu insiden yang berlaku semasa pementasan *NAGA NAGA* di Teater Sasaran USM amat menarik.

Pada pagi hari sebelum pementasan, Aku dan lain-lain *dramatis personae* dalam *NAGA NAGA* sedang berlatih drama tersebut di Teater Sasaran. Kami diminta mengubah kedudukan sebuah meja besar dalam Teater. Aku pun membantu. Tiba-tiba pinggangku "meletup" dan Aku pun terus jatuh tersepuk di atas lantai, tidak mampu bergerak lagi. Pinggangku yang lemah itu tidak mampu bertahan semasa mencuba mengangkat meja itu. X-Ray kemudiannya menunjukkan telah berlaku *slipped disc.*

Buat seketika semua orang panik, tetapi tidak Tone Brulin. Dia bertanya padaku, *"Hadi, do you think you can hold on for a few hours, …until tonight?"* Kebetulan, selepas beberapa minit rasa sakit telah reda. Aku memikir habis-habisan, apa akan jadi jika pertunjukan pada malamnya dibatalkan? Tiket telah dijual dan seorang pengkritik teater dari Kula Lumpur, Krishnan Jit juga akan hadir, menilai *NAGA NAGA,* untuk ruangan dalam sebuah akhbar. Seorang doktor dari Panel Universiti telah dipanggil untuk memeriksa Aku dan dia memberi jaminan tidak akan berlaku komplikasi selanjutnya, andainya Aku tidak bergerak banyak.

Aku menjawab secara affirmatif kepada pertanyaan Tone Brulin.

"*Good*!" katanya. "*Hadi, you will act your part, lying down. I'll have a bed brought and you'll say your lines from the bed. There needn't be any movement on your part, except what is natural in your hands".*

Persembahan kami pada malam itu berjalan tanpa sesuatu cacat-cela. Krisnan Jit seorang kritik teater yang telah dijemput menonton persembahan kami malam itu sendiri tidak sedar keadaan sebenarnya. Disangkanya memang perananku memerlukan aku berlakon dalam keadaan baring. Hanya seorang pemberita yang dapat tahu keadaan sebenarnya dan dalam tulisannya dijelaskan bahawa, "*One of the actors had an accident in the morning and was forced to play his part lying down on a bed".* Sesuatu yang menjadikan *Naga-Naga* istimewa kerana ada banyak unsur misteri di dalamnya, yang membuat penonton terpaksa menggunakan akal mereka untuk mencari jawapannya. Unsur inilah yang menjadi kekuatan satu bentuk teater yang dipanggil *Theatre of the Absurd.*

BUDAYA UNIVERSITI

Semasa di universiti ada seorang pelajar wanita yang agak gelap kulitnya dan sedikit lanjut umurnya cuba memikat Aku. Aku lantas menunjukkan gambar Aku sekeluarga bersama Isteri dan Anak. Selepas itu gadis tadi pun merenggangkan dirinya daripadaku.

Tiga tahun Aku di universiti, banyaklah "*way of life"* mahasiswa Aku perhatikan. Ada yang baik dan ada yang buruk. Ada pertalian cinta yang mula-mulanya erat dan kemudiannya menjadi longgar, lantas terputus di tengah jalan. Ada banyak juga yang kekal hingga ke jenjang pelamin. Ada juga Romeo yang saling bertukar pasangan, sebahagiannya setelah "merosakkan" dulu pasangannya. Tak kurang juga universiti menjadi lapangan gadis-gadis yang sudah terlajak mencuba menjerat pasangannya. Kalangan intellektual juga tidak sunyi daripada dikuasai oleh sifat-sifat kemanusian orang awam di luar sana. Jika direnung makna perkataan *University* akan nyata kepada kita bahawa termazkur didalamnya maksud *the universe*.

DARI GURU LEMBAGA KE GURU KERAJAAN

Di Maktab Mahmud, gajiku dibayar oleh Lembaga Maktab Mahmud mengikut skala yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi Guru Siswazah, iaitu gaji permulaan $800 dengan kenaikan $50 setahun.

Pada tahun keduanya Aku berkhidmat (1975), satu idea telah datang kepadaku. apabila Aku melihat iklan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang mempelawa bekas guru yang baru tamat pengajian universitinya dengan jayanya untuk kembali berkhidmat dengan kerajaan sebagai Guru Siswazah. Ini adalah prosedur standard yang berkuasa pada masa itu. Semua bekas guru yang tamat pengajian universiti tidak secara otomatik diterima mengajar, tetapi, sebagai satu formaliti, perlu membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan terlebih dulu. Guru tersebut akan ditemuduga. Jika diterima dia – dan biasanya semua diterima - akan diletakkan ke Kategori D1`dan ditempatkan di Sekolah Kerajaan.

Apabila Aku balik mengajar di Maktab Mahmud, Aku tidak melaui proses yang sama, maka tidaklah Aku menjadi Guru Kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Aku dianggap Guru Lembaga Maktab Mahmud dan terus saja dibayar gaji Guru Kategori D1. Tiba-tiba, suatu hari datang *brain wave* kepadaku untuk memohon menjadi Guru Kerajaan kembali, lalu Aku pun mengisi borangnya dan memohon kepada Suruhanjaya Perkhidatan Pelajaran. Alhamdulillah! Bukan saja Aku diterima tetapi dibenarkan terus berkhidmat di Maktab Mahmud. Tetapi, sedikit masalah ialah gaji permulaanku ialah $800 (seperti diberi kepada guru-guru Kategori D1 lain-lainnya) padahal Maktab Mahmud sudah pun memberi Aku satu kenaikan kerana sudah berkhidmat setahun. Aku minta dipertimbangkan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran setuju memberi Aku satu kenaikan, iaitu $850. Untuk menyelesaikan masalah kontrakku dengan Lembaga yang masih ada 4 tahun, Kementerian Pelajaran telah bersetuju menjadikan Aku Guru Pinjamanan kepada Maktab Mahmud selama 4 tahun. Sekaligus Aku Guru Kerajaan dan dapat pula meneruskan khidmatku di Maktab Mahmud. Alhamdulillah! Itulah natijahnya jika seseorang itu bertawakkal kepada Allah:

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ (Barangsiapa bertaqwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar dan memberinya rezki dari arah yang tiada disangka-sangkanya)

عبد الهادي اسماعيل

17. KERETA PERTAMAKU

Semasa berkhidmat semula di Maktab Mahmud, selepas lulus Universiti terasalah hatiku hendak memiliki sebuah motokar, bagi kali pertama. Setelah lulus ujian memandu, aku pun membeli sebuah kereta yang dalam kategori mampu dibeli dan boleh dipercayai (*reliable*) iaitu Volkswagen. Dapatlah sebuah model awal tahun 1967 (model terakhir 6 voltan, bumper pagar) dengan harga $3500. Hendak kata berpuas hati sangat, tidaklah juga, tetapi itulah sahaja yang tercapai tangan. Warna kuning.

Kemudiannya kucatkan warna oren.

VOLKSWAGENKU

Motokar Volkswagen ini Aku baiki sedikit demi sedikit sehingga akhirnya bolehlah diharapkan membawaku ke sekolah dan balik setiap hari kerja dan membawa keluarga bersantai ala qadar. Paling jauh yang Aku pergi dengan Volkwagenku ini ialah ke Taiping.

Semasa Aku pergi ke Amerika Syarikat 1979-1980, kereta ini Aku tinggalkan dalam jagaan seorang kawan baikku yang bertugas sebagai Pegawai Pentadbir di USM dan dijaganya dengan baik. Ada orang bertanya mengapa Aku tidak meninggalkan kereta

itu kepada Adikku Hussin? Aka tahu, kalau Aku tinggalkan kepadanya, tidak akan ada harapan untukku mendapatkannya semula. Sama ada sudah rosak ataupun dijual

ZUL & MUFIDAH BERSAMA VOLKSWAGENKU

oleh Adikku itu. Volkswagenku ini kupakai sehingga Aku dapat pinjaman dari USM dalam tahun 1981 dan Aku membeli sebuah Toyota Corolla, yang pada masa itu berharga kira-kira $14,500.

Semasa Aku pergi ke Amerika Syarikat 1979-1980, kereta ini Aku tinggalkan dalam jagaan seorang kawan baikku yang bertugas sebagai Pegawai Pentadbir di USM dan dijaganya dengan baik. Ada orang bertanya mengapa Aku tidak meninggalkan kereta itu kepada Adikku Hussin? Aka tahu, kalau Aku tinggalkan kepadanya, tidak akan ada harapan untukku mendapatkannya semula. Sama ada sudah rosak ataupun dijual oleh Adikku itu. Volkswagenku ini kupakai sehingga Aku dapat pinjaman dari USM dalam tahun 1981 dan Aku membeli sebuah Toyota Corolla, yang pada masa itu berharga kira-kira $14,500.

Volkswagen ini kemudiannya kupinjamkan kepada Adik Iparku, Hamed, seorang askar yang menggunakannya selama 8 tahun. Setelah dia membeli kereta lain, Volkswagen itu dipulangkan kepadaku. Keadaannya masih boleh digunakan.

Kereta ini kekal denganku sebagai kesayanganku, sehingga menjadi besi buruk dan akhirnya dijual dengan harga RM500 pada tahun 2000an. Badannya sudah “teruk”; hanya injin dan casisnya yang boleh dipakai. Selepas dijual, tidaklah kuketahui apa nasibnya lagi. Namun, Aku percaya ia masih ada lagi dimiliki oleh seseorang entah di mana.

Hingga hari ini Aku masih menaruh ingatan rindu kepada kereta pertamaku itu.

18. MELANJUTKAN PENGAJIAN KE AMERIKA SYARIKAT

Walaupun Aku sentiasa berserah kepada Allah dan berpuas hati dengan rezki yang diperuntukkan padaku, namun Aku sentiasa saja mencari peluang untuk mempertingkatkan diriku dari aspek akademik. Semasa di Maktab Mahmud Aku sering ke USM berjumpa bekas Pensyarahku untuk tujuan mengambil kursus peringkat Sarjana. Aku ada dua pilihan: dalam bidang Sejarah atau dalam bidang Pendidikan. Tahun-tahun 1970an, USM susah mendapat calon untuk menjadi Pensyarah, kerana kerjaya di bidang lain lebih menarik, misalnya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik atau bekerja dengan pihak swasta. Aku sendiri pun pernah ditawar menjadi Pengurus sebuah kilang kain semasa baru tamat pengajian dahulu. Prof. Amir Awang, yang pada masa itu menjadi Timbalan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, mempelawa Aku melanjutkan pengajianku dalam bidang Pendidikan dan kemudiannya menjadi Pensyarah, di bawah Skim Latihan Kakitangan Akademik USM.

Disebabkan susah mendapat calon untuk dilatihkan di bawah Skim Latihan Kakitangan Akademik, USM telah meminta persetujuan Kementerian Pelajaran untuk mengambil Guru Siswazah yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah untuk tujuan itu. Guru-guru tersebut akan diambil sebagai Pegawai Pinjaman dahulu ke USM selama setahun. Genap setahun berkhidmat, guru-guru ini akan dihantar belajar di Seberang Laut (Amerika Syarikat atau Great Britain) di bawah Skim Latihan Kakitangan Akademik. Tawaran ini masih tidak dapat menarik calon-calonnya kerana apabila pergi berkursus di luar negara mereka hilang status sebagai pegawai dan dikira status pelajar. Maka mereka diberi cuti tidak bergaji dan hanya dibayar elaun seperti pelajar lain yang *fresh* (belum pernah bekerja). Aku tidak kisah. Kulihat ini saja jalan bagiku kalau hendak mendapat tajaan belajar di Seberang Laut. Lantas, Aku membuat permohonan kepada USM. Yang menjadi masalah ialah walaupun Kementerian Pelajaran meluluskan pinjamanku ke USM, aku masih berhutang khidmat satu tahun dengan Maktab Mahmud mengikut kontrakku.

Banyak masa juga yang berlalu, kerana Maktab Mahmud enggan melepaskanku kerana keperluanku mengajar calon-calon Sijil Tinggi Pelajaran. Kata Dato' Sheikh Abdul Majid, Pengerusi Lembaga Maktab Mahmud, "Cikgu saya menimbang kepentingan orang ramai lebih penting daripada kepentingan orang perseorangan.

Sebab tu saya tak dapat lepas Cikgu pi". Katanya lagi, "Kalau Cikgu pi, bukan tentu boleh dapat guru ganti dari Jabatan Pelajaran".

Aku faham pendapat Dato' Sheikh Abdul Majid. Katanya itu Aku tahu ikhlas.

Aku belum mahu mengaku kalah. Berlatarbelakangkan kata-kata Dato' Sheikh Abdul Majid itu, Aku pergi berjumpa Ketua Pegawai Pelajaran Kedah (sekarang panggilannya ialah Pengarah Pendidikan Negeri). Pada masa itu Pegawainya ialah En. Abdul Razak Ismail (kemudiannya beliau masuk berhidmat dengan USM sebagai Prof. Madya di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan). Dia bersimpati denganku dan ingin menolong. Dia bertanya padaku tentang kedudukan perkara itu selengkapnya. Kataku, Siti Maznah, Penolong Pendaftar USM, mengatakan mereka sedang berunding dengan Kementerian Pelajaran untuk mengambil Aku sebagai Pegawai Pinjaman untuk berkhidmat dengan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM. Lepas setahun Aku akan dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pengajianku pada tahap Master. Setakat ini belum ada lampu hijau dari Kementerian Pelajaran. Kerana itu, USM belum dapat mengeluarkan surat tawaran kepadaku. "Tetapi," kata Siti Maznah. "Kalau Cik Hadi berani, mai terus ke sini, tinggalkan Maktab Mahmud. Jangan bimbang saya berjanji akan selesaikan masalah yang menjadi halangan dengan Kementerian Pelajaran. Surat tawaran rasmi kita keluarkan kemudian, bila dah selesai masalah dengan Kementerian Pelajaran".

Kata-kata Cik Siti Maznah amat memberangsangkan, tetapi Aku bimbang kalau-kalau jadi masalah dengan Kementerian Pelajaran nanti. Apa pula akan jadi kepadaku jika terdapat masalah dengan Kementerian Pelajaran? Apabila En. Razak, Ketua Pegawai Pelajaran mendengar penerangan ku, katanya, "Kalau Cik Maznah kata macam tu kat you, dah boleh pakai. Saya kenal sangat dengan dia dan apa dia kata dia akan kotakan". Saya dapat tahu kemudiannya En. Razak memang kenal betul dengan Cik Siti Maznah. Mereka pernah berkhidmat sama-sama di Kementerian Pelajaran, sebelum Cik Siti Maznah diambil oleh Tan Sri Hamdan Sheikh Tahir, Naib-Canselor, berkhidmat di USM sebagai Penolong Pendaftar. Kebetulan, Cik Maznah berkhidmat di Kementerian Pelajaran dulu ialah semasa Tan Sri Hamdan menjadi Ketua Pengarah Pelajaran. Bila Tan Sri Hamdan menjadi Naib-Canselor USM, beliau terus mengambil Cik Maznah berkhidmat di bawahnya sebagai Penolong Pendaftar (Pentadbiran).

Aku seterusnya memberitahu En. Razak masalah Aku dengan Maktab Mahmud, iaitu Lembaga tidak mahu melepaskan Aku dari kontrak yang masih ada setahun lagi itu. Respons En. Razk ialah, "Kata kat depa: hari ni you pi, esok saya hantar ganti". Keluar dari bilik En. Razak Aku terus pergi berjumpa Dato' Sheikh Majid di Pejabatnya, iaitu Pejabat Pendaftar Sekolah-sekolah Agama. Aku katakan apa yang dikatakan oleh En. Razak kepada Dato' Sheikh Majid, "Hari ni saya keluar, esok dia hantar ganti". Syeikh Majid diam saja. Mungkin dia kurang yakin kesahihan kata-kataku itu. Kataku lagi,

memberanikan diri, “Dato’ telefon la Pengarah, minta pengesahan. Saya baru saja keluar dari bilik dia”.

Dato’ Sheikh Majid pun menelipon En. Razak dan berbual dengannya. Dia letak gagang dan diam sejurus. Kemudian dia menalipon seseorang, lantas diam seketika lagi. Kemudian katanya, “Baiklah Cikgu. Cikgu pilah. Selamat berjaya”.

Alhamdulillah. مَنْ جَدَّ وَجَدَ dan lagi sekali وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Aku meninggalkan Maktab Mahmud bukanlah tanpa nostalgia.

GURU-GURU MAKTAB MAHMUD SETELAH BERCANTUM DENGAN MADRASAH TARBIAH

Pertama sekali, Aku berasa sangat puas hati dengan pengalaman keseluruhannya mengajar di sebuah sekolah Agama. Suasana keugamaan yang terbayang dalam semua aspek. Pakaian guru lelaki termasuk songkok hitam (pakaian rasmi); seorang dua memakai ketayap. Sebelum 1970an wanita Melayu hanya menutup kepala dengan kain tiga segi yang kecil; begitu juga pelajar perempuan. Di Maktab Mahmud pada mulanya tiada murid dan guru perempuan. Murid perempuan dari Tarbiah mula masuk ke Tingkatan 6; kumpulan awal ini pun masih berkelumbung dengan kain kecil tiga segi. Pelopor tutup kepala “dakwah” ialah Ustaz Ni’amat Yusof. Setelah Tarbiah bercantum dengan Maktab Mahmud dalam tahun 1973, murid dan guru perempuan beransur-ansur memakai tutup kepala keseluruhan.

19. AKU BERTUGAS DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Sedih juga Aku meninggal murid-muridku di Tingkatan 6 Atas di Maktab Mahmud, di tengah-tengah tahun, tetapi Aku juga perlu menguatkan tekadku untuk dapat melanjutkan pengajianku. Ternampak di mataku Amerika (walaupun Aku belum pernah ke sana). En. Razak, Ketua Pegawai Pelajaran mengkotakan janjinya dengan menghantar seorang guru menggantiku. Aku dapat tahu guru yang dihantar mengganti Aku memang amat suka ditugaskan di Maktab Mahmud.

Setelah melepaskan tanggungjawabku di Maktab Mahmud, Aku memulakan tugas baruku di Universiti Sains Malaysia pada 1 Mei, 1978.

Buat sementara, Aku pergi seorang dulu di Pulau Pinang, kerana Anak Sulungku berada dalam Darjah 5 di Sekolah Kebangsaan Tuanku Abdul Halim di Telok Wanjah dan di hujung tahun akan mengambil Peperiksaan Penilaian Darjah 5. Peperiksaan ini kemudiannya diubah oleh Kementerian Pelajaran ke akhir Darjah 6 dan menjadi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Memang pada asalnya, Peperiksaan Penialian Darjah 5 itu mempunyai satu tujuan yang baik, iaitu berdasarkan prestasi kanak-kanak dalam Peperiksaan tersebut, mana-mana kanak-kanak yang lemah, masih ada setahun lagi di Sekolah Rendah untuk membaiki pencapaiannya, supaya bila pindah ke Sekolah Menengah kelak, tidaklah mereka tercicir. Namun, apa yang berlaku ialah keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah 5 ini telah dijadikan kayu ukur untuk menentukan ke Sekolah Menengah mana mereka masuk. Kanak-kanak yang prestasinya baik berpeluang dihantar ke Sekolah Asrama Penuh. Akhirnya, tujuan asal Peperiksaan Penialain Darjah 5 telah mati tidak berkubur. Inilah antara sebab peperiksaan tersebut dibawa ke akhir Darjah 6.

Aku ditukar ke Universiti Sains Malaysia sebagai Pegawai Pinjaman untuk setahun, sebagaimana telah dipersetujui antara Kementerian Pelajaran dan Universiti Sains Malaysia. Lepas setahun, barulah Aku menjadi kakitangan USM dan baru boleh dihantarkan ke luar Negara untu melanjutkan pengajianku ke tahap Sarjana. Entah di mana masalahnya, proses menjadikanku Pegawai Pinjaman menemui jalan payah. Namun Aku terus juga berkhidmat di USM, hanya tidak dibayar dua kenaikan seperti yang lazim diberikan kepada pegawai pinjaman. Janji mereka, bila telah selesai masalahnya dan proses pinjamanku berkuatkuasa, Aku akan dibayar tunggakannya. Aku tak kisah sangat. Aku biarkan saja USM uruskan perkara itu. Sebenarnya perkara

ini akhirnya hilang begitu saja. Sampai Aku pencen tidak menikmati dua kenaikan pada gajiku itu kerana statusku sebagai Pegawai Pinjaman itu tidak selesai hingga ke akhirnya. Aku tak kisah.

Di Universiti Sains Malaysia Aku ditempatkan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Tidak jelas statusku di USM. Tutor atau apa? Kata Cik Siti Maznah, Timbalan Pendafter, hendak panggil aku Pensyarah pun tidak mengapa, sebab gajiku sudah pun setanding dengan gaji permulaan seorang Pensyarah Universiti. Memang pun kena benar panggilan itu sebab Aku telah ditugaskan sebagai Penyelaras sebuah kursus, seperti Pensyarah-pensyarah lain. Alhamdulillah, Aku ditugaskan mengajar kursus Perkembangan Pendidikan di Malaysia, sebuah kursus asas untuk pelajar Tahun Pertama dalam Program Guru di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP). Kerjaku tidak begitu sukar sebab semasa Aku menjadi pelajar di USM dulu, Aku telah mengambil kursus yang sama sebagai Kursus Pilihan. Hanya perlu penambahbaikan.

Sesuatu yang menarik, seorang rakan sejawatku di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan ialah mantan guruku Matematikku semasa di Tingkatan 5 dulu, iaitu Mr. Lim Ewe Jin. Sebenarnya pertemuan semula dengannya telah berlaku semasa Aku menjadi pelajar di USM dulu, iaitu semasa Aku telah mengambil Kursus Pilihan yang Aku sebutkan di atas, iaitu *Educational Development In Malaysia,* yang dikuliahkan oleh Mr. Lim.

Sementara menunggu tempoh satu tahun Aku sebagai “Pegawai Pinjaman” berakhir, Aku membuat persediaan untuk pergi ke Amerika Syarikat. Sebenarnya, kalau Aku hendak menyambung pengajianku ke England pun, Aku dibenarkan. Seorang kawanku, yang masuk seperti Aku juga, Azmi Abu Samah, memilih untuk pergi ke University of Birmingham di England, dalam bidang Falsafah Pendidikan. Katanya dia lebih suka sistem British. Aku mendengar nasihat orang-orang terdahulu iaitu: kalau pengajian peringkat Sarjana elok pergi ke Amerika; kalau pengajian peringkat Doktor Falsaah (PhD), elok ke England.

Cuti belajarku ialah selama dua tahun. Aku telah menulis ke beberapa buah Universiti di Amerika dengan mendengar nasihat orang-orang yang dahulunya belajar di Amerika. Akhirnya, Aku memilih tiga buah University iaitu Indiana University, Bloomington, University of Wisconsin-Madison dan University of Michigan.Ann Arbor. Prof. Robert van Niel, mantan Dekan Kemanusiaan USM dan mantan Profesorku yang mengajar Kaedah Penyelidikan Sejarah semasa dalam Tahun 2 telah memberi nasihat tentang pemilihan universiti ini, iaitu mengutamakan University of Michigan, diikuti dengan University of Wisconsin-Madison dan kemudiannya Indiana University. Mengikut seleraku (entah apa faktor yang mempengaruhi Aku, tak berapa pasti) Aku ingin pergi ke Indiana Universiti, sebagai pilihan pertama.

Takdir telah menentukan Aku belajar di Universiti of Wisconsin-Madison, kerana Universiti ini yang pertama memberi tawaran kepadaku. Setelah Aku memberi jawapan terima kepada Universiti ini barulah datang tawaran dari Universiti yang dua buah lagi itu. Ternyata kemudiannya University of Wisconsin-Madison adalah pilihan yang tepat. Bilangan Profesornya melebihi 2,700 orang. Bilangan pelajarnya melebihi 38,000.

BANDARAYA MADISON
[Kampus UW-M terletak di sebelah kiri gambar di pesisir Lake Mendota]

PETA MENUNJUKKAN EAGLE HEIGHTS & SHOREWOOD HILLS ELEMENTARY SCHOOL



(1) *UNIVERSITY OF WISCONSIN-MADISON*
(2) SHOREWOOD HILLS (Perumahan Pelajar)

أسماء

UNIVERSITI PILIHANKU



PROF. ROBERT KOEHL

Urusan memilih Universiti untuk melanjutkan pengajianku itu adalah bebas dari apa-apa kongkongan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Universiti Sains Malaysia, asalkan kelulusan dari universiti pilihanku itu diiktiraf oleh Kerajaan. Pilihanku Aku bataskan kepada State Universities, supaya tidak berbangkit nanti persoalan pengiktirafan Kerajaan, walaupun pada hakikatnya terdapat sangat banyak universiti swasta di Amerika Syarikat, yang kelulusan darinya diiktiraf oleh Kerajaan. Malah sesetengah universiti swasta di Amerika mempunyai "*standing*" yang melebihi universiti-universiti awam. Contohnya, Yale, Harvard, Cornell, Stanford, Princeton, dan banyak lagi.

Urusan kemasukanku Aku lakukan awal, beberapa bulan sebelum tarikhnya. Aku diterima masuk ke Department of Educational Policy Studies, iaitu sebuah Jabatan dalam School of Education, untuk membuat pengkhususan (*Major*) dalam bidang *History of Education*. Prof. Robert L. Koehl telah dipilih menjadi Penasihat Akademikku. Prof Koehl (sebutanya "Kail") ini amat humble orangnya dan melarang ia dipanggil Professor atau Prof. Ia minta di*address* sebagai "Bob" sahaja[49].

Di Amerika Syarikat kemasukan pelajar ke universiti lazimnya pada Fall (Musim Luruh) iaitu dalam bulan September, tetapi Aku senghaja memilih untuk masuk ke *Summer Session* (Sesi Musim Panas), iaitu dalam bulan Mei. Jadi, tidak payahlah Aku membuat persediaan membeli pakaian musim sejuk untuk diriku dan keluarga sebelum bertolak. Disebabkan Aku memulakan proses kemasukan awal, maka rumah kediaman untukku dapat disediakan oleh University of Wisconsin-Madison (UW-Madison) terlebih dahulu sebelum Aku tiba.

Seorang sahabatku yang akan turut sama menyambung pengajiannya di University Of Wisconsin-Madison ialah Mustapa Kasim. Kami bersetuju untuk sama-sama bertolak dari Malaysia. Kami memilih untuk *break-journey* di London selama satu malam. Ternyata kemudiannya rancangan kami ini tidak sempurna, seperti yang akan Aku jelaskan nanti.

SEDIKIT TENTANG UNIVERSITY OF WISCONSIN-MADISON

UNIVERSITY OF WISCONSIN MADISON, kerapkali diringkaskan kepada UW-MADISON. ialah sebuah institusi pendidikan tinggi di Midwest, di Amerika, dalam Negeri Wisconsin. Kerapkali juga diringkaskan kepada UW-M, ia termasuk ke dalam kumpulan "BIG 10" . Kini, walaupun bilangan anggotanya sudah melebihi 10, namun nama asalnya masih kekal.

Tertera di LOGO UW-M motonya "*NUMEN LUMEN*", dalam bahasa Latin bermaksud "*God our Light*" . Moto ini dicadangkan oleh Chancellor J.H. Lathrop pada tahun 1854.

[49] Aku dapat maklumat dari internet Bob meninggal dunia dalam tahun 2015 pada usia 93 tahun.

20. MENGEJAR ILMU DI AMERIKA

Keluargaku terdiri daripada Aku, Isteriku, Zul Wizaratain (Anak Sulungku, usia 12), Mufidah (Anak Kedua, usia 8) dan Zuhairah (Anak Bongsu, usia 18 bulan). Semua orang amat teruja termasuk keluargaku dan keluarga isteriku. Maklumlah kami adalah orang pertama dalam keluarga yang begitu bernasib baik dapat peluang belajar di luar negara. Sedikit kenduri selamat telah diadakan oleh keluarga mertuaku di Pokok Sena.

Aku tidak ingat dengan pasti tarikh bertolak itu ,tetapi ia adalah sama ada dalam bulan Mei atau Jun, 1979. Kami telah dihantar oleh beberapa orang anggota keluarga. Sedih Aku memerhatikan air muka Ibuku yang pada masa itu sudah beberapa tahun lumpuh akibat serangan angin ahmar. Walaupun pemergianku tidak lama tetapi kemungkinan Ibu atau Ayahku meninggal dunia semasa Aku berada di luar negara tetap ada. Hanya semua berdoa biarlah kami sempat balik.

Kami menaiki pesawat *British Airways*. Bukan main terujanya Isteri dan Anak-anakku menaiki kapal terbang untuk kali pertama. Jumlah masa penerbangan ialah melebihi 13 jam. Oleh kerana kami tidak membuat tempahan *Muslim food* terlebih dulu, maka kami kenalah pandai-pandai memilih antara makanan yang dihidangkan itu. Walaupun kami diberitahu daging yang dihidangkan itu daging lembu, namun kami sedia maklum penyembelihannya bukannya cara Islam. Jadi kami sekeluarga makan cara “pilih-pilih”, mengikut apa yang difikirkan halal dimakan.

PESAWAT BRITISH AIRWAYS

Semasa dalam penerbangan kami mula-mula sangat letih kerana di lapangan terbang tadi kami telah beberapa jam terkandas. Penerbangan kami yang sepatutnya pada 10 malam telah tertangguh hingga pagi esoknya. Khabarnya sistem hawa dingin pesawat perlu dibaiki. Malangnya, penangguhan penerbangan itu dibuat secara berperingkat-peringkat.

Mula-mula dikatakan untuk beberapa jam, kemudian ditangguh lagi beberapa jam, dan seterusnya hinggalah ke keesokan pagi. Cara penangguhan berperingkat-peringkat ini menyebabkan kami terpaksa bermalam di lapangan terbang dan bukannya di bilik hotel seperti yang sepatutnya.



1. Return passage assistance from Penang to United States of Ame
2. Personal maintenance allowance of US$320/- per mensem.
3. An overseas allowance of US$300/- per mensem.
4. A book allowance of US$175/- per annum.
5. Warm clothing grant of US$300/- (payable once only before departure)
6. Internal travel grant of US$100/- (payable once only before departure)
7. Allowance for excess baggage.
8. Medical insurance.



(ii) ELAUN-ELAUN

(a) Elaun Hidup

Semasa menjalani kursus ini tuan akan dibayar elaun hidup seperti berikut:-

	Under graduate	Post graduate
(a) 1. New York 2. Massachusetts 3. California 4. Washington DC 5. Hawaii 6. Rhode Island	US$290 sebulan	US$330 sebulan
(b) Lain-lain negeri	US$270 sebulan	US$310 sebulan

Pembayaran elaun ini akan diselenggarakan oleh Kedutaan Besar Malaysia di Amerika Syarikat.

(b) Elaun Penempatan

Tuan akan dibayar elaun penempatan sebanyak US$ 310/- iaitu bersamaan dengan kadar elaun sara hidup bagi satu bulan sebelum tuan berlepas ke Amerika Syarikat.

ELAUN-ELAUNKU

[Atas: Bahagian yang ditanggung oleh USM;
Bawah: Bahagian yang ditanggung oleh Jabatan Perkhidmatan Awam]

Setiba di Lapangan Terbang Heathrow, London, Aku disambut oleh Azmi Abu Samah, kawanku yang sedang melanjutkan pengajian di University of Brimingham. Aku menaiki keretapi ke rumahnya yang jaraknya kira-kira 90 batu dari London. Ternyata kemudiannya langkahku itu kurang tepat. Kami tiba di Birmingham sudah larut malam. Kerana tersangat letih kami sekeluarga tertidur semasa Isteri Azmi menyediakan makanan malam untuk kami. Kami dikejutkan dan selepas makan menyambung kembali tidur kami. Esok pagi-pagi hari lagi kami bertolak balik ke Lapangan Terbang, kerana penerbangan kami seterusnya jam 9.00 pagi.

Sahabatku Mustapa dan keluarganya telah bermalam di London di rumah seorang kenalannya. Langkah Mustapa adalah lebih tepat, kerana pada sebelah malamnya dia dan keluarga telah dapat melihat-melihat sedikit sebanyak Kota London. Kukatakan di atas tadi, keputusan kami bermalam di Birmingham.adalah kurang tepat kerana seinci kota London pun kami tidak dapat lihat. Bermakna *break journey* kami di London itu semata-mata sia-sia. Sepatutnya tempoh *break journey* kami itu dipanjangkan lagi ke dua atau tiga hari/malam. Kami melakukan kesilapan ini kerana ketiadaan pengalaman membuat perjalanan jauh. Pada masa-masa akan datang Aku lebih bijak menangani hal sebegini.

Di Lapangan Terbang, kawanku Mustapa membuat masalah. Dia tiba sangat lewat untuk *check-in.* Aku pula walaupun tiba awal tidak dapat melakukan prosedur *check-in* kerana bagasiku tiada bersamaku, tetapi berada dalam simpanan Mustapa. Setelah puas menunggu dan hampir-hampir ketinggalan penerbangan, barulah Mustapa sampai bersama keluarganya. Nasib baik kami masih sempat dengan penerbangan kami dengan NORHTWEST ORIENT itu. Kami telah diperli oleh kakitangan *airline* dan hanya mampu meminta maaf.

PESAWAT NORTHWEST ORIENT

MENJEJAK KAKI DI BUMI AMERIKA

Selepas penerbangan yang memakan masa kira-kira 11 jam, Kami pun mendarat di Lapangan Terbang Antara-Bangsa O'Hare di Chicago. *Port of entry* bagi penerbangan yang datang dari Kuala Lumpur lazimnya ialah Los Angeles, tetapi oleh sebab kami datang dari London, maka kami mendarat di Chicago.

Dari Chicago kami menaiki sebuah pesawat kecil dan mendarat di lapangan terbang Dane County Regional Airport, Madison. Waktu itu kira-kira sudah senja tetapi disebabkan musim panas, harinya masih cerah.

Kami disambut oleh sekumpulan pelajar Malaysia dari University of Wisconsin-Madison yang sedia maklum tentang ketibaan kami terlebih dahulu melalui surat-menyurat Aku dan Mustapa. Aku dibawa oleh Ibrahim Saad ke apartmentnya di Eagle Heights, iaitu kawasan Perumahan Universi. Disebabkan kelewatan kami *check-in* di Heathrow, bagasi kami tidak sempat dibawa naik pesawat bersama kami. Kira-kira tengah malam sampailah bagasi kami dihantarkan dari Lapangan Terbang oleh sebuah teksi.

Ibrahim Saad ini kemudiannya memperolehi kedoktoran dalam bidang pendidikan dari University of Wisconsin-Madison dan menjadi Pensyarah dan kemudiannya Ketua Jabatan Pendidikan di Universiti Kebangsaan. Ibrahim kemudiannya meninggalkan kerjaya akademik dan berkecimpung dalam politik. Beliau penyokong kuat Anwar Ibrahim, yang pada masa itu tengah naik dalam dunia politik Tanah Air. Puncak kejayaan Ibrahim ialah sebagai Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, semasa Gerakan memerintah Pulau Pinang. Setelah jatuh Gerakan – dan kebetulan pula Anwar Ibrahim tumbang – Ibrahim ditugaskan menjadi Duta Malaysia di Filipina.

Aku bermalam selama dua malam di apartment Ibrahim dan kemudiannya berpindah ke Apartmentku yang sedia menunggu di alamat 605F, Eagle Heights.

Apartment kami tidak berperabot (*unfurnished*). Kuliah masih belum bermula, maka adalah masa bagi kami mencari perabot. Di hujung minggu, Ibrahim telah membawa Aku meninjau sekitar kawasan kediaman berdekatan untuk mencari perabot dan lain-lain keperluan kami di *garage sale* yang memang banyak diadakan oleh penduduk tempatan dan sebahagian pelajar yang sudah tamat pengajian dan sedang menunggu untuk pulang ke Tanah Air masing-masing. Aku berjaya mendapat dua buah katil saiz famili beserta tilamnya dan sebuah *sofa-bed.* Sesetengah barang ini diberi percuma sahaja oleh penduduk tempatan. Sememangnya mereka amat mesra dengan pelajar-pelajar dari negara asing , terutama yang berkeluarga. Ini budaya orang Madison.

Antara barang keperluan yang terpaksa dibeli baru ialah Set TV dan pinggan mangkuk. Set Tvnya Aku beli dari American TV And Appliances. Set Corelle diperolehi dari K-Mart; harganya sangat murah, hanya beberapa belas dollar sahaja satu set.

Pada masa itu sudah ada *Cable TV* di Amerika, tetapi tidak dibenarkan dilanggani di Eagle Heights. Jadi kami hanya dapat menonton beberapa Saluran seperti Fox, ABC, CBS dan NBC. Itu pun sudah puas menonton. Beberapa tahun kemudian, *Cable TV* dibenarkan dilanggani di Eagle Heights.

Apartment kami, Apartment F. terletak di tingkat bawah dalam Blok 605. Di atasnya keluarga dari Taiwan, Paul Chang. Paling hampir dengan kami keluarga Yahudi dari Singapura, Michael Lelah. Keluarga ini amat tidak kami senangi, kerana bersikap sombong. Mujurlah keluarga Yahudi ini tidak lama di situ, kemudiannya digantikan oleh Keluarga Ogwogwu dari Africa, yang lebih kami senangi.

Dalam Musim Panas (S*ummer*) sekolah semua cuti; ini amalannya di Amerika, sebab hendak beri peluang budak-budak bersantai. Anak-anakku yang besar – Zul, dan Mufidah – bermain dari pagi sampai petang. Matahari memancar lebih lama daripada musim lain, lebih daripada 14 jam. Pukul 8 malam nampak macam pukul 6 di Malaysia. Keluarga dari Malaysia, hampir-hampir semuanya Melayu, ada ramai juga, rasanya lebih daripada 10. Budak-budak cepat bermesra sesama mereka. Hanya anak bongsu, Zuhairah, satu tahun setengah, yang tinggal di rumah bermain dengan kami.

SUMMER SESSION

Selepas beberapa hari, kelas pun bermula. Program pengajianku pada peringkat Sarjana ini ialah di *DEPARTMENT OF EDUCATIONAL POLICY STUDIES*, iaitu suatu Jabatan di *SCHOOL OF EDUCATION*. Di Jabatan inilah terdapat pengkhususan (*Major*) dalam SEJARAH PENDIDIKAN, FALSAFAH PENDIDIKAN, SOSIOLOGI PENDIDIKAN, dan PENDIDIKAN KOMPARATIF.

EDUCATION BUILDING

Aku mendaftar kelas *Comparative Education*. Sepatutnya kelas ini diajar oleh Prof. Andrias Kazamias, tetapi beliau bercuti dan balik ke Greece. Maka yang mengajar ialah Bob (Prof. Robert Koehl). Dalam Musim Panas kelas berbentuk intensif, satu *period* 3-4 jam dan diadakan untuk dua sesi seminggu. Kelas *Summer Session* biasanya selama 8 minggu. Kelas kendalian Bob Koehl ini dijalankan secara seminar, bermakna tiada kuliah. Kami disuruh membeli satu naskhah *Comparative Education Review* untuk keluaran tertentu yang dalamnya ada makalah Bob sendiri (Aku sudah lupa keluaran mana) dan setiap sesi perjumpaan kami membincang satu atau dua makalah di dalam penerbitan itu).

KAMPUS UW-MADISON

Pemilihan UW-Madison sebagai tempat Aku melanjutkan pengajianku – seperti telah Aku katakan – adalah tidak sia-sia. Dari segi kualiti pelajarannya UW-Madison dikira antara Big Ten. Yang hendak Aku kisahkan pula ialah dari segi geografisnya. Walaupun lokasinya agak ke utara dan suhu Musim Dinginnya antara yang "boleh tahan" juga, tetapi dari segi pemandangannya Wisconsin mempamerkan gambaran yang menakjubkan. Pemandangan paling cantik ialah dalam Musim Bunga dan Musim Luruh.

Kiri: PANDANGAN MUSIM BUNGA; Kanan: PANDANGAN MUSIM LURUH

MEMBELI MOTOKAR

FORD PINTU WAGONKU

Beberapa minggu selepas ketibaan kami, Ibrahim Saad pun meninggalkan UW-Madison kerana telah selesai program Kedoktorannya. Dia balik ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan berkhidmat di Jabatan Pendidikan. Legasinya yang ditinggalkan kepadaku ialah motokarnya iaitu sebuah *Station Wagon* jenama *Ford Pinto* Aku membayar USD400 untuknya. Ternyatalah harga itu berbaloi, kerana kereta itu tidak pernah rosak semasa Aku memakainya selama setahun setengah. Paling jauh Aku pergi dengan kereta ini ialah ke Chicago. Aku tidak banyak berjalan kerana masalah kewangan. Kawan-kawanku, terutama dari golongan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik tiada masalah kewangan kerana mereka datang dengan bergaji penuh, serta mendapat biasiswa lagi. Mereka ini pergi hingga ke Calfornia dan New York. Cukuplah bagiku kereta ini dapat membawa keluarga pergi shopping dan bersantai ke lokasi-lokasi yang berdekatan seperti ke *Wisconsin Dells*[50]*, Circus World, House On The Rock* dan Milwaukee.

Aku sempat ke Chicago dua kali. Sekali ke Bandaraya dan sekali lagi ke Marriott's Great America. Anak-anakku berpeluang menaiki ROLLER COASTER di Great America, iaitu satu pengalaman yang paling teruja bagi mereka. Anakanda Zuhairah, yang pada masa itu berumur kira-kira dua tahun tidaklah turut serta, kerana risikonya besar.

Kami pernah juga membuat lawatan ke Bandaraya Milwaukee, bandar yang terbesar di Wisconsin, di pinggir Tasik Michigan. Malangnya, pada masa itu Aku kurang ariff tentang sejarah dan geografi Mailwaukee, maka Aku tidak tahu bahawa muzium motosikal terbesar di dunia iaitu milik HARLEY-DAVIDSON terletak di Bandaraya ini

MUZIUM HARLEY DAVIDSON

---

[50] Wisconsin Dells, bandar terpencil, tetapi menjadi tumpuan ramai dalam musim panas, kerana elemen rekreasinya. Sesuatu yang menarik bagiku di sini ialah meter parkirnya menerima syiling 1 sen (*penny*).

Kami pernah juga membuat lawatan ke Bandaraya Milwaukee, bandar yang terbesar di Wisconsin, di pinggir Tasik Michigan. Malangnya, pada masa itu Aku kurang ariff tentang sejarah dan geografi Mailwaukee, maka Aku tidak tahu bahawa muzium motosikal terbesar di dunia iaitu milik HARLEY-DAVIDSON terletak di Bandaraya ini.

ROLLER COASTER

Ford Pintoku ini amat berjasa selama setahun setengah Aku dan keluarga berada di Wisconsin. Aku beli dengan harga USD400 dan Aku jual USD350, semasa hendak pulang ke Malaysia pada akhir pengajianku. Kalau tidak silapku, pembelinya adalah pelajar Malaysia juga, iaitu seorang keturunan India yang berkursus di UW-Madison atas tiket Universiti Malaya. Pada masa Aku menggunakan Ford Pinto itu, Aku tidak mengetahui isu keselamatan di sekitarnya, iaitu ia mudah terbakar jika di rempuh dari belakang. Ini adalah kerana tangki petrolnya diletakkan pada bahagian bawah casis di belakang sekali. Syukurlah kami tidak pernah terlibat dalam apa-apa kemalangan semasa menggunakan kereta tersebut.

Ultimately, 27 people were determined to have been killed in rear-end-crash explosions involving Pintos. In one of the few cases brought to trial, a California jury awarded a boy who had been severely burned and disfigured a total of $126 million. The driver of the car had died from her injuries a few days after the accident.

Dari internet: LAPORAN KEMALANGAN MELIBATKAN FORD PINTO

AKU MASUK PROGRAM PENGAJIAN SEPENUHNYA

STATE STREET

Udara Wisconsin beransur-ansur menurun , menjelang musim luruh, iaitu bulan September. Kami sekeluarga memerlukan jaket untuk berkeadaan lebih selesa. Bahan-bahan pakaian ini kami perolehi dari Pasaraya K-mart, J.C. Penney dan Sears dengan harga berpatutan. Sesuatu yang sangat cantik di Wisconsin semasa Musim Luruh (atau *Fall*) ialah landskapnya. Pohon-pohon mula bertukar daunnya dari hijau ke kekunigan dan kemerah-merahan.

Semester Fall bermula awal September dan berakhir hujung Disember selama 14 minggu. Hari Pendaftaran adalah hari paling sibuk. Kelihatan pelajar-pelajar mundar-mandir di seluruh kampus. Ada yang buntu, tidak tahu mana hendak dituju, tetapi bantuan mudah diperolehi kerana di serata lokasi ada pembantu bertugas untuk memberi pertolongan, sama ada ke mana harus pergi atau apa yang perlu dilakukan.

Diringkaskan, Aku pun mendaftar seperti berikut, untuk Semester Fall:

FIRST SEMESTER ARABIC: PROF. DUSTIN COWELL

ANTHROPOLOGY AND EDUCATION: PROF. GEORGE SPINDLER

THEORY & METHOD IN COMP.EDUCATION: PROF. ROBERT KOEHL

JUMLAH KREDIT 10

PROF. DUSTIN COWELL

Sebenarnya, Kursus Bahasa Arab (*FIRST SEMESTER ARABIC)* bukanlah keperluan untuk pengkhususan di dalam programku. Aku turut mengambilnya kerana minatku

yang mendalam dalam Bahasa Arab, seperti yang pernah kusebutkan semasa mengkisahkan zaman kanak-kanakku. Pelik

juga Aku memikirkan Bahasa Arab diajar oleh “Mat Saleh”. Kursus Bahasa Arab ini Aku dapati amat memerlukan tumpuan. Tambahan pula kerana nilainya 4 kredit, kelasnya empat hari seminggu.

Aku dapati Prof. Dustin Cowell bukan calang-calang penguasaan Bahasa Arabnya. Maklumlah dia memiliki ijazah PhD dalam Bahasa Arab. Mengikut *rating*nya daripada markah penuh 5.0 dia mencapai ukuran 4.16. Ini satu pencapaian tinggi berbanding hetong panjangnya di Wisconsin ialah 3.52. Bagi kursus ini Aku mendapat Gred A.

ANTHROPOLOGY AND EDUCATION pula diajar oleh Prof. George Spindler, yang sebenarnya bertugas sepenuh masa di Stanford University, California. Dia berada di UW-Madison setiap spring, mengajar kursusnya. Disiplin *ANTHROLOGY AND EDUCATION* ini adalah ciptaannya dengan kombinasi *ANTHROLOGY* dan *EDUCATION*.

Sesuatu yang istimewa tentang Prof. Spindler ialah dia mengajar secara *team* dengan isterinya Louise. Aku dapati kursus ini amat teruja tambahan pula Prof. Spindler *“…is a good storyteller”* Gred yang aku perolehi ialah AB. Aku tidak puas hati dengan gred ini kerana yang memeriksa kertas kerjaku ialah *Teaching Assistant,* bukan Prof. Spindler sendiri. Spindler meninggal tahun 2016 pada usia 94 tahun.

PROF.GEORGE SPINDLER

Lagi sekali Prof. Bob Koehl yang mengajar *THEORY AND METHOD IN COMPARATIVE EDUCATION*. Seperti kursus *COMPARATIVE EDUCATION* yang Aku ambil semasa Summer Session, kursus ini diajar secara seminar, yakni tiada kuliah. Setiap pelajar membentang sebuah kertas kerja yang kemudiannya dibincang bersama. Aku sebenarnya mengharapkan satu kursus dalam mana kita diberi kuliah mengikut topiknya, yang di dalam *course outline*. Ternyata harapan ini merosot. Dengan membincang dan membanding kertas kerja yang dibentangkan oleh pelajar dari berbagai negara, maka dikira termaktub di dalamnya *theory* dan *method* , yang dipelajari secara tidak langsung. Nyatalah Profesor-profesor di Amerika amat kreatif cara mengajarnya. Aku hanya mendapat Gred B.

Dalam Spring Semester, kursus yang Aku ambil ialah:

EUROPEAN EDUCATION SINCE 1750:	PROF. STERLING FISHMAN
EDUCATION IN DEVELOPING SOCIETIES:	PROF. BOB KOEHL

INDEPENDENT READING: PROF. BOB KOEHL (Penyelia).

Kursus *EUROPEAN EDUCATION SINCE 1750* kudapati banyak persamaan dengan *EUROPEAN INTELLECTUAL HISTORY* yang kupelajari di USM dulu yang diajar oleh Dr. Peter Bowler. Dengan demikian tidaklah susah sangat kursus itu dan Aku memperolehi Gred A. Satu perkara yang agak memeranjatkan Aku ialah cara Peperiksaan dikendalikan oleh Prof. Fishman. Setelah dia mengedarkan kertas soalan dan buku jawapan, dia pun berkata, "*I'm going to leave the room. The last person to finish, please bring all answer books to my room*". Lantas dia pun meninggalkan bilik. Tidak diketahui pula adakah Profesor lainnya yang sebegitu *lax* dalam pengendalian peperiksaan.

INDEPENDENT READING sebenarnya bukan satu kursus, sekadar satu kaedah "menipu". Pelajar yang mendaftar untuknya diletakkan dibawah Profesor pilihannya. Atas persetujuan bersama, pelajar boleh membuat apa saja. Misalnya belajar bersendirian tentang sesuatu tajuk (dengan dibimbing oleh Profesor Pembimbingnya) atau untuk menghabiskan kerja kursus bagi sesuatu kursus yang diambil pada semester sebelumnya dan telah diberi gred "I" (maksudnya *INCOMPLETE*). Pelajar diberi Gred I jika dia tidak menyerahkan esei yang diperlukan oleh kursus itu. Jadi, *INDEPENDENT READING* adalah satu mekanisme untuk menolong meringankan bebanan seseorang pelajar dalam sesuatu semester. Hakikat sebenarnya ialah pelajar memenuhi keperluan kredit (*credit requirement*) tanpa belajar. Untuk menjadi pelajar "*of Good Standing*", seseorang pelajar perlu mendaftar sejumlah kredit yang ditetapkan setiap semester.

Dalam *Summer Session* 1980, Aku belajar:

COMP. HISTORY OF CHILDHOOD & ADOLESCENCE: PROF. STERLING FISHMAN

Kursus ini amat kreatif. Ia mengkaji bagaimana kanak-kanak dan remaja dalam pelbagai budaya disesuaikan oleh pendidikan non-formal dan formal oleh berbagai agensi pendidikan untuk menjadi anggota masyarakatnya yang baik, mengikut norma-norma masyarakatnya. Semasa membincang tentang berbagai deraan yang dilakukan oleh guru terhadap pelajar-pelajarnya, Aku mengemukan contoh yang diambil dari *Hikayat Abdullah* tentang bagimana guru mendera murid-muridnya. Prof. Fishman yang sebelum ini tidak pernah tahu tentang *Hikayat Abdullah* amat tertarik untuk membacanya. Aku membantu dengan meminjamkan untuknya *The Hikayat Abdullah* oleh A.H.Hill iaitu terjemahan dari *Hikayat Abdullah,* yang sememangnya terdapat dalam perpustakaan UW-Madison. Aku dapat Gred A untuk kursus ini.

SPRING SESSION 1980-81

Untuk semester terakhir Aku di UW-Madison, Aku mendaftar:

COMP. HISTORY OF ED.IN COLONIAL SOCIETIES: PROF. ROBERT KOEHL

SEMINAR ANTHROPOLOGY & EDUCATION: PROF. GEORGE SPINDLER

Sekali lagi PROF. SPINDLER dari Stanford University mengajar hubungkaitan ANTHROPOLOGI dengan PENDIDIKAN. Seperti lumrahnya, dia ditemani oleh isterinya, Louise.

Aku mendapat Gred A untuk kedua-dua kursus. Maka, lengkaplah sudah program pengajian *MASTER OF EDUCATION* bagiku.

Dalam keseuruhan kursus pengkhususanku, iaitu *EDUCATIONAL POLICY STUDIES*, Aku berdaftar 8 mata pelajaran, untuk mencukupi keperluan 24 kredit. Aku memperolehi Gred A dalam 6 mata pelajaran, satu AB dan satu B.

<u>BEKERJA SAMBILAN</u>

Semasa belajar di UW-Madison, Aku telah mengambil kesempatan bekerja sambilan untuk meringankan beban kewanganku. Walaupun Aku dibayar *Personal Maintenance Allowance* (USD300, sebulan) dan Elaun Seberang Laut (USD320, sebulan), Aku dapati masih diperlukan lagi wang tambahan setiap bulan untuk hidup dengan lebih selesa. Peraturan imigresen Amerika membenarkan pelajar asing bekerja di dalam kampus dan UW-M sendiri memberi banyak peluang untuk pelajar-pelajar bekerja dalam kampus. Upahnya ialah USD4 sejam.

FRONT DESK, COLLEGE LIBRARY

Aku diterima sebagai pembantu di College Library, iaitu perpustakaan yang dikhususkan kepada pelajar-pelajar *undergraduate*.

Kedudukan perpustakaan ini amat cantik, iaitu di pinggir Tasik Mendota. Semasa berada dalam perpustakaan, akan dapat dilihat pemandangan tasik tersebut. Akan

dapat dilhat orang dengan pelbagai aktiviti *boating.* Dalam musim sejuk pula, keseluruhan permukaan tasik akan beku dan muncul pula aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan musim itu.

Berperahu (*boating*) di tasik dilakukan dalam musim panas dan musim dingin. Masing-masing ada kaedahnya. Dalam musim dingin, di samping *boating* ada juga orang melakukan *skating.* Satu lagi aktiviti musim sejuk di tasik ialah *ice-fishing*. Lubang ditebuk di permukaan ais, yang boleh jadi hingga 6 inci tebalnya dan mata kail dihulurkan ke dalam air di bawah ais.

ICE SKATING ATAS PERMUKAAN TASIK

Memang "Mat Saleh" tidak membuang peluang untuk beriakrasi, dalam musim apa saja.

Aku memilih waktu bekerja yang tidak digemari oleh orang lain, iaitu 9 p.m. hingga 12 tengah malam, untuk 2 hari seminggu. Kerjanya tidak susah: jaga di *front desk*. Kalau ada pelajar hendak meminjam buku, lirik saja kad matriknya dengan *electronic wand*.

Demikian juga kalau ada yang hendak memulangkan buku.

Memang boleh dikatakan satu kejutan budaya juga di perpustakaan di Amerika dibenarkan makan dan minum (di ruang khas untuknya) dan tidur. Disediakan sofa-sofa empuk untuk tujuan itu. Lojiknya ialah, kedua-dua aktiviti itu boleh membantu meningkatkan pembelajaran. Ya, memang benar.

SOFA EMPUK UNTUK YANG LETIH ATAU MENGANTUK

Kami dilatih untuk berbudi-bahasa kepada pelanggan. Misalnya, kadang-kadang terdapat mereka yang cuba mengeluarkan buku dari perpustakaan tanpa proses *checkout* -sama ada terlupa atau disenghajakan- maka sistem keselamatan elektronik akan berfungsi membunyikan penggera sambil mengunci pintu elektriknya. Jika berlaku sedemikian, kami akan berkata, "*Sir, can you come back here. Have you*

forgotten to check out something?" Sama ada pelanggan itu akan menyerahkan kembali buku yang belum melalui proses *check out* atau menyerahkan kad matriknya, untuk dilakukan *check out*. Ya, orang Amerika sememangnya berbudi bahasa.

Selepas sedikit masa, Aku cuba mencari satu lagi kerja sambilan dalam kampus, untuk menambah lagi pendapatan. Aku mendapat kerja di kedai makan mahasiswa, di bahagian membersihkan alat-alat pinggan-mangkuk. Pembersihan alat-alat ini bukanlah manual, tetapi menggunakan mesin *dishwasher commercial.* Tugasku di Bahagian *Scrape* ialah menerima *tray* yang diserahkan oleh penggunanya setelah selesai makan dan mengasing-asingkan pinggan, piring, mangkuk sudu dan garfu. Sisa makanan yang tertinggal dimasukkan ke dalam tong sampah (proses ini dimaksudkan dengan perkataan *scrape*) bersama dengan alat-alat dari kertas, seperti cawan dan piring. Segala pinggan, piring dll. Itu dihantar melalui *conveyor belt* ke bahagian mencuci, iaitu mesin *dishwasher* otomatik yang besar. Mesin inilah yang akan mencuci peralatan ini dengan air panas. Selepas itu semuanya dikeringkan dengan udara panas. Keseluruhan proses amat *hygienic*.



THE FACE OF THIS DOCUMENT HAS A COLORED BACKGROUND ON WHITE PAPER

UNIVERSITY OF WISCONSIN - MADISON TRANSCRIPT

05/14/87
PAGE 01

OFFICIAL COPY

ISMAIL, ABDUL HADI BIN — BIRTHDATE 05/13/41 — MATRICULATION DATE 05/29/79
DEGREES: BAH 06/74 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA MALAYSIA
MAJOR: EDUCATIONAL POLICY STUDIES

		CRS	GR	PTS
SUMMER 1979	ED 5 GRADUATE			
	SESSION HC: JUN 18 - AUG 10			
ED POL	340 COMPARATIVE EDUCATION	3	A	
1-1979-80	ED 5 GRADUATE			
AFRICAN	321 FIRST SEMESTER ARABIC	4	A	
ED POL	570 ANTHROPOLOGY AND EDUCATION	3	AB	
ED POL	860 THEORY & METH IN COMPAR ED	3	B	
2-1979-80	ED 5 GRADUATE			
ED POL	479 EUROPEAN EDUC SINCE 1750	3	A	
ED POL	640 ED IN DEVELOP SOCIETIES	3	A	
ED POL	699 INDEPENDENT READING	3	S	
SUMMER 1980	ED 5 GRADUATE			
	SESSION DD: JUN 16 - JUL 11			
ED POL	478 COMPAR HIST-CHLDHOOD&ADOLES	3	A	
1-1980-81	ED 5 GRADUATE			
ED POL	909 COMPAR HIST-ED-COLONIAL SOC	3	A	
ED POL	970 SMR-ANTHROPOLOGY&EDUCATION	3	A	
ED POL	999 INDEPENDENT READING	3	S	

MASTER OF ARTS-
EDUCATIONAL POLICY STUDIES
DEGREE CONFERRED DECEMBER 22, 1980

MAJOR: EDUCATIONAL POLICY STUDIES

TRANSCRIPTKU

.

Aku bekerja 2 hari seminggu, setiap slot selama 3 jam (12 hingga 3 p.m.), dengan bayaran USD4 sejam, iaitu *standard rate* untuk *student in-campus employment.*



UNIVERSITY OF WISCONSIN-MADISON

The Board of Regents of The University of Wisconsin System,
on the nomination of the faculty, has conferred upon

ABDUL HADI BIN ISMAIL

The Degree of

MASTER OF ARTS
EDUCATIONAL POLICY STUDIES

Together with all honors, rights, and privileges belonging to that degree.
In witness whereof, this diploma is granted. Given at Madison in The State
of Wisconsin, this twenty-second day of December in the year nineteen hundred
eighty, and of The University the one hundred thirtieth.

IJAZAH MASTERKU

Memanglah Aku terpaksa berkorban masaku 12 jam seminggu untuk mencari sedikit belanja tambahan demi keselesaan isteri dan anak-anak. Tetapi, perkara ini tidaklah mengganggu sangat pembelajaranku.

Syarat-syarat visa tidak membenarkan isteri pelajar bekerja, semasa mengiring suami. Jadi apabila suatu hari Isteriku kata dia hendak bekerja di sebuah *laundry* Aku amat

terkejut. Jika dapat dihidu oleh pihak imigresyen dia mungkin dikenakan proses *deportation*, iaitu dihantar pulang. Rupa-rupanya ramai juga isteri pelajar antarabangsa yang bekerja sambilan, secara *illegal* ini, termasuk dari kalangan pelajar Malaysia. Sudah bertahun-tahun perkara ini berlaku dan belum pernah terdapat tindakan undang-undang. Akhirnya, Aku pun bertawakkal dan isteriku pun mula bekerja di *3f Laundry,* 8 jam sehari dari Isnin ke Jumaat, dengan bayaran USD4 sejam. Bayaran ini adalah rendah dan tidak ada orang tempatan yang mahu menerimanya, kecuali beberapa orang yang terdesak. Mereka lain yang bekerja secara haram di sini ialah orang-orang Indonesia (lelaki dan perempuan) dan orang Mexico. Setakat yang kami dapat tahu belum pernah berlaku pekerja-pekerja haram ini tertangkap oleh pihak berkuasa. Lumayan juga pendapatannya jika diterjemahkan ke duit Malaysia. (USD4x8jamx5hari=USD160 seminggu=RM580). Jika dijadikan pendapatan bulanan sudah melebihi RM2000.

Dengan wang hasil penat-lelah Isteriku di 3f Laundry ini dapatlah kami membawa balik ke Malaysia setelah tamat pengajianku beberapa barang berharga. Antaranya sebuah Jam Nenek (*Grandmother Clock*), beberapa set Corelle dan peralatan bilik tidur seperti cadar dan sarung bantal. Selainnya untuk belanja harian dan sedikit *travelling*.

ISTERIKU BEKERJA DI 3F LAUNDRY

Antara rakan tempat kerja isteriku ialah Ibu Alawiyah. Dia adalah Emak Saudara kepada personaliti yang terkenal di Malaysia iaitu Wardina Saffiyah Fadhullah Wilmot.Ibu Alawiyah ini adalah isteri kepada Prof. Dr. Safwan Idris, dari Acheh, yang pada masa itu adalah pelajar kedoktoran di Dept. of Educational Policy Studies, UW-Madison. Dia terpaksa be kerana suaminya hanya mendapat biasiswa yang kecil dari kerajaan Indonesia.

Sekembali ke Acheh dari Amerika, Safwan mengajar di Institut Agama Islam Negeri ar-Raniri (kemudiannya Universiti Islam Negeri al-Raniri) di Banda Acheh. Akhirnya dia dilantik jadi Rektor.

AKU BERSAMA SAFWAN IDRIS

Acheh pada masa itu sedang menempuh gelombang pemberontakan Gagasan Acheh

Merdeka (GAM). Kumpulan ini cuba mendapat apa yang mereka mahu – iaitu perpisahan Acheh dari Republik Indonesia secara melakukan huru hara. Bila terdengar ura-ura Pak Safwan akan dijadikan Gabnor Acheh, satu hipotesis mengatakan kumpulan ini telah bertindak menembak mati tokoh ini. Perkara sebenarnya tidak diketahui, diselindungi dengan misteri yang belum terungkai.

GOODWILL INDUSTRIES

Kami berjimat cermat dalam semua perbelanjaan. Barang-barang keperluan harian kami kami beli dari pasaraya yang dapat bagi discount. Antaranya bernama *SavU.* Untuk memberi harga yang terendah, pasaraya ini tidak menggunakan beg untuk mengisi barang-barang yang dibeli. Digunakannya kotak-kotak kosong yang banyak terdapat di kedai itu.

Hari ini kita di Malaysia diperkenalkan dengan kedai *BUNDLE*, yang menjual pakaian terpakai yang berjenama yang diimport dari Amerika dan Jepun. Bukan main mahal harga sesetengahnya, seperti seluar *LEVI'S* dan kasut *NIKE*. Di Amerika sudah lama ada kedai sebegitu, tetapi barang-barang yang dijual mereka sangat rendah harganya. Misalnya sehelai baju *ARROW*, hanya USD 1 sahaja harganya; seluar *LEVI'S* mungkin USD3 sahaja.

Sebuah agensi NGO bernama *GOODWILL,* menerima barang-barang terpakai yang diderma oleh orang ramai. Barang-barang itu bermacam-macam: pakaian, pinggan mangkuk, mainan, buku, rekod, hatta ke perabut dan motokar.

KAMERA MOVIE 8MM

Disebabkan barang-barang itu diperolehi mereka secara percuma, maka dijualnya dengan harga yang rendah sahaja. Harga kereta di *GOODWILL* mungkin USD200 sahaja. Orang Malaysia yang mampu, seperti pegawai PTD tidak akan menghampiri kedai-kedai *GOODWILL*, takut "jatuh *standard*". Kami tidak kisah. Asalkan boleh berjimat. Antara barang berharga yang aku dapat di sini dengan harga murah ialah sebuah projektor 8mm (USD10), album rekod lagu-lagu klasik terbitan Reader's Digest yang sedikit pun tidak mempunyai calar dan harga asalnya beratus dolar dan sebuah klarinet yang dapat aku baikpulih kembali dan sebuah kamera filem 8 mm yang antik amat berharga kerana antiknya) tetapi masih boleh berfungsi. Sayangnya, benda itu hilang dalam simpanan.

PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK

Anakku yang Sulung, Zul Wizaratain bersekolah di *VAN HISE MIDDLE SCHOOL* yang terletak beberapa kilometer dari rumah. Dia dan beberapa orang sahabatnya berulang-alik ke sekolah dengan menggunakan pengangkutan awam.

Anak kedua, Mufidah, bersekolah di *SHOREWOOD HILLS ELEMENTARY SCHOOL*, yang letaknya tidak sampai 1 km. dari *EAGLE HEIGHTS.* Mufidah dan kawan-kawannya berjalan kaki saja ke sekolah. Dia dalam Gred 3.

SHOREWOOD HILLS ELEMENTARY SCHOOL

Di Amerika, kanak-kanak tidak diberi kerja rumah, kerana tempat belajar ialah di sekolah. Di rumah mereka ada urusan masing-masing. Kalau tak ada pun, masanya adalah untuk bermain, sebab bermain itu adalah keperluan mereka. Falsafah ini nampaknya berlawanan dengan apa yang kita amalkan di sini. Lain padang, lain belalang.


Test of English as a Foreign Language
P.O. Box 899
Princeton, NJ 08541-0008, USA
EXAMINEE'S SCORE CONFIRMATION RECORD
7167093
ABDUL HADI ZUL WIZARA
09/19/67
61 57 36 980
MALAYSIA
MALAY
4 1 0
ABDUL HADI ZUL WIZARA
1596 TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM
KEPALA BATAS PENANG
MALAYSIA
XXXX XX XXXX XX XXXX XX XXXX XX
XXXX XX XXXX XX XXXX XX XXXX XX
SEE OTHER SIDE FOR EXPLANATIONS.

MARKAH TOEFL ANAKANDA ZUL

Tidak dinafikan kedua-dua Anakku itu mendapat faedah dari bersekolah di Amerika, dari aspek penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Anakku Zul mendapat skor yang baik dalam Ujian TOEFL yang diambilnya beberapa tahun kemudian semasa membuat persediaan menyambung

pengajiannya ke Amerika di bawah program *twinning* di University of Maryland Malaysia Campus.

AKTIVITI ORANG MALAYSIA

Pelajar-pelajar Malaysia dan keluarga gemar melakukan beberapa aktiviti bersama, seperti *pot-luck*.[51], memetik buah, musim *fall* (epal, anggur dan strawberi). Jika memetik epal, kami akan ke ladang pagi-pagi lagi. Amalan "mencicah" seperti sering dilakukan di Malaysia dengan putik mempelam, jambu, dsb. juga tidak ketinggalan diamalkan di Amerika. "Garam-belacan" akan dibawa; yang dicicah ialah epal atau strawberi. Berkelahlah kami di ladang itu dari pagi sampai petang; barang makanan dibawa dari rumah. Yang perempuan dan kanak-kanak asyik mencicah. Peraturan di ladang ialah, makanlah sebanyak mana mahu di ladang; yang kena bayar hanya apa yang dibawa pulang.

MEMETIK ANGGUR

Sayang sedikit kami tidak berpeluang memetik strawberi.

Isteriku sangat popular di kalangan orang Malaysia, kerana dia pandai memasak. Antara masakannya yang disukai ialah NASI BERIANI, LAKSA dan APOM BALIK. Sekali-sekala keluarga-keluarga Malaysia ber*pot-luck* di salah sebuah apartment, secara bergilir-gilir.

MEMETIK EPAL

Semasa Universiti cuti, orang Malaysia yang berkemampuan akan mengambil kesempatan makan angin bersama keluarga masing-masing. Kadang-kadang beberapa keluarga berkonvoi dengan kereta masing-masing. Jika kereta sendiri tidak boleh diharap mereka akan menyewa kereta seperti dari syarikat AVIS. Aku jarang menyertai mereka atas sebab-sebab ekonomiku

[51] *Pot-luck* ialah perjumpaan beberapa keluarga, masing-masing membawa sedikit makanan untuk dikongsikan

kurang kukuh. Kalau pergi pun Aku hanya ke tempat-tempat berdekatan.

PEMANDANGAN DI DRIVE IN MOVIE

Satu lagi kegemaran kami pada musim panas ialah menonton wayang di PANGGUNG *DRIVE-IN*. Maksud "*Drive-In*" ialah kita pandu masuk dengan kereta sendiri. Kita boleh menonton dari dalam kereta atau duduk di atas rumput. Panggung ini berpagar keliling dan mempunyai layar putih yang besar. Di sesetengah Panggung *Drive-In* terdapat dua layar putih, satu bahagian depan dan satu bahagian belakang. Kita boleh pilih filem mana hendak ditonton.

Ada dua cara suara dipancarkan: satu menggunakan radio fm. Kita diberi maklumat hendak *tune* ke gelombang berapa. Cara kedua, ada peti suara dipasang di tiang yang dipacak di atas padang dan kita parkir kereta berdekatan tiang itu.

Panggung *Drive-In* tidak beroperasi sepanjang tahun (kecuali di California), tetapi hanya semasa suhu tidak begitu sejuk (akhir April ke awal September). Pelanggan diminta tidak membawa makanan sendiri. Jika nak bawa juga kena beli permit (kira-kira USD 10) bagi sebuah kereta. Berbagai makanan dan minuman ada disediakan dan di sinilah pihak teater membuat duit, bukan dengan tiket masuk. Sesetengah panggung ini adalah *family business.*

Khabarnya panggung jenis ini dimulakan oleh seorang bernama Richard Hollingshead di New Jersey dalam tahun 1930. Lama-lama ia ditiru orang lain ke seluruh Amerika dan sampai kemuncaknya dalam tahun-tahun 1950an. Kemudian, perlahan-lahan ia menurun, setelah banyak tanah kosong digunakan untuk pembangunan dan teater-teater yang canggih mula muncul.

WAYANG PACAK

Persamaan Panggung Drive-In – dan beberapa perbezaan – terdapat di Malaysia dari tahun-tahun 1946 ke 1960an, iaitu dikenali umum sebagai WAYANG PACAK. Fenomena ini sebenarnya adalah cara Jabatan Penerangan menyampaikan maklumat tentang aktiviti kerajaan kepada rakyat, dalam zaman sebelum ada siaran TV. Yang

jadi “pacaknya” ialah 2 tiang didirikan untuk memasang kain putih untuk memancarkan imeg tayangan. Bezanya, ia percuma dan tidak dibenarkan berkereta masuk ke padang tempat tayangan. Semasa Aku kanak-kanak dulu, jadual kedatangan “kereta wayang” ini tidak pernah diketahui, tetapi bila saja ia tiba di kampung kira-kira pada pukul 6 petang lalu berlabuh di padang sekolah, beritanya segera tersibar ke seluruh kampung dan selepas maghrib semua tua dan muda mula berkumpul. Selain filem penerangan, diselitkan juga filem hiburan seperti komedi AMAN BELON, sebagai tarikan lebih. Filem-filem ini dikeluarkan oleh *MALAYAN FILM UNIT* di Kuala Lumpur dengan logonya harimau melompat. Selepas 1963 berlaku penjenamaan semula unit ini sebagai FILEM NEGARA MALAYSIA

MAKAN MINUM DI NEGERI ORANG

Semasa di Amerika Aku dan keluarga tidak mengalami apa-apa masalah tentang makanan. Sebelum sampai ke Amerika ada jugalah pertanyaan dalam hati kami kalau-kalau susah mendapat beras. Rupa rupanya tidak langsung ada masalah. Beras yang terdapat di pasaraya Kohl’s tempat kami membeli barang keperluan dapur kami itu adalah kualiti tinggi, jenis “*long grain”*. Rupa-rupanya, Amerika sendiri ada perusahaan berasnya yang besar seperti di California, Arkansas dan beberapa tempat lain.

Sebuah kedai milik seorang Cina bernama *ASIAN FOOD STORE* menjual segala macam barang keperluan timur: beras, *tau-kua*, tempeh (dibuat di Amerika), rempah-rempah dan lain-lain. Yang memeranjatkami DURIAN pun ada, dibekukan. Harganya tentulah tinggi.

BERGOTONG ROYONG MELAPAH SEMBELIHAN

Makanan laut tidak susah diperolehi dalam keadaan sejuk-beku. Daging halal saja yang susah diperolehi. Untuk itu, orang-orang Malaysia yang di Wisconsin pergi ke ladang lembu dan membeli lembu untuk disembelih Semuanya kami lakukan

sendiri secara gotong-royong. Menyembelih, melapah dan memotong daging. Tukang sembelih[52] kami di Wisconsin ialah Nik Mohd. Zain, orang Kelantan. Beliau pelajar Sarjana di bidang Undang-undang Tanah. Datuk Dr. Nik Mohd. Zain kemudiannya menjadi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Orang-orang tempatan lalu-lalang berhenti untuk memerhatikan kami. Bagi mereka apa yang kami lakukan itu sangat menarik. Daging itu akan dibahagi-bahagikan sesama kami. Kadang-kadang di *ISLAMIC CENTER* bekalan daging halal boleh kedapatan dalam keadaan sejuk-beku

Daging disimpan dalam dalam freezer; harganya siap tertulis di bungkusnya. Membelinya cara layan diri: ambil sendiri dan tuliskan cek mengikut harga daging yang kita ambil itu, dan masukkan cek ke dalam peti yang disediakan. Senang sekali. Semua pelajar Islam di Madison berhak mendapat kemudahan ini. Dalam pada itu ada mereka yang kurang bertimbang rasa yang membeli daging tersebut dengan banyak sekali gus, menyebabkan orang lain terlepas peluang.



Kadang-kadang bila ada kawan ke Chicago, daging bolehlah diperolehi di kedai-kedai orang Arab. Sesiapa yang memerlunya mengirim saja kepada orang yang pergi itu.

BEEF CUTS: Kategori daging

Harga daging mengikut bahagian mana lembu itu, berbeza satu sama lain, tidak seperti amalan di Malaysia. Misalnya bahagian "*TENDERLOIN"* lebih mahal daripada daging "*ROUND"*.

[52] Anak Sulungku pula, Zul Wizaratain, menjadi tukang sembelih semasa dia menuntut di Wichita State University, Kansas.

APARTMENT DI EAGLE HEIGHTS

RUMAH KEDIAMAN PELAJAR DI EAGLE HEIGHTS

Dari kiri: RUANG TAMU; BILIK TIDUR; DAPUR

21. PERTUKARAN TETAP KE USM

Dokumen pertukaran tetapku dari Kementerian Pelajaran ke Perkhidmatan USM Aku terima semasa berada di Wisconsin. Surat bertarikh 5-2-1980. Tarikh Pertukaran Tetap tersebut sebenarnya pada 1-5-1979. Aku hanya memberi responsku setelah balik ke Malaysia, dalam bulan Julai, 1981.



Sumber: K.L. 23571
Kawat: "PELAJARAN"

KEMENTERIAN PELAJARAN
MALAYSIA
RUMAH PERSEKUTUAN
JALAN SULTAN HISHAMUDIN
KUALA LUMPUR 01-34

Surat Saya: KP(PP)5098/3088/(20)
Surat Tuan:

5hb. Februari, 1980.

Encik Abdul Hadi bin Ismail
Melalui dan Salinan Kepada :
Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia,
Minden,
Pulau Pinang.

JABATAN PENDAFTAR
TARIKH - 5 FEB 1980
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Tuan,

Pertukaran Tetap Ke Perkhidmatan
Universiti Sains Malaysia

Saya diarah memaklumkan bahawa pertukaran tetap tuan ke Perkhidmatan Universiti Sains Malaysia sebagai Pensyarah telah dikuatkuasa mulai 1hb. Mei, 1979 dan bersama-sama ini disertakan syarat-syarat Pertukaran Tetap yang ditawarkan kepada tuan (Lampiran A)

2. Sila maklumkan ke Kementerian ini samada tuan menerima atau tidak syarat-syarat pertukaran tetap yang ditawarkan tersebut.

Sekian.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,

(NORDIN BIN HJ. AHMAD)
Bahagian Perjawatan & Perkhidmatan,
b.p Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k

PK (K)

Fail timbul.

Lampiran A

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN TETAP ENCIK ABDUL HADI B. ISMAIL PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN KAT.D1, KEMENTERIAN PELAJARAN SEBAGAI PENSYARAH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

(i) Tarikh Pertukaran:	Bahawa tarikh pertukaran tetap tuan sebagai Pensyarah Universiti Sains Malaysia adalah dikuatkuasa mulai 1 Mei, 1979. ($1525/-)
(ii) Gaji:	Sebagai Pensyarah Universiti Sains Malaysia tuan akan dibayar gaji bersih sebanyak $1525/- sebulan di atas tanggagaji A14 : $1405 x 60 - 1405/1465 x 60 - 1585/1705 x 100 - 2205/TP A10 : $2305 x 120 - 2425.
(iii) Lain-lain Kemudahan:	Tuan adalah layak menerima lain-lain elaun dan kemudahan mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pekerja-Pekerja Badan-Badan Berkanun dan pindaan-pindaannya yang dikeluarkan dari masa ke semasa mengikut kelayakan jawatan tuan.
(iv) Faedah Persaraan:	Perkhidmatan tuan yang lepas dengan Kerajaan adalah diambil kira bagi maksud faedah pencen tuan. Pihak Universiti Sains Malaysia adalah bertanggungjawab untuk membuat carunan bagi faedah persaraan tuan berhubung dengan perkhidmatan tuan selepas pertukaran tetap ini.
(v) Hubungan Dengan Perkhidmatan Kerajaan:	Mulai dari tarikh pertukaran tetap ini hubungan tuan dengan Perkhidmatan Kerajaan adalah terputus sama sekali kecuali bagi maksud syarat di (iv) atas.
(vi) Pengembalian ke Perkhidmatan Kerajaan:	Tuan tidak akan layak ditukar balik ke Perkhidmatan Kerajaan selepas daripada tarikh pertukaran tetap tuan ke Universiti Sains Malaysia. Sekiranya tuan berjaya mendapat sebarang jawatan baru dalam Perkhidmatan Kerajaan di masa-masa yang akan datang, maka perkhidmatan tuan itu akan dianggap sebagai satu perkhidmatan yang baru.
(vii) Tata Tertib:	Tuan akan setiap masa tertakluk kepada peraturan tatatertib yang dikuatkuasakan di Universiti Sains Malaysia dan lain-lain peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan berhubung dengannya dari masa ke semasa.
(viii) Lain-lain Syarat Perkhidmatan:	Lain-lain syarat perkhidmatan tuan adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pekerja-Pekerja Badan-Badan Berkanun dan lain-lain peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan Universiti

DOKUMEN PERTUKARAN TETAPKU

Antara SYARAT yang dikaitkan dengan Pertukaran Tetap ini ialah, Aku "putus hubungan" sama sekali dengan Kementerian Pelajaran dan Aku tidak boleh patah

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN TETAP ENCIK ABDUL HADI B. ISMAIL
PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN KAT. DI, KEMENTERIAN PELAJARAN
SEBAGAI PENSYARAH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

(vi) Pengembalian ke Perkhidmatan Kerajaan:

Tuan tidak akan layak ditukar balik ke Perkhidmatan Kerajaan selepas daripada tarikh pertukaran tetap tuan ke Universiti Sains Malaysia. Sekiranya tuan berjaya mendapat sebarang jawatan baru dalam Perkhidmatan Kerajaan di masa-masa yang akan datang, maka perkhidmatan tuan itu akan dianggap sebagai satu perkhidmatan yang baru.

balik lagi. Namun semua perkhidmatan lamaku tetap diambil kira bagi tujuan urusan pencenku. Ada antara rakan sekerja di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) bersamaku, yang dari kalangan guru kerajaan, yang tidak diikat dengan syarat seperti yang dikenakan padaku. Mereka ini, kuperhatikan, adalah Pegawai di Kementerian Pelajaran yang sedang menulis tesis PhD mereka. Mereka diberi *stint* berada di universiti untuk memberi keringanan tugas supaya mereka boleh terus menyambung penulisan tesis mereka. Namun, mengikut perhatianku, bila ada di universiti tugas-tugas mengendalikan kursus tidak akan memberi mereka keringanan tugas itu. Akhirnya, mereka ini balik semula ke Kementerian Pelajaran dan status mereka sebagai calon PhD tetap tidak berubah.

Salah seorang rakanku di PPIP, yang mengalami nasib sebegini, bila balik ke Kementerian Pelajaran telah ditempatkan di Kedah, sebagai Pengarah Pelajaran Negeri Kedah. Apabila Kerajaan mengambil keputusan menubuhkan Universiti di Kedah (Universiti Utara Malaysia @ UUM) rakanku ini telah ditugaskan memegang teraju Jawatankuasa Penubuhannya. Bila UUM menjadi realiti, dia telah dijadikan Pendaftarnya yang pertama.

BALIK KE TANAH AIR

Biasiswa belajarku adalah untuk 24 bulan, tetapi Aku berjaya menghabiskan pengajianku dalam masa 18 bulan. Kawanku Mustapa yang sama-sama datang belajar denganku telah tamat terlebih dahulu. Dia menamatkan pengajiannya dalam masa setahun sahaja. Ini disebabkan masalah cuti tidak bergaji yang diambil oleh isterinya Som. Som bercuti dari jawatan guru.

Sebabnya Aku dan Mustapa dapat menghabiskan pengajian kami cepat kerana kami memilih mod *non-thesis* dalam program master kami. Bermakna 100% program kami terdiri daripada *coursework*. Kalau mod *thesis* dipilih, calon masih kena mengambil *coursework* (tetapi dikurangkan jumlah unitnya); selesai *coursework* baru boleh mula menulis tesisnya. Mod C*oursework-plus-thesis* ini sudah tentu memakan masa yang terlebih panjang daripada mod 100% *Coursework*. Memang ada kebaikan Mod C*oursework-plus-thesis* ini; mod ini adalah syarat untuk calon yang hendak meneruskan pengajian mereka ke peringkat PhD. Kalau calon yang mengambil mod *non-thesis* hendak menyambung pengajian ke peringkat PhD, dia terlebih dulu perlu menulis sebuah *Master's Thesis* sebelum dibenarkan meneruskan pengajiannya ke peringkat kedoktoran. Aku memilih mod *non-thesis* kerana dalam pekiraanku, Aku tidak akan menyambung pengajianku ke peringkat kedoktoran. Alangkah salah pekiraanku ini, seperti yang akan Aku kisahkan nanti.

GRANDMOTHER CLOCK KAMI

Persediaan untuk membawa balik sedikit-sebanyak barang-barang dari Amerika telah kami lakukan secara berdikit-dikit sejak awal lagi. Bila-bila ada *sale* di Kmart, JCPenney atau Sears berebut-rebutlah Aku dan orang Malaysia lainnya, membeli-belah untuk satu tujuan, iaitu membawa balik ke Malaysia. Satu lagi tumpuan kami ialah di *Factory Outlet*, di mana barang-barangnya yang dikira *irregular* , yakni ada kecacatan, dijual dengan harga yang amat rendah

berbanding barang serupa yang sempurna. Kecacatan ini sebenarnya ada sedikit sahaja dan biasanya tidak jelas jika tidak diperhatikan dengan teliti. Antara *Factory Outlet* yang kerap dikunjungi oleh orang Malaysia ialah Gurnee Mills di Illinois. Terdapat *outlet* barang-barang dapur seperti CORELLE dan WEST BEND, *outlet* untuk pakaian seperti NIKE, ARROW dan LEVI'S. Kami pun turut juga mengumpul barang-barang setakat termampu dengan kewangan kami yang sederhana itu.

Tentang *sale* ini ada satu kisah yang menarik. Pada suatu hari ada sale di Kmart. Seperti biasa sibuklah orang-orang Malaysia. Ada seorang pelajar yang telah berkeluarga pada masa *sale* itu elaunnya belum sampai dari Malaysia. Jadi, nampaknya terlepaslah dia dari mengambil kesempatan *sale* itu. Tetapi isterinya mengamuk hendak juga ke Kmart. Maka dia pun terpaksa meminta pinjaman wang dari seorang orang Malaysia. Disembunyinya tujuannya sebenar. Dikatakannya dia kehabisan barang keperluan dapur dan *scholarship*nya belum sampai. Tembelanngya terbuka apabila ada orang Malaysia nampak dia dan keluarganya memilih barang-barang Corelle, iaitu antara barang yang dijual murah di Kmart.

Amalan yang dilakukan oleh orang-orang Malaysia untuk membawa balik barang-barang ke Malaysia, ialah berkongsi menyewa kontena. Barang-barang yang hendak dibawa balik itu dihantar ke tempat pengumpulan oleh masing-masing keluarga. Barang-barang itu akan dipek oleh wakil agensi pengangkutan itu dan dimasukkan ke dalam kontena yang berkenaan.

Antara barang kami yang hendak dihantar balik ialah Jam Nenek (*Grandmother Clock*) milik isteriku, beberapa set Corelle dari berbagai corak, cadar, kain-baju dll.

VISIONS OLEH CORNING

Tentang *sale* di Amerika, ada satu amalan mereka yang baik (tetapi tidak berlaku di Malaysia). Amalan yang dimaksudkan ini ialah, apabila barang yang diiklankan untuk *sale* itu habis stoknya *sebelum tamat tarikh salenya*, maka pelanggan yang mahukan barang tersebut akan diberi *rain check*, iaitu satu surat daripada pasaraya yang berkenaan. Bila stok baru tiba selepas tarikh *sale*nya, pelanggan akan diberitahu dan dia dapat membeli barang tersebut *pada harga sale yang dahulu itu.* Kita dapati di Malaysia, kerap juga semasa *sale* bila kita sampai nak membeli diberitahu stoknya sudah habis. Kerapkali ini putar-belit pasaraya sahaja.

KAMERA MOVIEKU

Antara barang yang jadi semacam “wajib” dimiliki oleh setiap orang Malaysia ialah peralatan mengambil *movie* , yakni *Super 8 movie camera*. [Pada masa itu belum lagi wujud *video camera*]. Ini termasuk mereka yang “buta fotografi”. Aku pun tidak ketinggalan, tambahan pula Aku memang peminat fotografi. Aku sudah lama cekap mengambil gambar dengan kamera *still* hanya jenis movie ini baru bagiku. Aku cepat belajar. Tambahan pula belanja film dan pemerosesannya sangat rendah di Amerika. Setiap gulung film sudah termasuk harga pemerosesannya, yang hanya beberapa USD sahaja. Film yang sudah terakam imegnya dihantar ke Makmal Kodak untuk “dicuci” dan akan segera dihantar balik setelah diproses. Untuk menonton gambar



yang dirakam, *PROJECTOR* diperlukan Model kamera movie yang Aku beli antara yang tercanggih, iaitu *SANKYO,* beharga USD400. Banyak juga *home movie* yang Aku hasilkan, tetapi sayang kesemuanya sudah rosak ditelan zaman. Kameranya juga “hilang dalam simpanan” tidak dapat dikesan lagi .

SEGOLONG FILM 8 MM

Jam Berdiri *Grandfather/Grandmother Clock* juga satu item yang sangat-sangat diminati oleh pelajar dari Malaysia. Jenama yang terbaik ialah Howard Miller yang berharga ribuan dolar dan Aku tak tercapai tangan. Aku hanya mampu membeli jenama Ridgeway, USD350. Khabarnya, awal tahun 2000 Ridgeway telah dibeli oleh Howard Miller. Aku cuba layari internet untuk membanding harga Jam Nenek (Grandmother Click) kami. Tak jumpa pun yang kurang dari USD1000. Mungkin Howard Miller sudah meletakkan Ridgeway setaraf dengan Howard Miller.

Seorang kawanku membeli jenama Howard Miller, tidak lama lepas sampai balik ke Malaysia jamnya tidak mahu berfungsi. Hendak dihantar baiki, tidak ada pakarnya. Alhamdulillah, jam kami sudah 38 tahun usianya, masih setia menunjukkan waktunya.

SINGGAH DI LOS ANGELES DAN HAWAII

Di kalangan pelajar Malaysia di UW-Madison, ada beberapa orang Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Memang UW-M menjadi tumpuan Pegawai PTD dan ahli akademik dari Malaysia. Pegawai-pegawai PTD ini mempunyai satu rahsia iaitu memanipulasi tambang kapal-terbang yang dibayar oleh Kerajaan kita, supaya agensi penerbangan yang mengendalikan penerbangan kami dapat memulangkan sebahagian harga tambang. Aku pun tumpang sama dan dapat balik lebih daripada USD1000 dari

agensi penerbangan yang berkenaan, bagi lima tikit kami. Kami menyusun itininari kami supaya dapat singgah di Los Angeles dan Hawaii.

Kami meninggalkan Wisconsin awal Januari 1981.

Kami singgah di Di Los Angeles. Kami menumpang di rumah Ishak Khamis, seorang pelajar tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia di University of California, Los Angeles (UCLA) untuk beberapa hari. Kami mengambil kesempatan melawat Disneyland, San Diego Zoo dan Universal Studios di Hollywood. Bukan main teruja anak-anakku Zul, Mufidah dan Zuhairah. Sayang sedikit Disneyland tutup awal (kira-kira 5 pm) kerana mengikut jadual pembukaannya bagi musim sejuk. Di Universal Studios kami melihat bagaimana perfiliman dilakukan, termasuk babak dari filem *JAWS*.

DI DISNEYLAND

Setelah beberapa hari di California, kami berlepas ke Hawaii. Hawaii terletak kira-kira sepertiga perjalanan dari Amerika ke Malaysia, di Lautan Pasifik. Kepulauan ini milik Amerika dan mempunyai iklim, seakan-akan Malaysia. Ia menjadi lokasi siri television terkenal, *HAWAII FIVE-O*.

ADEGAN DARI FILEM"JAWS" DI UNIVERSAL STUDIO

INSIDEN YANG MENAKUTKAN

Semasa di Hawaii berlaku satu insiden yang sangat menakutkan kepada kami. Ceritanya begini:

DI HAWAII

Perjalanan jauh dengan kapal terbang kadang-kadang amat mengelirukan, kerana waktu sentiasa berubah. Jam yang di tangan terpaksa berkali-kali diubah masanya. Kami tinggal di Hawaii selama tiga hari. Waktu penerbangan balik kami pada waktu yang sangat tidak sesuai iaitu jam 3 pagi. Kerana keliru dengan hari dan waktunya, kami tidak berada di LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA HONOLULU pada hari dan waktu yang sepatutnya. Kerana silap kiraanku, kukira kami akan bertolak balik keesokan harinya. Kebetulan pada malam kejadian tersebut, Aku sakit perut lebih kurang jam 2.30 pagi. Semasa di dalam bilik air, terdengarlah bunyi deruan enjin kapal terbang di Airport. Entah bagaimana tiba-tiba otakku telah "*reset*" dan nyatalah kepadaku kesilapannya tentang tarikh penerbangan balik itu.

Aku bergegas keluar dari bilik air lalu menalipon Lapangan Terbang. Seram sejuk tubuhku bila suara di hujung sana mengesahkan, "*Yes, your flight by Singapore Airlines has just left*". "*What can I do*?" tanyaku balik. "*O.K. Come to the Airport tomorrow morning. We'll try to help you*," jawab wanita di hujung sana.

HONOLULU, HAWAII

Selepas sembahyang subuh, Aku berdo'a kehadhrat Allah, biarlah malapetaka yang menimpaku dapat diselesaikan sebaik-baiknya. Janganlah sampai Aku kena membeli tiket lain, kerana Aku tidak mampu berbuat demikian. Ke manalah hendakku rujuk masalahku jika sampai ke tahap itu? Di Hawaii hanya ada dua orang yang Aku kenali, kedua-duanya mantan Pensyarahku di USM tujuh tahun yang lalu. Yang mesra

denganku ialah Mr. Roger Long, Pensyarah Seni Lakon, yang kursusnya pernah Aku ambil. Selain itu, Aku telah beberapa kali mengambil bahagian dalam drama pentas lakonannya. Pada masa peristiwa ini berlaku (Januari 1981) Mr. Long sudah pun balik mengajar di University of Hawaii. Tetapi masalahnya Aku sudah cuba menalipon dia semasa baru-baru sampai ke Hawaii beberapa kali, tetapi tidak diangkat taliponnya[53]. Seorang lagi itu ialah Prof. Robert van Niel, Dekan Pusat Pengajian Kemanusiaan USM dan pensyarahku dalam mata pelajaran Kaedah Sejarah. Dia agak *distant* denganku, kerana hanya bertemu semasa waktu belajar sahaja. Walau bagaimanapun, Aku pernah menulis surat kepadanya meminta nasihat dan sokongan semasa Aku sedang *shopping* mencari universiti untuk membuat permohonanku dalam tahun 1978.

Di Lapangan Terbang wakil *Singapore Airlines* telah bertanya kepadaku sebab Aku terlepas penerbangan itu. Dia dapat menerima alasan yang Aku "terkeliru" tentang masa berlepas itu. Mujurlah Aku tidak dikenakan apa-apa *fine* atau diminta membeli tiket-tiket baru. "ALHAMDULILLAH", Aku ucapkan kepada Tuhan Yang Maha Penyayang. "*Don't miss your flight tonight*," kata lelaki yang memberiku satu set tiket baru itu. "*The next one is 6 days from today.*"

Malamnya, kami *check-out* awal dari Hotel kami menginap. Aku membawa semua bagasiku ke Airport dan menyimpannya di tempat parkir bagasi jenis yang menggunakan syiling untuk operasinya. Kemudian kami balik ke *downtown* Honolulu. Masih ada kira-kira 6 jam lagi sebelum waktu penerbangan. Kami sekeluarga pergi menonton filem *POPEYE* di panggung wayang, untuk membunuh masa dan untuk menenangkan fikiran. Memang filem komedi sesuai untuk menenangkan fikiran yang kusut. Pelakon utamanya ialah Robin Williams (yang kemudian diberitakan mati bunuh diri) dan Shelley Duval.

Pukul 12 malam kami sudah berada di Lapangan Terbang menanti untuk *check-in.* Memang kami awal, tetapi tidak mengapa hati sudah tenang.

Kami tiba di Kuala Lumpur kira-kira 5 petang, setelah terbang selama kira-kira 14 jam. Nostalgia betul melihat Lapangan Terbang Subang, setelah 2 tahun meninggalkan Malaysia. Lepas sekejap kami pun menyambung penerbangan ke Pulau Pinang. Kaum keluarga sedia menunggu, setelah terlebih dahulu kami hubungi dengan telegram. Semuanya sangat bergembira, terutama ketiga-tiga anak-anakku, Zul, Mufidah dan Zuhairah. Zuhairah yang pergi pada usia 18 bulan, kini berusia 3 tahun. Kami pun terus ke rumah Ayahanda Mertuaku, di Pokok Sena.

Teringat satu kes lagi tentang tiket kapalterbang berlaku kepada satu keluarga pelajar Malaysia. Dia ini keluarganya tidak ditaja oleh Kerajaan, sebab dia hanya belajar

[53] Pada tahun 1992, Mr. Long singgah di USM dan telah berjumpa Aku. Aku menyebut tentang kehadiranku di Hawaii dalam bulan Januari 1981 dan tentang cubaan Aku menalipon dia dan tidak dijawabnya. Katanya dia tidak tahu kenapa perkara itu berlaku; dia sememang berada di Hawaii.

tahap Ijazah Pertama dan tidak sepatutnya berkahwin. Isterinya dibawa ke Amerika dengan belanja sendiri. Di akhir pengajian dia telah membeli tiket untuk isterinya dan 2 tikit bayi (*infant*) untuk 2 anak kecilnya. Ini memenuhi peraturan syarikat penerbangan, iaitu 2 dewasa (pelajar dan siterinya) berhak beli 2 tikit untuk bayi. Hendak jadi serabut, saat terakhir pelajar tersebut tidak jadi pulang sebab terkandas dalam satu mata pelajaran. Jadi isterinya hendak terbang dengan 2 orang bayi. Di Lapangan Terbang Los Angeles baru dapat tahu seorang dewasa tidak boleh bawa 2 bayi dengan 2 tiket *infant*. Kenalah *upgrade* satu tiket *infant* ke kanak-kanak. Pelajar yang berkenaan tidak ikut sama ke Los Angeles. Isteri dan anak-anaknya ditumpangkan saja kepada pelajar-pelajar Malaysia lain yang hendak sama-sama pulang. Panik isteri pelajar tersebut kerana dia tidak mampu. Akhirnya pelajar-pelajar Malaysia yang lain itu (Pegawai PTD dan keluarga mereka) telah *passed the hat* membuat koleksi untuk membantu ibu yang malang tadi. Khabarnya, kemudiannya pelajar ini telah balik ke Malaysia untuk membawa balik isterinya ke Madison, kerana dia terpaksa menunggu satu tahun lagi. Wallahuaklam.

Aku tumpang simpati dengan pelajar ini yang terpaksa bekerja siang-malam menyara keluarganya. Namun Aku puji sifat tanggungjawabnya. Dia tidak mengabaikan isterinya dengan meninggalnya di Malaysia. Setahu Aku pelajar ini mendapat 2 orang anak semasa di Amerika. Syabas, Mat (itu saja Aku tahu tentang namanya). Balik ke Malaysia tidak terdengar lagi tentang pelajar ini. Agaknya dengan ijazah kejuruteraannya dia mendapat kerja yang baik.

22. BERTUGAS SEMULA DI USM

Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) masih orang yang sama semasa Aku bertolak ke Amerika, iaitu Tunku Ismail Bin Md. Jewa. Beliau dari kalangan keluarga di-Raja Kedah, anak saudara kepada Tunku Abdul Rahman Putra, dan adik kepada Ketua Turus Angkatan Tentera yang pertama dari kalangan anak negeri, pada masa itu, iaitu General Tunku Osman Bin Tunku Md. Jiwa. Timbalannya ialah Dr. Koh Tsu Koon, kemudiannya menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Dr. Amir Awang tiada lagi di PPIP kerana telah dinaikkan pangkat ke Timbalan Naib Caselor Hal Ehwal Pelajar.

Aku ditugaskaan mengajar subjek Perkembangan Pendidikan di Malaysia, iaitu subjek lamaku, yang Aku ajar sebelum ke Amerika dulu. Di samping itu Aku membantu Dr. Ghazali Osman dalam kursus Sosiologi Pendidikan. Setiap hari Aku berulang-alik ke USM dari rumahku di Pokok Sena. Sebenarnya rumah itu rumah Bapa Mertuaku. Dia membenarkan Aku sekeluarga tinggal di situ, sementara dia dan keluarganya pindah tinggal di kedai. Ayah Mertuaku berkedai di Pondok Pokok Sena (Madrasah Khairiah). Baik hati juga Bapa Mertuaku itu. Kami tinggal di rumah itu hingga 1984 apabila kami pindah ke rumah kami yang kubeli di Kepala Batas Pulau Pinang.

Aku berulang-alik ke USM dengan beberapa orang kawan, Ahmad Khamis (yang tiggal di Telok Air Tawar), Mustapa Kasim (yang tinggal di Sungai Petani), Latif Mirasa (yang tinggal di Telok Air Tawar), Abdul Rahman Othman (yang tinggal di Butterworth). Kami bergilir-gilir kereta, Aku dengan Proton Saga, yang kubeli dengan pinjaman kali kedua dari USM. Berulang-alik dengan menggilirkan kereta ini membantu menjimatkan belanja: petrol dan tol jambatan.

RUMAHKU DI KEPALA BATAS

23. KALI KEDUA AKU KE AMERIKA

Dalam tahun 1985, sahabatku Mustapa Kasim – yang sama-sama pergi ke UW-Madison denganku pada tahun 1979 dulu – telah diberi peluang melanjutkan pengajian ke peringkat Kedoktoran. Dia balik semula ke UW-Madison. Aku pun cuba meminta program PhD dalam tahun 1986, tetapi hanya dibenarkan membuatnya di dalam Negara. Ini kerana usiaku sudah mencapai 45 dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak menaja calon yang telah melebihi usia 40. Jika Aku dibenarkan pergi Luar Negara, USM akan terpaksa menanggung 100% kos pengajianku. Aku terasa amat sedih dan telah membuat rayuan kepada Tan Sri Musa Muhammad, Naib Canselor USM. Hasilnya, Aku dibenarkan pergi seberang laut untuk satu tahun sahaja. Aku akan dibayar semua *perk* seperti yang dibayar kepada pelajar tajaan JPA/USM, selain gaji bulananku. Kata Tan Sri Musa, "Kalau Cik Hadi nak terus lagi selepas setahun kenalah cari sumber kewangan sendiri".

Pada masa itu (Januari 1986) Isteriku sedang mengandung 3 bulan. Anak kami akan dilahirkan 6 bulan lagi iaitu dalam bulan Jun. Kami membuat persediaan sepatutnya untuk kelahiran bayi kami itu. Satu perkara yang kami tidak dapat uruskan ialah mencari syarikat insuran yang mahu melindungi isteriku. Ini hal yang lazim dengan kompeni insuran kerana orang mengandung adalah risiko tinggi. Kami bertawakkal sahajalah. Sekali ini kami bertolak pergi bertiga sahaja, iaitu Aku, Isteriku dan Anakanda Zuhairah. Anakanda Zul berada di Tingkatan 5 dan Anakanda Mufidah di Tingkatan 2 dan mereka tidak sanggup meninggalkan pengajian mereka.

Di Los Angeles (LA) kami menumpang di rumah Wahab Ghani yang sedang belajar pada tahap PhD di *University of California, Los Angeles (UCLA*). Sebenarnya kami bukan biasa sangat dengan Wahab sekeluarga, hanya memperolehi alamat dan nombor telefonnya dari seorang kenalan, iaitu sepupunya. Semasa di rumah Wahab, kami mengambil kesempatan pergi ke Disneyland sekali lagi, sebab kunjungan kami 5 tahun sebelumnya dulu tidak memuaskan. Disebabkan Musim Sejuk Taman Hiburan

itu tutup awal. Anak lelaki Wahab yang berusia kira-kira 12 tahun menjadi pemandu kami.

Kami menaiki bas dari Los Angeles (LA) ke Annaheim. Belum pun separuh perjalanan Anak Wahab terasa hendak buang air besar. Terpaksa kami minta dreber bas melepaskan kami di tepi jalan dan mencari tandas. Terdapat tandas di sebuah restoran Itali. Mula-mulanya kami bercadang membatal saja trip ke Disneyland dan balik. Kemudian terfikir pula nak menyambung perjalanan kami. Kami menghentikan bas yang tertulis di bumbungnya DISNEYLAND. Aku terangkan kepada pemandu bas apa yang telah berlaku kepada kami. Alhamdulillah, dengan tidak banyak bicara dia membenarkan kami sambung perjalanan kami tanpa membeli tiket lagi sekali. Inilah antara sikap terbuka Mat Saleh di Amerika. Sepatutnya, mengikut drebar bas itu, semasa hendak turun dari bas yang mula-mula tadi, kami meminta *tranfer tiket* daripada drebarnya. Tetapi, "Never mind," katanya.

Malangnya, bagi kali kedua Disneyland tutup awal juga sebab Musim Sejuk juga. Tambahan pula kami lewat sampai. Kami pun bergembiralah sekadar yang sempat.

Tiga hari di LA, kami ucapkan terima kasih dan selamat tinggal kepada Wahab. Destinasi kami seterusnya ialah Chicago. Kami terlebih dulu telah menalipon orang yang kami hendak tumpang itu, Mat Rejab Che' Mat. Seperti Wahab juga kami tidak biasa dengan Mat Rejab, yang pada masa itu memegang jawatan Malaysia Students' Department (MSD). Kami mendapat nombor telefonnya dari Adiknya, Yusof, di Malaysia yang menjadi suami kepada Habibah, Adik Isteriku. Di Amerika memang menjadi perkara biasa tumpang-menumpang pada sesama orang Malaysia sekalipun tidak mengenali mereka. Tiga hari di Chicago dapat juga kami melihat tempat-tempat menarik di Bandaraya itu, termasuk menaiki Sear's Tower yang pada masa itu adalah bangunan kedua tinggi di dunia, selepas Empire State Building di New York.

KERETA "VOLARE" KAMI[54]

Ketibaan kami di UW-M kali ini berbeza dari kali pertama dulu. Kedatangan kami kali ini agak tergesa-gesa. Tidak ada apartment yang menunggu kami. Beberapa hari pertama kami menumpang di rumah Mustapa. Kemudian kami *sub-let* sebuah studio dari seorang pelajar Malaysia yang balik bercuti dengan keluarganya, di Spring Street, Madison. Tidak lama kemudian tibalah sekeluarga orang Malaysia yang turut menyewa studio di apartment di Spring Street juga

[54] Nombor plate kereta ini Aku bawa balik ke Malaysia tetapi hilang entah ke mana.

Karim Md. Noor, dari Institut Aminuddin Baki (IAB) adalah pelajar tahap Kedoktoran. Dulu, ijazah Sarjananya adalah dari Indiana University, Bloomington. Dua orang anaknya bersekolah di Shorewood Hills bersama anakku Zuhairah. Setiap pagi mereka menumpang keretaku ke sekolah.

Dulu semasa membuat ijazah Sarjana (1979-1980) hampir-hampir semua kursusku di Department of Educational Policy Studies. Kali ini aku banyak mengambil kursus dari

Department of Curriculum & Instruction.

Kursus-kursus yang Aku ambil:

Elementary School Curriculum	(Michael Apple)
Education & Public Policy	(Michael Apple)
Issues In Elementary Education	(Michael Apple)
Design of Research in Curriculum	(Thomas Romberg)
Research & Evaluation Paradigm	(Thomas Popkewitz)

Dalam sejarah Aku belajar di universiti, Aku telah berhadapan dengan seorang profesor yang amat *disorganised* , iaitu Thomas Popkewitz, dari Jabatan Curriculum & Instruction. Aku langsung tidak dapat apa-apa dari kursusnya iaitu, *Research & Evaluation Paradigm.* Di akhir kursus Aku gagal menyerah kertas kerja yang diperlukan. Maka Aku dapatlah gred *Incomplete.* Mungkin Aku terlalu *dumb* (seperti kata orang Amerika), tetapi memang Aku ada terdengar komen pelajar yang dia mendapati susah mengikuti pengajaran Prof. Ini, yang katanya “disorganized”.

PROF. THOMAS POPKEWITZ

Semasa hendak mendaftar untuk kursusnya, Penasihat Akademikku, Prof. Bob Koehl, telah melarang Aku daripada mengambil kursus tersebut, tetapi Aku berkeras hendak mengambilnya kerana terpedaya dengan *Course Outline* kursus ini. Aku sungguh menyesal tidak mendengar nasihat Penasihat Akademikku. Inilah yang dikatakan SESAL DAHULU PENDAPATAN, SESAL KEMUDIAN TIDAK BERGUNA.

Semasa *semester break* bulan April, Aku membuat keputusan mengambil *vacation*, sementara bayi kami masih belum dilahirkan. Jangkaannya ialah bulan Jun. Aku telah mengambil kesempatan melawat *Niagara Falls* dan beberapa tempat lain di New York State dengan disertai oleh Karim dan keluarganya. Nasib baik Volare Aku dapat memuatkan 2 keluarga kami (Aku 3 orang dan Karim 4 orang). Keretaku itu dapat memuatkan 3 orang (termasuk pemandu) di tempat duduk pemandu. Tempat lain yang kami lawati ialah *George Eastman Musuem of Photography* di Rochester, New York dan *Corning Musuem of Glass* di Corning, New York. Muzium Corning ini terletak di kilang membuat Corningware, Corelle dan Visions.

Keadaan Air Terjun Niagara masih dalam keadaan separa-beku. Kapal *MAID OF THE MIST* juga masih belum beroperasi.

Cadangan asal Aku hendak singgah di rumah Harun Hasan, Pegawai Hal Ehwal Pelajar Malaysia di Toronto. Tiba-tiba, bila sudah masuk Toronto, Karim buat helah tidak mahu singgah pula dan menggesaku hendak balik ke Wisconsin. Sayang juga rasanya tak singgah di Toronto, tetapi Aku juga terhutang budi kepada kawanku ini kerana sudi ikut serta Aku ke sini. Mahu tak mahu, bertolak baliklah kami.

KERETA KAMI SARAT DENGAN BEKALAN

Dalam perjalanan balik kami singgah di Terra Haute, Indiana, di rumah Md. Said Hamdan (kemudiannya Pengarah Badan Pencegah Rasuah), tetapi tidak tidur di sana. Lebih kurang jam 7 ptg. Aku memandu *non-stop* balik ke Madison. Kami sampai jam 4 pagi.

Balik ke kampus Aku menyambung belajar.



NIAGARA FALLS

MUSUEM OF PHOTOGRAPHY, ROCHESTER
CORNING MUSEUM OF GLASS

MENIUP KACA DI CORNING MUSEUM OF GLASS

هادي اسماعيل

24. KELAHIRAN BAYI KAMI

Bayi kami diramalkan akan dilahirkan dalam bulan Jun. Antara persediaannya Isteriku menghadirkan diri secara berkala di Madison General Hospital. Dua minggu sebelum tarikh yang dijangka kelahiran berlaku, Isteriku dan bakal-bakal ibu lain telah dijemput menghadiri satu taklimat penting di Madison General Hospital. Suami, yang sekaligus adalah bakal bapa juga turut diundang bersama. Selepas penerangan satu raptai diadakan.

Yang dijelaskan ialah:

. apabila merasa "*contractions"* pada jarak 5 minit dan panjang *contraction* itu 60 saat, telefon Hospital.

. segera bertolak dari rumah ke hospital dan jangan lupa membawa barang-barang seperti senarai yang telah dibekalkan.

.sampai di hospital, berhenti di tempat yang bertanda (peserta dibawa ke tempat tersebut di bahagian parkir kereta dan ditunjukkan di mana hendak berhenti itu).

.tekan punat untuk membunyikan loceng (punat tersebut ditunjukkan kepada peserta) dan tunggu pekerja hospital turun mengambil bakal ibu dengan kerusi roda.

. setelah bakal ibu dibawa naik ke wad, bolehlah suami pergi mencari tempat parkir untuk meletakkan kenderaannya; kemudian terus menyusul isteri ke wad.

. ikut arahan seterusnya selepas isteri diwadkan.

Aku amat kagum dengan kerapian prosedurnya. Raptai yang dilakukan menjamin tiada sebarang kekeliruan berlaku. Juga diperingatkan supaya bekal makanan secukupnya dibawa bersama beserta kamera. Membawa kamera ini amat

bertentangan dengan amalan di Malaysia, di mana mengambil gambar di hospital dilarang keras.

10 Jun, 1986, beberapa minit selepas tengah malam, *contractions* yang sudah bermula beberapa jam sebelumnya mencapai *frequency* dan lama yang dinyatakan dalam raptai tempoh hari. Aku pun membawa Anakku Zuhairah ke rumah Karim untuk menumpangkannya di sana. Setelah *double check* barang-barang keperluan yang hendak dibawa - makanan dan kamera - kami pun bertolak dengan Volareku ke Madison General Hospital. Jalan raya sudah agak lengang dan kami sampai kira-kira setengah jam kemudian. Kami patuhi 100% arahan semasa taklimat dan raptai dahulu. Isteriku dibawa naik ke wad dan kereta kami pun mendapat tempat parkir yang sesuai.

Sebuah bilik sederhana besarnya telah diperuntukkan kepada kami. Di sinilah kelahiran bayi kami akan disambut. Jururawat bertugas bertanya sama ada kami telah membawa cukup bekalan makanan, kerana mungkin kena tunggu lama. Juga dia bertanyakan sama ada Aku membawa kamera. Inilah semacam kejutan budaya, kerana di Malaysia, segala-galanya amat berbeza. Kamera pantang sekali.

Madison General Hospital
202 South Park Street, Madison, Wisconsin 53715

Certificate of Birth

This Certifies that MUNAJAT BIN ABDUL HADI
was born to Abdul Hadi Bin Ismail and Aishah Abdullah
in this Hospital at 6:58 o'clock, A m. on Tuesday
the Tenth day of June 19 86
In Witness Whereof Madison General Hospital has caused this Certificate to be signed by its duly authorized officer, and its Official Seal to be hereunto affixed.

ATTENDING PHYSICIAN — PRESIDENT

SIJIL LAHIR DARI HOSPITAL

Aku dapat tahu, amalan membenarkan suami bersama isteri semasa proses kelahiran berlaku, telah bermula sekitar 1970an dan cepat sekali menjadi popular ke seluruh negara.

Bagi mereka yang telah *booking* doktor sendiri (mereka yang mempunyai insuran), kelahiran akan disambut di bilik kelahiran yang dikhaskan untuknya. Tetapi bagi kami yang tidak mempunyai dokotor khas, bayi akan disambut di bilik yang telah diperuntukkan kepada kami itu dan doktor yang menyambutnya ialah doktor yang bertugas pada ketika kelahiran itu berlaku.

MADISON GENERAL HOSPITAL (Kemudiannya dijenama semula sebagai MERITER HOSPITAL)

SEKITAR KELAHIRAN MUNAJAT



DR. MEGAN LANDAUER [Dr. yang membidani kelahiran Munajat]

Kelahiran bayi telah berlaku jam 7 pagi, iaitu masa transisi doktor yang bertugas malam dengan penggantinya. Maka kedua-dua doktor berkenaan sama-sama mengambil bahagian. Namun nama Dr. Megan Landauer, doktor yang mula bertugas pagi itu, sahaja yang terdapat di Sijil Kelahiran.

Doktor menyatakan kehairanan kerana cepatnya bayi "tiba". Mereka menyangka beberapa jam lagi kena tunggu, tetapi tidak begitu. Tiba-tiba saja Isteriku menjerit dan mereka pun meluru masuk bilik. Bagi isteriku, Dia memang tahu prosesnya tidak berpanjangan, kerana tiga kali sebelumnya Dia melahirkan bayi dengan mudah. Hanya dengan Anak Sulung kami, Zul, yang dia agak susah menempoh prosesnya. Bila doktor dan pembantunya tiba, bayi sebenarnya sudah dilahirkan. Semua menyatakan agak hairan begitu mudahnya kelahiran berlaku.

Aku sendiri telah berada dalam bilik wad bersama isteriku, sejak mula sampai hingga selesai bayi dilahirkan. Semasa bayi sedang "keluar", Aku pun sibuk dengan kameraku, hanya Aku dilarang berada di sebelah kaki isteriku. Kata Doktor, jika Aku nak pandang proses kelahiran, tengok saja di cermin yang dipasang di dinding wad, bertentangan kaki Isteriku. Pengalaman ini membawa satu perasaan bercampur-baur; rasa teruja

ada, rasa takut pun ada. Namun aku memberanikan diri, menghala lensa kameraku ke *spot* yang dikehendaki.

Alhamdulillah! Selamat lahirnya *baby boy* kami. Semasa *baby boy* dibawa untuk dibersihkan, tukang gambar professional telah sedia menunggu dengan kameranya. Nama Munajat Aku perolehi dari sebuah buku, "*NAMA-NAMA ISLAM BAGI KANAK-KANAK"*. Panggilan "BOY" yang kekal untuk Anakku sebagai panggilan manja sebenarnya berdasarkan panggilan *Baby Boy Abdulhadi* yang digunakan oleh Hospital, sebelum nama rasmi dilaporkan.

Isteriku telah *discharge* pada hari yang sama, atas permintaan kami dan dipersetujui oleh doktor. Jika tinggal lagi di hospital, seperti yang sepatutnya, bil hospital akan bertambah.

Baliklah kami ke apartment kami di Eagle Heights. Undang-undang Wisconsin, semua *baby* yang dibawa dengan kereta wajib diletakkan atas *car baby carrier*. Alat ini telah dipinjamkan kepada kami oleh hospital.

MUNAJAT UMUR BEBERAPA BULAN

Keesokan harinya terbitlah berita kelahiran bayi kami dalam Akhbar Tempatan, *The Capitol Times*. Maka, berbagailah barang-barang bayi – seperti bedak. cream, lampin – yang dihantar oleh kedai dan kilang ke rumah kami, untuk mempromosikan produk mereka.

Seminggu kemudian datanglah jururawat kerajaan memeriksa Emak dan Anak. Kedua-duanya diisytiharkan sihat. Bilnya pun sampai. Beberapa ratus USD, Aku pun sudah lupa. Kebiasaannya bil untuk bersalin di hospital antara USD6,000 ke 10,000 dan ini termasuk *doctor's fee*. Tetapi bagi mereka yang tidak mempunyai insuran, seperti Kami, *doctor's fee* ini dikecualikan. Yang diambil hanya untuk kegunaan bilik dan kelengkapan hospital sahaja.

Tempoh setahun Aku belajar berakhir awal Januari 1987. Umur Munajat 6 bulan semasa kami pulang ke Tanah Air.

BUNDLE OF JOY

BALIK KE TANAH AIR

Dalam bulan Januari, kami balik ke Malayisa. Percubaanku untuk mendapat lanjutan masa belajar dari USM telah ditolak, walaupun disokong kuat oleh Penasihat Akademikku, Prof. Bob Koehl. Sudahlah suratan takdir Aku tidak akan mencapai tahap PhD dalam pengajianku. Yang dibawa pulang hanyalah sebuah "*Bundle of joy".*

BELAJAR TIDAK, MENGAJAR TIDAK

Cuti belajarku selama 3 tahun, dari Januari 1986 hingga Januari 1989. Setiba balik Aku dari Amerika, aku berada dalam satu keadaan yang tidak menentu. Cuti belajarku masih ada 2 tahun lagi. Keadaanku pula belajar tidak, mengajar pun tidak. Hendak menyambung kerja PhD. di sini tidak ada kesinambungannya. Hendak pergi bekerja, Aku masih bercuti. Setelah beberapa bulan dalam keadaan tidak menentu ini Aku pun pergi berjumpa Cik Siti Maznah, Timbalan Pendaftar.

PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Borang W

SIJIL DAFTARAN SEORANG ANAK YANG DILAHIRKAN PADA ATAU SELEPAS HARI MALAYSIA DI LUAR PERSEKUTUAN DAN BAPA BUDAK ITU SEMASA IA DILAHIRKAN ADALAH SEORANG WARGANEGARA

№ 33256

BUTIR-BUTIR MENGENAI ANAK ITU

Setelah berbincang maka tercapai persetujuan. Cutiku yang masih berbaki kira.2 tahun itu dibatalkan. Aku akan kembali mengajar. Di samping itu, Aku akan mendaftar semula untuk program PhD di USM.

DOKUMEN PENDAFTARAN KELAHIRAN MUNAJAT DI EMBASSY GANTI SURAT BERANAK

Dr. Haris Md Jadi telah dipersetujui menjadi penyeliaku. Prof. Tunku Ismail Md Jewa, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP), USM, menjadi Penyelia Bersama. Pilihan Dr. Haris dan Prof. Tunku Ismail sebagai penyelia-penyeliaku ini ditetapkan oleh Lembaga PPIP. Sebenarnya, penetapan Dr. Haris sebagai Penyeliaku

membangkitkan sedikit masalah, iaitu kerana Aku dan Dr. Haris adalah kawan. Kami berkawan-- walaupun tidak begitu akrab – sejak sama-sama menjadi pelajar di USM lagi. Kemudian kami berjumpa balik di PPIP sebagai rakan sekerja. Hubungan sebegini mungkin mempengaruhi urusan rasmi kami sebagai pelajar dan Penyelia.

Sebenarnya, semangat Aku untuk meneruskan program PhD telah menjadi lemah sejak ditamatkan pengajianku di Amerika. Dalam hatiku amat kecewa kerana tidak dibenarkan menyelesaikan pengajianku di Amerika. Aku melihat kes aku ini semacam kena aniaya, berpunca dari pilih kasih. Ada seorang rakan sekerjaku Musa Md. Razi, seumur denganku, telah dibenarkan pergi ke England untuk program PhD. Aku tertanya, apakah ada unsur pilih kasih[55], kerana Tan Sri Musa, Naib Canselor sebetulnya ada kaitan kekeluargaan dengan Musa Md. Razi; mereka dua pupu. Bukan saja dia dibenarkan pergi ke England, tetapi dia dibenarkan masa tambahan (*extension*) setahun lagi, apabila dia gagal menghabiskan penulisan tesisnya dalam jangka masa 3 tahun yang diberikan kepadanya. Malangnya, akhirnya, dia gagal juga.

DR. HARIS MD. JADI & ISTERI

Perasaan tidak puas hati yang Aku layani dalam benakku membuat Aku hilang pertimbangan dan *depressed* sehinga terpaksa berjumpa doktor. Waktu malam hari Aku tidak dapat tidur. Akhirnya, sampai ke tahap Dr. Azizi, Pengarah Pusat Kesihatan USM (kini diberi penjenamaan semula sebagai PUSAT SEJAHTERA) telah memberi nasihat kepadaku secara *father-to-sun*. Katanya, “Kita sebagai bapa dan ketua keluarga mempunyai kewajipan utama kepada ahli keluarga kita. Cukuplah pencapain Hadi setakat ini. Biarlah anak-anak kita pula menyambung cita-cita kita. Kita tumpang kejayaan mereka tu”. Dr. Azizi lantas menulis surat menyokong penamatan *candidacy* Aku, kepada pihak Universiti. Mengikut berita yang Aku terima,

[55] Wallahuaklam. Ini bukan tuduhan, hanya sekadar mainan di kepala sahaja.

Prof. Ishak Tambi Kechik, Timbalan Naib-Canselor Akademik, amatlah tidak senang dengan keputusanku berhenti itu.

Selesai hal belajarku. Tamat tiada berkubur. Namun sikapku seperti biasa, “Setakat ini sajalah rezekiku. Aku pasrah dengan kehendak Allah Subhanahu wa Ta’ala”. Maka Aku meneruskan tugasku di PPIP.

25. PERSOALAN: KERJAYAKU SEBAGAI TENAGA PENGAJAR DI UNIVERSITI

Setelah gagal dalam memperolehi PhD Aku mula berfikir. Mungkinkah sebenarnya kerjaya sebagai ahli akademik bukan untukku? Mungkinkah aku hanya layak menjadi guru di sekolah sahaja? Aku berpuas hati dengan prestasiku sebagai guru di sekolah rendah. Demikian juga prestasiku sebagai guru di sekolah menengah. Mungkin jugakah 3 tahun mengejar ijazah sarjana muda sudah cukup bagiku? Dari segi keperluan mengajar di sekolah menengah ijazah sarjana muda sudah dikira mencukupi. Kerajaan sendiri tidak menggalakkan pembelajaran ke peringkat Sarjana bagi guru di sekolah menengah. Pernah seorang sahabatku, seorang guru sekolah menengah, mengemukakan permohonan cuti belajar kepada Kementerian Pelajaran, untuk melanjutkan pengajian ke tahap sarjana dengan perbelanjaan sendiri. Namun, permintaannya ditolak, dengan alasan tidak terdapat skema sedemikian dalam peraturan kerajaan. Kalau dia hendak juga belajar pada tahap master silakan atas budi bicara sendiri.

Makin kufikirkan persoalan kesesuaianku sebagai pensyarah universiti, makin Aku yakin *I've joined the wrong profession.* Kerjaya sebagai tenaga pengajar di universiti tidak semata-mata berkuliah di dewan kuliah, mengendalikan tutorial di bilik-biiik tutorial dan menggred kertas jawapan pelajar. Lebih dari itu. Sebahagian masa profesional pensyarah universiti ialah untuk membuat *research*, yang mana *research* itu patutlah mencapai satau tahap yang melayakkan hasilnya keluar dalam bentuk *publication*. Aku memang bagus dari aspek memberi kuliah dalam dewan kuliah dan mengendalikan tutorial, serta menggred kerja pelajar. Tidak pernah Aku ditegur oleh pihak universiti dalam aspek ini. Tetapi Aku sedar Aku sangat kekurangan dari aspek membuat research dan mem*publish* hasil research itu. Setakat yang Aku ingat, selama masa Aku jadi pensyarah di USM (1981-1996) hanya sebuah makalah yang dapat Aku hasilkan berjudul, *Winstedt dan Pendidikan Orang Melayu,* yang diterbitkan dalam satu keluaran *JURNAL PENDIDIK & PENDIDIKAN*, iaitu satu *publication* oleh PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN, USM.

Aku beberapa kali dipanggil oleh Dekanku, yang menegur ketandusanku dalam membuat research. Aku cuba berbagai *delaying tactics.* Antaranya, Aku sedang menulis buku. Namun, sebuah buku pun tidak muncul dari hujung penaku. Aku cuba menghasilkan *EDISI AWAL* bahan kuliahku. Kebiasaanku, setiap lectureku kutulis sepenuhnya. Maka lengkaplah keseluruhan lecture bagi sesuatu kursusku. Aku cuba minta seorang teman sejawat menyunting manuskripku itu. Selepas sedikit masa dipulangkannya kembali. Katanya, "Stail Hadi tak selaras dengan stail saya" (entah apa yang dimaksudkannya). Maka, tamatlah usahaku untuk menghasilkan Edisi Awal kuliahku itu. Aku sendiri pun tidak dapat mencari keluangan masa melakukan penyuntingan manuskripku itu. Sampai hari ini manuskrip itu masih ada dalam bentuk asalnya. Kini, 35 tahun sesudahnya, isi kuliahku itu telah menjadi lapuk, sudah tidak relevan lagi.

Tentang orang yang berjaya dalam hidup, walaupun dia telah *joined the wrong profession* memang ada dalam sejarah. Soalannya: berjayakah Aku dalam hidup, walaupun Aku telah *joined the wrong profession*?

Jika dinilai dari segi pendapatanku (gaji) dan dari segi kemampuanku menjalankan kerjaku, mungkin Aku boleh dianggap berjaya. Bagiku, hendak keluar dari profesionku sebagai pensyarah universiti, sudah tidak boleh lagi. Apabila Aku diberi pertukaran tetap dari seorang pegawai dalam Kementerian Pelajaran ke Perkhidmatan USM, syaratnya yang telah diberikan ialah AKU TIDAK BOLEH KEMBALI LAGI KE JAWATAN ASAL.

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN TETAP ENCIK ABDUL HADI B. ISMAIL
PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN KAT.D1, KEMENTERIAN PELAJARAN
SEBAGAI PENSYARAH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.



(vi) Pengembalian ke Perkhidmatan Kerajaan:

Tuan tidak akan layak ditukar balik ke Perkhidmatan Kerajaan selepas daripada tarikh pertukaran tetap tuan ke Universiti Sains Malaysia. Sekiranya tuan berjaya mendapat sebarang jawatan baru dalam Perkhidmatan Kerajaan di masa-masa yang akan datang, maka perkhidmatan tuan itu akan dianggap sebagai satu perkhidmatan yang baru.

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN TETAPKU KE USM [bahawa Aku tidak boleh kembali semula ke KEMENTERIAN PELAJARAN]

Andainya Aku ingin kembali ke Perkhidmatan Kerajaan, "…di masa-masa yang akan datang, maka perkhidmatan tuan itu akan dianggap sebagai satu perkhidmatan yang baru". Inilah syaratnya yang diberi kepadaku: sudah masuk ke Perkhidmatan USM, tidak boleh keluar lagi, macam ikan yang dah masuk ke dalam bubu. Maka, mahu tidak mahu kenalah Aku kekal di USM, sekalipun dirasakan kurang keserasiannya.

Keserasian seseorang dengan kerjaya pilihannya bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya: bakat, minat, kelayakan akademik dan tidak kurang, *personality.* Misalnya, seorang pendiam dan pemalu tidak sesuai menjadi jurujual. Seorang yang gagap tidak sesuai menjadi juruacara atau pembaca berita.

Sebagai guru – di sekolah rendah dan menengah – Aku telah dapat buktikan kemampuan dan kesesuaianku dalam aspek bakat, minat, kelayakan akademik dan juga personaliti. Aku pendiam dan sedikit pemalu, tetapi di hadapan murid-muridku Aku nyatalah dapat mengatasi kedua-dua *personality trait* itu. Di sekolah Aku pernah mengajar dari Darjah 1 hingga ke Tingkatan 6 Atas dan tidak mempunyai sebarang masalah. Tidak pernah Aku masuk ke kelas tanpa persediaan yang mencukupi.

Aku juga mempunyai pengalaman mengajar pelajar-pelajar dewasa, semasa masih lagi menjadi guru sekolah rendah dulu. Persatuan Pemuda Mahang pernah memintaku mengajar Bahasa Inggeris kepada ahli-ahlinya. Penyertaan dibuka juga kepada mereka yang bukan ahli Persatuan. Aku tidak ada masalah mengajar mereka. Kelas, walau bagaimanapun, tidak bertahan lama kerana Bendahari Persatuan "buat kecoh", iaitu menggelapkan yuran pelajar sehingga gagal membayar sagu hati bulananku.

Selepas bertukar ke Maktab Mahmud, Aku telah diminta mengajar Sijil Pelajaran Malaysia, dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di 2 buah lokasi: di Sekolah Kebangsaan Sungai Korok Baru, Alor Setar dan di Persatuan Belia Bimbingan Alor Setar. Pelajarnya dari berbagai tahap umur, belasan tahun hingga ke dewasa. Malah ada antaranya guru-guru Melayu yang belum mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan ingin memperolehi sijil tersebut. Dari cakap-cakap yang Aku dengar semua pihak – penganjur dan pelajar – adalah berpuas hati, malah memuji usahaku.

Dengan pengalaman yang kusebutkan di atas, di sekolah dan di kelas-kelas tambahan, Aku membuat kesimpulan Aku sanggup mengajar tanpa rasa khuatir atau takut-takut kepada sesiapa saja muridku, tidak kira tahap umur atau kedudukan sosial mereka. Asalkan mereka adalah muridku sudah cukup memberiku *superiority complex.* Maka, kesanggupan ini meyakinkan Aku akan dapat menjadi pensyarah di universiti. Maka, bila terbuka peluang untukku – seperti yang telah dikisahkan terdahulu – maka Aku pun lantas memohon Skim Latihan Kakitangan Akademik oleh USM yang akan membolehkan Aku meningkat kelulusanku ke tahap sarjana dan kemudiannya bertugas di USM sebagai pensyarah.

Aku mengaku semasa menerima tawaran USM itu Aku tidak sepenuhnya tahu bahawa selain memberi kuliah Aku juga akan dikehendaki membuat penyelidikan. Aku juga tidak tahu pensyarah universiti sering dikehendaki membuat pembentangan kertas kerja di perjumpaan-perjumpaan cendikiawan. Di sini Aku mengaku, walaupun Aku sanggup mengajar semua peringkat umur (yang aku anggap *inferior* daripadaku), tetapi bila berhadapan dengan cerdik pandai aku mempunyai kompleks rendah diri (*inferiority complex*) pula yang akan menyebabkan Aku takut-takut dan tergagap-gagap bila bercakap. Bermacam-macam cara Aku buat untuk mengatasi kelemahan personaliti ini, termasuk menyertai kumpulan teater. Telah kuceritakan terdahulu penglibatan teaterku, hingga telah sampai ke persada antarabangsa dengan persembahan *NAGA NAGA* di Kompleks Budaya Taman Ismail Marzuki di Jakarta dalam tahun 1974. Sungguhpun begitu Aku gagal menguasai darah gemuruhku bila berhadapan dengan golongan intelektual. Hasilnya, sepanjang sejarah kerjayaku sebagai pensyarah – di USM dan UUM – tidak pernah sekali pun Aku membentang kertas kerja.

Aku teringat, beberapa tahun yang lalu Aku menghubungi Prof. Lee Poh Ping.

LEE POH PING

Prof Lee Poh Ping sebenarnya rakan sekelasku di High School sehingga Tingkatan 2. Dia dan Aku agak mesra sehingga dia pernah datang ke rumahku di Cherok Tok Kun, di mana Aku menjamu dia air kelapa muda. Kami berpisah semasa Tingkatan 2 apabila bapanya, Ketua Pos di Bukit Mertajam ditukarkan ke Ipoh. Kami hilang kontek dari tarikh itu (1955) hingga tahun-tahun 2000an, apabila Aku melihat namanya di akhbar tempatan. Aku memperolehi emelnya dan menghubunginya. Dia sangat gembira dan telah menanyakan hal-hal diriku. Hairan dia bila Aku katakan Aku bersara jawatan Pensyarah USM,

Professor Dr. Lee Poh Ping graduated with a Bachelor of Arts in History from University of Malaya in 1967, and received his Ph. D in Government from Cornell University, United States of America in 1974. He was a Professor in the Department of Public Administration, University of Malaya from 1992 to 1997, and continued as a Principal Fellow at the Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) from 1999 to 2009. *[Petikan*

kerana dia tidak pernah bertemu Aku di mana-mana sesi pembentangan kertas kerja anjuran IPT-IPT tempatan. Aku menjelaskan yang Aku memang menjauhi aktiviti-aktiviti tersebut kerana sifat *shyness* pada diriku.

Demikianlah, mengapa Aku kekal sebagai Pensyarah di USM, walaupun pada hakikatnya Aku tahu kerjaya itu tidak berapa sesuai dengan Aku. Namun, tidak pula bermakna Aku mengabaikan tanggungjawabku dalam urusan pengajaran dan pembelajaran, termasuk dalam hal pencerapan Latihan Mengajar.

Genap usiaku 55 tahun pada 13 Mei 1996 Aku bersara wajib dari Perkhidmatan USM. Atas permohonanku dan disokong oleh Dr. Mustapa Kasim, Dekan PPIP, Aku telah diberi lanjutan khidmat sebagai Pegawai Kontrak selama satu tahun. Aku meneruskan tugas-tugas terakhirku, termasuk penyeliaan Latihan Mengajar pelajar-pelajar.

26. BERKHIDMAT DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Semasa setahun aku berkhidmat sebagai kaki tangan kontrak di USM (setelah bersara wajib pada 13-05-1996), Aku sentaisa mencari-cari peluang untuk menyambung khidmatku di mana-mana institusi pembelajaran yang sesuai dengan kelayakanku. Antaranya Aku memohon untuk mengajar di sebuah yayasan pelajaran kendalian Majlis Amanah Rakyat (MARA) di Trolak, Perak, yang menyediakan pelajar untuk menyambung pengajian ke luar negara. Mereka memerlukan seorang tenaga pengajar yang sanggup mengajar peringkat separa-tertiary (program persediaan ke IPT Luar Negara tajaan MARA) dalam mata pelajaran Pengajian Malaysia, aiatu sebagai bekalan mereka agar pelajar-pelajar itu bersikap patriotik. Aku dipanggil temuduga di Yayasan Pelajaran MARA (YPM) di Kuala Lumpur. Bila Aku menghadirkan diri, katanya mereka Aku sudah terpilih kerana mereka yakin kemampuanku, setelah meneliti CV Aku. Sayang sedikit Aku tidak dapat menerima jawatan tersebut kerana Aku diperlukan melapor diri serta merta, sedangkan Aku masih terlibat dengan pengendalian kursus di PPIP, USM. Sebenarnya Aku boleh meletakkan jawatan kontrakku di USM itu, dengan memberi notis 24 jam, tetapi Aku rasa kurang "manis" perbuatanku itu walaupun sah dari sisi undang-undang. Aku akan hanya kerugian sebulan gaji.

Aku masih tetap berpandu kepada:

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

(Barangsiapa bertaqwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar dan memberinya rezki dari arah yang tiada disangka-sangkanya)

Sebenarnya, semasa Aku sedang membuat persediaan hendak pergi temuduga di Yayasan Pelajaran MARA, yang baru kuceritakan tadi, Aku telah mendapat panggilan telefon dari Prof. Razak Ismail, mantan Pensyarah di PPIP, USM, yang pada masa itu adalah Timbalan Dekan di Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik, Universiti Utara Malaysia. Katanya, dia memerlukan tenaga Aku di UUM kerana mereka merancang akan memulakan program pendidikan di sana.

Alhamdulillah! Prof. Razak sebenarnya memang telah lama membuat persediaan hendak memulakan program pendidikan guru di UUM tetapai menghadapi masalah ketandusan tenaga pengajar yang bersesuain. Ada beberapa orang tenaga pengajar

di Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik yang mempunyai latihan dan latar belakang Pendidikan, tetapi rata-ratanya mempunyai kepakaran dalam bidang Bahasa sahaja, sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Mereka yang telah dihantar ke Luar Negara dalam bidang Pendidikan masih belum selesai pengajian mereka. Kebetulan kira-kira semasa dengan persaraanku, beberapa kaki tangan akademik di PPIP, USM juga telah mencapai umur persaraan. Prof. Razak bercadang mengambi kami semua sekali untuk dibawa ke Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik, UUM. semester akan datang dan mempelawa Aku turut serta sebagai seorang tenaga pengajar. Dengan rasa penuh syukur Aku menerima pelawaannya. Kebetulan pada masa itu Aku dan Isteriku sedang membuat persediaan menunaikan Haji ke Baitillahilharam (April 1997 bersamaan Zulhijjah 1417). Aku lantas memberi notis berhenti dari USM, berkuatkuasa sebulan dari tarikh permohonanku itu. Dengan UUM persetujuan kuperolehi yang Aku akan melaporkan diri sekembali dari Tanah Suci.

Atas & Bawah: GAMBAR-GAMBAR SEKITAR PELAKSANAAN IBADAT HAJIKU

AKU BERTUGAS DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Sekembali dari Tanah Suci, Aku pun melaporkan diri di Universiti Utara Malaysia (UUM) kepada Dekan, Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik (SBPS). Program Pendidikan Guru terletak di bawah Sekolah ini. (SBPS kemudiannya dijenamakan semula sebagai Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan dan seterusnya Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan). Aku akan ditutugaskan mengajar kursus SEJARAH DAN FALSAFAH PENDIDIKAN.

Mereka lainnya yang Prof. Razak ambil dari USM ialah: Ishak Khamis (asalnya seorang Pengetua dan telah diambil secara kontrak untuk bertugas di PPIP); dia mengajar

Pentadbiran Pelajaran; Ahmad Khamis (tiada hubungan persaudaraan dengan Ishak Khamis), bidang Kaunseling Pendidikan; Said Bono (mantan tenaga pengajar di Pusat Matrikulasi USM), bidang Kaedah Mengajar Matematik. Seorang lagi ialah Husain @ Ibrahim Mamat, mantan Timb. Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan. Barisan tenaga pengajar pelopor ini dilengkapkan dengan kedatangan seorang pemegang PhD dalam bidang pendidikan, yang bersara dari Institut Aminuddin Baki, iaitu Dr. Wahab Ghani dan Mizuar Nasaruddin, mantan Pengetua Sekolah Menengah Sultan Abdu Halim, Jitra, yang mempunyai kepakaran dalam bidang Teknologi Pendidikan. Barisan tenaga pengajar *original* ini Aku beri jolokan "THE FOUNDING FATHERS OF THE EDUCATION PROGRAMME" di UUM.

Setelah enam tahun Aku bertugas, pada tahun 2003, kami telah mendapat Dekan Baru. Dengan tidak disangka-sangka beliau telah bertindak dengan sekaligus memberhentikan semua kakitangan akademik (Pensyarah) kontrak di Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan, termasuk Aku. Khabarnya beliau telah lama berdendam dengan kami, pensyarah kontrak, kerana kami "malas" membuat penyelidikan. Dia juga berpendapat Universiti kerugian secara kewangan mengambil kami, yang kesemuanya adalah Pensyarah Bersara dari universiti lain, kerana terpaksa bayar gaji kami yang besar. Kami, yang pada hakikatnya adalah "THE FOUNDING FATHERS" Program Pendidikan di UUM, ibarat *steam roller* yang bekerja keras meratakan jalan supaya trafik lain

STAF AKADEMIK PENDIDIKAN
[Barisan belakang, no. 6 dari kiri: PROF. RAZAK ISMAIL]

lain dapat lalu dengan selesa. Apabila jalan sudah siap dan dapat dimanfaatkan, *steam roller* tadi kini dikatakan tidak berfaedah dan menjadi gangguan sahaja, lalu dilupuskan sebagai besi buruk. Maka, mahu tak mahu, Aku dan rakan-rakanku Pensyarah Kontrak pun berundur diri. Aku pun mengeringkan air mataku dan meninggalkan Kampus Sintok.

Mengenang kembali tindakan Dr. Rosna, Aku tumpang simpati dengannya kerana dalam kejahilannya tentang hukum-hukum Islam, dia telah bertindak menutup pintu rezki yang dikurniakan Allah kepada hambanya.

Firman Allah:... قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ yang bermaksud: "Katakanlah : Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya…?" (Al-'A'raf:32).

Ya, Allah, ampunilah dia, kerana dia bertindak kerana kejahilannya.

Selama enam tahun Aku berkhidmat dengan UUM, antara sumbanganku yang Aku rasa sangat penting bagi UUM ialah penubuhan Program Pasca-Siswazah (*Post-Graduate Programme*) dalam bidang Pendidikan.Setelah Aku meninggalkan UUM, Program Sarjana Pendidikan telah diletakkan di AWANG HAD SALLEH GRADUATE SCHOOL OF ARTS & SCIENCES. Sebagai orang yang menjadi PENGERUSI, PROGRAM PASCA-SISWAZAH PENDIKAN yang pertama, Aku rasa sangat berpuas hati, walaupun Aku sendiri tidak mengajar apa-apa kursus pada peringkat pasca-siswazah dalam pendidikan. Aku hanya berusaha mengadakan Programnya di samping menjadi Pengerusi Programnya yang pertama. Jawatan tersebut Aku pegang untuk 2 tahun, kemudian Aku melepaskannya kepada seorang rakanku.

Dari segi tugasku, selain daripada mengajar mata pelajaran Pendidikan, Aku juga mengajar 2 mata pelajaran baru, iaitu: PEMIKIRAN SAINTIFIK dan ETIKA. Pada mulanya agak susah juga mengajar 2 mata pelajaran ini– maklumlah buat kali pertama – tetapi Aku cepat sahaja dapat menguasainya. Kami, tenaga pengajar kedua-dua mata pelajaran ini, secara kolektif telah menulis Teksnya untuk bacaan dan panduan pelajar. Bahagian Aku menyumbang kepada Teks Etika, iaitu satu Bab, berjudul *Etika Perkhidmatan Awam*. Penerbit telah membayar royalti dan masing-masing mendapat bahagiannya. Aku dah lupa berapa banyak yang dapat itu.

Ada satu peristiwa yang berlaku kepadaku yang hendak Aku kisahkan

Ada seorang pelajar perempuan dari Kelantan, yang mengambil kursus Etika di bawahku, menjadi amat mesra denganku. Suatu hari dia berjumpa denganku dan menyatakan dia hendak pinjam RM500 dariku untuk menjelaskan Pinjaman dari Tabung Pelajar. Katanya, jika Pinjaman itu tidak dijelaskan, dia tidak dapat mendaftar pada Semester yang akan datang. Hendak minta tolong keluarga, mereka pun susah,

berniaga di pasar sahaja. Entah bagaimana Aku telah simpati dengannya. Tidak pernah lagi mana-mana pelajar meminta pinjam wang dariku sebelum ini.

Yang dukacitanya, pinjaman itu tidak dilangsaikan sehingga dia grad pada hujung tahun. Semasa Aku ke Kelantan pada tahun 2002 Aku menjejak alamatnya. Bila Aku sebutkan fasal hutangnya itu, dia menafikannya. Ditanyanya pula, untuk apa dia berhutang itu. Aku menjelaskan kepadanya. Dia masih menafikan. Dengan rasa marah bercampur duka Aku pun meninggalkan dia. Sudahlah fikirku. Sudah demikian takdirnya. Salahnya Aku juga kerana terlampau mudah diperdaya orang. Hingga ke saat Aku menulis *memoir* ini belum ada perkembangan baru.

Antara perkara yang pernah mengganggu fikiranku yang berlaku semasa Aku berkhidmat di UUM ialah Aku bertindak menyekat seorang pelajar daripada mengambil Peperiksaan Akhirnya dalam mata pelajaran yang Aku ajar (Aku sudah lupa apa mata pelajaran itu, dan nama pelajar tersebut). Peraturan Universiti, pelajar boleh dihalang daripada mengambil peperiksaan Akhir jika gagal memenuhi peratusan kehadiran kuliah yang ditetapkan. Pelajar ini pernah mengghaibkan diri dari kelas sehingga terjejas peratusan kehadirannya. Katanya, dia tidak hadir kerana dia bertugas sebagai pegawai dalam satu perlumbaan motosikal pelajar untuk pelajar baru. Katanya, sebagai Ahli Jawatankuasa Penaja dia tidak dapat mengelakkan dirinya daripada terlibat. Yang Aku persoalkan mengapa dia tidak datang berjumpaku dulu dan membincang perkara itu, Dia membuat mudah saja. Kataku kepadanya, prioritinya ialah menghadiri kelas. Tugas pada aktiviti di luar bilik darjah adalah sekonder. Kerana marahnya Aku pada ketika itu, Aku telah menghalangnya daripada menduduki peperiksaan berkenaan. Natijahnya, dia tidak dapat grad pada akhir semester itu dan terpaksa menunggu setahun lagi. Kini, bila Aku kenangkan langkah drastik Aku itu, Aku bersimpati dengan nasib pelajar tersebut, walaupun tindakan Aku itu adalah mengikut peraturan. Dalam dunia ini kadang-kadang antara sifat perikemanusiaan dengan peraturan perkara yang pertama patut dipilih. Ya Allah, ampunilah Aku andainya Aku telah terlanjur.

ILMU BARU

Semasa bertugas di UUM Aku telah mendapat satu ilmu baru, yang hingga kina amat berguna bagiku. Ia menjadi satu minat bagiku, menggantikan beberapa minatku

sebelumnya. Ilmu ini aku kuasai melalui kaedah *self-taught*, yakni dipelajari secara kendiri.

Ilmu tersebut ialah tentang bagaimana MEMBANGUNKAN LAMAN WEB (*the construction of web pages*).

Sebenarnya Aku mulai berjinak dengan komputer mulai 1986, semasa berada di Amerika kali kedua, iaitu dari Januari 1986 hingga Januari 1987. Pada masa itu dunia komputer masih terumbang ambing antara Apple dan IBM; Apple menggunakan *operating system tersendiri* dan IBM menggunakan MICROSOFT, iaitu *operating system* yang dibangunkan oleh Bill Gates. Dari segi jenama, di Amerika terdapat kepelbagaian: IBM, AMIGA, AMSTRAD, ATARI, COMPAQ, ACER dan banyak lagi. Kebanyakan menggunakan *operating system* MICROFT. Pada zaman permulaan ini WINDOWS belum lagi wujud. Aku membaca sebanyak-banyaknya di akhbar, majallah elektronik dan buku untuk mencari jenama yang terbaik. Akhirnya Aku memilih LEADING EDGE. Daripada apa yang Aku baca ada kira-kira 185,000 unit komputer dari jenama ini dimiliki oleh pengguna di Amerika. Dengan pinjaman dari CREDIT UNION di UW-M, Aku menempah satu unit LEADING EDGE MODEL-D. Aku membanding-bandingkannya dengan IBM dan mendapati walaupun sama dari berbagai aspek dengan IBM, LEADING EDGE MODEL-D ini ada beberapa penambahbaikan. Antaranya mempunyai COLOR CARD, selain MONOCHROME CARD. Walaupun LEADING EDGE MODEL-D dibekalkan dengan monitor monochrome, namun jika kiranya termampu dimiliki monitor warna, hanya perlu disambung saja ke komputer tanpa memerlukan dibeli COLOR CARD lagi. Harganya kira-kira USD1500 (angka sebenar tak dapat kuingat lagi). LEADING EDGE MODEL-D ini, buatan Korea, dibekalkan dengan pemerosesan 8088 16 bit (sama seperti IBM), 2 "*floppy disc drives*", 256K RAM dan monitor monochrome (warna *ember*).

LEADING EDGE MODEL D

Bila Aku pulang ke Malaysia dalam Januari 1987, komputerku ini adalah antara barang berharga yang Aku kirim balik dengan menumpang kontena kenalanku, Md. Jab Hasan, Pegawai Malayasian Students' Department (MSD) dari Chicago, yang sudah tamat tempoh perkhidmatannya.

Semasa bertugas di UUM, komputerku di rumah telah kugantikan dengan model lebih canggih menggunakan cip 80286 dengan kelajuan 10MHz.

Di UUM aku dibekalkan sebuah komputer menggunakan Windows 2000. Oleh kerana di Sintok Aku tinggal seorang diri (keluarga berada di Kepala Batas) maka banyaklah masa yang dapat kuperuntukkan kepada penggunaan komputer. Biasanya, Aku berada dalam bilikku menggukan komputer hingga jam 12 tengah malam.

Diringkaskan, Jiranku, seorang Guru Bahasa Inggeris di SEKOLAH BAHASA DAN PEMIKIRAN SAINTIFIK (Sekolah yang sama denganku), bernama Azian memperkenalkan dunia LAMAN WEB (yang pada masa itu adalah misteri bagiku). Dipinjamkan kepadaku sebuah buku tentang CONSTRUCTION OF WEB PAGES. Dengan merangkak-rangkak Aku mula mempelajari HTML[56] (*HyperText Markup Language*). Mula-mula menganggau-anggau, lama-lama mulai faham. Maka Aku pun menghasilkan LAMAN WEB pertamaku di internet menggunakan nama *donneria.* Aku sudah lupa nama *host* bagi laman webku itu. Laman Web *donneria* itu pun sudah tiada, mati tak berkubur. Hostnya pun sudah tiada lagi. Setelah Aku makin cekap tentang membangun Laman Web, maka Aku membangun Laman Webku di TRIPOD. Yang ini masih kekal hingga hari ini: http://members.tripod.com/tok_guru

Selain itu, Aku juga menjadi WEB MASTER kepada laman web berikut:

https://sites.google.com/site/yunusikelantani/

https://sites.google.com/site/pesakaibnabdillah/

dan beberapa Laman Web lain yang Aku bina untuk orang lain.

Bila Aku menceritkan kepada orang yang Aku telah membangunkan bebrapa Laman Web mereka menyatakan kehairanan mereka yang Aku pada usia 60 tahun masih dapat mempelajari HTML secara bersendirian. Alhamdulillah, seperti kata peribahasa, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

[56] Pada masa itu belum ada lagi *software* "segera" untuk membangunkan laman web, seperti yang kini ditawarkan oleh GOOGLE, dll. Mau tak mau *html*lah jawapannya.

27. TSUNAMI DI ACHEH DAN TSUNAMI PADA DIRIKU

Dalam tahun 2002, semasa berkhidmat di UUM, Aku mendapat masalah tulang belakang lagi. Manakala masalahnya pada tahun 1970an dulu melibatkan bahagian *lumbar* (pinggang), kini bahagian yang terlibat itu adalah *cervical,* iaitu yang terdiri daripada 7 batang tulang. Masalahku berlaku pada keratan tulang 3 dan 4, yang dalam istilah perubatan disebut C3 dan C4. Penyakitku ini mula disahkan oleh KEDAH MEDICAL CENTRE (KMC) di Alor Star melalui X-RAY dan MAGNETIC RESONANCE IMAGING (MRI). Doktor Pakar Otopedik di KMC mencadangkan pembedahan.

DR. JAFRI MALIN DATO' ABDULLAH

Bagi seseorang yang tidak biasa, perkataan pembedahan (*surgery*) sudah cukup manakutkan. Tidak kurang pada diriku. Aku berbincang dengan Doktor yang merawatku. Keputusannya, Aku minta ditangguhkan pembedahan dulu. Aku ingin mendapat pengesahan (*second opinion*) dulu daripadah doktor lain. Aku dapat merujukkan kesku ini kepada Prof. Dato' (Dr.) Muhammad Abdul Razak, Pakar Pembedahan Tulang Belakang di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Pendapatnya, mungkin Aku memerlukan surgeri suatu hari, tetapi buat sementara waktu dia telah mempriskripsikan padaku ubat-ubat penahan sakit dan fisioterapi. Aku juga disuruh memakai *neck brace.* Berubat cara ini -yang tidak melibatkan pembedahan- diistilahkan sebagai kaedah konservatif.

AKU MEMAKAI NECK BRACE

Lebih kurang 6 bulan Aku berulang alik ke HUKM. Kali ke-3 Aku dijadualkan berjumpa Dr. Muhammad Abd Razak dia sudah dinaikkan pangkat jadi Pengarah Hospital UKM dan tidak dapat berjumpa pesakit lagi. Aku amat terkejut, apabila Dr. Tan, yang menggantikannya, setelah dia meneliti imej MRIku, berkata Aku patut sudah lama dibedah. Pelik juga, Dr. Tan dan Dr. Muhammad Abdul Razak kedua-duanya meneliti imej MRI yang sama, tetapi memberi pendapat yang amat bertentangan. Aku pun jadi serba salah, lalu menalipon Dr. Muhamad Abdul Razak. Jawabnya,

“Dr. Tan orang muda, dia lebih agresif; saya orang tua, lebih berhati-hati”. Beliau menasihatkan Aku minta *second opinion* dari seorang Doktor Pakar Otopedik di Alor Setar. Doktor ini (namanya Aku sudah lupa) bersetuju dengan pendapat Dr. Tan.

Pada masa ini, tahun 2003, Aku telah tamat khidmat dengan UUM. Kerana sudah biasa bekerja Aku tidak selesa duduk saja lalu masuk mengajar di Daeratul Ma’arifil Wataniah (DMW) di Kepala Batas mulai Ogos 2003. Semua orang, termasuk Ustaz Hassim, Pengetua, berasa pelik seorang Profesor (itu panggilan mereka kepadaku) masuk mengajar di sebuah Sekolah Agama Rakyat. Bagiku, tidak apa peliknya. Akan Aku kisahkan di bahagian lain penglibatanku dengan Sekolah DMW.

Sekali lagi Aku berjumpa Dr. Tan, Aku meminta penagguhan pembedahan tengkokku itu. Keluar dari berjumpa Dr. Tan Aku telah berjumpa Dr. Aidura Mustapa (anak sahabatku Dr. Mustapa, rakan sekerja di USM) yang membuka kliniknya di Cheras. Dr. Aidura, yang kepakarannya bidang otopedik berpendapat seperti Dr. Tan. Katanya, bila-bila saja kaki atau tanganku atau kedua-dua sekali anggota boleh jadi lumpuh. Dan ini *not reversible*. Maksudnya, jika berlaku tidak dapat lagi dipulihkan. Aku serba salah, lantas menerima nasihatnya.

Dr. Aidura, yang lulus ilmu kedoktorannya dan juga ijazah sarjana dari USM telah menasihat Aku berbedah di Hospital USM di Kubang Kerian, Kelantan. Di sana ada pakar bernama Prof. Jafri Malin Dato’ Abdullah, Pakar Neurosurgeri (Pembedahan Saraf), yang kebetulannya adalah Abang Iparnya. Kata Dr. Aidura dia sangat yakin tentang kemampuan Dr. Jafri, kerana dia pernah membantunya dalam pembedahan. Lagipun, kepakaran Dr. Jafri diakui oleh banyak pihak dalam jurnal perubatan. Segala kata-kata “promosi” Dr. Aidura terhadap Dr. Jafri telah membuatku amat yakin untuk menyerahkan tubuhku dibedah olehnya.

Diringkas cerita, Aku pun dibedah oleh Dr. Jafri. Hasilnya, Alhamdulillah, sukses. Aku

hanya perlu tinggal di hospital 10 hari. Semasa dia mendischarge Aku dari Hospital, katanya suruh Aku datang balik dua bulan lagi, kerana dia perlu membedah Aku lagi bagi kali kedua. Pembedahan yang kedua ini adalah tambahan kepada pembedahan pertama (kerana pembedahan pertama itu tidak dapat membuang *lamina* yang menekan pada saraf dan membuat Aku sakit itu).

AKU DI ICU

Aku datang balik hanya setahun kemudian. Pembedahan memakan masa 8 jam. Kebetulan, semasa Aku di ICU hospital telah bergegar akibat TSUNAMI di Aceh (26 Disember 2004).

Bila sedar dari kesan biusnya, Aku panik kerana tidak dapat mengangkat kedua-dua belah kakiku. Kata Dr. Jafri, masalah itu sementara saja. Kurang tepat penilaiannya. Aku terpaksa tinggal di hospital lebih dari 4 bulan, untuk memulihkan kakiku. Bila Aku di*ischarge* bolehlah Aku berjalan bertongkat-tongkat dengan tongkat berkaki empat. Banyak tahun juga Aku dapat berjalan bertongkat-tongkat Perlahan-lahan Aku mula mendapat pula masalah *OSTEOPOROSIS* di kedua-dua belah lututku.

KERUSI RODA ELEKTRIKKU

Setelah menjalani berbagai terapi, termasuk mencucuk botox, tetapi tidak berjaya, Doktor Pakar OTOPEDIK telah mencadang dilakukan *TOTAL KNEE REPLACEMENT* (TKR), tetapi Aku menolak kerana tidak yakin ianya akan berjaya. Belanja TKR ialah kira-kira RM16,000 dan amaun sebanyak ini telah setuju diluluskan oleh USM. Beberapa orang doktor berkata kejayaanya mungkin 50-50. Maka Aku mengambil keputusan menolak cadangan pembedahan TKR. Maka KERUSI RODA menjadi pilihanku.[57]

Seminggu dua kali aku menjalani fisioterapi di INSTITUT PERUBATAN & PERGIGIAN TERMAJU (milik USM) di Bertam. Kata Dr. Jafri Aku kena lakukan fisioterapi seumur hidup. Mujurlah Aku masih boleh memandu[58] kereta NAZA RIAku, yang sudah diubahsuai pada bahagian pedal minyaknya, iaitu operasi dengan kaki kiri.

Aku diberi status ORANG URANG UPAYA (OKU) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan diberi KAD OKU dalam tahun 2006. Untuk membantu Aku bergerak dalam kawasan sekolah Aku menggunakan skuter berkuasa bateri.

KAD OKUKU

Aku terus juga mengajar di DMW sehingga 31 Disember 2010. Peristiwa yang membuat Aku minta berhenti ialah kerana terasa kehadiranku tidak berapa disenangi

[57] USM telah membantu sebanyak RM7000 terhadap pembelian kerusi rodaku yang berharga RM7800.
[58] Aku berhenti memandu pada tahun 2019 setelah sakit lututku membuat Aku susah masuk ke kereta.

oleh guru-guru lain (seorang dua, bukan semua), terutama setelah diperli oleh seorang guru muda. Guru ini berkata, antara dapat didengari dan tidak dapat didengari, “Kalau dah tak sanggup, buat apa gagah lagi”.

Sebenarnya, 7 tahun Aku memberi khidmat kepada DMW, Aku berasa amat puas. Setelah khidmatku berakhir pada 31 Disember, 2010, mantan murid-muridku ramai juga yang membuat kunjungan ke rumahku, terutama pada Hari Raya. Daripada 48 tahun khidmatku sebagai pendidik, 12 tahun adalah di sekolah agama (5 tahun di Maktab Mahmud dan 7 tahun di DMW). Aku amat selesa berkhidmat di dua buah sekolah ini kerana suasana keislaman yang amat menenangkan itu.

Selepas “bersara” ini Aku memenuhi masa lapangku meneroka internet untuk mencari maklumat dan ilmu pengetahuan. Ini sebagai memegang kepada petua En. Zain Rashid (yang memetik seseorang) yang berkata. “*A teacher who stops reading ceases to be a teacher*”.

NAZARIAKU & DUA BUAH SKUTER ELEKTRIKKU

ANTARA MANTAN PELAJARKU YANG MENGUNJUNGIKU

PELAJAR-PELAJAR DMW

Atas & Bawah:PELAJAR-PELAJAR MAKTAB MAHMUD

28. AKU DAN INTERNET

Seperti yang Aku sebutkan di atas, melayari internet telah menjadi macam "makanan ruji" bagiku. Tidak ada satu hari pun berlalu yang Aku tidak melibatkan diri dengan internet, kecuali sakit, tiada di rumah atau berada di tempat yang tiada *internet access*, maksudnya ketiadaan signal di "udara".

"MAX HAVELAAR", THE MOVIE

Untuk mengakses internet, Aku perlu kepada *carrier* yang berkenaan.

Sebelum TELEKOM MALAYSIA (TM) mengadakan kemudahan internet seperti sekarang, Aku menggunakan *line* tetap. Aku ada dua pilihan, menumpang di line yang sedia ada, iaitu talian rumah (04 5752642) atau memasang satu line lain, khas untuk kegunaan internet. Aku memilih kaedah kedua iaitu satu line berasingan dipasang khas untuk kegunaan internet saja. Aku dah lupa nombor line itu. Tidak lama kemudian, manakala TM telah menaiktaraf perkhidmatannya, maka kegunaan internet boleh ditumpangkan di line tunggal, maka line yang keduaku itu pun Aku batalkan.

Maka, asyiklah Aku menjelajah internet, menyingkap beberapa banyak ilmu pengetahuan yang terpendam di dalamnya. Seperti yang ada kusebutkan terdahulu. Yang seronoknya ialah kesinambungan dari satu artikel ke artikel lain pula. Satu contoh: Aku sudah lama menaruh minat terhadap novel *Max Havelaar*, sejak tahun-tahun 1970an lagi, semasa Aku mengajar sejarah Indonesia di Tingkatan 6 di Maktab Mahmud. Di internet, *Max Havelaar* telah membuahkan maklumat berikut:

- Novel ini adalah karangan Multatuli, nama samaran bagi Eduard Douewes Dekker;
- Ia mendedahkan kepincangan Sistem Kultur (*cultuurstelsel*) di Jawa hingga berlaku kebuluran;
- Berbangkit kesedaran Pemerintah Belanda untuk "menebus" kembali dosa mereka dengan mengadakan seolah untuk kanak-kanak tempatan (anak-anak bangsawan);
- Sisten Kultur digantikan dengan Sistem Etika (*Ethical Policy*);

- Belanda memperkenalkan candu kepada penduduk tempatan, membawa kepada ketagihan dan kesempitan wang (ini tidak pernah kuketahui sebelum ini);
- Buku ini dikatakan "*the book that killed colonialism*", hingga merebaknya semangat nasionalime ke Afrika (sesuatu yang Aku tidak ketahui sebelum ini);
- Sukarno, yang membaca novel tersebut (yang dikarang dalam bahasa Belanda) mengaku semangat nasionalisme dalam dirinya telah digerak oleh buku itu;
- Begitu hebat novel ini, ia telah diterjemahkan ke 34 bahasa.

Nak jadi rezekiku, carian di internet tentang *Max Havelar* telah menemukan Aku dengan filemnya di U-Tube.

Film ini pernah Aku tonton di Amerika, semasa Aku belajar di University of Wisconsin-Madison (1979-80). Setelah balik ke Malaysia Aku kempunan sekali untuk menontonnya lagi sekali, tetapi tiada berpeluang. Tiba-tiba, dengan tidak disangka-sangka bertemu Aku dengannya di internet. Alangkah gembiranya Aku. Filem ini diterbitkan oleh Penerbit Filem Belanda, Fons Rademaker pada tahun 1976 dan dibaintangi oleh Peter Faber, Sacha Bultuis, Adendu Soesilaningrat, Maruli Sitompul dan Rima Melati. Dialog dalam bahasa Indonesia dan Belanda, serta *subtitles* dalam bahasa Inggeris. Aku sangat seronok menonton filem ini.

FONS RADIMAKER & Bawah: BUKU "12 YEARS A SLAVE"

Dalam tayangan *The Oscars 2014* di TV, Aku telah menonton sebuah filem menarik yang telah memenangi hadiah *Best Picture*, iaitu *12 YEARS A SLAVE,* kisah benar menyayat hati yang benar-benar terjadi kepada Solomon Northup, seorang pemuda kulit hitam yang merdeka di New York yang telah culik dan dijual sebagai abdi. Kisah ini berlaku dalam tahun-tahun sebelum Perang Saudara di Amerika. Minatku telah berbangkit untuk mencari buku yang padanya didasarkan filem ini. Dengan mudah Aku telah ketemu buku ini (yang diterbitkan dalam tahun 1855). Semasa Aku sedang menulis kisah riwayat hidupku ini, filem tersebut telah diuploadkan oleh orang di internet iaitu di url berikut: https://movies.id/film/12-years-a-slave-2013/.

Atas: BUKU "12 YEARS A SLAVE";
Bawah: MOVIE "12 YEARS A SLAVE"

Filem ini yang dibintangi oleh Chiwetel Ejiofor (Solomon Northup), Michael Fastbender (Edwin Apps), Brad Pitt(Bass), Lupita Nyong'o (Patsey) dan

diarahkan oleh Steve McQueen.telah didasarkan kepada Otobiografi SolomonNorthup sendiri itu

Rasa-rasanya tidak banyak carian yang tidak ada hasilnya. Juga, seperti yang telah Aku katakan, beberapa banyak buku yang dapat Aku muat-turun. Antara sumber internet ialah Gutenberg.org, http://eresources.nlb.gov.sg (National Library Singapore), dan https:// ebooks.adelaide.edu.au/ (University of Adelaide). Dari National Library Singapore terdapat banyak manuskrip Melayu.

Dari:"HIKAYAT HANG TUAH"

عبد الهادي اسماعيل

29. HOBI DAN MINATKU

Peribahasa Inggeris berkata: *A jack of all trades, master of none*. (Kata orang Arab Syria: كثير الكارات قليل البارات "Terlampau banyak benda nak dilakukan, satu pun tak senonoh"). Persamaannya dalam bahasa Inggeris ialah: *A rolling stone gathers no moss.*

Mungkinkah Aku termasuk ke dalam golongan ini? Minatku banyak sekali. Di atas telah Aku sebutkan penglibatanku dengan internet.

MEMBACA

Antara minatku yang terawal ialah membaca dan minat itu kekal pula sampai ke usia tuaku, walaupun kini aku kurang membaca jenis hiburan (fiksyen) dan lebih membaca perkara-perkara yang *real* (sejarah dan agama). Seperti yang telah kisahkan sedikit terdahulu daripada ini, sejak Aku 9 tahun Aku sudah mula membaca buku-buku di rumah. Bila Aku dapat menguasi Bahasa Inggeris, minat membacaku makin hebat. Rasanya, di kalangan murid-murid di sekolahku Akulah yang paling berdamping dengan perpustakaan sekolah[59]. Tambahan pula, dari Tingkatan 3 hingga 5 Aku menjadi Pembantu Perpustakaan dan tidak ada sekatan meminjam kepadaku. Mana-mana buku yang baru tiba, Aku menjadi orang pertama meminjamnya. Dari kalangan novel Inggeris yang terkenal, rasanya sangat banyak yang telahku baca. Alhamdulillah, natijah daripada rajin membaca ini, penguasaan Bahasa Inggerisku menjadi kukuh.

Sememangnya Aku ulat buku.

[59] Selaian daripada Perpustakaan Sekolah, Aku juga dapat meminjam buku tambahan dari United States Information Service (USIS) yang mengendalikan Perpustakaan Bergerak 2 bulan sekali. Aku dibenarkan pinjam 4 buah buku dan 2 buah majallah, selain ada pula penerbitan-penerbitan percuma seperti "Demoqrat". Antara majallah kesukaanku ialah "Saturday Evening Post" dan "Collier's"

Minat membaca ini kemudiannya membuahkan pula minat mengumpul buku, terutama dari kategori buku-buku yang istimewa. Istilah rasminya ialah *BIBLIOPHILE,* jika diterjemahkan bermakna *LOVER OF BOOKS* atau istilah biasanya ialah *BOOKWORM.* Semasa otobiografi ini ditulis ada 7 buah almari setinggi 6 kaki bermuat dengan buku (semua buku-bukuku, termasuk buka dalam bidang PENDIDIKAN, iaitu bahan rujukan untuk pengajaranku di universiti).

Antara buku-buku istimewa dalam simpananku ialah: *SHAH NAMEH* (1906)*, DECAMERON, ANNA AND THE KING OF SIAM, SALADIN, TREASURY OF ASIAN LITERATURE, WILKINSON'S ABRIDGED ENGLISH-MALAY DICTIONARY* (1957)*, HIKAYAT ALI HANAFIAH (Jawi), JAYA WARAS (Jawi)* (1925)*, KISSASUL ANBIA (Jawi)* (1929)*, KITAB LOGHAT MELAYU* (1921)*, ANAK KUNCHI PENGETAHUAN* (1916) dan *HIKAYAT ISMA YATIM* (1912).

Paling istimewa antara buku-buku di atas ialah *SHAH NAMEH,* karangan Helen Zimmern kerana jumlah buku yang dicetak hanya 206 naskhah pada tahun 1906, menjadikannya nadir (*rare)*. Mengikut iklan di internet, ada sebuah buku ini (edisi yang sama seperti kepunyaanku) harga yang dipinta oleh pemiliknya ialah USD499.95 (pada 28-05-2017).

NASKHAH "SHAH NAMEH" YANG DALAM MILIKKU

MENONTON WAYANG

Semasa Aku masuk belajar di High School pada usia 10 tahun (tahun 1951), *Cinema Club* telah ditubuhkan oleh pihak sekolah. Dengan yuran $1 sebulan, kami dihidangkan tayangan sebuah filem seminggu. (pelajar yang tinggal berdekatan sekolah membayar $1.50 dan dapat menonton 2 filem seminggu, iaitu pada malam Sabtu dan malam Ahad). Nama saja kelab; semua murid secara otomatik menjadi ahli.

Bila mula berkenalan dengan filem-filem Hollywood ini, maka mulalah Aku jadi "hantu" wayang gambar. Setiap hari Jumaat Aku balik lewat, kerana menonton filem yang ditayangkan di Dewan Sekolah. Walaupun semua tingkap dan pintu dewan ditutup, tahap kegelapannya tidak penuh. Kadang-kadang jika ditayangkan filem hitam-putih, arcanya yang dipancarkan di layar putih kurang jelas. Aku tak kisah kekurangan itu. Jarang sekali Aku tidak menonton tayangan gambar pada hari Jumaat itu. Filem-filem kegemaranku ialah, filem koboi dan

POSTER "TARZAN & HIS MATE"

filem-filem yang banyak aksi. Kalau kena filem yang banyak dialognya, susah hatilah kami pelajar-pelajar.

Bila minat mula terbina, mulalah Aku kenal pelakon-pelakon Hollywood: Randolf Scott, Errol Flynn, James Steward, Audie Murphy, Burt Lancaster, Henry Fonda, Richard Widmark, Humphrey Bogart, Gregory Peck, Gary Cooper, Sidney Poitier, William Holden, Elizabeth Taylor, Yvonne de Carlo, Doris Day, Grace Kelly dan banyak lagi. Terimbas saja kelibat mereka, serta merta nama mereka dapat diingat. Bukan setakat meminati mereka di layar perak, turut serta pula Aku meminati serba sedikit tentang diri mereka. Misalnya, Audie Murphy bukan saja boleh berlakon, dia sebenarnya wira *in real life.* Dalam Perang Dunia ke-2 Audie Murphy menunjukkan keberaniannya sehingga digelar *Most Decorated World War 2 Combat Soldier.* Dalam 2 tahun 8 bulan saja dia naik pangkat dari PRIVATE ke LIEUTENANT. Walaupun dia tidak tamat pendidikan rendah, namun pegawai-pegawai atasannya kuat menyokong supaya dia dimasukkan ke WEST POINT. Sayang kakinya patah; kemasukannya terpaksa di batalkan. Selepas bersara pangkat major telah dianugerahkan kepadanya. Kisahnya dilakonkan sendiri dalam filem, *To Hell and Back.* (Berminat, sila kunjungi Laman Sesawang Audie Murphy: http://www.audiemurphy.com/index.htm) Juga Aku ketahui bahawa Grace Kelly akhirnya dikahwini oleh Prince Rainier of Monaco, menjadikannya Princess Grace.

Johnny Weismuller

Tentang Sidney Poitier, pelakon kulit hitam yang pertama meraih OSCAR, pernah Aku baca yang dia ditolak pada *screen test*nya yang pertamanya, dengan ejekan, "*Why don't you go and do something else, like washing dishes".*

JOHNNY WEISMULLER DI SUKAN OLYMPICS

Walaupun sudah lebih 60 tahun berlalu, namun Aku masih ingat dengan jelas beberapa tajuk fielm yang Aku tontoni zaman kanak-kanak itu:

Di bawah: BEBERAPA JUDUL FILEM YANG KUGEMARI

Minat terhadap filem yang dibajai dengan sebuah filem seminggu berjaya menjadikan Aku "hantu wayang". Aku sanggup pulang lewat kerana menonton filem di sekolah. Tayangan dimulakan jam 2.30 dan biasanya tamat 4.30 atau 5.00. Kerana

Aku hanya dibekalkan sebanyak 20 sen sehari, yang biasanya sudah Aku belanjakan semasa rehat pagi, maka berlaparlah Aku jika terpaksa menunggu hingga petang. Aku tak kisah kerana gila menonton ini. Setelah Aku mencapai belasan tahun, filem yang ditontoni di sekolah sudah tidak cukup. Sekali-sekala hendak pula Aku menonton di Panggung. Duit untuk tujuan ini juga datangnya dari wang sakuku sebanyak 20 sen itu juga. "Berpuasalah" Aku lagi. Jika di Panggung Cathay Aku beli tiket Kelas Empat sebanyak 25 sen.Di Panggung yang dua[60] lagi itu, kenalah Aku belanja 40 sen untuk Kelas Tiga.

Antara watak wayang kegemaranku ialah TARZAN. Terutama jika dilakonkan oleh



JOHNNY WEISSMULLER, jaguh renang Olympic untuk 5 kali (EMAS). Di samping itu Weismuller mempunyai 50 rekod dunia dalam renang. Minatku kepada watak TARZAN ini tidak sahaja kepada filemnya, tetapi juga kepada novelnya. Habis kesemua judulnya, karangan Edgar Rice Burroughs, yang terdapat di Perpustakaan Sekolah kubaca.

TARZAN

Setelah umurku meningkat, Aku menjadi lebih selektif dalam hobiku yang ini. Kriteria aksi yang menjadi sebab sesebuah filem itu kupilih, tidak lagi menjadi sebab utama Aku menonton sesebuah filem. Kini nilai sejarah antara sebab Aku menonton. Ini bersuaian dengan bidang akademikku di universiti. Aku sedar macam mana sekalipun sebuah filem itu didasarkan kepada fakta sejarah, sebagai media hiburan sudah tentu banyak diselitkan dengan watak tambahan dan unsur fisksyen. Hal ini tidak merisaukan Aku. Misalnya cerita *The Man In The Iron Mask* yang dipadankan daripada novel karangan Alexander Dumas itu, banyak fiksennya, termasuk watak kembar anak raja, yang seorangnya itu dikurung di dalam penjara dan identitinya disembunyikan di sebalik topeng yang diperbuat daripada besi. Dalam dunia perfileman Melayu *Bukit Kepong,* lakonan dan arahan Jins Shamsuddin, tentang serangan komunis ke atas Balai Polis Bukit Kepong, Muar pada 23 Februari, 1950, tinggi unsur sejarahnya.



Sesetengah filem Aku hargai kerana didasarkan kepada buku, sekalipun ceritanya fiksyen, misalnya filem *Journey To The Centre of The Earth* yang dipadankan dari novel cereka sains Jules Verne. Memang banyak filem dalam kategori ini.

FILEM "MAX HAVELAAR"

Paling kusukai filem yang didasarkan kepada buku yang memang penting dalam sejarah. Misalnya, filem *Max Havelaar* dibikin berdasarkan novel oleh

[60] Ada 3 buah panggung wayang di Bukit Mertajam: Cathay, Cheok Sah dan City Light.

Multatuli (nama sebenar Eduard Douwes Dekker) yang terbit dalam tahun 1860, yang dikatakan telah mendedahkan kepada dunia tentang kezaliman Sistem Tanaman Paksa (Sistem Kultur) yang diamalkan oleh Pemerintah Belanda di Jawa, dari 1830 hingga 1870. Selainnya ialah *War And Peace* dari karangan Leo Tolstoy, *Great Expectations*, dari novel Charles Dickens dan *A Passage to India* dari novel E.M.Forster.

Sekali-sekala Aku menonton filem dalam kategori *musical.* Paling Aku sukai ialah *My Fair Lady.* Ada beberapa faktor yang membuat Aku sukakan filem ini. Pertama ia didasarkan kepada sebuah *play* (skrip untuk lakonan pentas) yang masyhur karya penulis tersohor Inggeris, George Bernard Shaw, bertajuk *Pygmylion*. Filem yang diadaptasi dari karya ini dilakonkan oleh pelakon kesukaanku, Audrey Hepburn dan Rex Harrison. Sebab kedua, jalan ceritanya baik. Sebab ketiga kerana ada lagu kesukaanku, *On the Street Where You Live,* ciptaan Frederick Loew dan lirik oleh Alan J. Lerner, pasangan yang banyak menghasilkan lagu-lagu bagi filem *musical*.

FILEM "MY FAIR LADY".

Sebuah lagi filem *musical* yang amat Aku suka ialah *The Sound of Music* lakonan pelakon kesukaanku, Julie Andrews. Filem ini didasarkan kepada *The Story of the Trapp Family Singers,* karya Maria von Trapp. Filem ini Aku suka kerana pelakonnya (Julie Andrews) dan lagu-lagu yang termuat di dalamnya. Kedua-dua filem ini ditonton juga oleh Isteriku (semasa kami baru berkahwin) dan dia juga menyukainya, walaupun dia tidak tahu berbahasa Inggeris.



FILEM "THE SOUND OF MUSIC"

Ya, memang Aku penggemar filem, tetapi kini- setelah mencapai usia emas- Aku menonton secara selektif. Panggung wayang sudah lama kutinggalkan, kerana di rumah sudah ada ASTRO, yang sentiasa saja menayang filem di beberapa salurannya. Satu ketika dulu, kira-kira awal tahun 2000an, ada satu saluran yang menayang filem klasik. Pada masa itu Aku bertugas di Universiti Utara Malaysia, dan Aku tinggal seorang diri di sana, sebab isteriku tidak mahu ikut. Aku memasang set ASTRO kedua di apartmentku di kampus UUM supaya Aku tidak terlepas filem-filem klasik di Turner

Classic Movies dan MGM GOLD. Sayang kedua-dua saluran tersebut tidak lagi dilanggani oleh ASTRO

Ada kaitan juga dengan minat kepada filem iaitu mengumpul gambar bintang filem, semasa zaman kanak-kanak. Gambar-gambar ini diperolehi dengan membeli *bubble gum.* Gambar-gambar ini ditukar-tukar dengan kawan-kawan, terutama bila ada beberapa gambar yang sama. Sayang, sekeping pun gambar-gambar itu tidak tinggal dalam simpanan.

BERTUKANG KAYU

Satu ketika , setelah Aku berkahwin bangkit minat hendak bertukang kayu, padahal selok beloknya langsung tidak diketahui. Maka, Aku mula dari mula. Mula-mula Aku perolehi sebuah buku *Teach Yourself Carpentary.* Dari buku tersebut Aku cuba memahami alat-alat bertukang kayu dulu dan cara menggunanya. Kemudian Aku mula membeli alat-alatnya: berbagai jenis dan saiz pahat, gergaji serbaguna, ketam kayu, tukul, dan lain-lain.

Setelah membeli alat-alatnya, Aku perlu belajar menggunanya pula. Ini Aku lakukan perlahan-lahan. Nasib baik di Mahang ada kedai kayu yang dapat membekal berbagai keperluanku. Sayang, alat-alat ini tiada satu pun yang tinggal hari ini.

Antara barang yang dapat Aku hasilkan ialah: katil bujang, katil kelamin, meja makan dan kerusi. Hasil tanganku itu Aku beri kemasan *shellac.* Alhamdulillah benda-benda buatanku itu tidaklah buruk sangat rupanya. Malah, katil kelaminku itu, yang menjadi kebanggaanku sekali pandang sama standardnya dengan yang dijual di kedai. Katil itu dan juga katil bujang, Aku bawa dari Mahang ke Alor Setar, bila Aku dapat mengajar di Maktab Mahmud dan kemudiannya ke Pokok Sena, bila Aku pindah setelah balik dari Amerika. Sayang kedua-duanya yang Aku tinggalkan di Pokok Sena setelah Aku pindah ke rumah yang Aku beli di Kepala Batas, telah dibuang oleh Adik-adik Iparku yang tidak tahu menilai hasil buatan sendiri.

Lepas minat bertukang kayu, timbul pula minat menjahit. Setelah mempelajari selok belok menjahit sedikit sebanyak – dari Isteriku, yang memang pandai menjahit dan



memerhati seorang kawan sekampung yang ada kedai jahit- Aku cuba buat baju sendiri. Baju itu Aku buat dengan kain dacron-cotton warna putih dan bertangan pendek. Hasilnya, sehelai baju yang layak dipakai, tetapi mungkin tidak sampai standard boleh cari makan. Walau bagaimanapun, baju itu melayakkan dirinya bagiku

BAHAGIAN-BAHAGIAN MESIN JAHIT ELEKTRIK

memakainya ke sekolah. Hanya sehelai itu sajalah bekas tanganku. Ada Aku sebutkan tadi yang isteriku pandai menjahit. Ya, betul. Dia sanggup membuat kemeja dan seluar juga. Setelah belajar di sebuah kedai jahit Cina di Pekan Mahang. Setakat Aku boleh ingat dia hanya membuat sehelai seluar tetapi ada beberapa helai baju kemeja yang dibuatnya. Dia banyak menjahit baju wanita, untuk dirinya dan anak-anak. Setakat kuingat, kesemuanya 3 buah mesin yang kubelikan untuknya. Mesin pertama, jenama Singer, sangat canggih, boleh menghasilkan berbagai jenis jahitan. Sayang mesin ini rosak dan bila dibaiki, rosak lagi, berkali-kali. Akhirnya jadilah dia besi buruk. Selepas itu, mesin kedua yang Aku beli hanya jenis boleh jahit biasa sahaja, atas permintaan Isteriku sendiri. Terakhir dibeli mesin jenama Brother, mampu menjahit

berbagai jenis jahitan. Ini dibeli dalam tahun 2000an, dan masih elok semasa Dia kembali ke Rahmatullah. Sayang, apabila mesin itu diambil oleh Anakku Mufidah dan dibawa balik ke Johor, didapatinya *bobbin case* mesin ini tiada. Khabarnya, bahagian itu ditanggalkan oleh Anakku Zuhairah dan terlupa

MODEL YANG DIBELIKAN UNTUK MUFIDAH

memasangnya kembali. Maka jadilah mesin itu akhirnya gajah putih[61]. Ada tetapi tak boleh berfungsi. Kemudian, ada sebuah lagi mesin SINGER yang Isteriku dapat sebagai hadiah, iaitu Dia menang dalam peraduan melukis logo untuk mesin itu. Hakikat sebenarnya, bukan Isteriku sendiri yang melukis tetapi disuruhnya seorang Anak Saudaranya. Apa nasibnya mesin itu Aku tak berapa tahu. Mungkin tersimpan di dalam setor di rumah No: 19 Jalan Maju.

[61] Akhirnya, dalam bulan Mac 2018, Aku mengambil keputusan menderma sebuah mesin jahit kepada Anakku Mufidah, memandangkan msin yang lama itu sudah tidak dapat digunakan, walaupun *bobbin case*nya saja yang hilang. Model yang dibelikan itu ialah Singer, dibeli secara on-line dari Lazada dengan harga RM600.

MUZIK

Masih lagi menceritakan minatku. Minatku, yang boleh dikatakan kekal sepanjang masa ialah muzik. Aku lebih cenderung kepada muzik *classical, opera* dan *evergreen.* Lagu pop kurang menarik bagiku; walaupun begitu ada juga kecualinya. Minatku terhadap muzik bukan sekadar kepada lagu saja, tetapi juga kepada aspek-aspek

sejarah lagu-lagu yang masyhur, penggubahnya (*composer)* dan lain-lain selok belok tentangnya. Semasa Aku di Universiti, Aku pernah mengambil satu kursus berhubung dengan muzik, iaitu INTRODUCTION TO MUSIC dan telah memperolehi A, untuknya. Sayang kursus ini tiada kesinambungannya. Melalui Kursus ini, kefahaman dan penghargaanku kepada muzik menjadi lebih dalam. Selain muzik klasikal, aku juga pelajari tentang muzik jazz dan *Blues*.

ANTARA PENGGUBAH MUZIK KLASIK:
Barisan Atas: ANTONIO VIVALDI, JOHANN SEBASTIAN BACH, GEORGE FRIDERIC HANDEL, WOLFGANG AMADEUS MOZART, LUDWIG van BEETHOVEN;
Barisan Kedua: GIOACHINO ROSSINI, FELIX MENDELLSOHN, FREDERIC CHOPIN, RICHARD WAGNER, GIUSEPPE VERDI;
Barisan Ketiga: JOHANN STRAUSS II, JOHANNES BRAHMS, GEORGES BIZET, PYOTR ILYCH TCHAIKOVSKY, ANTONIN DVORAK;
Barisan Keempat: EDVARD GRIEG, EDWARD ELGAR, SERGEI RACHMANINOFF, GEORGE GERSCHWIN, ARAM KHACHATURIAN

Peminat muzik Klasik pasti tidak boleh lupa kepada Ludwig van Beethoven (1770-1827) Komposer bangsa Jerman. Beliau seorang genius dan mula menulis lagu sejak umur muda. Sayang, dia mula mendapat masalah pendengaran pada usia lewat 20an dan menjelang usianya 41, dia telah menjadi "pekak badak". Yang istimewanya, komposisinya yang terbaik dihasilkannya semasa dia tidak mampu mendengar langsung, antaranya *NINTH SYMPHONY* dan *MISSA SOLEMNIS.*

Daripada muzik klasikal ini terbentuk pula OPERA iaitu pementasan yang mempunyai cerita dan diselit di dalamnya nyanyian. Biasanya nyanyiannya adalah dalam bentuk *serious music.* Penyanyinya diklasifikasi mengikut suara: *baritone, tenor* dan *soprano.* Antara opera terkenal ialah *Aida* oleh Verdi, *Don Giovanni* oleh Mozart, *Otello* oleh Rossini, *Samson et Dalila* oleh Camille Saint-Saëns, *Carmen* oleh Bizet (muziknya sangat kusukai, terutama *Toreador Song* dan *Habanera*) dan *Madam Butterfly* oleh Puccini.

Di kalangan penggubah lagu klasik yang Aku sukai ialah Pyotr Ilich Tchaikovsky yang telah menggubah lagu-lagu (*score*) dalam *The Nutcracker* iaitu sebuah *BALLET* dan terdapat dalamnya lagu *Waltz of Flowers* yang sangat masyhur dan amat kusukai.



Antara penyanyi opera yang terkenal ialah Enrico Caruso (tenor),Luciano Pavarotti (tenor) dan Maria Callas (soprano). Sebuah filem tentang riwayat hidup Caruso (berjudul: *The Great Caruso*) yang dilakonkan oleh Mario Lanza menjadi *box office* dalam tahun 1951. Filem ini adalah antara filem yang sangat Aku gemari. Walaupun Aku sudah mengetahui tentang filem ini semenjak 1952, tetapi Aku hanya berpeluang menontonnya 40 tahun kemudian.

POSTER "THE GREAT CARUSO"

Bila menikmati muzik, kerapkali kita tidak ambil kisah tentang penggubahnya, padahal penggubah memainkan peranan sangat penting. Tanpa penggubah, tiadalah lagu itu.

SATU BABAK DARI CARMEN: [Dapat dilihat orkestra yang mengiringinya terletak pada bawah aras lantai supaya pandangan penonton tidak terhalang]

Di atas, ada disebutkan sedikit sebanyak tentang penggubah lagu-lagu serius barat, termasuk penggubah muzik opera. Selain mereka yang menggubah muzik serius, terdapat beberapa banyak mereka yang menggubahkan lagu-lagu *evergreen* atau malar. Lagu-lagu ciptaan mereka ini sentiasa segar-bugar hingga ke hari ini walaupun telah digubah beberapa dekad dulu. Misalnya *BESAME MUCHO* sudah melebihi 70 tahun usianya (dicipta 1940 oleh Consuelo Velázquez.), tetapi tetap diminati sebahagian peminat muzik. *SIBONEY* ciptaan Lecuona pada tahun 1929 sudah berusia 88 tahun (pada 2017). *MALAGUENA* oleh pemuzik yang sama, setahun lebih tua. *O SOLE MIO* digubah oleh Eduardo di Capua and Alfredo Mazzucchi telah dikarang 1898; terdapat versi modennya oleh penyanyi ROCK-AND-ROLL ELVIS PRESLEY, pada tahun 1960 berjudul *IT'S NOW OR NEVER.* Sebelum itu pada tahun 1949 telah wujud versi nyanyian Tony Martin, *THERE'S NO TOMORROW.*

Di kalangan pemuzik Nusantara, paling diingati ialah ISMAIL MARZUKI (1914-1958) (Indonesia) dan P. RAMLEE (Malaysia). Ismail Marzuki telah mencipta sejumlah 240 buah lagu. Antara yang terkenal ialah SELENDANG SUTERA, RAYUAN PULAU KELAPA, JANGAN DITANYA dan LAMBAIAN BUNGA. Kerana kegigihannya, Taman Budaya di Jakarta dipanggil TAMAN ISMAIL MARZUKI atau TIM telah didirikan oleh Pemerintah pada tahun 1968. Antara gelaran untuk beliau ialah SENIMAN AGUNG INDONESIA dan yang rasminya ialah WIRA NASIONAL INDONESIA.

Di Malaysia, siapa tak kenal P. RAMLEE? Panggilan SENIMAN AGUNG kepadanya lebih meluas maksudnya daripada panggilan yang sama buat Ismail Marzuki. Ismail Marzuki hanya mencipta lagu, manakala kegiatan P.Ramlee meliputi muzik dan filem. P. Ramlee menggubah lagu, menyanyi dan bermain alat muzik serta dia berlakon, mengarah dan menerbit filem (kecil-kecilan). P. Ramlee terlibat dalam lebih daripada 60 buah filem (berlakon, mengarah dan menerbit) dan filem-flemnya adala kegemaran ramai, sepanjang masa. P.Ramlee sudah 44 tahun kembali, tetapi karya-karyanya -muzik dan filem- masih ditayang di saluran TV, dari semasa ke semasa. Jumlah lagu ciptaan P. Ramlee ialah 349 (seratus lebih daripada Ismail Marzuki). Antara lagu-lagunya yang kugemari ialah: ALUNAN BIOLA, AIR MATA DI KUALA LUMPUR, BULAN DAN JUGA ANGIN, DI MANAKAN KUCARI GANTI, GETARAN JIWA, HAMIDAH, JANGAN TINGGAL DAKU, JERITAN BATINKU, KERONCONG KUALA LUMPOR, PUTUS SUDAH KASIH SAYANG dan UDA DAN DARA,

Memang, bila bercakap tentang muzik Aku mudah terbawa-bawa bercakap panjang, kerana "*music is my passion*". Hanya, kekuranganku ialah Aku tidak boleh menyanyi atau bermain alat muzik, namun kemampuan apresiasiku amat tinggi.

PERUBATAN

Satu lagi bidang minatku yang elok juga kusebutkan ialah perubatan. Pernah Aku berangan-angan hendak menjadi doktor semasa kanak-kanak dulu, tetapi sekadar tinggal angan-angan. Setelah berada di sekolah menengah, Aku pun beransur-ansur sedar yang kemampuan otakku tidak akan sampai ke tahap menjadi doktor. Tambahan pula, semasa di Tingkatan 4, Aku telah memilih aliran sastera, maka tamatlah angan-angan dan cita-cita manjadi doktor itu. Namun, minat tentang selok-belok perubatan dan kesihatan masih ada pada diriku[62].

Telah Aku sebut terdahulu tentang manuskrip peninggalan moyangku (Ahmad bin Abdullah). Satu bahagian daripada manuskrip itu ialah tentang perubatan dan perbomohan.Melayu.

[62] Alhamdulillah, cucu sulungku, Muhammad Muzakkir Bin Zul Wizaratain telah berjaya memenuhi cita-citaku ini secara *vicariously.*

30. AKU DAN INTERNET

Ada aku sentuh di atas tentang minatku terhadap laman sesawang.

Minatku dalam hal laman sesawang adalah 2 hala. Aku minat meneroka laman sesawang, kerana pelbagai jenis ilmu pengetahuan terdapat di sana. Seolah-olah beberapa banyak perpustakaan terbuka pintunya bagi mereka yang tahu menggunakan *WORLD WIDE WEB.* Taip saja perkara yang hendak dibuat carian itu, serta-merta bahannya tiba di kaca monitor komputer kita. Seakan-akan tidak dapat dipercayai maklumat tentang hampir-hampir apa saja itu, bukan saja dapat diperolehi, tetapi dapat diperolehi dengan sangat mudah dan pantas pula.

Misalnya, *THE BOOK OF A THOUSAND NIGHTS AND A NIGHT* (HIKAYAT SERIBU SATU MALAM) terjemahan oleh Sir Richard Burton daripada الف ليله وليله yang terdapat dalam 17 jilid itu. Dua puluh empat tahun dahulu (1993), semasa Aku menghabiskan cuti sabatikal selama 5 bulan di University of Wisconsin-Madison, Aku telah berusaha mengesan Hikayat tersebut. Begitu tinggi nilai buku-buku ini, ia disimpan di Perpustakaan Memorial Library Universiti itu, di bahagian *Rare Books*. Kerana minatku, berapa banyak wang telah kugunakan untuk membuat salinan buku-buku itu. Terperanjat Aku dalam tahun 2000 buku-buku tersebut dapat Aku akses sebegitu mudah dengan menaip namanya sahaja di komputer dan dalam sekelip mata keseluruhan 17 jilid terpampang di hadapanku. diperolehi PERCUMA saja olehku.



THE BOOK OF THE THOUSAND NIGHTS AND A NIGHT

Sesuatu yang menarik tentang Sir Richard Burton, penterjemah *THE BOOK OF A THOUSAND NIGHTS AND NIGHT* ialah kegigihannya dalam menterjemah 17 jilid Hikayat ini berjumlah beribu halaman, tetapi Burton tetap cekal. Peribadinya sangat menarik: dia dapat menguasai banyak bahasa, antaranya Arab dan bahasa-bahasa di Benua Kecil India, antaranya Sanskrit dan Hindustani. Satu perkara yang dianggap sangat berani dilakukannya ialah melawat Makkah dan Madinah (yang terlarang bagi orang bukan Islam) dalam tahun 1853. Sebelum bertolak ke sana, pertama-tama dia berkhatan (bukan kerana hendak menjadi Islam, tetapi untuk meyakinkan sesiapa yang mengsyakinya nanti) dan kemudiannya

tinggal untuk beberapa lama di kalangan orang Badwi, supaya dapat membaiki sebutan bahasa Arabnya – yang memang sudah bagus itu – dan meniru selok-belok kebiasaan orang Badwi. Dia menyamar diri sebagai Al-Haj Abdullah.

SIR RICHARD BURTON BERPAKAIAN ARAB

Sambil itu Aku juga sangat meminati pembangunan laman sesawang. Sejak mempelajari *html* semasa di UUM dulu sudah berapa buah laman sesawang yang Aku bangunkan. Sayang, ada yang ghaib begitu saja dengan tiba-tiba. Misalnya sebuah laman sesawangku di AngelCities yang lenyap itu ialah THE BUSTAN OF AMIR HAMZAH. Laman sesawang ini Aku bangunkan atas saranan seorang Profesor di Columbia University, AS, bernama Francis W. Pritchett, yang mengajar sastera Urdu dan salah-satu hikayat yang dikaji dalam kursusnya itu ialah THE DASTAN OF AMIR HAMZAH. (Ini urlnya: http://www.columbia.edu/itc/mealac/pritchett/00litlinks/hamzah/index.html)

Aku terjemahkan satu episod dari HIKAYAT AMIR HAMZAH dari bahasa Melayu ke Inggeris untuk laman sesawang itu.[63]

Aku juga telah membangunkan beberapa laman sesawang untuk orang lain. Laman sesawang yang Aku bangunkan untuk SMA Daeratul Ma'arifil Wataniah juga sudah mati tidak berkubur.

Laman sesawangku – dan yang Aku tolong bangunkan - yang masih hidup ialah:

1. http://members.tripod.com/tok_guru
2. https://sites.google.com/site/pesakaibnabdillah/
3. https://sites.google.com/site/yunusikelantani/
4. https://sites.google.com/site/0361544/
5. https://sites.google.com/site/aakashatrave[64]
6. https://sites.google.com/site/aakashatnt/[65]

[63] Sayang, usahaku menjadi sia-sia kerana Laman Web ini telah menghentikan perkhidmatannya.
[64] Laman Web ini kubangunkan untuk Akasha Travel & Tours, Sdn. Bhd.
[65] Laman Web ini pun kubangunkan untuk Akasha Travel & Tours, Sdn. Bhd.

31. PERPISAHAN DENGAN ORANG YANG TERSAYANG

25 Ogos 2016 (bersamaan 22 Dzulkaedah 1437) hari Khamis, adalah tarikh yang tidak akan luput dari ingatanku. Pada tarikh tersebut orang yang tersayang telah pergi meninggalkan Aku, pergi yang tidak kembali lagi, kerana menyahut Panggilan Ilahi.

Seperti yang telah dikisahkan di tempat lain dalam OTOBIOGRAFI ini, pemergiannya amat mengejut. Kurang daripada 24 jam Dia dimasukkan ke Hospital Kepala Batas, Aishah telah menghembuskan nafas terakhirnya**.** **انا لله وانا اليه راجعون**

RUMAHKU DI KG. TOK BEDU

Beberapa hari selepas pemergiannya, Anak-Cucu masih berkumpul di rumah lama kami iaitu di Taman Haji Abdullah Fahim, Kepala Batas. Mufidah, Anak kedua dan keluarganya masih belum pulang ke Johor Baharu. Anak-anak lainnya, Zul, Zuhairah dan Munajat, yang kesemuanya tinggal berdekatan (Zul di Kg. Tersusun Tok Bedu, Tasek Gelugor, Zuhairah di Bandar Perda, Bukit Mertajam dan Munajat di Bertam) hampir-hampir setiap hari datang ke rumah, membantu meramaikan suasana dan mencuba mententeramkan Aku. Aku sendiri, walaupun sedih, tetap pasrah dengan kehendak Allah dan mencari ketenangan di tikar sembahyang.

Alhamdulillah, masa bergerak pantas, *tempus fugit* atau *time flies*.

Keputusan yang diambil oleh Anak-anakku ialah Zul, anak sulungku, anak membina sebuah rumah khas untukku berdekatan rumahnya sendiri. Sebab perlu dibina rumah lain ialah kerana rumah Zul tidak mesra kerosi roda. Lantainya tinggi-rendah dan bilik airnya tidak dapat dimasuki dengan kerusi roda.

Kebetulan telah ada tempatnya, kerana Zul telah membeli tanah lot kosong yang bersebelahan tanahnya itu. Maka didirikanlah sebuah rumah kecil untukku yang

selalu aku timang-timangkan sebagai “Rumah Sekangkang Kera”[66]. Rumah ini berciri mesra kerusi roda; lantainya sekata, tiada bahagian yang lebih tinggi atau lebih rendah. Bilik airnya dapat dimasuki dengan kerusi roda.

Pembinaan mengambil masa kira-kira 4 bulan. Akhirnya pada 2 Januari 2017, Aku pun berpindah ke rumah baru ini. Adalah perasaan sedikit sayu meninggalkan rumah 19, Jalan Maju, Taman Haji Abdullah Fahim. Dalam perancangan Anak-anak rumah ini akan dijadikan Rumah Inapan (Home Stay). Semua berpendapat ini lebih baik dari menyewakannya secara jangka panjang.

Namun selepas setahun kematian isteriku belum dibuat apa-apa lagi. Aku bimbang kalau-kalau rumah ini menjadi rosak begitu sahaja. Aku hanya mampu mengeluh dan menyuarakan, tetapi tidak mampu beraksi, sifatku sebagai OKU[67].

[66] Pada 2019, satu bilik lagi dan sebuah bilik air telah ditambah kepada rumah ini dengan belanja RM25,000.

[67] Alhamdulillah! Tahun 2018 Anakanda Zuhairah telah tampil mempelawa diri menguruskan rumah tersebut. Dia telah belanjakan sekitar RM50,000 untuk *renovation.*

31. ADIK-ADIKKU

Aku sulung dalam keluargaku. Adik-adikku seramai 5 orang: Jemilah (lahir 1944), Hussin (lahir 1947), Abdul Halim (lahir 1950), Fauziah (lahir 1953) dan Hasnah (lahir 1956). Sesuatu yang menarik ialah jarak kami dilahirkan ialah 3 tahun, seolah-olah "dirancang".

Semasa Otobiografi ini ditulis (2016-2017), 3 orang Adik-adikku telah kembali ke Rahmatullah. Abdul Halim terdahulu (1984) akibat dilanggar motosikal sedang dia berjalan ke tempat kerjanya, diikuti Hussin (2016) dan Fauziah (2017) akibat *colonic cancer* .Hussin meninggal akibat kanser usus. Doktor tidak dapat melakukan pembedahan terhadapnya kerana dia mempunyai masalah pernafasan; paru-parunya telah rosak akibat penyakit *bronchiectasis*, yang dideritainya sejak zaman kanak-kanaknya lagi. Fauziah pula dikesan kansernya agak lewat, iaitu setelah penyakit itu berada pada tahap *advanced*. Dia enggan menjalani kimoterapi yang diperintah oleh doktor dan hanya mencari rawatan tradisonal, yang nyatalah kurang berkesan.

JEMILAH & ABANG SALEH

Adikku Jemilah mempunyai riwayat hidup yang menarik juga. Nasibnya kurang baik kerana dia menjadi *guinea pig* dalam eksperimen kerajaan untuk membolehkan kanak-kanak dari Sekolah Melayu menyambung pengajian mereka ke tahap Sekolah Menengah. Belum ada kelas menengah Pengantar Melayu dan belum ada *Remove Class* lagi (*Remove Class* ialah kelas "jambatan" selama setahun, dalam mana kanak-kanak yang tamat Darjah 6 di Sekolah Melayu/Kebangsaan diberi pelajaran bahasa Inggeris secara intensif, sebelum dinaikkan ke Tingkatan 1).

Setelah tamat Darjah 6 pada tahun 1956, Dia mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke Tingkatan 1 dan telah ditempatkan di Sekolah Menengah Convent, Bukit Mertajam. Mengikut kisahnya, Jemilah mengalami kepayahan mengikuti pembelajarannya, kerana masalah Bahasa Pengantar. Semasa di Sekolah Melayu Dia langsung tidak diajar bahasa Inggeris. Guru-guru di Convent tidak memahami situasi sebenar, kerana disangka oleh mereka Jemilah telah belajar bahasa Inggeris semasa

di Sekolah Melayu dulu. Memang ada Sekolah Melayu yang murid-muridnya telah diajar bahasa Inggeris, tetapi tidak semua. Maka, menjadi fobialah kepada Adikku bila disuruh baca dari buku teks bahasa Inggeris.Mengikutnya, dia menangis saja bila disuruh baca. Beberapa bulan di Sekolah Convent, Dia telah diarahkan berpindah ke Sekolah Convent Light Street, Pulau Pinang. Tujuan dipindahkan ke situ ialah supaya semua murid-murid perempuan dari Sekolah Melayu yang dapat belajar di Tingkatan 1 yang kini berada di Sekolah Convent Bukit Mertajam, Sekolah Anglo-Chinese School Nibong Tebal dan Sekolah St. George's Balik Pulau, dapat diletakkan dalam satu kelas untuk memudahkan mereka sama-sama diajar bahasa Inggeris. Setelah pindah ke Sekolah Convent Light Street, Jemilah terpaksa ditumpangkan di rumah seorang saudara Ayahku -Wa Mah- di Bagan Luar. Setiap hari sekolah Jemilah berulang-alik ke sekolah dengan menaiki feri. Malangnya, Jemilah tidak dapat mengikuti pelajaran disebabkan bahasa Inggerisnya yang lemah; disamping itu Ayahku juga berasa keperitan menaggung belanja pengajiannya dan belanja menumpang di rumah Wa Mah. Pada masa itu Aku dalam Tingkatan 4 di High School Bukit Mertajam. Akhirnya Jemilah tercicir selepas beberapa bulan belajar.

Jemilah kemudiannya terpilih untuk mengajar agama di Madrasah Ittihadiyah al-Wataniah, sebuah Sekolah Agama Rakyat di Kampung Cherok Tok Kun, untuk kanak-kanak kampung itu mempelajari fardhu 'ain. Selepas beberapa tahun Jemilah telah memohon mengikuti kursus Perbidanan Anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia. Nasibnya baik dia dipilih, walaupun tanpa pengetahuan bahasa Inggeris. Kawan-kawanya yang lain semuanya ada sedikit sebanyak pengetahuan bahasa itu. Tamat latihan Jemilih dilantik menjadi bidan luar bandar dan berkhidmat di beberapa Kelinik Kesihatan. Selepas beberapa tahun berkhidmat di luar bandar Jemilah memohon untuk berkhidmat di hospital dan diterima bertugas di Hospital Butterworth hingga bersara pada usia 55 tahun.

Adikku Hussin sebenarnya seorang kanak-kanak yang pintar. Semasa Dia dalam Darjah 4 ada rakan sedarjahnya yang ibu-bapa mereka memohon untuk bertukar ke sekolah Inggeris. Antara kanak-kanak itu ialah Anwar Ibrahim (kemudiannya Dato' Seri), yang kemudiannya ditakdirkan menjadi politikus kontroversial di Malaysia dalam tahun-tahun 1990an. Pada masa itu (1957) Aku di Tingkatan 4 di High School Bukit Mertajam dan Ayahku keberatan membenarkan Hussin bertukar ke Sekolah Inggeris, kerana memikirkan akan terpaksa menanggung bebanan seorang lagi anak di sekolah yang memerlukan perbelanjaan besar, yakni Sekolah Inggeris. Hussin cuba bertindak sendiri dengan cara "mencuri" Sijil Beranak dari dalam simpanan dan membawanya ke sekolah untuk didaftarkan namanya ke dalam senarai Peperiksaan Percubaan ke *Special Malay Class*. Bila Ayahku dapat tahu, dia membatalkan pendaftaran Hussin.

Terpaksalah Hussin meneruskan pembelajarannya di Sekolah Kebangsaan hingga ke Darjah 6. Dia telah lulus Peperiksaan Masuk ke Sekolah Menengah (*Malayan Secondary School Entrance Examination).* Pada masa itu, mengikut perakuan Penyata Razak 1956, hanya 30% kanak-kanak dari Sekolah Rendah dibenarkan menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah dan perkara ini ditentukan dengan Peperiksaan Masuk ke Sekolah Menengah. (Peperiksaan ini telah dibatalkan mulai tahun 1964). Hussin masuk ke High School Bukit Mertajam dalam Tingkatan Peralihan (*Remove Class*).

HUSSIN

Hussin murid yang pintar tetapi Dia jenis yang *happy go lucky*. Dia kurang memberi tumpuan kepada pelajarannya, tetapi kerana kepintarannya selalu lulus dengan markah yang baik. Aku yang prihatin dengan gelagatnya pernah mencabarnya semasa dia akan menduduki peperiksaan *Lower Certificate of Education* pada tahun 1964 dengan kataku, "Kalau hang *pass* periksa hang, Aku berani kerat jari". Ternyata salah dugaanku, kerana Hussin bukan saja lulus, tetapi Dia lulus dengan baik sehingga telah ditawarkan ke Tingkatan 4 di Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) di Tanjong Malim. Sekolah ini satu daripada daripada 2 buah Sekolah Berasrama Penuh yang menampung pendidikan pelajar-pelajar lelaki yang terbaik dari Sekolah Kebangsaan; yang sebuah lagi ialah Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh.

Hussin tetap dengan sifat *happy go lucky* yang diamalkannya. Berita yang Aku terima ialah dia siang malam asyik dengan kamera. Dia bersahabat dengan Haris, Jurugambar Tak Rasmi MPSI yang banyak merakam peristiwa-peristiwa yang berlaku di MPSI dalam tahun-tahun 1960an.

Seperkara yang patut Aku sebut tentang Hussin ialah dia menderita penyakit radang saluran pernafasan atau *bronchiectasis*, sejak usia 4 atau 5 tahun. Gejalanya ialah dia kerap demam dan batuk-batuk. Semasa Peperiksaan Kesihatan sebelum ke SDAR, dia hampir-hampir tidak lulus tetapi Doktor yang bersimpati dengannya telah memberi status lulus bagi Peperiksaan Kesihatannya. Semasa Hussin di Tingkatan 5 dia telah terpaksa dimasukkan ke Wad Hospital Tanjong Malim selama tiga bulan. Walaupun pembelajarannya terganggu Hussin lulus juga Peperiksaan *Cambridge School Certificate* dengan Pangkat 3. Pihak Sekolah telah memperakukan supaya dia dibenarkan mengulang Peperiksaan *Cambridge School Certificate*. Hussin pula berazam *tidak* hendak mengulang lalu menyembunyi surat tawaran itu. Surat tersebut telah dijumpai oleh Emakku. Emakku telah bergegas ke Mahang untuk memberitahuku tentang perkara tersebut. Atas nasihatku, Hussin akhirnya akur, lalu balik semula ke SDAR. Malangnya, Hussin telah mensesiakan peluang yang diberikan

kepadanya. Dia bukan membaiki prestasi peperiksaannya, sebaliknya telah gagal dalam Peperiksaan *Cambridge School Certificate* yang kedua kalinya ini. Alangkah kecewanya kami sekeluarga.

Hussin cuba memohon beberapa pekerjaan, malangnya semuanya tidak berjaya. Semasa temuduga untuk guru, Dia tengah demam, tetapi digagahinya juga menghadiri temuduga. Malangnya Dia gagal. Beberapa tahun kemudian, setelah Dia berumahtangga Dia berjaya mendapat kerja, tetapi sayangnya bukan yang dapat dibanggakan. Kerjanya ialah sebagai pemandu-merangkap jurujual Guinness Stout. Apa boleh buat, anak bini terpaksa diberi makan dan belanja persekolahan anak-anak perlu ditanggung. Moga-moga Allah mengasihaninya.

Namun, sebagai ahli keluarga Aku tetaplah bersimpati dengannya.

Hussin – dukacita Aku menyebutnya - tidak berapa bertanggungjawab orangnya. Dalam keadaan hidupnya yang tidak begitu senang itu, dia telah berkahwin isteri kedua. Akhirnya, isteri pertama, Salmiah diceraikan setelah mendapat seorang anak perempuan. Anaknya ini, Tutty Ilyana nyatalah memiliki kebagusan otak Ayahnya.

MALIK HO & TUTTY ILYANA

Tutty mendapat peluang melanjutkan pengajian ke Amerika dalam bidang elektronik dan kemudiannya dapat pekerjaan di INTEL. Sekejap saja Dia di INTEL lalu mendapat tajaan Kerajaan belajar pada tahap Master di Amerika. Di sana dia berkenalan dan akhirnya berkahwin dengan Michael Ho yang kemudiannya memakai nama Islam, Malik Ho. Mereka kini tingga di Torrence, California. Pada masa ini (2017) mereka mempunyai 2 orang anak perempuan.

Walaupun sentiasa sakit Hussin dapat bertahan. Dia meninggal pada umur melebihi 60 tahun, akibat kanser usus. Pembedahan tidak dapat dilakukan kerana paru-parunya rosak menjadikan Dia tidak dapat dibius dengan selamat.

Adikku Halim adalah ujian Allah terhadap kami. Dia dilahirkan sempurna dari segi fizikal, tetapi setelah membesar nyatalah dia seorang lembam. Pada masa itu kemasukan ke Sekolah Menengah adalah melalui Peperiksaan Masuk Ke Sekolah-sekolah Menengah (*Malayan Secondary Schools Entrance Examination*). Maka Halim terkandas dalam Peperiksaan itu.

Ayahku sangat dukacita bila ada anaknya yang terkandas pengajian. Halim dimasukkan ke Sekolah Lanjutan Kampung, di Telok Ayer Tawar. Sekolah kategori ini memberi pendidikan berteraskan kemahiran hidup. Kursusnya selama 3 tahun dan tidak apa-apa peperiksaan pentauliahan di akhir pengajiannya. Matlamat asal sekolah ini ialah untuk menampung kanak-kanak yang tidak dapat masuk ke Sekolah Menengah supaya umur berhenti sekolah mereka dilanjutkan ke 15 tahun. Sekolah ini tidak popular dengan ibu-bapa kerana ketiadaan persijilannya, lalu mati tidak berkubur. Kesinambungan sekolah ini kemudiannya ialah Sekolah Menengah Vokasional (SMV). Pada masa itu status SMV tidak sama seperti SMV kemudiannya. Ia dianggap *inferior* daripada Sekolah Menengah Akademik yang biasa.

Setelah tamat pengajian di Sekolah Lanjutan Kampung, Halim mula-mula mencuba mencari sara hidup dengan menjual aiskrim. Kemudiannya dia bekerja di sebuah kilang membuat perkakasan rotan. Akhirnya, Dia menjadi buruh di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Dalam tahun 1984, hanya beberapa minggu selepas kematian Ayahandaku, Halim telah dilanggar oleh motosikal semasa hendak pergi ke tempat kerjanya dan meninggal dunia tanpa sedar dari pengsannya. Usianya pada masa itu 34 tahun. Inna Lillah wa inna Ilaihi rajiun.

Adikku Fauziah (nama dalam Sijil Lahirnya Pauzi) bersekolah di Sekolah Menengah Convent, Bukit Mertajam setelah tamat Darjah 6 di Sekolah Kebangsaan Cherok Tok Kun. Walaupun lulus Peperiksaan *Lower Certificate of Education,* Dia gagal naik ke Tingkatan 4 atas sebab kelulusannya tidak memenuhi syarat kombinasi mata pelajarannya (mata pelajaran Sains dan non-Sains). Maka Fauziah terpaksa menyambung pengajiannya dalam Tingkatan 4 di sebuah Sekolah Swasta di Alor Setar. Alor Setar menjadi pilihan kerana pada masa itu Aku tinggal di Alor Setar dan bertugas di Maktab Mahmud.

FAUZIAH

Akhirnya Fauziah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dan berjaya mendapat jawatan Penterjemah di Bilik Berita Radio dan Televison Malaysia (RTM) di Petaling Jaya. Dia kemudian bertemu jodoh dengan Hawari Muhd. Noh, seorang Jurutera di Malaysia Airlines System (MAS). Lepas kahwin dia meletakkan jawatan dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Mereka bermastautin di Subang Jaya. Seorang anak Fauziah, Najihah, berjaya sebagai doktor perubatan. Fauziah kembali ke Rahmatullah pada tahun 2016.

Adikku Hasnah, Adik Bongsuku, bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mertajam, setelah tamat Darjah 6 di SK Juara, Cherok Tok Kun. Setelah lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, dia bekerja sebagai Juru Bahasa di beberapa

buah Mahkamah Majisteret, termasuk di Mahkamah Butterworth dan kemudiannya di Alor Setar. Dia kemudiannya lulus Sijil Tinggi Persekolahan dan dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Buruh di Kulim dan kemudiannya di Butterworth. Sambil itu Dia belajar secara Jarak Jauh di Institut Teknologi MARA (kini UiTM) dalam bidang Undang-undang dan berjaya mendapat Ijazahnya beberapa tahun sebelum bersara. Aku kagum dengan pencapaiannya itu. Setelah bersara, Hasnah bekerja semula sebagai Senior Assistant Manager Pos Malaysia dan kemudiannya Consultant di Malaysia Employers Federation. Hasnah berkahwin dua kali tetapi tidak mendapat anak. Dia memelihara seorang Anak Saudara (anak Hussin) bernama Idzwan.

HASNAH

Sesuatu yang malang bagi Hasnah ialah dia mengidap penyakit lelah (*asthma*) yang teruk. Semasa bekerja dia terpaksa bercuti sakit dengan kerap. Semasa dia menjadi Senior Assistant Manager Pos Malaysia penyakitnya menjadi amat serius sehingga dia terpaksa berhenti kerja. Tidak pula Aku ketahui bagaimana kedudukannya sebagai Consultant di Malaysia Employers Federation

Hasnah berkahwin agak lewat pada usia hampir 40.Malangnya perkahwinannya yang pertama tidak bertahan lama. Hasnah kemudiannya berkahwin dengan Abdullah Madon, seorang anggota Polis bersara. Mereka kini tinggal di Lembah Kelang.

32. PERSONALITI YANG ISTIMEWA

Antara kenalanku ada seorang yang sangat istimewa dan kerana keistimewaannya itu layak sekali Dia mendapat tempat dalam Otobiografiku ini.

Namanya Abdul Hamid Bin Abdul Kadir. Dia sebenarnya mantan muridku. Aku mengajarnya pada tahun 1965 di SK Mahang, dalam Darjah 6. Pada tahun 1970 Aku bertukar ke Maktab Mahmud di Alor Setar. Rupa-rupanya Hamid berada dalam Tingkatan 3 di Maktab Mahmud dan sedang membuat persediaan untuk berpindah ke Kolej Islam Kelang kerana menerima tawaran ke Kelas Sains (Tingkatan 4) di sana.

Tamat pengajiannya pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, dia telah minta menyambung pengajiannya dalam Tingkatan 6 di S/M Khir Johari, Sg. Petani, Kedah. Hamid kemudian memohon masuk Maktab Perguruan. Aku telah berjumpanya kembali semasa dia mengajar di S/M Khir Johari dan Aku bertugas di Universiti Sains Malaysia. Aku diminta memberi ceramah tentang "Komputer" bersama dengan Dr. Sarif Jab, yang kebetulan adalah rakan sekelas Hamid semasa di Darjah 6 di SK Mahang dahulu dan pada masa itu bertugas sebagai Pensyarah di Pusat Pengajian Kimia, USM, setelah memperolehi Ijazah Kedoktoran dari University of Strathclyde, Glasgow, Scotland. Hamid mula-mulanya berminat "mengikut jejak-langkahku" iaitu menyambung pelajaran ke universiti, tetapi akhirnya membatalkan niatnya yang itu dan mengubah haluannya untuk menjadi seorang usahawan. Dia meletak jawatannya sebagai guru dan menjadi kontraktor elektrik. Kemudiannya, dia membuka AAKASHA TRAVEL & TOURS dengan 2 pejabat, sebuah di Putra Jaya dan sebuah lagi di Sungai Petani.

Dia berjaya dalam agensi pengembaraannya ini dan memberhentikan kerja kontraktor elektriknya. Sehingga saat Otobiografi ini ditulis, dia masih berjaya dengan agensi pengembaraannya itu. Dia dibantu oleh isteri dan anaknya mengendalikan agensi pengembaraannya itu. Kerapkali Hamid sendiri yang memimpin tournya. Banyak yang menyatakan berpuashati dengan cara dia mengendalikan pengembaraannya itu. Aku sendiri pernah mengikuti pengembaraannya iaitu ke Tanah Suci, Makkah dan Madinah, merangkap lawatan ke Kairo dan Iskandariah, Mesir. Aku memberi testimoni yang Aku berpuashati dengan layanannya.

Apa yang membuat Hamid istimewa ialah "human relations" yang diamalkan olehnya. Dia sangat menghargai persahabatan dan memelihara silaturrahim. Dalam kes Aku, walaupun Aku hanya mengajarnya selama setahun dalam tahun 1965, namun ingatannya kepadaku berterusan hingga setengah abad kemudian. Boleh dikatakan di mana Aku berada Hamid akan menziarahiku. Dia pernah menziarah Aku

di Pokok Sena (tempat keluargaku tinggal semasa Aku menuntut di Universiti), di Alor Setar, di Sintok (semasa Aku bertugas di UUM), di Kepala Batas dan di Kampong Tok Bedu, Tasek Gelugor, setelah Aku berpindah ke sini selepas kematian Isteriku.

ABDUL HAMID KADIR

Sesuatu yang Aku tidak lupa ialah ziarahnya semasa Aku tinggal di Wad Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian, Kelantan, dalam tahun 2004. Selepas pembedahan tulang belakang yang kurang berjaya (yang membuat Aku menjadi OKU) Aku tinggal di wad selamat hampir 5 bulan. Kerana jauhnya Kelantan maka amatlah kurang mereka yang menziarahi Aku, sekadar kenalan dan kaum keluarga yang berada di Kelantan dan seorang dua yang lain. Namun, Hamid, pada suatu hari telah muncul di tepi katilku. Amatlah terperanjatnya Aku dia sanggup datang dari Sungai Petani yang jarak kira-kira 400 kilometer itu. Kemudian, semasa mengucapkan selamat tinggal dia telah menghulurkan sejumlah wang ke dalam tanganku. Alangkah terujanya Aku mendapati 10 keping not 100 ringgit. Bila Aku menaliponnya katanya memang datangnya ke Kelantan dari Sungai Petani itu, hasratnya hendak menyampaikan pemberian RM1000 itu. Di masa lain dia pernah menawar untuk membawa Aku ke India dengan percuma, apabila Aku pernah mengatakan minatku untuk menyaksikan Taj Mahal. Tawaran ini Aku sendiri yang tolak kerana Aku kira amat tidak kena Aku melangkah ke India yang letaknya beribu kilometer dari Malaysia, padahal Aku telah menguzurkan diriku ke Masjid dan surau. Juga Aku tidak sanggup menghadirkan diriku ke Kuala Lumpur pada masa kematian Adikku Husin dan Adikku Fauziah. Hamid dengan berat telah menerima penarikan diriku itu.

Sebelum itu, Hamid juga pernah menawarkan diri untuk membawa Aku berubat di India melaui kaedah Ayurveda. Dia setuju menampung sebahagian daripada perbelanjaanku. Walau bagaimanapun pelawaannya itu akhirnya Aku tolak.

Dalam memelihara silaturrahim dengan kawan-kawan dan kenalannya, Hamid, antara lainnya:

. menjemput mantan guru-gurunya dan rakan-rakan sekelasnya di SK Mahang ke kenduri korbannya pada tahun 2002. Beberapa orang mantan guru SK Mahang dan sebahagian rakan sekelasnya telah hadir.

. mewujudkan “whatsapp” untuk kumpulan SKM (Sekolah Kebangsaan Mahang); ternyata whatsapp ini mendapat sambutan;

. membantu mewujudkan “whatsapp” untuk kumpulan MM70an (Maktab Mahmud 70an); ternyata ianya mendapat sambutan;

. menaja penubuhan Alumni MM70an (Alumni Maktab Mahmud 70an); ternyata ianya berjaya mengambil tempat alumni sebelumnya yang telah berkubur;

. menaja Koperasi MM; alhamdulillah sudah mula tertubuh dan sedang menunggu saat yang baik untuk dilancarkan Kedai Koperasinya.

. terakhir, ternampak tanda-tanda awal akan ada perjumpaan rakan-rakan kelas 1965 di SK Mahang.

Hamid juga bergerak dengan aktif di dalam pergerakan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di peringkat Sungai Petani dan telah berjaya menarik beberapa orang non-Muslim untuk memeluk Islam.

Selain itu, Hamid juga giat menguruskan korban di daerah yang penduduk Islamnya berkeadaan dha’if, seperti di Kemboja dan Acheh, di mana peristiwa Tsunami 2004 telah meninggalkan beberapa banyak anak-anak yatim dan yang melarat hidupnya.

Demikianlah halnya dengan personaliti istimewa ABDUL HAMID BIN ABDUL KADIR ini. Setiap masa Dia memikirkan bagaimana mendekatkan jarak rakan-rakan sedarjah, rakan-rakan sepersekolahan dan guru-guru yang pernah mengajarnya. Mudah-mudahan Allah memudahkan usaha-usahanya yang murni ini. Amin.

<<<0>>>

ALHAMDULILLAH !

Selesai menyalin kembali

sambil merombak formatnya

supaya akur dengan keperluan percetakan dan penjilidan.

Bertarikh 29 November 2019

bersamaan 2 Rabi’ul Akhir 1441

hari Jumaat, jam 10.30 malam.

Amiin, ya Rabb al-Alamiin.